PEMBANGUNAN DAN MASALAH SOSIAL

KUMPULAN RENCANA
DEWAN MASYARAKAT 1963-1972

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

MEMORIAL TUN ABDUL RAZAK,
PERPUSTAKAAN
PTR
27/12/84
MALAYSIA.

PEMBANGUNAN DAN MASALAH SOSIAL

Access No: 4445 73 39/85

Class. No:

Case No:
Process No:

PEMBANGUNAN DAN MASALAH SOSIAL

Kumpulan Rencana Pilihan Dewan Masyarakat
1963–1972

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
1979

Siri Pengetahuan Umum DBP Bil. 48

Cetakan Pertama 1977
Cetakan Kedua 1979
© Hakcipta Dewan Bahasa dan Pustaka 1977

rencana kulit

Unit Rekabentuk DBP

dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
$6.00

PENDAHULUAN

Dua puluh lapan karangan yang terkandung dalam buku ini adalah hasil pilihan daripada karangan-karangan mengenai masalah sosial yang tersiar dalam *Dewan Masyarakat* selama 10 tahun (1963-1972). Semua sekali terdapat 784 karangan yang tersiar dalam 112 keluaran *Dewan Masyarakat*. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 97 karangan telah dipilih hasil daripada bacaan pertama. Dan setelah melalui beberapa tapisan lagi hanya 28 karangan yang didapati baik dan sesuai untuk dibukukan.

Usaha pertama untuk memilih karangan-karangan ini dilakukan oleh Sdr. Shamsul Amri, semasa beliau bertugas sebagai pekerja sementara di bawah pengawasan Sdr. M. Noor Azam. Usaha selanjutnya diteruskan oleh Sdr. Mohamad Jajuli Haji Abd. Rahman. Sdr. Mohd. Fauzi Haji Yaakub dari Jabatan Sosiologi dan Antropologi, Universiti Malaya, telah pula bermurah hati memberikan nasihat tentang bagaimana penyusunannya harus dilakukan. Beliau juga telah menuliskan suatu Kata Pengantar yang agak panjang.

Beberapa pindaan dan tambahan telah dibuat kepada karangan-karangan tertentu oleh penulisnya, supaya ia menjadi lebih lengkap dan kemaskini. Dalam pada itu beberapa data dan carta yang terdapat dalam karangan asalnya sengaja tidak dibuat pindaan atau dikemaskinikan supaya para pembaca dapat mengetahui keadaan sebenarnya pada masa karangan itu ditulis, dan juga supaya dapat dibuat perbandingan dengan keadaan sekarang.

Bagaimanapun, pada keseluruhannya masalah-masalah sosial yang dibicarakan dalam kumpulan karangan ini masih releven dengan keadaan sekarang. Kami percaya buku ini cukup penting bagi para ahli sosiologi, para pelajar menengah dan tinggi dan juga masyarakat pembaca umumnya termasuk para pemimpin organisasi sosial dan politik.

HAJI HASSAN AHMAD
KETUA PENGARAH

PENGANTAR

Usaha untuk membangunkan negara bagi negara-negara Dunia Ketiga bukan semata-mata merupakan satu usaha untuk menyelesaikan, atau paling tidak, mengurangkan masalah-masalah yang sudah pun wujud, tetapi juga merupakan jangkaan kepada masalah-masalah yang akan timbul dan dengan itu perencanaan akan strategi untuk menghadapinya dapat diadakan. Soal ini akan dijelaskan dalam konteks usaha pembangunan di Malaysia dalam sifatnya sebagai salah satu daripada negara-negara Dunia Ketiga dengan mengambil contoh apa yang berlaku bersama-sama dengan proses industrialisasi yang nampaknya merupakan satu usaha yang diberi perhatian yang amat besar oleh pemerintah dewasa ini.

Banyak dasar alasan (rationale) yang telah mendorongkan pihak pemerintah untuk menerima dasar industrialisasi sebagai satu cara untuk muncul sebagai sebuah negara yang moden. Negara-negara Dunia Pertama dan beberapa buah negara Dunia Kedua berubah corak menjadi negara-negara moden melalui proses ini. Melaluinya juga beberapa aspek kesengsaraan manusia yang paling menakutkan – kemiskinan, kebuluran, penyakit, buta huruf dan pengangguran – dapat diatasi, atau paling tidak, dikurangkan.

Kalau inilah di antara dasar alasan yang menjadi perhitungan pada negara ini untuk menerima dasar industrialisasi, maka kita sudah boleh berbangga dengan beberapa kejayaan yang telah dicapai. Melaluinya, kita telah berjaya

memesatkan kadar pertumbuhan Keluaran Kasar Negara. Dengannya juga kita telah berjaya membuka peluang-peluang pekerjaan dan dengan itu menurunkan kadar pengangguran. Dengan banyaknya terbuka kilang-kilang perusahaan yang didirikan di tempat-tempat atau kawasan-kawasan khusus, baik yang menggunakan modal serta kepakaran (expertise) asing maupun tempatan, maka bertambah banyaklah peluang bagi mereka yang membanjiri pasaran tenaga buruh memperolehi pekerjaan. Laporan Ekonomi 1975–1976 menyebutkan bahawa sehingga tahun 1975 sektor perkilangan ini telah memberi pekerjaan kepada seramai 434,000 pekerja.[1]

Perangkaan ini mungkin akan menggembirakan kita kerana usaha pembangunan telah menampakkan kejayaan. Tetapi sebenarnya kisah kejayaan seperti ini adalah hanya sebahagian sahaja daripada kisah penuh mengenai pembangunan, khususnya pembangunan melalui industrialisasi. Menjadi sebahagian daripada kisah lengkap itu juga ialah kisah-kisah lain yang berlaku bersama-sama dengan proses industrialisasi itu yang dalam masa yang akhir-akhir ini, muncul pula sebagai masalah sosial yang tidak kurang hebatnya dengan masalah lama yang cuba hendak diselesaikan itu.

Untuk menjelaskannya, mula-mula kita tinjau apa yang berlaku kepada mereka yang telah berjaya mendapat faedah daripada dasar itu, iaitu mereka yang telah berjaya mendapat pekerjaan di kilang-kilang ini. Adalah satu perkara yang tidak dapat dinafikan bahawa oleh kerana bilangan jawatan di peringkat pengurusan adalah terbatas, sebahagian besar daripada mereka yang bekerja di sektor ini tertumpu kepada tugas-tugas bercorak manual, kakitangan yang tidak berkemahiran atau separuh mahir. Juga tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan daripada mereka ini, khususnya pekerja-pekerja Melayu, datangnya daripada kampung-kampung atau kawasan luar bandar. Juga tidak dapat dinafikan ialah hakikat bahawa, oleh kerana mereka merupakan golongan pekerja yang tidak berkemahiran atau separuh mahir, pendapatan yang diperolehi juga tidak besar.

Masalah yang paling merumitkan mereka ini ialah

---

1. The Treasury Malaysia, *Economic Report 1975–76*, The Treasury's Economic Division, Kuala Lumpur.

tempat kediaman. Sebilangan kecil yang bernasib baik kerana mempunyai sanak saudara di pusat-pusat bandar ini dapat mengatasi masalah tempat kediaman itu dengan menumpang, sekurang-kurangnya buat sementara waktu, di rumah saudara-mara mereka itu. Sebilangan besar daripada mereka yang kurang bernasib baik itu, terpaksa menyelesaikan masalah itu bersendirian. Ada yang secara beramai-ramai mengongsi menyewa rumah atau flat. Cara ini khususnya dipraktikkan oleh pekerja-pekerja yang masih bujang, baik dara ataupun teruna. Bagi pekerja-pekerja yang sudah berumahtangga, cara mengongsi ini tidak sesuai, kerana pelbagai sebab yang amat nyata sekali. Oleh kerana mereka berpendapatan kecil dan oleh itu tidak mampu menyewa rumah di kawasan-kawasan kediaman berhampiran dengan tempat bekerja, maka apa yang dimampui mereka ialah menjadi penghuni di kawasan-kawasan sesak (squatter areas).

Laporan Ekonomi 1975–76, di antara lain, menyebutkan bahawa di Wilayah Persekutuan terdapat kira-kira 39 kawasan setinggan yang menampung kira-kira 36,000 keluarga. Ini memberi makna bahawa kira-kira 25% daripada penduduk Wilayah Persekutuan ini terdiri daripada setinggan. Laporan itu juga menyebutkan bahawa kebanyakan daripada setinggan-setinggan ini dalam masa yang akhir-akhir ini, terdiri daripada mereka yang berhijrah dari kawasan-kawasan luar bandar untuk mencari pekerjaan di kawasan-kawasan perindustrian di Wilayah atau daerah sekitarnya dan bahawa kira-kira 85% daripada mereka memperoleh pendapatan tidak lebih daripada $300.00 sebulan. Oleh kerana perusahaan-perusahaan di mana mereka bekerja tidak menyediakan tempat tinggal dan oleh kerana mereka tidak berkemampuan membayar sewa yang agak tinggi di kawasan-kawasan kediaman biasa, maka mereka menjadi setinggan di kawasan yang paling hampir dengan tempat mereka bekerja supaya mereka tidak payah mengeluarkan belanja tambang menambang yang banyak. Kawasan-kawasan setinggan ini amnya terdiri daripada rumah-rumah papan yang didirikan berdekatan di antara satu sama lain tanpa atau sedikit sekali kemudahan-kemudahan seperti bekalan letrik, air, parit, pembuangan sampah dan sebagainya.[2]

---

2. *Ibid*, halaman 105–106.

Walaupun masalah setinggan di bandar-bandar bukan merupakan masalah baharu, ianya sebagaimana yang diakui sendiri oleh pihak berkuasa melalui laporan Ekonominya, jadi bertambah runcing pada masa sekarang yang kebetulannya pula merupakan zaman perindustrian. Dengan bertambah banyaknya kawasan-kawasan setinggan dan bertambah meruncingnya masalah itu, maka perindustrian dalam satu pengertian juga telah menambah runcingkan masalah *culture of poverty* yang sebenarnya merupakan satu perkara yang cuba hendak diatasi melaluinya. *Culture of poverty* ini, sebagaimana konsep itu dikembangkan oleh Oscar Lewis, dicirikan oleh kehidupan yang tidak tersusun atau disorganised, keadaan hidup yang tidak berubah dan sikap serta nilai yang negatif berbanding dengan lain-lain anggota masyarakat yang mendokong kebudayaan nasional.[3]

Bersama-sama dengan *culture of poverty* ini ialah lain-lain masalah, khususnya perbuatan-perbuatan anti-sosial, atau dengan jargon sosiologi disebut sebagai kelakuan yang menyeleweng (deviant behaviour), misalnya penagihan dadah, rompakan serta pemerasan, perogolan, bersekedudukan serta pelacoran. Berdasarkan kepada beberapa studi, misalnya oleh Clinard Abbot, didapati bahawa pada masa sekarang di negara-negara yang sedang membangun kadar pertambahan perbuatan-perbuatan jenayah seperti yang disebutkan di atas telah bertambah. Pertambahan dalam kadar kelakuan yang menyeleweng ini, pada peringkat tertentunya, dikaitkan dengan proses perindustrian dan urbanisasi yang sedang berlaku di negara-negara tersebut. Sebagai contoh, Abbot mengemukakan data mengenai tangkapan penjenayah di Thailand, satu-satunya negara di Asia Tenggara yang sedang pesat membangun. Dalam tahun 1940 terdapat tangkapan sebanyak 146,270 kes, sedangkan dalam tahun 1964 angka itu telah bertambah menjadi sebanyak 648,142 kes, satu pertambahan sebanyak 350% berbanding dengan kadar pertambahan penduduk sebanyak 72% dalam masa yang sama.[4]

Dilihat dalam konteks negara ini, didapati bahawa, walaupun kadar pertambahannya masih belum membimbang-

3. Oscar Lewis, *La Vida: A Puerto Rican Family in the Culture of Poverty*, London, 1966, halaman XL.

4. Clinard Abbot, *Crime in Developing Countries: A Comparative Perspectives.*

PERGERAKAN JENAYAH DARI 1963—73 (SEMENANJUNG MALAYSIA)



JENAYAH ANAK-ANAK MUDA DARI 1967—73 (SEMENANJUNG MALAYSIA)



Disesuaikan dari: *Malaysia: Perbendaharaan*
Malaysia Laporan Ekonomi 1974—1975

kan, kelakuan-kelakuan menyeleweng ini memerlukan langkah-langkah pembendungan, kerana sebagaimana yang ternyata daripada Rajah 1, beberapa kelakuan, misalnya rompakan, perogolan dan pemerasan, khususnya oleh anak-anak muda, memperlihatkan kecenderongan untuk jadi bertambah banyak. Lagi pula dengan berdasarkan kepada laporan akhbar-akhbar harian, kesan yang didapati ialah bahawa kebanyakan daripada perbuatan-perbuatan seumpama itu berlaku di kawasan-kawasan seperti Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Ipoh dan Pulau Pinang, di antara lain-lainnya, yang kesemuanya merupakan pusat-pusat perindustrian.

Hakikat-hakikat seperti ini membolehkan kita menuding jari menuduh industrialisasi sebagai sebab utama bertambahnya kegiatan-kegiatan jenayah itu. Supaya ianya tidak disalah mengertikan, patut disebutkan di sini bahawa bukan tujuan penulis untuk mengusulkan, sebagai langkah menurunkan kadar perbuatan jenayah, dihapuskan proses industrialisasi. Dasar ini sudah terbukti mendatangkan manafaat. Cuma yang hendak dikemukakan di sini ialah pertimbangan hendaklah diberi semasa membuat perancangan ke atas masalah yang akan timbul dalam usaha kita untuk menyelesaikan masalah yang sedang wujud, melainkan sekiranya kita hendak bersikap bahawa inilah harga yang terpaksa kita bayar untuk membangun, untuk menyamakan kedudukan kita dengan negara-negara yang sudah pun maju.

Kumpulan esei ini, yang sebenarnya merupakan pilihan daripada esei-esei yang telah pernah disiarkan dalam majalah *Dewan Masyarakat,* cuba memaparkan beberapa daripada masalah yang dihadapi oleh negara dan masyarakat Malaysia dalam usaha untuk membangun setanding dengan negara-negara yang dikatakan telah maju itu. Berdasarkan kepada persamaan dari segi tema masing-masing, esei ini dibahagikan kepada beberapa bahagian.

Bahagian I memperkatakan tentang masyarakat luar bandar dan masalah-masalahnya, khususnya berkaitan dengan tanah. Bahagian II membincangkan kesan-kesan am beberapa dasar-dasar dan langkah-langkah yang telah diambil oleh pemerintah dalam mengatasi masalah yang dihadapi. Bahagian III membincangkan soal-soal perhubungan kaum dan kepentingan perpaduan antara kaum dalam mencapai

matlamat pembangunan. Bahagian IV memperkatakan tentang politik tanah air yang memberi kesan kepada usaha pembangunan.

Kumpulan esei-esei ini, dari segi isinya, adalah bercorak sosiologi sekurang-kurangnya dalam pengertian bahawa kebanyakannya memperkatakan masalah-masalah sosial yang kita hadapi semasa membangun, menganalisanya dengan mempergunakan alat-alat analisa dari disiplin itu. Cuma yang dapat dipersoalkan ialah caranya. Kebanyakan daripada esei-esei ini merupakan penonjolan fikiran dengan berdasarkan kepada pemerhatian yang amat am sekali, tanpa pembuktian empiris yang cukup. Di atas dasar ini, mungkin kita tidak menyetujui secara keseluruhannya dengan apa yang telah diperkatakan oleh pengarang dalam rencana masing-masing. Tetapi dalam masa yang sama kita terpaksa mengakui bahawa esei-esei ini memberi makna yang besar dalam erti-kata bahawa ianya boleh merupakan titik tempat bertolak kepada kajian-kajian yang lebih mendalam dan kritis.

Mohd. Fauzi Hj. Yaakub,
Jabatan Sosiologi dan Antropologi,
Universiti Malaya.

KANDUNGAN

PENDAHULUAN v

PENGANTAR vii

BAHAGIAN PERTAMA: DESA

1. Beberapa Faktor Yang Memundurkan Orang Melayu
Mat Ali 1

2. Keruntuhan Nilai Tradisi Masyarakat Melayu Desa
Sulaiman Salleh 20

3. Peranan Sains Dan Teknologi Dalam Perubahan Sistem Nilai Masyarakat Desa
Afifudin Haji Omar 32

4. Masalah Tanah Di Kalangan Kaum Tani
Sanusi Osman 44

5. Penggunaan Tanah Luar Bandar Dan Pengaruh Institusi
Ahmad Mahdzan Ayob 53

6. Pembahagian Tanah Kepada Petani-petani
Sanusi Osman 68

7. Usaha Kerajaan Mengatasi Masalah Tanah
Kaman Osman 77

BAHAGIAN KEDUA: PEMBANGUNAN

8. Perubahan Sikap Menghadapi Zamaṅ Pembangunan 91
Abdullah Sanusi Ahmad

9. Perubahan Sosial Dalam Masyarakat Melayu 97
Mohd. Nur Ali

10. Revolusi Mental, Isi, Matlamat dan Pelaksanaan 107
Raja Mohammad Afandi

11. Pembangunan Dan Masalah Sosial Di Malaysia 132
Mohd. Nur Ali

12. Paradoks Dalam Kebudayaan 146
Mohd. Nur Ali

13. Dunia Ketiga Dan Masalah Ekonomi Politik 156
Wan Hashim Wan Teh

14. Gerakan Pembaruan Dalam Pembangunan Masyarakat 164
Johari Mat

15. Perindustrian Dan Perubahan Masyarakat 176
Ismail Abas

16. Faktor Pendorong Dan Penghalang Pembangunan Masyarakat 183
Mohd. Nur Ali

17. Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua 190
Mohd. Nur Ali

BAHAGIAN KETIGA: PERHUBUNGAN RAS

18. Masalah Hubungan kaum di Malaysia 203
Sulaiman Salleh

19. Masalah Kebudayaan Dalam Mencapai Perpaduan Nasional 217
Sulaiman Salleh

20. Konsep Dan Masalah Perpaduan Nasional 229
Mohd. Nur Ali

21. Rancangan Malaysia Kedua: Langkah Pertama Mewujudkan Perpaduan Rakyat 240
Abdullah Sanusi Ahmad

22. Usaha Menimbus Jurang Antara Kaum 254
Sulaiman Salleh

23. Politik Perkauman Dalam Akhbar-Akhbar 264
A. Samad Ismail

24. Perpaduan Nasional Di Malaysia 271
Mohd. Nur Ali

BAHAGIAN KEEMPAT: POLITIK

25. Masalah Kebangsaan Kita 285
Baharuddin Zainal

26. Pimpinan Dalam Masyarakat Melayu 292
Alis Murni

27. Pentadbiran Dan Pembangunan 303
Abdullah Sanusi Ahmad

28. Sejarah Pejuang Kebangsaan 313
Raja Mohammad Afandi

BAHAGIAN PERTAMA

DESA

DEEV

BAHAGIAN PENTAMA

1

BEBERAPA FAKTOR YANG MEMUNDURKAN ORANG MELAYU

Mat Ali

Meskipun Malaysia sedang membangun pesat namun orang Melayu masih ketinggalan dibandingkan dengan lain-lain bangsa sehingga ketinggalan itu menimbulkan jurang yang dalam. Jurang inilah yang menampakkan bahawa sebenarnya orang Melayu adalah mundur. Jumlah orang Melayu yang menikmati pembangunan hanyalah sedikit, tetapi rakyat desa rata-rata masih menderita kerana keseluruhannya belum tahu mencari punca-punca kesenangan seperti orang lain.

Sebab-sebab kelemahan dan kemunduran orang Melayu terbahagi kepada beberapa faktor, antaranya faktor psikologi dan faktor sosiologi. Walaupun berbeza, namun antara dua faktor yang besar ini saling berkait, yang satu mempengaruhi yang lain. Berdasarkan faktor-faktor inilah rumusan dan resolusinya akan dibuat.

Rencana ini akan menitik beratkan masyarakat desa, sebab di sinilah terdapat ciri-ciri dan unsur-unsur tradisi yang mengakibatkan kemunduran orang Melayu. Sebenarnya, sukar hendak dibezakan antara yang dikatakan masyarakat tradisi dan masyarakat desa; sebab yang dikatakan tradisi itu

terdapat juga dalam masyarakat desa. Kalau ada perbezaan pun hanyalah pada maksud bahawa masyarakat desa sudah mengalami beberapa unsur perbandaran dan pemodenan. Tapi pada keseluruhannya dari segi psikologi dan sosiologi masyarakat desa umumnya bersifat tradisi.

Terlebih dulu perlu dikatakan tentang apakah masyarakat desa pada istilah kasarnya. Masyarakat desa bersifat agraria: bertani dan berternak merupakan dua perusahaan yang penting di satu pihak, dan di pihak lain menangkap ikan merupakan satu lagi perusahaan di desa.

Dari segi teknologinya masyarakat desa masih lagi mempunyai unsur-unsur tradisi walaupun terdapat sedikit perubahan di sana sini. Agama Islam dipegang teguh walaupun sebilangan besarnya kurang faham tentang ajaran-ajaran yang sebenarnya. Adat istiadat dan kepercayaan merupakan institusi penting meskipun di setengah-setengah sudut institusi itu bercanggah dengan ajaran Islam. Juga ianya mempunyai nilai, falsafah, norma dan world-view yang tersendiri, pembawaan dari masyarakat tradisi.

Selalunya penempatan masyarakat desa terdapat di seluruh negeri ini, jauh dari bandar dan pekan, walaupun kadar jauhnya itu adalah subjektif. Walaupun terdapat unsur-unsur pemodenan dan urbanisasi seperti sekolah dan jalan-raya, namun pada keseluruhannya pengaruh bandar dan kota tidak meresap ke dalam masyarakat ini. Dengan kata lain, perubahan sosial tidak berlaku dengan pesatnya.

Saya menyebut perubahan sosial di sini kerana dengan proses ini sajalah masyarakat desa dapat maju. Sebab, maju mundurnya sesuatu masyarakat dalam negara yang membangun adalah terletak pada kadar pesat atau lambatnya masyarakat itu berubah. Walaupun faktor-faktor atau ejen-ejen sosiologilah yang boleh membawa perubahan sosial seperti faktor innovasi dan penciptaan, konflik, asimilasi dan diffusi, namun faktor-faktor psikologi juga penting. Sebabnya, untuk merubah masyarakat perlu juga diubah individu-individu di dalamnya, kerana masyarakat itu merupakan kelompok manusia yang bersatu. Tetapi ini tidak bermakna saya menyangkal sama sekali pendapat bahawa untuk mengubah anggota masyarakat kita harus mengubah masyarakat dulu. Sebab itulah pada mula-mula tadi saya katakan bahawa

faktor psikologi dan sosiologi saling berkait dan sukar dipisahkan, apa lagi dibincang secara berasingan.

Saya bahagikan faktor psikologi kepada dua: pertama, sikap yang merangkumi perasaan, anggapan dan cara-cara penilaian; dan kedua, pemikiran, termasuk juga aspirasi dan cita-cita.

Salah satu punca kelemahan orang Melayu yang membawa kemunduran ialah sikap suka merendah-rendah diri, yang kadang-kadang tidak kena pada tempatnya. Di sini tidak dibezakan antara istilah merendah diri dan memandang diri rendah; sebab, walaupun kedua istilah ini berbeza, namun keduanya berpunca dari kurangnya perasaan percaya diri sendiri, keduanya saling berkait. Orang Melayu merasa rendah diri kerana kurangnya rasa percaya diri sendiri lantas memandang dirinya rendah. Dan sebaliknya, dia memandang dirinya rendah akibat terlalu merendahkan dirinya sendiri. Kesannya, dia merasa kurang percaya pada diri sendiri. Di sini letaknya kelemahan, sebab punca segala usaha ialah rasa percaya pada diri sendiri dan sifat ini menjamin sebahagian daripada kejayaan sesuatu usaha itu. Dalam bidang ekonomi, lebih-lebih lagi dalam bidang politik, sifat percaya diri sendiri merupakan satu ciri yang paling mustahak, tetapi sifat ini tidak akan wujud sekiranya sikap merendah diri masih tebal.

Memang benar Tuhan melarang umatNya bersifat bongkak, sombong dan megah diri sebab ini adalah takabur. Tetapi ini tidak bermakna Tuhan menyuruh kita merendah diri dan memandang diri sendiri rendah. Sebaik-baiknya seorang manusia ialah orang yang menghormati, memulia dan memandang tinggi dirinya sendiri, sebab maruah dan ego adalah tanggungjawabnya untuk dijagainya; barulah orang lain akan memandangnya mulia dan hormat. Hanya orang.Melayu saja yang memandang tinggi kepada orang lain yang memandang orang Melayu rendah, sedangkan orang Melayu perlu hidup di samping orang lain. Sesungguhnya betul kata pepatah, resmi padi tunduk semakin berisi; tetapi padi juga tegak sebelum berbuah, semacam juga lalang. Jadi, paling tidak bermakna bagi orang Melayu memandang diri sendiri rendah sedang tidak ada apa yang harus dibangga dan takaburkan.

Kesan dari sikap begini timbul pula sikap lain, sikap memandang tinggi orang lain yang sudah maju dan cepat

kagum dengan kebolehan dan kejayaan mereka. Kadang-kadang ada tendensi untuk pergi ke sudut yang melampau iaitu bermegah dengan apa yang telah dicapai oleh orang lain. Akibatnya akan ternampak pada sikap seseorang itu bahawa dia secara automatis merasa dirinya rendah dan akhirnya berbalik pada pokok yang utama iaitu beransur-ansur merasa tidak percaya kepada dirinya sendiri.

Ketiga-tiga sikap: rendah diri, memandang orang lain tinggi dan sifat percaya diri, sering saya kaitkan sebab ketiga-tiga sikap ini saling mempengaruhi dan memberi kesan satu sama lain. Mungkin kita tidak dapat mencari puncanya, di mana mulanya timbul ketiga-tiga sikap itu jika tidak dikaitkan dengan faktor-faktor sosiologi dan juga faktor sekitaran. Ini akan dibincangkan kemudian.

Kalau dipandang sekali imbas, kita tidak nampak bahawa memandang tinggi orang lain itu mempunyai akibat yang buruk, tetapi kesan itu hanya akan ternampak dalam jangka masa yang panjang. Ini berbalik kepada proses sosialisasi di mana sahsiah seseorang itu dibentuk. Jika dari kecil anak-anak diajar supaya merendah diri dan memandang tinggi orang lain, ketika besarnya anak-anak itu akan menjadi seorang muda yang mempunyai kadar atau darjah sahsiah yang rendah. Dengan kata lain, mereka akan mempunyai sikap yang mundur mungkin juga sikapnya memusatkan fikiran kepada diri sendiri.

Kedua-dua jenis sikap ini tidak sesuai dalam masyarakat yang memerlukan kecergasan dan kecerdasan bertindak dan berfikir. Mungkin kita akan berkata, sikap seseorang itu tidak boleh dibentuk, kerana ianya semulajadi. Tapi ini banyak salah dari betul, sebab proses sosialisasi memainkan peranan yang sangat besar dalam pembentukan sikap seseorang itu.

Kita lihat betapa jauhnya kaitan sikap merendah diri dan memandang tinggi orang lain, sebab ianya mempengaruhi sahsiah dan sikap percaya pada diri sendiri. Dalam jangka panjang sikap begini dapat melemahkan pemikiran dan lantas melemahkan pula seseorang itu bertindak. Akibatnya orang Melayu akan mempunyai sikap yang memundur diri atau memikir kebelakang.

Kesan dari proses sosialisasi dalam masyarakat desa juga menghasilkan anggota masyarakat yang mempunyai sikap terlalu suka memikirkan dan mementingkan soal dan perasaan

orang lain. Sopan santun dan hormat terhadap orang lain dipentingkan dalam budaya Melayu dan kerana itu sesuatu yang hendak dibuat terpaksa terlebih dulu difikirkan apakah orang lain akan kata, atau apakah dengan dilancarkan sesuatu projek atau rancangan, baik berbentuk material mahu pun berupa cadangan, orang lain akan tersinggung dan berkecil hati. Hingga pada setengah keadaan sesuatu rancangan itu mungkin akan terbantut dan terbengkalai begitu saja kerana takut dikata orang tidak baik atau takut tersinggung perasaan orang lain. Proses sosialisasi yang begini hanya dapat menghasilkan anggota-anggota masyarakat yang lemah kerana norma-norma hidup disumbat secara melulu ke dalam benak setiap anak supaya jangan bersikap kasar, jauh sekali untuk bersikap radikal. Sedang sikap yang radikal ini paling perlu untuk sesuatu projek dalam pembangunan negara terutama di sekitar daerah desa.

Sikap takut apa orang lain kata, merupakan satu gejala yang besar dalam kehidupan masyarakat desa. Kadang-kadang terdapat seseorang itu sanggup mengorbankan rancangannya kerana mementingkan perasaan orang lain. Ini secara automatis mengecilkan hatinya dan lantas menarik diri dengan kesal dari meneruskan usahanya. Dalam jangka panjang sikap ini akan membunuh segala inisiatif atau membunuh terus semangat untuk berusaha, baik untuk kepentingan dirinya mahu pun untuk masyarakatnya.

Walaupun kedua konsep membesar diri dan memandang diri tinggi merupakan dua istilah yang tidak berbeza, jika dilihat pada makna kasarnya saja, namun sebenarnya keduanya memang berbeza. Sikap memandang tinggi diri sendiri hanya timbul di dalam proses perhubungan dengan anggota masyarakat yang lain, sedangkan perasaan dan sikap membesar diri wujud dalam diri seseorang itu setiap masa, tetapi bukan dalam konteks perhubungan sosial. Maksud saya orang Melayu desa merasakan diri sendiri besar dan dimanifestasikannya dalam sikap boros seperti mengadakan khenduri-kendara yang besar untuk bermegah-megah dan bercakap besar tetapi kosong. Tetapi lain sifatnya jika mereka bertemu dengan satu-satu keadaan yang benar-benar berkehendakkan amatan dan hematan yang serius. Di sini letaknya satu lagi kelemahan orang Melayu desa. Kadang-kadang sikap ini dikatakan sebagai sikap yang khusus (typical) yang terdapat

pada orang Melayu.

Sikap boros ini berkait dengan satu lagi sikap orang Melayu iaitu gemarkan hiburan dan bersenang-senang dan suka kepada banyak berihat. Boleh dikatakan sudah jadi sikap semulajadi orang Melayu bahawa mereka terlalu gemarkan hiburan dan bersenang-senang. Saya akui sememangnya ini sifat setiap manusia, tetapi agak melampau jika terdapat seorang itu kerana terlalu asyik dengan hiburan dan bersenang-senang sanggup meninggalkan kerja hari-harinya semata-mata kerana hendak menghibur diri.

Kesannya tidak terlihat dalam masa yang pendek, mungkin seseorang didapati menjadi miskin kerana suka kepada hiburan; tetapi dalam masa yang panjang akibatnya lebih buruk lagi. Salah satu ekoran dari sikap suka berhibur dan bersenang-senang ialah sifat dan sikap mahu mengelak dari mengambil inisiatif untuk membuat sesuatu kerja yang berat dan melakukan kerja yang memerlukan kesungguhan serta dengan hemat dan amatan yang serius. Konsep berat yang digunakan di sini tidak hanya mempunyai makna dari aspek fizikalnya saja tetapi mentalnya juga, terutama dalam bidang pelajaran.

Kenyataan yang umum begini memang menimbulkan beberapa persoalan seperti tentang betul salahnya atau sah tidaknya pertanyaan itu. Saya hanya membuat hipotesis dan kenyataan itu seharusnya dibuktikan terlebih dulu sebelum ianya dapat diterima sebagai sah. Tetapi di sini saya ingin menegaskan bahawa seseorang yang suka kepada keadaan yang sederhana, pengamatannya akan kurang dan membuatnya secara tidak bersungguh-sungguh, mereka mempunyai sikap suka mengelak dari pekerjaan atau inisiatif yang memerlukan daya pemikiran dan daya kerja yang bersungguh-sungguh dan serius. Dan keadaan yang sederhana adalah satu sikap semulajadi orang-orang yang suka pada hiburan dan bersenang-senang.

Keseluruhan perlakuan orang Melayu di desa dipengaruhi kuat oleh sikap serba segan yang tebal dalam perasaan mereka: segan kalau dilihat atau dikata orang; segan dan bertanya mengeluarkan pendapat dan fikiran. Akibatnya orang Melayu tidak mempunyai kebebasan perlakuan dan bertindak, dan merasakan dirinya sentiasa diperhatikan orang, juga tidak bebas dari perasaan takut dikata orang itu

dan ini, jika mereka membuat sesuatu.

Yang paling merosakkan jiwa orang Melayu ialah sikap takut mengeluarkan pendapat; pertama, kerana takut fikirannya tidak betul dan ditertawakan orang. Ini timbul dari kurangnya keyakinan dirinya. Kedua, kerana merasakan dirinya tidak layak berhujah di hadapan satu kelompok orang ramai. Ini pula timbul dari perasaan rendah diri. Dan inilah yang menyebabkan seseorang itu merasa segan untuk mengeluarkan pendapatnya. Kesan dari sikap begini, dia akan merasa jiwanya tersekat, terpendam dan selalu memeram rasa kerana tidak dapat menyuarakan apa yang hendak dikatanya yang mungkin pula betul.

Sikap segan ini terbawa-bawa terus dalam cara berfikir dan dia merasa selalu terkongkong, lantas tindakannya akan menjadi kaku: pertama, kerana perasaan segan, dan kedua, akibat dari sikap segan itu fikirannya terkongkong dan oleh itu tindakannya menjadi lemah serta terbatas dan mundur.

Faktor sikap mempunyai kaitannya dengan corak pemikiran seseorang itu. Telah saya katakan tadi bahawa sikap mempengaruhi pemikiran, dan secara automatis pula mempengaruhi bentuk tindakan yang akan diambil, sama ada mundur diri mahu pun progresif. Di sinilah letaknya maju mundurnya setiap individu dan kumpulan manusia. Sebab pemikiran merupakan satu faktor yang utama dalam apa corak tindakan sekalipun.

Jadi, kalau pemikiran seseorang itu selalu terkongkong dan ditekan oleh perasaan segan dan malu, takut dikata atau ditertawakan orang atau terlalu memikirkan soal orang lain daripada soal sendiri, ini dapat melemahkan bentuk tindakannya. Gejala ini paling ketara dalam kehidupan masyarakat desa. Sesuatu perkara itu tidak dapat dilakukan secara bebas, apa lagi untuk memberi kesan. Sedangkan kebebasan, baik dari segi fizikalnya mahu pun dari segi mentalnya adalah mustahak dalam sesuatu tindakan yang akan diambil.

Jika pemikiran sentiasa terkongkong dan tertekan oleh perasaan, sikap perlakuan juga menjadi terbatas dan selalu disekat oleh gerak kuasa mental yang timbul dari keadaan sekitaran, baik yang berbentuk sosiologi mahu pun berbentuk fenomena alam, manusia akan menjadi lebih lemah. Sedangkan anggota masyarakat perlu cergas dan cerdas dalam apa bentuk sekalipun, terutama dalam bentuk aktiviti dan

perjuangan, baik untuk diri sendiri mahu pun untuk masyarakat umumnya. Anggota-anggota masyarakat yang lemah dan terkongkong pemikirannya tidak akan menjamin kemajuan dirinya apa lagi masyarakatnya.

Corak pemikiran yang pesimis adalah faktor yang lumrah di kalangan masyarakat Melayu desa. Ini berlawanan dengan pemikiran yang optimis yang selalu memandang ke hadapan dan selalu memikirkan perkara-perkara yang baik saja untuk berlaku di atas dirinya. Walaupun dia gagal, namun semangatnya masih hidup, sebab bagi orang yang berfikir optimis, kegagalan bermakna hanya satu halangan untuknya maju ke depan dan harapannya tetap ada bagi memajukan diri atau mencapai satu kejayaan.

Mereka yang berfikir pesimis selalu memandang ke belakang; gemar mengenangkan perkara yang sudah berlalu seolah-olah mahu kembali ke masa silam. Sebab itu masa hadapan bagi mereka tidak merupakan satu perkara yang berat yang harus difikirkan bersungguh-sungguh. Satu perkara lagi, orang Melayu keseluruhannya sering memikirkan apa yang buruk yang akan berlaku pada mereka sebelum melakukan sesuatu; misalnya mengambil inisiatif dalam perniagaan. Apa yang difikirkannya lebih dulu bukanlah tentang untungnya tetapi tentang rugi atau tidak berbuat demikian.

Corak pemikiran ini hanya melemahkan semangat orang Melayu dan sekali semangat sudah menjadi lemah, daya inisiatif seseorang itu akan terganggu. Ini secara automatisnya menimbus segala idea atau gagasan yang baik untuk memajukan diri sendiri juga masyarakatnya. Sebab semangat merupakan pendorong kepada sebarang inisiatif. Jika pendorong tidak ada inisiatif juga tidak ada, sedang masyarakat mahukan individu-individu yang penuh dengan semangat yang cergas dan daya inisiatif yang progresif untuk menolong membangun serta membimbing seluruh anggota masyarakat desa.

Faktor psikologi yang akhir sekali, ialah tingkat aspirasi atau tahap aspirasi. Secara umumnya orang Melayu desa mempunyai tingkat aspirasi yang rendah atau cita-cita yang rendah, baik bagi dirinya mahu pun bagi anak-anaknya. Ini disebabkan oleh daya penggerak yang kurang akibat dari pendidikan atau sosialisasi. Seorang anak, semasa kecilnya memandang bapanya sebagai model untuk ditiru pada masa besarnya kelak. Seorang anak penoreh getah atau petani akan

dilatih menjadi penoreh getah atau petani. Dan anak-anak ini setelah besar nanti dan beranak pula juga akan memberi didikan yang sama kepada anak-anaknya.

Proses sosialisasi ini akan diteruskan sebelum datangnya kesedaran untuk maju. Dan tingkat aspirasi ini tetap tinggal di peringkat yang rendah kerana kurangnya bimbingan atau perangsang yang menggalakkan dari ibubapa. Pokok utama terletak pada proses sosialisasi, dan daya penggerak serta tingkat aspirasi adalah berpunca dari proses ini. Jadi, selagi kesedaran tidak timbul di kalangan ibubapa tentang nikmat pelajaran serta taraf ekonomi yang tinggi, selagi itulah tingkat aspirasi dan daya penggerak tinggal pada peringkat yang rendah dan selagi itulah orang Melayu desa tinggal dalam kemunduran.

Sehingga ini pun orang Melayu desa masih tidak mempunyai cita-cita yang tinggi walaupun untuk anak-anak; fikiran mereka sempit, terkongkong dan tidak memandang ke hadapan.

Tetapi tidak dapat disalahkan orang Melayu semata-mata sebab banyak lagi faktor sosiologi yang mengakibatkan berlakunya hal ini. Faktor sosiologi tidak kurang pentingnya dari faktor psikologi; sebab, faktor-faktor bergabung menjadikan orang Melayu lemah dan mundur.

Faktor sosiologi berpunca dari aliran seperti nilai, *world-view*, norma, falsafah, agama, sosial dan pelajaran, atau dengan kata lain kebudayaan Melayu terutama yang terdapat disekitaran daerah desa. Di sini saya masukkan juga proses sosialisasi.

Saya rasa proses sosialisasi merupakan faktor sosiologi yang terpenting, sebab dari proses inilah segala unsur kebudayaan disalurkan ke setiap anggota masyarakat sejak kecilnya hingga menjadi orang dewasa dan hingga matinya. Proses sosiolisasi dimaksudkan sebagai proses di mana unsur-unsur kebudayaan dan masyarakat diajarkan kepada anggota masyarakat melalui institusi-institusi keluarga, agama dan pelajaran secara sedar dan tidak sedar. Proses ini juga dinamakan kebudayaan. Ini bermakna kalau unsur-unsur kebudayaan itu baik, progresif dan radikal anggota masyarakat itu akan turut menjadi progresif dan radikal, dan begitu juga sebaliknya. Segalanya berpunca dari proses sosialisasi, sebab proses

ini bukan hanya membentuk seseorang anggota dari segi mental atau rohaninya saja serta bukan hanya membentuk personalitinya dari segi sikap dan pemikiran, tetapi juga membimbingnya dari aspek sosial dan pergaulan serta tindakan kelompok.

Kemunduran masyarakat Melayu desa adalah disebabkan oleh faktor sosiologi atau kebudayaan selain dari sebab-sebab psikologi. Ini bermakna kebudayaan Melayu desa adalah kebudayaan yang mundur. Dengan kata lain setiap anggota masyarakat melalui satu proses sosialisasi di mana diajar dan dididik serta diasuh dengan unsur-unsur kebudayaan yang mundur. Akibatnya, dari satu jenerasi ke jenerasi lain masyarakat desa menghasilkan anggota masyarakat yang mundur, lemah dan beku.

Salah satu sebab terjadinya kerana masyarakat desa masih tebal dengan unsur-unsur kebudayaan tradisi dan kurangnya unsur-unsur urbanisasi dan pemodenan yang mengakibatkan lembabnya proses perubahan sosial dalam masyarakat itu. Sedangkan pada masa ini kita memerlukan perubahan sosial secara radikal atau revolusi.

Ini bererti revolusi bukan hanya cukup setakat mental-nya saja tetapi juga sekitaran dan sosial. Sebab, kedua-dua faktor mental dan sosial adalah penting dan berkait serta saling pengaruh mempengaruhi satu sama lain. Di sini kita nampak betapa pentingnya proses sosialisasi dalam pembangunan sesuatu masyarakat, terutama masyarakat desa dalam menyalurkan unsur-unsur budaya kepada anggotanya.

Saya tidak akan membincangkan unsur-unsur budaya seperti adat istiadat, nilai, norma-norma dan worldview yang menyebabkan kelemahan orang Melayu kerana telah dikatakan di atas tadi mundurnya orang Melayu diakibatkan sebahagiannya oleh faktor sosiologi atau kebudayaan. Yang mahu dikatakan di sini ialah bagaimana timbulnya unsur-unsur budaya yang mempunyai ciri-ciri yang begini, dan kalau boleh untuk dikikis, kalau pun tidak semuanya tetapi kebanyakan dari unsur-unsur tradisi ini.

Memang sukar memperkatakan dengan tegas bagaimana timbulnya unsur-unsur budaya yang sedemikian rupa. Untuk memperkatakan sama ada ianya timbul hasil dari corak pemikiran orang Melayu desa yang lemah atau orang Melayu

desa menjadi lemah dan mundur dari segi sikap dan pemikiran hasil dari unsur-unsur budaya yang mundur. Ini tidak dapat ditentukan puncanya. Tetapi saya tegaskan bahawa unsur-unsur ini adalah pembawaan masyarakat tradisi yang serba terbantut dan terbatas oleh alam sekitaran atau apa yang diistilahkan sebagai *the forces of nature.*

Berbalik kepada zaman animisme di mana orang Melayu pada masa dulunya merasa begitu takut dengan fenomena alam dan dari sinilah timbulnya banyak larangan dan tegahan yang akhirnya dimanifestasikan dalam bentuk adat, norma-norma, nilai dan *worldview.* Dari sini pulalah timbulnya upacara-upacara dan istiadat-istiadat tertentu untuk mengawal dan mengawas fenomena alam tertentu.

Dengan kedatangan Hindu pula orang Melayu dikenalkan dengan dewa, dan makhluk halus yang menambahkan khazanah kepercayaan orang Melayu. Kepercayaan ini telah dikekalkan sebahagiannya walaupun dengan masuknya Islam ke Tanah Melayu. Dan hingga hari ini unsur-unsur budaya yang tradisi ini masih dipercayai dan diamalkan.

Fenomena alam serta dengan kepercayaan kepada hantu, pelesit dan dewa-dewa telah melemahkan semangat orang Melayu. Dari sinilah timbulnya sikap dan corak pemikiran yang memundurkan. Pembawaan sikap dan corak pemikiran yang terbendung dan terkongkong oleh ketakutan dan rasa tidak selamat inilah yang melahirkan kebudayaan Melayu yang ada sekarang ini.

Sesuatu kebudayaan lahir dari keinginan jasmani atau biologi manusia seperti keinginan untuk makan, mengadakan perhubungan jenis dan mendapat perlindungan. Kebudayaan beransur-ansur berkembangan dari asas-asas jasmani ini dan oleh itu timbul kesenian, kepercayaan dan agama, sistem ekonomi, bahasa dan lain-lain unsur budaya yang halus. Tetapi pokok utama ialah kehendak jasmani dan dari kehendak inilah berkembangnya kebudayaan yang berdasarkan pula kepada asas-asas rohani. Ini adalah punca sesuatu kebudayaan manusia.

Begitu juga bangsa Melayu yang menghasilkan kebudayaannya dari punca-punca yang sama. Dengan kata lain, kebudayaan yang lemah dan mundur adalah hasil dari jasmani dan jiwa yang lemah, dan kebudayaan ini disalurkan dari jenerasi ke jenerasi lain melalui proses sosialisasi, dan

mengakibatkan lahirnya masyarakat Melayu desa yang lemah dan mundur.

Inilah yang saya katakan tadi kaitan faktor-faktor mental atau psikologi dengan faktor-faktor sosiologi atau kebudayaan. Puncanya segala kesalahan bukan terletak pada orang Melayu tradisi kerana mereka mempunyai sebab untuk mempercayai fenomena alam dan juga mempunyai sebab mengapa mereka patut merasa takut dan tidak selamat oleh kerana alam sekitaran yang serba merbahaya di zaman animisme.

Keselamatannya terletak pada orang Melayu desa sendiri pada masa ini kerana mereka tidak sepatutnya merasa takut dan dirasa tidak selamat pada masa ini, dan mereka tidak seharusnya lagi memegang adat-adat dan kepercayaan dan melakukan upacara-upacara dan istiadat-istiadat seperti yang diamalkan oleh orang-orang di zaman kuno. Kerana manusia di zaman lampau menganuti adat dan kepercayaan serta melakukan istiadat-istiadat dan upacara-upacara itu semata-mata untuk menjaga diri dari diusik oleh fenomena alam. Keadaan seperti di zaman kuno sudah tidak lagi wujud di masa ini dan masyarakat Melayu desa sudah tidak mempunyai sebab untuk mengekalkan unsur-unsur budaya yang lama itu. Dengan kata lain mereka perlu mengadakan perubahan sosial yang radikal untuk mengikis segala unsur budaya yang lama itu.

Saya akui tentang sukarnya sesuatu bangsa itu mengikis segala unsur budaya dari hidup mereka lebih-lebih lagi kalau difikirkan bahawa segalanya itu sudah menjadi sebati dan meresap. Hidup itu adalah kebudayaannya dan segala yang dibuat itu adalah berlandaskan lunas kebudayaan. Tetapi dari segi logiknya dan berdasarkan rasionalisasi yang telah dibuat di atas dirasakan amat canggung untuk masyarakat desa itu mengekalkan lagi sebahagian dari unsur-unsur budaya yang tradisi memandangkan bahawa unsur-unsur itu sudah tidak berguna lagi di zaman ini.

Tetapi tidak pula saya mengatakan bahawa dengan meninggalkan unsur-unsur budaya tradisi itu masyarakat desa akan terus maju dengan tidak pula menimbangkan faktor-faktor sosiologi yang lain seperti ekonomi, pelajaran dan sosial. Yang mahu ditegaskan ialah, dengan berubahnya kepercayaan, adat istiadat, nilai dan worldview, corak

pemikiran dan sikap akan beransur-ansur berubah dari tidak maju kepada progresif. Dengan sendirinya cara-cara penilaian yang baru dalam perhubungan sosial akan timbul, misalnya, timbul penilaian dari segi material. Dan dengan adanya semangat materialisme masyarakat desa akan mempunyai pandangan yang berbeza terhadap ekonomi, iaitu kalau dulunya hanya bercucuk tanam untuk penggunaan sendiri, semangat materialisme akan mengubah cara ekonomi mereka kepada corak ekonomi perdagangan. Ini adalah satu contoh.

Perkara yang sama akan berlaku juga dalam bidang pelajaran dan sosial. Dengan meresapnya pelajaran dan dengan mereka tahu dan dapat menikmati faedahnya, bentuk-bentuk dan pola-pola perhubungan sosial turut berubah. Juga berubah norma-norma, nilai, falsafah dan *world-view* masyarakat Melayu di desa. Perubahan begini sangat dikehendaki sebab perubahan dalam sosial akan mempengaruhi sikap dan pemikiran anggota masyarakat dan sikap serta pemikiran secara bertimbal balik pula akan merubah corak perubahan sosial dan menjadikan masyarakat desa lebih dinamik dan lebih radikal.

Ini tidak pula bermakna bahawa selama ini masyarakat desa tinggal statik, tetapi ia sejak dulu berubah dengan lambat berbanding dengan kepesatan pergerakan masa di zaman yang serba cepat ini. Kadar perubahan yang radikal paling sesuai dan diharapkan berlaku di dalam masyarakat desa sebab masyarakat ini memerlukan satu revolusi sosial untuk menjamin kemajuan dalam zaman moden.

Secara singkat telah dibincangkan aspek-aspek ekonomi, pelajaran dan sosial dan kaitan aspek-aspek ini dengan faktor-faktor psikologi. Tetapi faktor ini mempunyai ciri-ciri tersendiri yang lain yang menyebabkan kelemahan dan kemunduran dalam masyarakat desa.

Struktur ekonomi desa yang bersifat agraria mempunyai ciri-ciri infra-struktur dan super-struktur yang tradisi. Dengan infra-struktur saya maksudkan segala alat dan teknologi pertanian seperti penangkapan ikan yang dihasilkan oleh pemikiran dan pengetahuan atau dengan kata lain oleh super-struktur masyarakat itu sendiri. Memang tidak benar kalau dikatakan bahawa pengetahuan dan kemajuan moden belum lagi meresap ke desa-desa di masa ini. Saya akui yang perkara ini sedang dalam proses memasukkan alat-alat dan

kemudahan-kemudahan teknologi, tetapi dengan super-struktur ekonomi masyarakat itu sendiri tidak berubah, atau hanya berubah dengan lambat; segala kemudahan ini seolah-olah disumbatkan ke dalam masyarakat desa secara melulu.

Cara kasarnya ianya memberi kesan yang agak buruk. Sebuah ampangan air yang besar seperti di Sungai Muda atau di Kemubu pasti memberi kesan yang kurang menyenangkan kepada petani-petani di kawasan itu. Tetapi mereka akan menerimanya juga akhirnya. Walaupun begitu rata-rata di seluruh pelusuk tanahair banyak lagi masyarakat desa yang belum mendapat kemudahan seperti itu. Dengan kata lain, baik infra-struktur mahu pun super-struktur ekonomi desa masih tradisi yang sukar dikikis. Ia memerlukan satu jangka masa yang panjang untuk menghapuskan segala faktor penghalang yang tidak diingini ini.

Di sini juga perubahan sosial paling penting, sebab selain dari pelajaran, kesedaran dalam bidang ekonomi menjadi faktor yang utama dalam memajukan sesuatu masyarakat. Tetapi kalau dipandang dari segi super-strukturnya hanya faktor pengetahuan dan pelajaran merupakan satu-satunya unsur yang boleh membangkitkan kesedaran ekonomi sebab dari aspek super-strukturlah terciptanya berbagai innovasi atau terjadinya beberapa diffusi atau assimilasi kemajuan dan ilmu-ilmu teknologi yang dapat menghasilkan infra-struktur yang progresif. Tetapi saya tidak pula menyangkal bahawa infra-struktur juga dapat mempengaruhi super-struktur ekonomi dalam sesuatu masyarakat. Sekadar saya bermaksud bahawa ekonomi, baik dari aspek infra mahu pun super-strukturnya adalah satu tenaga penggerak dalam memajukan masyarakat. Ini bermakna, kalau ekonomi masyarakat itu mundur ia dengan sendiri turut menjadi lemah dan dapat pula menjejaskan kemajuan sosial juga mental individu-individu dalam masyarakat itu. Di samping memperbaiki keadaan sosial, anggota-anggota masyarakat desa seharusnya memperbaiki juga keadaan dan struktur ekonomi.

Saya berpendapat, faktor yang asasi dalam perubahan sosial dalam sesuatu masyarakat ialah pelajaran. Pada masa ini amat nyata bahawa pelajaran untuk anak-anak desa diberikan dengan cara yang kurang seimbang jika dibandingkan dengan kemudahan pelajaran yang terdapat di bandar-bandar besar. Perkara ini terlalu jelas ternampak buruknya jika kita melihat

keadaan yang sebenar di desa-desa di mana sekolah-sekolah diselenggarakan seolah-olah khidmat serta layanan yang diberikan, baik oleh tenaga pengajar mahu pun oleh pihak kerajaan sendiri adalah tidak memuaskan.

Usah disebut tentang pelajaran yang diberikan kepada anak-anak desa yang rata-rata tidak memberi aspirasi yang tinggi untuk murid-murid itu sendiri dan juga untuk ibubapa. Ditambah dengan kemiskinan dan sikap ibubapa yang kurang menaruh harapan terhadap pelajaran anak-anak mereka, keadaan pendidikan dan pelajaran dalam masyarakat desa menjadi bertambah buruk. Sedang ilmu pengetahuan paling mustahak pada masa ini terutama dalam membawakan perubahan sosial dan kebudayaan dalam masyarakat desa, pelajaran di daerah-daerah pedalaman ini masih di peringkat permulaan.

Kanak-kanak pada masa ini akan menjadi orang-orang dewasa di masa depan, tetapi dengan tingkat pelajaran yang didapati itu tidak setinggi yang boleh dibanggakan; jalan untuk mereka berjuang dan bertanding dengan lain-lain individu di bandar-bandar adalah gelap dan cuma satu jalan saja yang terbuka untuk mereka – menjejak langkah orang-orang tua mereka. Kemudian lingkaran ini akan berulang lagi setelah mereka pula melahirkan jenerasi baru. Selamanya keadaan ini akan tinggal statik jika kedudukan pelajaran yang terdapat di masa ini tidak diperbaiki secara berkesan.

Kelemahan orang Melayu sejak dulu lagi ialah disebabkan kurangnya penerimaan pelajaran mereka sendiri, atau mungkin mereka tidak menerima pelajaran walau sedikit pun. Perkembangan pelajaran dan penerimaannya oleh orang-orang Melayu terutamanya di desa-desa sangat tidak memberangsangkan. Akibatnya, sehingga hari ini pendidikan dan pelajaran dalam masyarakat desa masih lagi tidak diberatkan. Kurangnya perkampungan dan penerimaan pelajaran bermakna orang Melayu baik dari segi pemikirannya mahu pun sikapnya juga dari aspek ekonomi, sosial dan falsafah adalah mundur.

Pokok segala perkembangan dan kemajuan ialah pelajaran dan dengan tiadanya, sesuatu masyarakat itu akan menjadi lemah, lantas akan tinggal statik, atau mungkin boleh dikatakan bahawa perubahan masyarakat akan berjalan dengan kadar yang paling perlahan.

Faktor yang akhir yang ingin saya perkatakan di sini ialah perhubungan sosial. Setiap perhubungan antara seorang individu dengan individu yang lain adalah berpandu dan berlandaskan norma dan jangkaan. Olehitu jika norma sesuatu masyarakat itu mempunyai ciri-ciri yang bersopan, lemah lembut serta terlalu mengambil tahu dan memikirkan soal orang lain, jangkaan yang diharapkan oleh setiap anggota masyarakat adalah bercorak sedemikian juga. Dan perhubungan sosial seharusnya berjalan mengikut pola jangkaan dan perhubungan yang bersopan dan berlemah lembut dan mementingkan soal orang lain dari diri sendiri.

Perhubungan sebegini adalah berdasarkan persetujuan setiap anggota. Ini adalah satu pola perhubungan yang harmonis, paling sesuai untuk mana-mana masyarakat sekalipun sebab dengan tiadanya persetujuan setiap anggota masyarakat itu akan menjadi kucar-kacir. Tetapi kalau dipandang dari satu segi yang lain, perhubungan sosial yang mempunyai corak begini tidak menggalakkan pertandingan di antara satu sama lain.

Di sini letaknya kelemahan orang Melayu dalam masyarakat desa yang rata-rata bersifat bersetuju dalam perhubungan sosialnya. Persaingan yang sengit memberikan satu rasa atau semangat untuk maju kepada individu-individu dalam masyarakat, dan jika perasaan ini wujud, masyarakat itu sebaliknya pula akan turut maju jika terdapat anggota-anggotanya saling berlumba-lumba, misalnya untuk mendapat kekayaan menerusi bidang ekonomi, atau untuk mendapatkan lebih ilmu pengetahuan menerusi bidang pelajaran.

Semangat untuk bertanding yang disalurkan melalui perhubungan sosial, atau dengan kata lain, perhubungan sosial yang berlunaskan norma-norma dan jangkaan yang berunsur saingan merupakan satu perkara yang sesuai untuk satu-satu masyarakat yang mundur seperti dalam masyarakat desa di Malaysia ini. Oleh itu amat perlu untuk norma-norma serta pola jangkaan yang sedia ada dalam masyarakat desa diubah dan direvolusikan.

Revolusi sosial adalah satu perkara yang sudah lama berlaku dalam masyarakat Barat, iaitu sejak tercetusnya di Perancis. Tetapi tidak pula saya mencadangkan supaya masyarakat desa bertindak sedemikian untuk mewujudkan satu masyarakat yang progresif di daerah-daerah pedalaman.

Yang penting ialah kesedaran dan kesediaan dalam masyarakat itu sendiri untuk mengubah kesediaan dalam masyarakat itu sendiri untuk mengubah sistem dan struktur sosial yang sedia di masa ini.

Di atas tadi telah saya bincangkan kelemahan-kelemahan orang Melayu dalam masyarakat desa yang menyebabkan kemunduran masyarakat itu berdasarkan faktor psikologi dan sosiologi. Walaupun ada beberapa faktor lagi seperti agama, penjajahan Barat yang dialami sejak kejatuhan Melaka di tangan Portugis, faktor masyarakat yang majmuk di Malaysia dan juga pembawaan unsur-unsur struktur pemerintahan tradisi, yang tidak saya sentuh, namun tidak kurang memberi dan menambahkan kelemahan orang Melayu umumnya dan masyarakat desa khasnya.

Tetapi saya rasa yang lebih penting di sini bukanlah faktor-faktor itu sendiri tetapi kemahuan dan kerelaan untuk mengubah sikap dan pemikiran yang merubah semula seluruh asas sosial masyarakat desa yang sekarang ini berlunaskan unsur-unsur sosiologi yang dapat melemahkan orang Melayu sendiri. Revolusi tidak hanya mempunyai imbasan makna perjuangan dan pergolakan dalam bentuk peperangan atau pemberontakan tetapi juga bermakna tindakan yang radikal, menyeluruh dan cepat. Saya berpegang kepada imbasan yang kedua, dan perubahan sosial dan kebudayaan yang bersifat radikal dan menyeluruh; inilah yang perlu diadakan di dalam masyarakat desa di masa ini.

Sebagai kesimpulan saya tegaskan di sini, untuk memodenkan dan memajukan masyarakat desa paling mustahak ialah wujudnya inisiatif dan kemampuan untuk membangunkan masyarakat oleh anggota-anggotanya sendiri. Dan ilmu pengetahuan moden melalui saluran pelajaran adalah satu revolusi yang mengatasi segala revolusi lain, sebab menerusi saluran inilah kesedaran akan timbul, lantas membawa kepada perubahan sosial dan kebudayaan. Memandangkan betapa jauhnya masyarakat desa tertinggal di belakang, perubahan masyarakat yang radikal dan menyeluruh paling sesuai untuk zaman ini. Dengan kata lain, masyarakat desa harus direvolusikan, baik mentalnya mahupun sosialnya.

Dewan Masyarakat
Disember, 1972.

2

KERUNTUHAN NILAI TRADISI MASYARAKAT MELAYU DESA

Sulaiman Salleh

Rencana ini melibatkan dua konsep yang perlu dijelaskan sebelum analisa keseluruhannya dapat dibuat, iaitu apa yang dimaksudkan dengan "nilai" dan apa yang difahami sebagai "masyarakat desa" atau lebih dikenali dengan "masyarakat luarbandar." Tetapi soal yang kedua ini tidak lagi akan disentuh secara definasinya, kerana hal ini sudah agak jelas diperkatakan.[1] Hanya apa yang ingin dinyatakan walaupun perkataan luarbandar lebih sering disebut, tapi di sini perkataan ini akan digantikan dengan perkataan "desa". Penggantian perkataan ini amatlah perlu dibuat, kerana sungguhpun pada amnya secara konsepsi antara kedua perkataan ini sama saja, tapi ianya boleh menimbulkan implikasi yang berbeza.

Mengikut Prof. Ungku Aziz, perkataan desa lebih sesuai dipakai baik ditinjau dari segi logik, semantik maupun dari segi psikologi.

---

1. Lihat *Dewan Masyarakat*, Januari 1971. Urbanisasi dan Orang Melayu, ms. 14.

Sebenarnya untuk menerangkan konsep "nilai" secara definasi amatlah sukar. Ahli-ahli Sosiologi/Antropologi juga menghadapi masalah yang sama bila mereka cuba mendefinasikan perkataan ini. Kesukaran ini adalah disebabkan perkataan nilai ini merupakan satu abstraksi yang tak pernah wujud dalam ertikata ianya tak dapat dilihat, tak dapat dipegang dan tak boleh dirasa oleh manusia. Duit atau wang ringgit bukannya nilai, tapi fikiran manusia terhadap pentingnya benda itu untuk mendapatkan beras, lembu, baju motokar atau lain-lainnya itu dikatakan nilai. Ertinya wang itu mempunyai nilai kerana adanya keyakinan manusia bahawa di sebalik benda itu terdapat barang-barang lain yang diperlukan untuk hidup.

Tapi kalau manusia memikirkan benda itu tidak penting untuk mendapatkan barang-barang keperluan dalam pengertian tidak adanya barang-barang itu di sebaliknya, maka benda itu tidak ada nilai. Ini menjadikan wang itu tidak bernilai sebagaimana wang "pokok pisang" ciptaan zaman pemerintahan Jepun dulu. Keadaan demikian sama juga dengan sijil, diploma atau ijazah.

Nilai benda-benda itu tergantung kepada fikiran manusia tentang pentingnya benda-benda itu untuk memperolehi jawatan dalam berbagai-bagai perkhidmatan. Tapi kalau fikiran manusia tidak mempercayai pentingnya benda-benda itu untuk mendapat jawatan-jawatan yang sewajar, maka nilai sijil, diploma atau ijazah itu tidak ada, sebagaimana yang terjadi pada Sijil Pelajaran Malaysia di suatu masa dulu (mungkin sekarang juga). Jelasnya sijil, diploma atau ijazah bukannya nilai, tapi fikiran manusia terhadap penting dan patutnya benda-benda itu diperolehi dinamakan nilai.

Demikian juga tentang sembahyang, menunaikan fardu haji, berkelakuan baik dengan sopan santun yang tinggi dan menghormati orang tua bukannya nilai. Tapi fikiran manusia tentang penting dan patutnya perlakuan itu dibuat, dikatakan nilai. Masjid Negara yang tersergam indah dan bangunan Parlimen yang menjulang gagah di Ibukota atau Jambatan Sultan Yahya yang panjang merentasi Sungai Kelantan, tidak dianggap sebagai nilai. Sajak-sajak Masuri S.N., Tongkat Warrant atau novel-novel Achdiat dan Shahnon Ahmad juga bukan dikatakan nilai.

Secara umumnya nilai bukannya benda, bukannya per-

lakuan atau bukannya ciptaan. Tapi nilai adalah merupakan fikiran, anggapan dan kadang-kadang perasaan manusia terhadap penting dan kefungsian sesuatu benda itu, baik dan patutnya sesuatu perlakuan itu atau indahnya sesuatu ciptaan itu. Dan oleh kerana nilai melibatkan fikiran, anggapan dan kadang-kadang perasaan, maka menjadikan nilai itu berperingkat-peringkat, tersusun dalam satu susunan berdasarkan dari yang paling penting, paling baik, paling patut dan paling indah kepada peringkat-peringkat yang semakin kurang darjahnya.

Tapi disebabkan manusia bukannya bersifat homogenous dalam serba hal, maka fikiran, anggapan dan perasaan manusia terhadap sesuatu itu pula berbeza-beza dan sering bertentangan. Jadi di sini memperlihatkan nilai itu adalah relatif dalam pengertian ianya berbeza-beza berdasarkan objektiviti individu-individu dan yang lebih ketara ialah perbezaan yang wujud antara satu budaya dengan budaya yang lain.

Pertentangan nilai

Kerana nilai mempunyai sifat yang demikian, maka bila berlakunya pertembungan akan menimbulkan konflik, baik antara individu dengan individu yang lain maupun antara budaya-budaya yang berbeza. Pemuda sekarang suka memilih jodoh berdasarkan cinta sama cinta, dan pemilihan itu pula didorong oleh nilai-nilai mengikut susunannya: kecantikan rupa paras, tingkat pelajaran, kekayaan dan budi bahasa. Sedangkan ibubapa mereka memandang hal itu sebagai sesuatu yang bertentangan dengan mereka yang kuat didorong oleh nilai-nilai berdasarkan peringkat-peringkat mereka sendiri: budi bahasa, pelajaran agama, pandai memasak dan kemudiannya rupa paras.

Pertentangan ini berlaku kerana penyusunan nilai-nilai itu bertelingkah, masing-masing berdasarkan fikiran, anggapan dan perasaan tersendiri. Atau anak-anak muda sekarang amat meminati lagu-lagu pop yang rancak dan hangat, sehingga lagu-lagu demikian terus berkumandang di rumah mereka selagi rancangan tersebut disiarkan menerusi radio. Keadaan ini menimbulkan kemarahan orang-orang tua.

Sebaliknya bila radio mula menyiarkan lagu-lagu Timur

Tengah atau bacaan ayat-ayat suci al Quran, cepat-cepat radio dimatikan. Sedangkan rancangan-rancangan demikian amat diminati oleh golongan-golongan tua yang kuat dikongkongi oleh nilai-nilai agama. Jadi faktor inilah yang menimbulkan konflik, iaitu adanya pertentangan nilai.

Bagaimanapun konflik yang lebih hebat dan serius adalah berlaku akibat pertentangan nilai antara satu budaya dengan budaya lain. Dalam masyarakat Melayu tradisi, pembesar-pembesar mempunyai hamba-hamba abdi, dan tingkat prestij mereka ditentukan oleh seramai mana mereka mempunyai hamba-hamba abdi. Di sini memperlihatkan nilai terhadap penguasaan hamba abdi adalah tinggi dipandang dari kaca mata masyarakat Melayu tradisi itu.

Tapi bila British menguasai institusi-institusi politik Negeri-Negeri Melayu dalam tahun 1870-an dan 1880-an, penggunaan hamba-hamba abdi telah dihapuskan dengan alasan apa yang disifatkan sebagai bertentangan dengan hak-hak asasi dan dasar-dasar kemanusiaan. Akibatnya konflik berlaku, dan dengan adanya pertentangan nilai-nilai lain, menjadikan konflik semakin hebat.

Keadaan yang sama juga berlaku di India pada zaman permulaan pendudukan British di negeri itu. Rejim Kolonial itu cuba mengharamkan adat *suttee* dengan alasan untuk mewujudkan keadaan perikemanusiaan. Kerana adat ini mempunyai nilai yang tinggi dan suci dipandang dari kacamata agama Hindu, maka terjadilah konflik antara dua golongan itu.

Secara keseluruhannya setiap masyarakat dan budaya mempunyai nilai-nilai yang berbeza dan dalam banyak hal sering bertentangan pula. Orang-orang Barat memandang perbuatan memotong kepada dalam masyarakat primitif di Sarawak sebagai sesuatu yang bertentangan dengan prinsip-prinsip kemanusiaan. Sedangkan perbuatan demikian mempunyai nilai yang tersendiri bagi masyarakat itu, kerana fenomena tersebut mempunyai fungsi-fungsi tertentu dalam budaya mereka.

Orang-orang Timur memandang perbuatan bercium di khalayak ramai sebagaimana yang terdapat dalam masyarakat Barat sebagai perbuatan yang tidak bermoral, sedangkan berdasar kepada nilai Barat, perbuatan itu adalah suatu fenomena yang tidak memperlihatkan keruntuhan moral, malah

mempunyai fungsi yang tersendiri pula. Masyarakat Islam memandang sistem perkahwinan poliandri (seorang isteri dengan dua atau lebih suami dalam satu masa) yang diamalkan dalam setengah-setengah masyarakat di Afrika dan India, sebagai sesuatu yang bertentangan dengan kehendak-kehendak hidup manusia, bahkan bila lahirnya anak, akan menimbulkan pula masalah menentukan "hakcipta", manakala orang-orang Barat pula memandang sistem perkahwinan poligami, baik yang berbentuk poliandri maupun yang berbentuk poligami (seorang suami dengan dua atau lebih isteri dalam satu masa) sebagaimana yang diamalkan dalam masyarakat Islam sebagai suatu fenomena yang tidak memperlihatkan keadilan sosial antara jenis yang berbeza.

Sesungguhnya hal-hal yang demikian terjadi kerana masing-masing orang memandang budaya lain menerusi nilai-nilai yang ada dalam budayanya sendiri. Dan kerana perbezaan inilah yang mengakibatkan terjadinya konflik antara satu budaya dengan lain bila berlakunya pertembungan.

Nilai-Nilai Budaya

Tingkat konflik yang terjadi itu akan ditentukan oleh sejauh mana jurang perbezaan dan pertentangan antara nilai-nilai tersebut. Dan hasil dari konflik yang terjadi kerana pertentangan nilai inilah yang mewujudkan perubahan masyarakat dengan kadar yang lebih cepat.

Dalam banyak hal, nilai-nilai dari budaya yang tinggi tingkat peradabannya akan mengalami kemenangan dalam ertikata unsur-unsur dari budaya yang kuat itu akan berjaya menyerapkan penduduk-penduduk yang punya tingkat peradaban yang lebih rendah. Tegasnya konflik yang timbul akibat pertentangan antara dua nilai yang tidak sama tingkat peradaban dan tingkat kekuatan, menjadikan masyarakat yang lebih rendah itu sama ada secara langsung atau tidaknya akan dipengaruhi dengan senang oleh nilai-nilai dari budaya yang lebih tinggi dan kuat tingkat peradabannya. Hakikat ini memang mempunyai kebenaran yang sukar dinafikan, malah masyarakat Melayu juga pernah dan masih mengalami keruntuhan nilai-nilai sendiri akibat kehadiran nilai-nilai Barat, yang pada keseluruhannya menjadikan perubahan masyarakat Melayu berlaku dengan kadar yang lebih pesat dari sebelumnya.

Pada zaman pramoden, kampung adalah merupakan unit pentadbiran yang paling asas dalam sistem politik Melayu tradisi. dalam lengkongan yang lebih besar terdapat mukim, daerah dan seterusnya negeri. Ketua-ketua keluarga, pemimpin-pemimpin agama dan majis seperti imam dan pawang serta dukun, dan ketua-ketua kampung atau di peringkat mukim penghulu, adalah merupakan pemimpin-pemimpin yang penting dan berpengaruh. Sistem ekonomi berdasarkan pertanian secukup hidup menjadi amalan anggota-anggota masyarakat. Tinggi atau rendahnya tingkat daya pengeluaran keluarga adalah ditentukan oleh besar atau kecilnya satu-satu keluarga itu, kerana setiap anggota keluarga merupakan sebagai harta dari segi ekonomi. Bagaimanapun dalam kerja-kerja yang memerlukan banyak tenaga seperti membajak sawah, menuai padi dan lain-lain seumpamanya, terdapat pula cara-cara lain yang sudah terkenal yang digunakan bagi menyelesaikan masalah tersebut. Dengan adanya institusi-institusi ekonomi seperti gotong-royong, menyeraya, berderau dan lain-lain itulah yang jelas memperlihatkan kepada kita bahawa segala kegiatan ekonomi adalah intensif buruh dan tingkat penggunaan teknologi tersangat rendah.

Dari sistem pimpinan dan sistem ekonomi itu mencerminkan sistem interaksi sosial yang amat kukuh, teguh, mesra dan berpanjangan antara anggota-anggota masyarakat. Perasaan dan semangat perpaduan secara kedaerahan amatlah tebal sekali, dan pemujaan kepada pemimpin-pemimpin secara membabi-buta disalurkan menerusi pemimpin-pemimpin tempatan, daerah dan seterusnya kepada raja di peringkat negeri.

Kedatangan politik British yang membawa sistem birokrasi moden bersama-sama dengan munculnya ekonomi kewangan dan sistem pendidikan formal menyebabkan lemah dan runtuhnya nilai-nilai tradisi hingga mewujudkan perubahan-perubahan dalam masyarakat dengan kadar yang lebih cepat dari sebelumnya. Walaupun perubahan itu berlaku disebabkan oleh berbagai-bagai faktor yang mempunyai hubung-kait antara satu sama lain, secara yang lebih sistematik kejadian itu dapat ditinjau dari tiga aspek yang penting, iaitu aspek-aspek politik, ekonomi dan pendidikan.

Dengan terlaksananya sistem birokrasi moden yang di-

import dari Barat, ketua-ketua kampung dan penghulu-penghulu mula beroleh status dan peranan yang baru. Mereka merupakan sebagai agen pemerintah di peringkat-peringkat unit pentadbiran yang lebih kecil, dan menerusi institusi-institusi tersebutlah perintah dapat disalurkan. Ketua-ketua kampung dan penghulu-penghulu diberi elaun gaji sebagai ganjaran atas perkhidmatan mereka dengan pemerintah. Mereka tak boleh lagi memungut hasil-hasil dengan bebas secara bersendirian. Sempadan-sempadan kampung, mukim, daerah dan negeri ditentukan, dan tanah-tanah baru tidak lagi dapat dibuka dengan sewenang-wenang tanpa menerusi badan pemerintah yang tertentu seperti Pejabat Tanah.

Kemunculan sistem ekonomi kewangan yang selaras dengan pertambahan penduduk-penduduk imigrasi dan pertumbuhan pusat-pusat perbandaran, di satu pihak mengakibatkan bertambahnya permintaan terhadap hasil-hasil pertanian, dan di pihak lain menjadikan tanah-tanah semakin berkurangan. Pemodal-pemodal mulai timbul di desa-desa untuk memberi kredit dan lain-lain perkhidmatan kepada petani-petani, terutama dalam usaha menambahkan daya pengeluaran pertanian. Tapi dalam praktiknya langkah-langkah itu menimbulkan penindasan terhadap petani-petani. Penindasan orang-orang tengah ini bukan saja ditanggung oleh petani-petani kerana terpaksa membayar balik pinjaman-pinjaman itu dengan kadar bunga yang tinggi, tapi hasil-hasil pertanian mereka juga terpaksa dijual dengan harga yang murah kepada pemberi-pemberi kredit yang berfungsi sebagai monopolis-monopolis atau *oligopolis-oligopsonis* itu. Kemuncak dari penindasan itu berlaku bila petani-petani gagal menjelaskan pinjaman-pinjaman mereka, di mana hak pemegangan tanah terserah kepada kapitalis-kapitalis tempatan.

Kesan sosial yang paling jelas yang timbul baik disebabkan faktor politik moden lebih-lebih lagi kerana kehadiran sistem ekonomi kewangan ini ialah lemah dan runtuhnya sistem kekeluargaan dan institusi-institusi ekonomi tradisi. Tanah-tanah yang dipunyai oleh petani tinggal terhad, kerana pembukaan tanah-tanah baru tak dapat dijalankan sesuka hati. Ini menjadikan semakin lama tanah-tanah itu berpecah kepada keping-keping kecil yang tidak ekonomik, kerana adanya sistem pembahagian pusaka berdasarkan hukum-hukum

Islam. Keluarga yang lebih besar telah pecah, akibat pengaliran keluar anggota-anggota keluarga untuk membuka tanah-tanah baru di luar kekuasaan "keluarga orientasi" mereka, di samping tak kurang juga yang keluar mendapatkan pekerjaan-pekerjaan lain di pusat-pusat perlombongan atau di bandar-bandar. Dengan ini jelas memperlihatkan setiap anggota masyarakat sudah mempunyai kecenderungan untuk mengumpulkan kekayaan sendiri, kerana nilai-nilai ekonomi moden sudah mula bertapak dalam masyarakat.

Bagaimanapun faktor pendidikan formil masih juga merupakan sebagai faktor yang penting dalam proses perubahan sosial ini. Dengan menerusi institusi-institusi pelajaran yang merupakan agen sosialisasi baru dalam masyarakat, menjadikan proses secara formil ini amat berkesan sekali mengasimilasi dan mengorientasikan pelajar-pelajar dengan nilai-nilai baru, khususnya nilai-nilai Barat. Bila mereka keluar dari sekolah-sekolah mereka menganggap nilai-nilai dan norma-norma hidup masyarakat mereka sudah tidak sesuai lagi untuk mereka. Baik mereka yang terus menetap di tempat-tempat asal mereka maupun yang mengalir ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan yang sesuai dengan tingkat pelajaran dan orientasi baru mereka, memberi kesan yang amat penting terhadap sistem dan struktur masyarakat desa.

Sesungguhnya akibat kehadiran nilai-nilai baru yang dikatakan moden itu menjadikan nilai-nilai tradisi dalam masyarakat desa kian lemah dan beransur-ansur mengalami keruntuhan. Pemimpin-pemimpin kepercayaan seperti imam-imam, bilal-bilal yang dipandang tinggi kerana peranan mereka dalam soal-soal agama, serta pawang-pawang dan dukun-dukun yang dihormati kerana mempunyai kewibawaan dalam bidang majis sudah tidak dianggap penting dan tinggi lagi kedudukannya dalam susun lapis masyarakat desa. Malah tempat-tempat mereka telah diambil oleh golongan-golongan baru yang menjadikan masyarakat lebih memperlihatkan sistem berkelas-kelas dengan keadaan yang lebih ketara. Mengikut Prof. Syed Hussin Ali, masyarakat desa sudah dapat disusunlapiskan kepada lima golongan, iaitu:

1. Tuan Tanah — golongan orang-orang kaya yang mempunyai hak milik tanah, dan golongan jeragan dalam masyarakat nelayan.

2. Kelas Menengah — termasuk golongan guru, kerani-kerani dan anggota polis atau lain-lain kakitangan kerajaan yang tinggal menetap dalam satu-satu masyarakat itu.
3. Kelas Petani — iaitu golongan petani yang berada dan golongan petani yang tidak berada.
4. Kelas pekerja.
5. Kelas yang bukan-pekerja.

Dengan struktur masyarakat yang berkelas-kelas demikian, amat nyata sekali tinggi-rendah kedudukan seseorang itu ditentukan oleh faktor-faktor ekonomi, dalam mana orang-orang yang mempunyai kekuasaan di bidang ekonmi dianggap memainkan peranan yang lebih penting dan lebih berpengaruh hingga menimbulkan pandangan yang tinggi dan dihargai oleh masyarakat. Ini jelas memperlihatkan nilai ekonomi dan pelajaran telah menjadi nilai-nilai yang dominan sebagai menggantikan nilai-nilai agama dan susila dalam masyarakat Melayu tradisi. Disebabkan faktor inilah maka menjadikan anggota-anggota masyarakat lebih bersifat individualistik dalam ertikata masing-masing berusaha untuk berlumba-lumba mencapai tingkat kedudukan ekonomi yang lebih kukuh, yang bukan saja untuk mendapat jaminan hidup dengan lebih konkrit, tapi juga untuk memperlihatkan status mereka yang lebih tinggi dalam masyarakat.

Berdasarkan analisa di atas, sudah tiada syak lagi bahawa anggota-anggota masyarakat desa juga telah mempunyai kesedaran dalam hidup. Tapi mungkin timbul soalan, kalaulah anggota-anggota masyarakat desa sudah mempunyai kesedaran untuk berlumba-lumba mencapai kedudukan ekonomi dan sosial yang lebih tinggi, mengapa jua masyarakat tersebut tidak mencapai kemajuan selaras dengan pembangunan negara?

Pada amnya dapatlah ditegaskan bahawa di satu pihak tingkat kesedaran mereka itu timbul dengan kadar yang amat lambat jika dibandingkan dengan tingkat kesedaran yang dicapai oleh masyarakat kota, sementara di pihak lain unsur-unsur moden itu telah tidak diterima oleh mereka secara sistematik dan positif, dan dalam banyak hal nilai-nilai dari Barat itu dicampurkan bersama hingga menimbulkan kesan-kesan yang negatif terhadap mereka. Kesedaran mereka se-

olah-olah kesedaran orang yang baru bangun dari tidur, tidak tahu ke mana arah yang hendak dituju dan di mana matlamat yang harus dicapai untuk dapat menjamin kehidupan mereka dalam suasana tekanan dan cabaran nilai-nilai baru. Ertinya mereka telah sedar, disedarkan oleh unsur-unsur Barat yang datang secara tiba-tiba hingga membuatkan mereka terjaga dan teraba-raba dalam arus perkembangan nilai-nilai baru ini. Dalam suasana inilah mereka terbawa-bawa dengan aliran pemikiran yang sesat hingga timbulnya kesan-kesan yang negatif, dan penindasan hidup yang tambah menekan proses kemajuan mereka.

Jadi kemunduran mereka adalah disebabkan mereka telah tidak disedar dan diperkenalkan dengan teratur tentang nilai-nilai yang mana membina dan yang mana menjahanam-kan, yang mana boleh membawa kesan-kesan positif dan yang mana pula akan membawa kesan-kesan yang negatif, malah mereka telah tidak diberi peluang dengan adil untuk sama-sama menikmati nilai-nilai moden yang merupakan gejala-gejala baru dalam hidup mereka. Tegasnya mereka telah tidak diberi bimbingan dan pimpinan yang akan membolehkan mereka menceburkan diri bersama-sama dalam arena peng-hidupan moden yang berdasarkan pertandingan bebas. Mereka telah tidak dipimpin dengan penuh perasaan ber-tanggungjawab untuk mencapai matlamat hidup yang se-harusnya direncanakan terlebih dulu oleh pemerintah.

Sesungguhnya baik di bidang ekonomi maupun di bidang pelajaran, masyarakat desa tak pernah beroleh ke-untungan yang sewajar dan setanding dengan apa yang dapat dinikmati oleh masyarakat kota. Unsur-unsur penindasan di-biarkan berleluasa, dan sekolah-sekolah rendah aliran Melayu yang serba kekurangan di samping tanpa matlamat yang konkrit dibiarkan dalam keadaan yang amat mengecewakan. Jadi tidaklah menghairankan kita kalau golongan tua yang bertungkus lumus mengendalikan kegiatan hidup itu sering menjadi mangsa penindasan akibat kejahilan mereka untuk mensesuaikan diri dengan kehendak-kehendak dan per-kembangan moden. Konsep-konsep lama masih juga dipegang walaupun kecenderungan mereka telah berubah. Kerana hal yang demikian juga menjadikan sikap mereka terhadap pelajaran formil, tinggal pasif, sehingga anak-anak mereka baik yang dimasukkan ke sekolah lebih-lebih lagi yang dibiar-

kan langsung, terus hanyut dipukul arus dan gelombang unsur-unsur Barat yang bercampur aduk antara nilai-nilai yang membina dan nilai-nilai meruntuhkan.

Dengan demikian juga tidaklah menghairankan kita kalau pemuda pemudi di desa seperti juga anak-anak muda di kota pandai berseluar ketat poket belakang yang terselit sikat, pandai memakai gincu dan lain-lain jenis make-up, tahu menikmati filem-filem Hindustan, Jepun dan filem-filem Barat, tahu menikmati majalah-majalah filem dan seks, alim dalam soal-soal romen dan pakar dalam soal-soal pil pencegah beranak.

Ini hanya beberapa contoh dari beribu-ribu contoh yang lain akibat kemeresapan nilai-nilai moden yang telah tidak diperkenal dan disalurkan dengan sistematik, bertanggungjawab dan dirancangkan matlamatnya terlebih dulu. Keruntuhan nilai-nilai tradisi yang sepatutnya diganti oleh nilai-nilai baru yang boleh membangunkan masyarakat secara positif, telah memberikan kesan yang sebaliknya pula. Malah dalam banyak hal tekanan hidup kian bertambah ketara akibat pesatnya perkembangan ekonomi dan sosial di kota, di samping gejala-gejala keruntuhan moral di kalangan anak-anak muda sudah agak sukar dipertahankan lagi.

Kelahiran buku Revolusi Mental memanglah merupakan suatu langkah yang amat baik sekali. Bagaimanapun ianya masih belum berfungsi dan bererti dalam hubungan ini kalau hanya mental rakyat saja yang hendak direvolusikan, sedangkan mental pemimpin-pemimpin masih belum direvolusikan dalam ertikata fikiran mereka masih tidak mahu diselaraskan dengan kehendak-kehendak yang wujud. Ertinya jika masih belum lahir pimpinan yang penuh kejujuran dan keinsafan untuk membimbing dan menyediakan rakyat desa ke arah mencapai matlamat yang benar-benar dirancangkan terlebih dulu, gagasan yang mula bersemarak kembali dengan lahirnya buku tersebut tidak akan memberi apa-apa kesan yang positif. Bagaimanapun, amatlah membanggakan sekali bila mendengar rancangan pemerintah untuk menyusun kembali dan membangun masyarakat desa melalui proses-proses industrialisasi dan urbanisasi seperti mana yang diucapkan oleh Allah yarham Tun Ab. Razak. Perdana Menteri Malaysia dalam persidangan agung UMNO

baru-baru ini, betapapun gagasan ini sepatutnya lahir dalam masa yang lebih awal lagi.

Dewan Masyarakat
Mei, 1971.

3

PERANAN SAINS DAN TEKNOLOGI DALAM PERUBAHAN SISTEM NILAI MASYARAKAT DESA*

Afifudin Hj. Omar

Hakikat pembangunan masyarakat desa atau pembangunan apa-apa masyarakat sekalipun, adalah tertakluk kepada proses pengaruh mempengaruhi di antara sistem nilai sosio-ekonomi dan kegiatan-kegiatan ekonomi dalam masyarakat itu. Sistem nilai sosio-ekonomi merupakan garis kasar yang menentukan corak kegiatan ekonomi, dan sebaliknya pula kegiatan ekonomi boleh merubah nilai sosio-ekonomi yang tidak sesuai lagi dan membina nilai baru yang dapat diterima oleh sistem nilai masyarakat itu pada keseluruhannya. Oleh itu satu keadaan timbal-balik yang dinamik berlaku dalam suasana pembangunan masyarakat desa. Dalam pelaksanaan pembangunan desa pembahagian bahan-bahan

---

* Rencana ini asalnya ialah kertaskerja sdr. Afifudin bin Haji Omar, Ahli Sosiologi MADA, bertajuk "Peranan Sains dan Teknologi dalam mengubah Sistem Niali Sosio-Ekonomi Masyarakat Desa Yang Tradisional Kepada Bentuk Moden" yang telah dibentangkan dalam Persidangan Biro Ekonomi UMNO Kedah.

pengeluaran, penubuhan saluran proses pengeluaran dan pemasaran hanya merupakan pembinaan asas-asas kegiatan ekonomi saja. Tidak dapat dinafikan bahawa asas-asas ini perlu untuk membina nilai sosio-ekonomi yang progresif berlawanan dengan nilai tradisional lebih-lebih lagi pada masa-masa permulaan zaman pembangunan. Tetapi asas-asas ini hanya akan tinggal asas saja jikalau satu-satu masyarakat itu tidak disediakan untuk menyambut kemunculan nilai baru yang progresif ini.

Penyediaan satu-satu masyarakat yang sistem nilai kebudayaannya masih bercorak tradisional untuk menerima nilai baru ini, merupakan satu hakikat yang bukan hanya untuk dilaungkan saja, malah ia mesti dititikberatkan dan dilaksanakan selaras dengan pelaksanaan rancangan kegiatan ekonomi tadi. Ini bererti penilaian bentuk institusi sosial yang ada untuk mencari kelemahannya yang menghalang proses penerimaan nilai-nilai sosio-ekonomi baru itu.

Tujuan makalah ini ialah untuk menganalisa setengah ciri-ciri kebudayaan masyarakat desa yang difikir menjadi penghalang kepada usaha-usaha memodenkan nilai sosio-ekonomi. Saripati penganalisaan ini dapat menjadi panduan untuk kita memadankan peranan-peranan sains dan teknologi sebagai alat untuk menukarkan bentuk nilai sosio-ekonomi yang berdasarkan ciri-ciri kebudayaan tradisional ini kepada satu bentuk moden yang menekankan pencapaian hasil yang maksimum.

Asas Pemikiran

Sains adalah merupakan cara-cara mengetahui dan menyelidiki kenyataan alam dengan teratur melalui proses-proses pemerhatian, percubaan dan penganalisaan. Satu-satu aktiviti atau kegiatan pemikiran dan pekerjaan itu dikatakan saintifik apabila ianya mengikut dasar tadi dan akhirnya mengeluarkan rumusan dan prinsip pemikiran dan pekerjaan yang rasional. Teknologi merupakan cara-cara menggunakan prinsip dan rumusan sains ini untuk mencapai hidup yang sempurna. Mengikut kaedah ilmu ekonomi, seseorang itu adalah rasional apabila segala matlamat kegiatan dalam usaha mencari makan itu ialah untuk mencapai hasil atau keuntungan yang paling tinggi yang boleh dicapainya —

yang maksimum. Kerasionalan itu mestilah tercetus daripada pemikiran dan pekerjaan yang bersifat saintifik.

Dalam konteks pembangunan masyarakat desa apa yang dihadapi oleh agensi-agensi pembangunan adalah satu sistem logik moden dalam kegiatan ekonomi amat rendah sekali. Ini disebabkan oleh ciri-ciri kebudayaan yang menggambarkan satu-satu kejadian alam dengan cara yang khayal – yang tidak saintifik. Misalnya penyakit tumbuh-tumbuhan banyak yang dikaitkan dengan peredaran bulan – apa yang dinamakan makan bulan.

Adanya ciri khayalan ini bukanlah bererti anggota masyarakat itu bodoh, tidak tahu memerhati dan menganalisa. Malahan di sebalik kekhayalan ini satu sistem pemerhati dan penganalisaan yang rapi sudah wujud di kalangan orang-orang Melayu. Penyakit makan bulan tadi bukan hanya dilahirkan daripada awang-awangan. Dengan cara tidak kebetulan makan bulan itu adalah satu kenyataan yang tidak dapat dinafikan kerana serangan penyakit ini menjadi-jadi di waktu bulan penuh. Anak-anak serangga yang halus (microscopic) yang membawa penyakit makan bulan ini membiak di kala bulan penuh. Sebab itulah di masa ini tumbuh-tumbuhan itu memanifestasikan tanda-tanda penyakit itu. Oleh sebab kehalusan anak-anak serangga tadi dan lagi pula ianya tersembunyi dalam tumbuh-tumbuhan tadi maka peladang-peladang tidak dapat melihatnya dengan mata kasar. Tapi disebabkan oleh pemerhatian yang rapi dapat ia mengaitkan unsur penyakit itu kepada bulan. Pengaitan ini memanglah logik tapi ianya tidak berdasarkan cara yang saintifik.

Dapatlah diterima bahawa dalam masyarakat desa yang miskin sekalipun, khasnya masyarakat peladang Melayu telah wujud struktur pemikiran yang logik. Hanya kekurangannya ialah daya memahami sebab-musabab dengan cara saintifik kerana tidak adanya alat-alat dan keperluan untuk berbuat demikian. Maka dalam usaha menyediakan masyarakat itu untuk menerima nilai sosio-ekonomi yang progresif adalah mustahak ditekankan penyusupan faktor-faktor yang berikut ke dalam masyarakat peladang, di samping penyusupan teknologi baru dalam pertanian:

1. Perkaitan antara sebab-musabab dan kejadian yang logik mengikut corak saintifik.
2. Perkaitan rasional di antara usaha dan hasil di mana hasil yang tinggi mestilah didahului oleh usaha yang bertambah.

Nilai-nilai Tradisional dan Akibatnya

Penganalisaan sistem nilai sosio-ekonomi Melayu tradisional boleh dibuat mengikut tiga peringkat kegiatan ekonomi iaitu Peringkat pengeluaran ataupun produksi, Peringkat memproses hasil pengeluaran tadi dan pengedarannya, Peringkat penggunaan barang-barang dan perkhidmatan.

i. Nilai-nilai Yang Berhubung Dengan Aktiviti Pengeluaran

Aktiviti pengeluaran adalah termasuk aktiviti mendapati, memiliki, mencipta, membaiki dan membanyakkan bahan atau faktor pengeluaran iaitu tanah, tenaga buruh dan modal. Dalam usaha mendapati, memiliki, mencipta, membaiki serta membanyakkan faktor pengeluaran tadi kebolehan untuk mencatu bahan-bahan ini mengikut keadaan yang dapat menghasilkan pengeluaran maksimum adalah satu faktor muktamad guna menentukan kejayaan ekonomi seseorang itu. Dan kebolehan mencatu dan mencari peluang membanyakkan hasil ini adalah tertakluk kepada pemikiran dan penilaian yang berasaskan logik dan saintifik.

Kebanyakan nilai sosio-ekonomi tradisional adalah logik mengikut sistem logik tradisional. Misalnya dalam aktiviti menanam padi secara tradisional di mana tiap-tiap satu perdu itu mengandungi sekurang-kurang lima anak semai. Ini ialah kerana tidak adanya racun musuh padi seperti ketam dan tikus pada masa dulu. Apabila satu-satu perdu itu dibanyakkan anak semai maka kehilangan yang diakibatkan dari serangan musuh tadi dapat dikurangkan.

Andaikata satu-satu serangan musuh yang tidak dapat dikawal berlaku maka ini dikata sudah takdir. Oleh sebab pengerjaan pertanian selalu dilanda oleh kuasa alam yang tidak terkawal oleh teknologi yang ada maka sistem nilai masyarakat itu mengaitkan kejadian ini kepada takdir semata-

mata. Dalam zaman pembangunan ini di mana teknologi yang ada dapat mengawal kebanyakan bencana alam ini tidak seharusnyalah takdir disalahkan.

Lagi satu misalan tentang adanya kekurangan kesedaran mengenai perkaitan sebab akibat dapat dilihat pada pinjaman kredit persatuan Peladang Rancangan Muda, di mana hanya 55% daripada kredit yang diuntukkan itu dipinjam. Tetapi di sini dapat ditafsirkan bahawa peladang sebenarnya tidaklah terlampau jahil tentang penggunaan kredit itu sebagai bahan-bahan pengeluaran, malah mereka berhati-hati sebelum meminjamnya kerana mereka mesti yakin bahawa pembayaran balik dengan faedahnya wajib dilakukan selepas menuai. Dan ini hanya boleh apabila hasil tinggi. Malah ini dapat disifatkan sebagai satu kemajuan dalam pemupukan nilai sosio-ekonomi yang menitikberatkan tiap-tiap pendapatan itu mesti ada modalnya. Ini lebih memberangsangkan dari hanya memberikan peladang itu dan ini dengan percuma. Kejayaan pemupukan nilai ini akan dapat dilihat apabila lebih banyak peratus kredit yang diperuntukkan itu digunakan oleh peladang.

Dalam logik sains pertanian sekarang ini tiap-tiap satu perdu itu tidak boleh lebih daripada tiga anak semai kerana ini adalah sebaik-baik keadaan untuk memberi peluang pokok padi itu berakar dan beranak. Dan logik ini disokong pula dengan adanya racun ketam dan tikus. Oleh itu pada hakikatnya sistem logik peladang tadi adalah menurut keadaan dan taraf teknologinya. Mustahaklah pada masa ini di mana taraf teknologi sudah meningkat, peladang itu diberi pengertian tentang kaedah penanaman cara baru ini dengan disokong oleh teknologi yang tinggi tadi.

Untuk memberi pengertian berkenaan dengan perkaitan sebab akibat dan penghasilan yang tinggi ini maka perlu sekali pegawai agensi pembangunan dilengkapkan dengan pengetahuan sains dan teknologi di bidang apa pun jua. Usaha pembangunan yang hanya menitikberatkan pencurahan bahan dan wang dengan tidak diekori dengan pengajaran daripada pegawai agensi pembangunan tentang bagaimana mencatu bahan-bahan tadi mengikut sistem logik moden adalah merupakan satu usaha yang sia-sia. Bukan saja setakat tidak tercapainya matlamat pembangunan tadi, malah ia juga menjadikan masyarakat itu satu masyarakat yang hanya tahu meng-

harapkan bantuan, sehingga jambatan rosak pun tidak terdaya diperbaiki tanpa bantuan agensi pembangunan. Beban memberi pengertian ini bukan hanya terletak di atas bahu pegawai-pegawai pembangunan, malah ia menjadi kewajiban kepada semua golongan pemimpin masyarakat seperti ahli politik, penghulu, ketua kampung dan lain-lain individu. Andaikata perlu diberi kursus tentang sistem logik yang mengikut sains dan teknologi moden ini kepada pemimpin tadi maka elok sangatlah diadakan demi kepentingan pembangunan masyarakat desa.

ii. Nilai-nilai Yang Berhubung Dengan Aktiviti Memproses Dan Mengedar Hasil Pengeluaran

Dalam kebudayaan tradisional, sistem ekonomi adalah bercorak secukup hidup disebabkan oleh teknologi pengeluaran yang rendah mutunya. Ini menyebabkan timbulnya nilai-sosio-ekonomi yang berkonsep bahawa kekayaan dalam satu-satu masyarakat itu adalah terhad. Nilai ini menekankan pemilikan harta yang sama banyak di kalangan penghuni-penghuni sesebuah kampung. Sesiapa yang memiliki harta yang berlebihan dianggap sebagai mendapati harta itu dengan muslihat dan tipu helah. Ini sudah tentu mengongkong daya usaha seseorang itu daripada mencari rezeki yang berlebihan daripada sekadar cukup makan. Oleh itu aktiviti memproses dan mengedar hasil pengeluaran itu terhad kepada hasil pengeluaran yang sedikit. Jikalau ada hasil yang berlebihan sedikit dibawanya ke k pekan nat (pekan sehari) untuk dijualnya. Harga jualan itu hanyalah sekadar balik modal kerana keadaan hasil yang dijual itu tidak tinggal mutunya sebab usaha memproses tidak diorientasikan ke arah ketinggian harga (commercialization).

Adanya pekan-pekan nat yang dipenuhi oleh peniaga-peniaga kecil Melayu pada masa sekarang ini menunjukkan bahawa:—

a. Usaha pengedaran hasil tadi mencerminkan satu sistem perniagaan yang diwarisi dari nenek moyang yang selalu bergerak dari setempat ke setempat yang lain. Apabila bergerak ini ada maka sifat kerjasama ekonomi tidak ada kerana keadaan bergerak ini lebih menggalakkan sifat individu daripada sifat bekerjasama.

b. Usaha memproses hasil pengeluaran masih lagi primitif, tidak dapat mengeluarkan hasil-hasil yang tinggi mutunya dan mengikut standard yang tertentu.
c. Usaha pengedaran hasil ini masih lagi primitif yang tidak mengikut kaedah pengedaran jangka yang besar.

Untuk membasmi konsep tentang kekayaan itu terhad, maka peranan sains dan teknologi amatlah strategik di mana dengan penggunaan teknologi moden hasil boleh dilipatgandakan. Apabila hasil telah berlipatganda maka sistem memproses dan pengedaran mestilah sesuai dengan hasil yang banyak tadi. Institusi pekan nat yang ada sekarang ini tidak sesuai dengan keadaan hasil yang berlipatganda kerana:

a. Ia tidak menggalakkan usaha memproses hasil pengeluaran yang tinggi mutunya.
b. Ia tidak menampung keperluan pemasaran yang besar.
c. Adanya sistem perhubungan di antara bandar dan desa, iaitu jalanraya yang banyak menghubungkan kedua-duanya, menjadikan pekan nat itu tidak perlu lagi.
d. Ia tidak menggalakkan usaha bekerjasama dalam aktiviti ekonomi.
e. Ini lebih menguntungkan peniaga-peniaga bandar daripada peniaga-peniaga kampung.

Seelok-eloknya digalakkan peniaga-peniaga kecil Melayu berniaga di tempat-tempat yang tetap supaya terwujud satu masyarakat peniaga Melayu yang mempunyai perhubungan di antara satu sama lain yang boleh menggalakkan penubuhan satu-satu persatuan yang kukuh dan rapi. Dengan adanya perkumpulan ini maka satu jalan akan terintis untuk memupuk nilai yang menitikberatkan pengeluaran dan pengedaran yang besar.

Dari segi sosiologi pemupukan nilai ini akan berlaku apabila perhubungan sosial antara peniaga-peniaga itu rapat, yakni bersemuka. Keadaan ini menggalakkan pertukaran fikiran dan penyusupan maklumat perniagaan yang rapi dari luar dan dalam kumpulan itu. Apabila ada suasana sosial yang

begitu maka nilai persatuan akan terjalin di kalangan peniaga-peniaga Melayu yang dulunya berorientasikan kepada individu. Ini bersamaan dengan satu daripada tujuan Rancangan Pembangunan Malaysia Kedua di mana ditegaskan penubuhan satu masyarakat perniagaan dan industri Melayu.

iii. Nilai-nilai Yang Berhubung Dengan Aktiviti Penggunaan Barang-barang dan Perkhidmatan

Dalam masyarakat yang berekonomi secukup makan penggunaan wang dalam aktiviti ekonomi adalah terhad kerana:

a. Kurang kebolehan mendapat wang oleh sebab kecilnya pemilikan dan rendah mutu teknologi.
b. Kurang peluang mencari lain-lain unsur wang selain daripada berladang.

Dalam keadaan begini, misalnya di masa penanaman padi sekali setahun, peladang hanya mendapat wang satu kali saja dalam satu tahun iaitu di masa mengerat. Tidaklah dinafikan bahawa di masa sebelum mengerat ada juga wang didapati secara rincik (runcit) hasil dari kerja sambilan. Tapi adalah satu kenyataan bahawa wang yang banyak hanya didapati selepas mengerat.

Sebelum wang itu didapati peladang adalah dalam keadaan berpuasa daripada berbelanja. Keperluan hari-hari diambil dari kedai dengan berhutang. Di kala ini sifat berjimat itu memang ada kerana kesedaran tentang hutang itu menyekatnya daripada memboros. Tetapi apabila selepas mengerat dan wang didapati dengan banyak pada satu masa saja, sifat berjimat tadi hilang kerana telah berpuasa sekian lama, maka inilah peluang untuk mendapatkan apa yang diidam-idamkan di masa padi sedang naik dulu. Sifat berbelanja dengan cara terburu-buru nafsu berleluasan kedapatan seperti peladang berpusu-pusu ke bandar untuk membelibelah dan mencari hiburan tanpa batasan jimat cermat lagi – inilah yang dikata *impulsive spending* yang diakibatkan oleh nilai sosio-ekonomi yang bercorak nilai masa sekarang.

Dengan adanya sifat kurang sabar dalam belanja membelanja maka akibatnya tidak ada penggunaan wang yang rapi kerana hampir semua pendapatan itu dibelanjakan untuk

perkara-perkara yang tidak ekonomik. Maka kuranglah daya untuk melabur dan menabung wang pendapatan itu. Dan apabila hendak menjalankan pekerjaan menanam dan menanti padi masak terpaksalah berhutang lagi.

Dalam suasana pembangunan sekarang ini walaupun peladang diberi peluang mendapat wang dua kali menerusi penanaman dua kali setahun, namun nilai tidak sabar itu tidak dapat dihapuskan jikalau peladang tidak diasuh bagaimana hendak mencatu pendapatannya ke arah pelaburan, penabungan dan perbelanjaan.

Kaedah pencatuan ini dapat disusupkan ke dalam masyarakat peladang dengan mengadakan rancangan penyimpanan wang bukan hanya menerusi syarikat-syarikat kerjasama malah menerusi bank perniagaan dan lain-lain badan kewangan. Tidak mencukupi jikalau peladang itu hanya digalakkan menyimpan wang menerusi syarahan di radio dan poster-poster di pejabat pos kerana pada hakikatnya fahaman peladang atau orang-orang desa terhadap pelaburan dan penabungan di bank-bank atau di lain-lain badan kewangan adalah sempit dan kadang-kadang salah. Nilai penggunaan perkhidmatan bank adalah tertakluk sangat kepada ikatan dan sekatan kebudayaan yang menganggap wang faedah daripada pelaburan dan penabungan itu adalah riba.

Jikalau ikatan dan sekatan kebudayaan itu berasal dari kepercayaan animisma dalam lingkungan aktiviti ekonomi seperti bercucuk tanam dapat kita menggunakan teknologi baru untuk membetulkan kesalahan pandangan tadi. Tetapi masalah penafsiran dari pengajaran agama Islam itu adalah tanggungjawab para ulama untuk membentangkan tafsirannya.

Perlu ditekankan di sini bahawa inisiatif dalam mengubah nilai sosio-ekonomi ini bukan hanya terhad kepada agensi perubahan kerajaan saja, malah ini adalah tanggungjawab orang perseorangan yang mengetahui kedudukan nilai yang bukan menyekat pembangunan negara tapi juga asing dari prinsip-prinsip Islam.

Dapat dilihat dalam peringkat III di atas secara ringkas tentang masalah nilai sosio-ekonomi peladang-peladang Melayu. Untuk memupuk nilai baru yang progresif bukannya dapat dicapai dalam masa yang singkat kerana proses sosialisasi atau akulturasi yang telah dilalui dari kecil hingga

dewasa dalam arus nilai sosio-ekonomi tradisional telah menyemadikan nilai-nilai tradisional ini ke dalam jiwa tidak sedar (unconscious) dan bawah sedar (subconscious) seseorang peladang Melayu itu.

Penyelesaian kekusutan nilai-nilai tradisional ini ke arah bentuk-bentuk moden mesti dimulakan dengan mengadakan kemudahan-kemudahan ekonomi terlebih dulu. Ini sudah diadakan oleh kerajaan. Berasaskan kemudahan ekonomi ini nilai-nilai baru akan timbul dengan sendirinya. Tetapi penimbulan ini akan mengambil masa yang berabad-abad. Di sinilah falsafah pembangunan masyarakat berpusat, iaitu dengan kemudahan ekonomi tadi dapatlah dipercepatkan timbulnya nilai sosio-ekonomi baru yang progresif itu.

Dalam penyusunan bentuk institusi sosial itu sistem dasar kepercayaan (criterion of truth) mesti diubah daripada yang berdasarkan metos kepada yang berdasarkan sains dan teknologi. Ini berkehendakkan pemikiran yang rasional bukan saja daripada kaum peladang malah yang lebih penting sekali daripada kaum bukan peladang (pegawai-pegawai, ahli-ahli politik, orang-orang awam dan lain-lain), kerana suasana sains dan teknologi tidak dapat seimbang dengan emosi kosong. Ini berkehendakkan fahaman dalam kaedah-kaedah saintifik dalam apa-apa segi kegiatan sekalipun.

Kertaskerja ini membentangkan rumusan-rumusan yang berikut untuk dijadikan rangka melaksanakan tujuan memupuk nilai-nilai sosio-ekonomi yang progressif berlawanan dengan yang tradisional.

1. Bahawa dalam bidang kegiatan pengeluaran di samping mengadakan teknologi moden untuk kemudahan peladang, maka kerajaan perlulah menitikberatkan tentang konsep bahawa tiap-tiap yang dikehendaki itu mesti dibayar harganya. Dalam kegiatan bantuan, kerajaan mestilah menukar imejnya daripada pemberi kepada penolong. Dengan ini dapatlah dibina satu masyarakat yang betul-betul berdikari. Erti konsep berdikari bukan saja terhad kepada kecukupan keperluan hidup tapi juga meliputi kebolehan menyelesaikan masalah hidup hari-hari dalam

masyarakat tanpa mengharapkan wakil-wakil rakyat menyelesaikan kesemuanya. Dalam Persatuan Peladang Rancangan Muda umpamanya, ini ditekankan dan peladang-peladang digalakkan menyelesaikan masalah mereka sebagai satu kumpulan ekonomi dan sosial yang satu. Saluran-saluran telah diadakan dalam organisasi persatuan itu sendiri di mana peladang diwakili dalam segala kegiatan persatuan.

2. Bahawa dalam kegiatan memproses dan mengedar, kemudahan pemasaran mestilah seimbang dengan peninggian hasil yang dicapai dengan menggunakan teknologi moden tadi. Sia-sia institusi lama yang hanya sesuai dengan ekonomi secukup hidup tidak perlu dihidupkan lagi. Apa yang mustahak ialah menyesuaikan bentuk kegiatan pengedaran tradisional tadi kepada institusi baru. Misalnya kawasan berdekatan dengan pusat-pusat kemajuan pertanian dalam Rancangan Muda itu boleh dijadikan pusat pemasaran yang tetap. Peladang-peladang dalam satu-satu lokaliti pertanian itu dapat bertumpu kepada satu pusat yang tetap untuk menjual dan membeli-belah. Dengan ini rancangan untuk mengurbanisasikan masyarakat desa akan tercapai bukan saja dari segi fizikal malah juga dari segi pemupukan nilai-nilai sosio-ekonomi yang bercorak urban.

3. Bahawa dalam kegiatan membelanja dan menggunakan perkhidmatan yang ada pendidikan peladang untuk mencapai nilai-nilai sosio-ekonomi yang progresif adalah satu faktor yang amat penting. Tanggungjawab mendidik ini tidaklah terhad kepada setengah-setengah jabatan kerajaan saja malah semua mesti terlibat. Rancangan pendidikan ini akan tergendala atau akan gagal sama sekali jikalau peladang digalakkan berjudi dengan mengadakan mesin-mesin judi dan mengadakan pasar-pasar ria yang berpanjangan di desa selepas

musim menuai. Terlibatnya semua pihak barulah tercapainya matlamat Rancangan Malaysia Kedua ini.

Dewan Masyarakat
November, 1972.

4

MASALAH TANAH DI KALANGAN KAUM TANI

Sanusi Osman

Masalah tanah di kalangan kaum tani di Malaysia bertambah buruk. Kepada kaum tani, tanah itu bukan saja merupakan sumber pendapatan yang amat penting tetapi seluruh kehidupan mereka, kedudukan mereka dan masa depan mereka dan keluarga mereka akan ditentukan oleh perhubungan mereka dengan tanah.

Menurut banci 1967 terdapat 1,200,000 orang bekerja dalam lapangan pertanian. Daripada angka ini 750,000 orang bekerja di lapangan pertanian di kampung-kampung dengan menoreh getah, menanam padi dan menangkap ikan. Daripada jumlah pekerja pertanian di kampung itu 85% daripadanya terdiri dari orang Melayu. Perangkaan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar orang Melayu menjalankan perusahaan pertanian di mana faktor tanah memainkan peranan yang penting untuk menentukan nasib hidupnya.

Di Malaysia rakyat yang paling miskin dan paling menderita ialah kaum tani. Pendapatan mereka sebulan hitung panjang antara $40 hingga $60/-. Hal demikian berlaku ialah kerana kebanyakan kaum tani tidak mempunyai tanah milik

sendiri untuk dikerjakan. Sebahagian kecil kaum tani yang mempunyai tanah, pemilikannya pula tidak ekonomik. Oleh kerana itu mereka terpaksa menyewa tanah dari orang yang bertanah ataupun menjual tenaga mereka.

Kemiskinan kaum tani bukan sahaja berpunca daripada ketiadaan tanah atau tidak cukup tanah tetapi juga kerana sudah bertahun-tahun mereka itu ditindas dan diperas serta ditipu oleh golongan tuan-tuan tanah, golongan orang-orang tengah, peminjam wang, pekedai dan orang yang bersubahat dengan golongan kapitalis dalam dan luar negeri.

Biar pun kemiskinan kaum tani itu sudah bertahun-tahun menjadi rahsia umum tapi belum ada tindakan yang positif dan tegas bagi mengatasi kemiskinan itu. Biar pun semua orang tahu bahawa tuan-tuan tanah menindas kaum tani dengan mengenakan sewa yang amat tinggi dan orang-orang tengah atau peminjam wang memeras dan menipu kaum tani dengan mengenakan bunga antara 50% melalui sistem kejam seperti sistem padi kunca dan jual janji – tetapi sistem yang kejam itu berjalan terus dan penindasan yang berbagai bentuk itu terpaksa dihadapi oleh kaum tani sendiri.

Kemiskinan dan penderitaan kaum tani adalah berpunca dari dua sebab yang besar. Pertamanya: wujud satu golongan kecil yang menguasai banyak tanah. Keduanya: berpunca dari dasar kerajaan yang tidak tegas.

Golongan Yang Menguasai Tanah

Luas tanah yang bertanam di Malaysia dianggarkan 14,000 batu persegi. Sebahagian besar daripada tanah itu berada di tangan satu golongan kecil kaum kapitalis dan tuan-tuan tanah yang hidup mewah tanpa bekerja di tanah milik mereka itu. Dalam pemilikan ladang getah misalnya (mengikut banci 1960), kita dapati:-

Negeri	Lebih dari 100 ekar (berjumlah 2.5 juta ekar)	Lebih dari 500 ekar (berjumlah 1.9 juta ekar)
Eropah (Inggeris dan Amerika)	71%	83%
Tionghoa	22%	14%
India	5%	3%

Pemilikan kebun-kebun getah kecil yang berjumlah 1,500,000 ekar dan luasnya tiap-tiap satu antara 5 hingga 25 ekar itu didapati 50% daripadanya dipunyai oleh orang Melayu dan antara 30% – 40% dimiliki oleh orang-orang Tionghoa. Bakinya dimiliki oleh orang India dan lain-lain.

Lagi satu perkara yang menarik hati ialah pemilikan tanah lombong yang berjumlah 515,085 ekar. Daripada angka ini 10,559 ekar dipajakkan kepada orang Melayu yang berkongsi dengan orang bukan Melayu. Tanah lombong yang dikerjakan oleh orang Melayu sahaja lebih kurang 1,000 ekar. Luas lombong yang dipajakkan khas kepada orang bukan Melayu ialah 504,526 ekar. Daripada jumlah ini 60% dimiliki oleh orang Eropah dan 40% oleh orang Tionghoa.

Perangkaan-perangkaan di atas menunjukkan kepada kita bahawa sungguhpun negara kita sudah 13 tahun merdeka tetapi sebahagian besar ladang-ladang getah dan tanah lombong yang memberi kekayaan kepada negara ini masih berada di tangan orang yang menjajah dan menindas kita dulu! Perangkaan ini juga menjelaskan bahawa kemerdekaan negara kita tidak sedikit pun mengubah atau menukar bentuk pemilikan di tangan bekas penjajah itu. Negara kita yang merdeka sanggup membiarkan golongan kapitalis asing dan bekas penjajah membuncitkan perut mereka dan mengangkut keuntungan $600 juta setiap tahun ke negaranya. Manakala pemimpin-pemimpin kita tidak segan-segan dan tidak ragu-ragu merobohkan pondok-pondok buruk kaum tani yang kelaparan tanah. Bukan setakat itu saja pemimpin-pemimpin kita tidak merasa sedih dan tidak malu sedikit pun untuk menangkap, mengenakan perintah berkurung kepada petani yang sudah bertahun-tahun kelaparan tanah dan mau tanah untuk mencari sesuap nasi. Kepada petani yang demikian, pemimpin-pemimpin kita sanggup bertindak kejam dan tegas, kononnya untuk keamanan dan ketenteraman! Tetapi sayang, pemimpin-pemimpin ini tidak sanggup bukan saja mengambil tindakan setegas itu, malahan tidak sanggup untuk menaikkan cukai estet-estet besar itu supaya sama dengan cukai-cukai kebun getah rakyat.

Selain daripada kapitalis asing yang memiliki sebahagian besar tanah-tanah yang bertanam di Malaysia, terdapat pula kapitalis tempatan atau tuan-tuan tanah tidur tempatan. Kedua golongan inilah menguasai sebahagian besar tanah

yang sudah dibuka sehingga menyebabkan kemiskinan dan kemelaratan di kalangan rakyat tani.

Dalam pengkajian ilmiah yang dibuat oleh Prof. S. Husin Ali, di Kampung Bagan; Sdr. Maziah Hj. Zakaria, di Kampung Cangkat Larang; Sdr. Hairi Abdullah di Seri Menanti dan Sdr. Helmi Noor di Kerdau — dapat kita ambil empat kesimpulan penting:

1. Satu golongan kecil tuan tanah memiliki sebahagian besar tanah di tempat itu.
2. Lebih 50% petani di situ terpaksa menyewa tanah, dan
3. Lebih 2/3 daripada petani di situ mempunyai pemilikan tanah yang kurang dari 6 ekar.
4. Wujud satu golongan yang tidak bertanah langsung.

Kajian-kajian lain yang telah dibuat terlebih dulu memberikan kesimpulan yang sama. Mengikut T.B. Wilson: 2/3 daripada tanah sawah di Utara Malaya dimiliki oleh 2,000 keluarga saja. Lebih daripada separuh tanah di situ disewa. Di Seberang Perai pula 62% daripada sawah padi situ disewa. Dalam Banci Pertanian 1960 ditunjukkan bahawa 2/3 daripada petani (penanam padi) tidak mempunyai tanah sendiri. Yang mempunyai tanah sendiri cuma 20% sahaja daripada semua pesawah padi di Malaya. Mengikut banci itu juga penyewa sawah padi adalah 93% daripasa semua jenis penyewa.

Selain daripada wujudnya satu golongan kecil kapitalis dan tuan tanah dalam dan luar negeri yang memiliki sebahagian besar tanah tanaman di negeri ini, wujud pula satu golongan petani yang mempunyai pemilikan yang tidak ekonomik. Ukuran di Malaya pemilikan yang ekonomik itu ialah sepuluh ekar. Timbul pemilikan tidak ekonomik ini mungkin disebabkan oleh:

1. Penambahan penduduk yang begitu cepat.
2. Bermacam bentuk penindasan yang dilakukan terhadap kaum ini sehingga mereka terpaksa menjual separuh atau sebahagian daripada tanah mereka.
3. Pembahagian harta menurut hukum faraid.
4. Pembukaan tanah baru tidak seimbang dengan permintaan tanah.

5. Wujudnya sistem ekonomi yang menimbulkan suasana yang sesuai bagi perkembangan pemilikan tidak ekonomik itu.

Banci Pertanian 1960 mencatatkan bahawa 58% daripada semua jenis tanah pertanian adalah kurang dari 33/4 ekar. Manakala 90% daripadanya pula kurang dari 10 ekar. Keadaan tanah sawah, menurut laporan itu lagi, bertambah buruk iaitu:-

54% daripada tanah sawah kurang					23/4	ekar	luasnya
78%	”	”	”	”	5	”	”
97%	”	”	”	”	10	”	”

Pemilikan tanah sawah di Negeri Sembilan lebih buruk kerana didapati 74% daripada sawah di sana kurang dari 2 ekar luasnya dan 93% sawah di negeri itu kurang 3 ekar luasnya. Selain dari Negeri Sembilan, didapati separuh dari sawah di negeri Pahang dan Melaka adalah kurang dari 2 ekar. Pendeknyâ hampir 80% daripada semua tanah sawah kecuali Kedah, Perlis dan Selangor adalah kurang dari 5 ekar.

Melihat perangkaan ini dapat dianggarkan sendiri kenapa pendapatan kaum tani itu rendah sekali dan kenapa pula kehidupan mereka miskin dan terancam. Angka itu menunjukkan bagaimana besarnya golongan tani yang tidak cukup tanah dan terpaksa menyewa dan menjual tenaga untuk hidup. Oleh sebab bilangan petani yang terpaksa menyewa tanah begitu besar, maka tuan tanah mengambil kesempatan baik ini untuk menaikkan sewa tanah dan ada pula yang mengenakan duit teh. Oleh kerana tuan tanah mengutamakan penyewa yang sanggup membayar sewa yang tinggi, maka peratus tanah sawah yang bertukar tangan juga tinggi. Mengikut laporan Jawatankuasa Beras 1952, dalam masa 10 tahun sebanyak 50% tanah sawah di Seberang Perai bertukar tangan dan 42% di Kelantan bertukar penyewa setiap tahun. Keadaan ini membuktikan kepada kita bagaimana tidak stabilnya mata pencarian kaum tani dan bagaimana terancamnya kehidupan mereka di tangan tuan tanah.

Pada masa ini luas kawasan negara kita yang sudah dibuka untuk tanaman cuma 25% saja. Tanah-tanah subur yang masih boleh dibuka untuk tanaman dianggarkan 14,000 batu persegi lagi. Jadi masalah tanah yang semakin rumit sekarang

tidak bererti sama sekali bahawa masalah ini mustahil dapat diselesaikan. Soal boleh atau tidak, cepat atau lambat tergantung kepada kemahuan dan tujuan sendiri. Jikalau kerajaan benar-benar jujur dengan sungguh-sungguh mahu menolong rakyat mengatasi kemiskinan, bermacam-macam dasar dan undang-undang dapat dibuat bagi mencapai tujuan tersebut. Kalau undang-undang dapat dibuat untuk menggantungkan parlimen iaitu satu institusi yang amat penting, kalau undang-undang dapat dibuat untuk menangguhkan pilihanraya, mengistiharkan seluruh negara di bawah undang-undang darurat dan seterusnya membuat undang-undang mengharamkan demonstrasi dan tidak membenarkan rakyat mengkritik kerajaan kenapa pula tidak ada undang-undang yang begitu tegas bagi menghapuskan kemiskinan rakyat dan kelaparan tanah?

Mungkin kerajaan akan berkata bahawa rancangan LKTP dan Tanah Pinggir boleh mengatasi kelaparan tanah. Kita berkata rancangan tersebut cuma untuk melepaskan batuk di tangga sahaja. Mengikut sasaran rancangan LKTP dari 1957 hingga 1970 ia akan dapat membuka 274,000 ekar dan menempatkan 30,750 keluarga atau 184,500 orang. Jika dihitung panjang tiap-tiap tahun tanah yang dibuka oleh LKTP ialah 20,000 ekar untuk 2,200 keluarga atau 13,200 orang.

Jikalau diambil rancangan pembukaan tanah seluruhnya mengikut Rancangan Lima Tahun Pertama Malaysia, tanah yang akan dibuka ditaksirkan antara 400,000 hingga 500,000 ekar dalam masa lima tahun. Ini bererti pada tiap-tiap tahun tanah yang dapat dibuka ialah 90,000 ekar. Sedangkan tanah yang mesti dibuka setiap tahun dianggarkan 275,000 ekar. Banci Pertanian 1960 menganggarkan bilangan orang yang tidak bertanah paling kecil 15,000 orang setiap tahun. Jika hendak diberi 10 ekar seorang bererti kita memerlukan pembukaan tanah baru seluas 150,000 ekar tiap-tiap tahun. Selain dari itu difikirkan perlu pula menambah tanah yang tidak ekonomik itu supaya menjadi 10 ekar. Menurut E.K. Fisk jumlah tanah yang dikehendaki bagi mencukupkan tanah milik yang tidak ekonomik itu adalah dianggarkan 2.7 juta ekar, atau ditaksirkan 125,000 ekar mesti dibuka setiap tahun.

Setelah melihat betapa besarnya permintaan tanah dan

betapa kecil pula usaha kerajaan membuka tanah bagi memenuhi permintaan tersebut, dapat kita berkata bahawa rancangan pembukaan tanah kerajaan sekarang ini tidak akan dapat mengatasi kelaparan tanah di kalangan kaum tani negeri ini.

Kerajaan bukan saja tidak menyediakan dasar yang tegas bagi membuka tanah untuk rakyat yang miskin malah kerajaan tidak mengadakan undang-undang yang ketat bagi melindungi petani miskin, penyewa tanah daripada diperas dan ditiup oleh orang tengah dan tuan tanah yang tidak berhati perut. Undang-undang Penanaman Padi 1955 yang kemudian dipinda pada tahun 1967 bukan saja memihak kepada tuan tanah tetapi juga tidak dijalankan dengan cukup berkesan. Keadaan demikian menjadikan untung nasib kaum tani terbiar dan terancam.

Selain daripada peraturan tersebut kerajaan tidak pula mengadakan apa-apa peraturan menghadkan pengumpulan tanah. Tanpa apa-apa peraturan, orang yang kaya dan berharta dapat menambah lebih banyak harta lagi dengan membeli tanah petani miskin yang terdesak. Kebebasan mengumpul tanah ini menjadikan yang kaya bertambah kaya dan yang miskin bertambah miskin. Kebebasan mengumpul harta ini juga menjauhkan lagi jurang perbezaan di antara golongan berada dengan golongan yang tidak berada.

Sebenarnya masalah tanah di Malaysia tidak dapat diselesaikan kerana tidak ada satu dasar yang tegas. Ketegasan menangkap dan melemparkan petani miskin ke dalam penjara kerana menduduki tanah kerajaan bukan satu penyelesaian. Ini terbukti dengan tindakan menangkap dan mengurung petani-petani yang memasuki tanah kerajaan di Sungai Sirih tahun 1960. Masalah tanah terus wujud. Sekarang pun masih berlaku tindakan-tindakan terhadap petani-petani seperti peristiwa Telok Gong tahun 1968 dan Sungai Panjang, 1969. Ternyata ini tidak menyelesaikan masalah kerana bilangan petani yang masuk ke tanah di Binjai Patah lebih ramai hingga 1,500 orang. Kita bertanya adakah tindakan menangkap demikian boleh mengatasi masalah kelaparan dan mati hidup kaum tani?

Pendudukan tanah kerajaan oleh kaum tani yang tidak bertanah bukan saja berlaku di Selangor tetapi ada di semua negeri di Malaya ini. Yang berbeza cuma bilangan saja.

Kejadian demikian adalah satu manifestasi penentangan kaum tani terhadap sistem pembahagian tanah yang tidak adil. Sekiranya tuntutan mereka yang pokok ini tidak diselesaikan dengan segera, maka sudah tentu pertentangan ini akan bertambah runcing.

Satu penyelesaian yang baik ialah mengadakan dasar perubahan yang radikal untuk mengembalikan tanah kepada pengerjanya dan menghapuskan segala jenis penindasan yang menekan golongan kaum tani. Langkah yang dikemukakan di bawah ini hendaklah dilaksanakan dengan tegas dan segera:—

1. Kerajaan hendaklah membuka tanah baru lebih banyak dan lebih cepat lagi kepada petani yang tidak bertanah. Permohonan tanah hendaklah dilayani dengan segera.
2. Kerajaan hendaklah menghakmiliknegarakan estet getah dan lombong bijeh kepunyaan kapitalis asing di negeri ini.
3. Kerajaan hendaklah menentukan pemilikan tanah yang minimum dan maksimum serta menentukan luas tanah yang boleh disewa.
4. Soal jual beli tanah mestilah diperketatkan:—
   i. Orang yang memiliki tanah maksimum tidak dibenarkan membeli tanah lagi.
   ii. Orang yang hendak membeli tanah untuk disewakan tidak boleh dibenarkan.
   iii. Penjualan tanah yang akan menimbulkan pemilikan tanah yang tak ekonomik mesti dilarang.
   iv. Harga jual beli tanah mesti ditetapkan oleh kerajaan.
5. Tubuhkan badan-badan tertentu untuk memberi kemudahan pinjaman wang bagi petani miskin membeli tanah. Pinjaman itu hendaklah dikenakan bunga yang rendah dan boleh dibayar dalam jangka waktu yang panjang.
6. Sewa tanah mestilah rendah dan wajar dengan pendapatan dan usaha kaum tani.

Akhir sekali, kemiskinan rakyat dan kelaparan tanah di

kalangan kaum tani memang boleh diatasi. Kejayaannya bergantung kepada dua faktor. Pertama: wujud satu dasar pertanahan yang radikal yang bertujuan khas untuk mengatasi masalah tersebut. Kedua: adanya keazaman dan tindakan yang tegas dari golongan pemerintah bagi melaksanakan dasar pertanahan yang radikal. Kedua faktor ini kait mengait dan tidak bisa dipisahkan. Keduanya berkehendakkan pemikiran yang luas dan jiwa yang besar.

Oleh itu marilah kita berusaha semoga kaum tani yang bertahun-tahun tertindas dan miskin itu akan mendapat tindakan yang adil dan layanan yang sewajarnya sesuai dengan tarafnya sebagai rakyat yang merdeka di negara yang berdaulat!

Dewan Masyarakat
November, 1969.

5

PENGGUNAAN TANAH LUAR BANDAR DAN PENGARUH INSTITUSI

Ahmad Mahdzan Ayob

Institusi telah diberi difinisi yang berlainan oleh para sarjana. J.R. Commons telah mentakrifkan institusi sebagai tindakan bersama untuk mengawal, membebaskan dan meluaskan tindakan perseorangan (Collective action in control, liberation and expansion of individual action).[1] Griffith telah mentakrifkan institusi sebagai "purposeful co-operative behaviour", manakala Barnes menganggap sesuatu institusi sebagai suatu struktur dan jentera sosial melalui mana masyarakat manusia menyusun, mengarahkan dan melaksanakan berbagai-bagai kegiatan sosial yang diperlukan untuk memenuhi keperluan manusia. (Social structure and machinery through which human society organises directs and executes the multifarious activities required to satisfy human needs).[2]

Belakangan ini pula institusi telah ditakrifkan sebagai

---

1. J.R. Commons *Institutional Economics* dipetik oleh R. Barlowe, *Land Resource Economics* (New Jersey: Prentice-Hall Inc., 1958)

2. H.E. Barnes, *Social Institutions*, dipetik oleh Barlowe, *op. cit.*

"group control exerted on individual and group decisions."[3]

Kita boleh memberi beberapa contoh institusi yang mengawasi geraklaku individu dan kumpulan-kumpulan individu dalam masyarakat kita pada hari ini. Suatu contoh yang lekas tiba di ingatan kita ialah perkahwinan. Ianya adalah suatu institusi masyarakat yang menetapkan batasan-batasan ke atas kegiatan hidup manusia. Perkahwinan adalah suatu rukun hidup yang telah diterima oleh manusia sejagat sebagai cara yang sah bagi seorang lelaki dan perempuan tinggal bersama-sama tanpa gangguan atau cemuhan dari anggota-anggota masyarakat yang lain.

Cara berfikir atau bertindak yang meluas dan tidak mudah luput dari sesuatu golongan masyarakat adalah institusi juga. Misalnya, sikap "biar mati anak, jangan mati adat" ini adalah suatu institusi yang telah lama berakar umbi dalam setengah-setengah masyarakat Melayu. Konsep kebebasan dan persamaan hak atau demokrasi itu adalah juga suatu institusi yang mula-mulanya bertapak di Barat, tetapi sekarang diamalkan oleh negara-negara membangun.

Apa yang hendak dikatakan di sini ialah institusi itu adalah rukun-rukun hidup manusia yang berakar umbi dalam masyarakat manusia dan sukar pula dipisah-pisahkan dari masyarakat itu. Institusi boleh dipecahkan kepada beberapa jenis, seperti institusi politik, institusi ekonomi, institusi agama, institusi sosial dan kelaziman-kelaziman *habits*, yang merupakan institusi yang tak formal. Haruslah diingat bahawa sempadan-sempadan di antara jenis-jenis institusi ini tidaklah begitu jelas, yang bermakna bahawa terdapat overlapping di antaranya.

Kebanyakan ahli-ahli ekonomi sedar tentang peranan institusi dalam ilmu ekonomi tetapi mereka menyingkirkan institusi dari penganalisaan mereka. Umpamanya, dalam teori permintaan mereka andaikan bahawa "kelaziman, selera dan kegemaran *preference* tidak berubah" dan "tidak ada campur tangan kerajaan di dalam perjalanan sesuatu ekonomi." Kerajaan adalah satu-satunya institusi yang memainkan peranan penting di dalam kehidupan ekonomi manusia. Sesungguhnya institusi kerajaan ini sentiasa mempengaruhi

---

3. J.E. Reynolds, *"Allocation Water Among Alternative Uses,"* Paper presented at the American Society of Civil Engineers Irrigation and Drainage Division specialty Conference in Austin, Texas, November 5–7, 1969.

kegiatan-kegiatan ekonomi manusia. Misalnya berbagai undang-undang (satu institusi juga) telah digubal untuk menjamin keadilan terhadap buruh, seperti undang-undang kadar gaji minima, keadaan tempat kerja yang sesuai dan sebagainya. Pendekata, tanpa undang-undang kehidupan manusia akan menjadi kucar kacir sekali.

Seperti kegiatan-kegiatan ekonomi yang lainnya, penggunaan tanah juga tidak terlepas daripada pengaruh institusi. Di mana-mana sahaja di dunia, institusi-institusi sentiasa mengongkongi cara penggunaan tanah. Institusi-institusi yang mempengaruhi kemilikan dan kegunaan tanah dipanggil *landed institutions*. Di antara "landed institutions," konsep yang dinamakan hak-hak pemilik harta (property rights) adalah yang paling mustahak.

Di Malaysia Barat, Bumiputra merupakan 50 peratus dari jumlah penduduk; China 37 peratus, India (dan Pakistan) 11 peratus, manakala "kaum-kaum lain" 2 peratus. Corak penduduk yang berbilang bangsa seperti ini adalah akibat dasar kolonial Inggeris yang mementingkan perniagaan pada abad ke 19. Untuk mengorek (exploit) sumber-sumber kekayaan alam di negeri ini, terutama bijih timah, dengan murahnya, orang-orang Inggeris telah menggalakkan orang-orang China berhijrah ke negeri ini. Kebanyakan mereka bekerja di lombong-lombong bijih. Begitu juga untuk mendapatkan tenaga buruh yang murah bagi estet-estet getah mereka, orang-orang Inggeris telah memberi bantuan kewangan kepada orang-orang India untuk berpindah ke negeri ini pada abad yang sama. Dasar liberal Inggeris ini mempunyai implikasi-implikasi yang penting dari segi penggunaan tanah. Misalnya, dasar demikian telah membawa kepada perlunya diadakan tanah simpanan Melayu, bagi mengurangkan perlumbaan di antara orang-orang Melayu dan bukan Melayu untuk memiliki tanah. Hal ini akan disentuh lagi.

Kemasukan orang-orang bukan Melayu ke negeri-negeri Melayu yang digalakkan oleh dasar pra-Merdeka Inggeris yang dipanggil "pecah-pecah dan perintah" telah mengakibatkan pertelingkahan kepentingan (conflicts of interest) di antara orang-orang Melayu dan bukan Melayu di dalam politik tanahair. Pertelingkahan ini telah mencapai kemuncaknya dengan trajidi 13 Mei 1969. Pertelingkahan-pertelingkahan

kepentingan ini sedang diselesaikan oleh kerajaan sekarang. Melalui badan-badan berkanun seperti MARA, UDA, PERNAS dan lain-lain lagi.

Institusi Politik dan Penggunaan Tanah

Penjajahan sebagai satu institusi, telah juga memberi kesan lain kepada penggunaan tanah di Malaya. Campurtangan British di negeri-negeri Melayu telah dicetuskan oleh kepentingan perniagaan semata-mata. Satu daripada akibat-akibat ekonomi campurtangan mereka itu ialah mengwujudkan dualisma di dalam ekonomi pertanian negeri ini. Di satu pihak, kita dapati pertanian estet dengan keluasan tanah yang besar serta penggunaan tenaga buruh yang banyak. Di satu ekstrim lagi kita dapati perladangan tani-tani kecil yang mengusahakan secara cukup hidup.

Kalau kita terima feudalisme sebagai satu institusi, maka sewajarnyalah kita akui bahawa *landlordism* adalah satu "ekoran" dari feudalisma itu. Menurut T.B. Wilson, "it has been reperted that in one of the eleven states of Malaya the Sultans gave members of their families and deserving friends control over certain territories and these 'chiefs' would have absolute powers therein subject to overriding loyalty and certain dues to their Sultans."[4] Ketua-ketua (Chiefs) ini akan mengutip sebahagian dari hasil-hasil tanaman, buah-buahan dan ternakan daripada petani-petani ataupun cukai tanah dari orang-orang luar yang memiliki tanah di negeri itu. Menurut laporan Wilson, lebih kurang 52 peratus dari tanah-tanah sawah padi di Malaya telah dikelolakan di bawah peraturan-peraturan sewa.[5] Begitulah meluasnya *landlordism* pada waktu itu.

Sewa menyewa bukanlah satu keburukan sosial, tetapi ketidak selamatan cara-cara pemegangan tanah (insecurity of tenure) adalah keburukan-keburukan sosial dan ekonomi kerana ianya menghalang pertumbuhan ekonomi (economic growth) dan menggalakkan ketidak stabilan agraria. Ini adalah kerana "insecurity of tenure" menambah ketidak pastian dalam pertanian. Oleh yang demikian ketidak selamatan cara-

---

4. T.B. Wilson, *The Economics of Padi Production in North Malaya*, Jabatan Pertanian, Kuala Lumpur, 1958, m.s. 9.

5. *Ibid*, m.s. 11

cara pemegangan tanah boleh dianggap sebagai satu-satunya struktur agraria yang menghalang kemajuan ekonomi desa di negara kita.

Pada suatu masa dahulu penyewaan tanah cuma diberi untuk setahun dan tidak pula didaftarkan di Pejabat Daerah. Tuan tanah boleh mengambil kembali tanahnya tanpa sebarang notis kepada si penyewa. Di dalam keadaan begini tidak ada dorongan bagi si penyewa untuk membaja tanah itu kerana takut kalau-kalau tanah itu diambil balik oleh tuan tanah. Sekiranya pengambilan balik itu berlaku akan kerugianlah si penyewa tadi. Oleh kerana itu kadar hasil yang boleh didapati dari tanah-tanah ini tidak begitu tinggi.

Mengikut tradisi, sewaan tanah dibayar dengan hasil seperti padi selepas kerja-kerja menuai, sama ada sewa tetap ataupun mengikut tingkat pengeluaran hasil. Tetapi ada segolongan tuan-tuan tanah yang meminta supaya sewaan itu dibayar dengan tunai sebelum sebarang hasil diperolehi. Kadang-kadang sewaan bagi musim berikutnya diminta pada hujung musim sekarang. Si penyewa yang tidak mampu membayar tidak akan mempunyai tanah untuk diusahakan pada musim itu.

Perbuatan meminta si penyewa membayar sewa sebelum tuaian hasil ini amat memberatkan kedudukan kewangan petani-petani yang menyewa tanah. Lazimnya si petani itu akan berhutang daripada peminjam-peminjam wang atau orang-orang tengah oleh kerana "kredit institusional" tidak ada. Peminjam-peminjam ini ialah pekedai-pekedai kecil di kampung-kampung yang mempunyai kuasa-kuasa monopoli dan monopsi di kampung itu. Mereka menguasai secara monopoli kerana kedai mereka ialah kedai tunggal di kampung yang menjual keperluan-keperluan dapur dan lain-lain, sementara kuasa monopsoni itu pula timbul dari hakikat bahawa mereka pembeli tunggal barang-barang keluaran si petani, seperti padi, kelapa, getah dan lain-lain. Menurut Prof. Ungku Aziz, kredit secara ini telah mengikat petani-petani untuk menjual hasil mereka kepada peminjam-peminjam wang itu; kebetulannya sistem *monopoli-monopsi* ini telah digalakkan dan dilindungi oleh kerajaan kolonial yang memegang kuat kepada falsafah *laissez-faire*. Ikatan hutang ini memang rata-rata didapati di luar bandar negara kita.

Oleh itu kita dapat melihat bagaimana feudalisma dan

kolonialisma telah menyebabkan "kebangkitan" tuan-tuan tanah dan "keberhutangan" (indebtednees) di kalangan petani-petani kecil. Kolonialisma telah kita sentuh dalam perbincangan ini kerana dasar laissez-fairenya, dalam mana hanya terdapat campurtangan yang paling minima dari pemerintah kolonial di dalam kegiatan-kegiatan ekonomi peminjam-peminjam wang dan orang-orang tengah. Dasar yang negatif ini merupakan faktor utama yang telah menyebabkan "keberhutangan" yang meluas di kalangan penduduk luar bandar.

Sebagaimana disebut tadi, kolonialisme telah membawa ekonomi dualisme dalam bidang pertanian. Perkembangan pertanian secara estet telah menyebabkan kemasukan tenaga buruh yang murah dari India dan dengan itu menambahkan satu dimensiron lagi kepada masalah sosial yang telah sedia ada. Dualisma ekonomi ini amat merupai keadaan di Mexico sebelum pemberontakan di negara itu.[6]

Dikotomi antara estet dan kebun kecil ini dapat kita lihat dari jadual di bawah. (Menurut definisi Jabatan Perangkaan Malaysia, estet ialah ladang yang luasnya 100 ekar atau lebih).

Keluasan Ladang Getah dan Data-data yang bersangkutan

Keluasan (ekar)	Jumlah Keluasan (100 ekar)	Purata Keluasan bagi tiap-tiap ladang	% Benih Bermutu	Purata Kadar Hasil ⁄ (Ibs/ekar)
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
ke bawah 100	2,521.5 (384,700)[7]	6.6	54.9	571
100 – 499	269.7 (1,363)	198	63.2	669
500 – 999	172.7 (238)	726	76.0	815
1000 – 1999	363.6 (248)	1466	84.0	943
2000 – 2999	266.6 (110)	2424	86.1	973
3000 – 4999	335.1 (88)	3808	85.2	948
5000 – ke atas	405.6 (58)	6993	87.2	939
Jumlah	4,334.8 (386,805)	11.2	66.0	721

Punca: Colin Barlow dan Chan Chee-Kheong, "Towards an Optimum Size of Rubber Holding," *Natural Rubber Conference*, K.L. 1968 (Preprint).

6. Lihat J.G. Maddox, *"Economic Growth and Revolution in Mexico"* land Economics

7 Angka dalam kandungan ialah bilangan ladang-ladang.

Dapat dilihat dari ruang-ruang (3), (4) dan (5) jadual di atas perbezaan besar di antara estet-estet dan kebun-kebun kecil. Misalnya purata keluasan tiap-tiap kebun kecil ialah cuma 6.6 ekar sementara bagi estet keluasan puratanya ialah 198 ekar bagi kumpulan (100 — 499 ekar), 726 ekar bagi kumpulan (500 — 999 ekar) dan seterusnya. Ruang (4) menunjukkan peratus keluasan ladang-ladang getah itu yang ditanam dengan beih-benih yang bermutu tinggi (tinggi kadar) hasilnya. Oleh kerana cuma 54.9% dari kebun-kebun kecil yang ditanam dengan benih-benih yang baik, maka kadar hasil (yield) bagi seekar hanyalah 571 paun seekar (lihat ruang 5). Bandingkan kadar hasil bagi estet-estet. Kadar hasil yang paling tinggi sekali ialah estet-estet yang didapati di dalam kumpulan 2000—2999 ekar, yakni sebanyak 973 paun seekar.

Menurut Fisk, dikotomi yang terdapat dalam ekonomi luar bandar di Malaysia ini merupakan suatu faktor yang memusingkan di dalam pembentukan dasar pembangunan ekonomi luar bandar.[8] Ini bermakna bahawa dasar itu mesti diarahkan kepada pencapaian dua matlamat yang berlainan dan saling bercanggahan di antara keduanya. Matlamat pertama, menurut Fisk, ialah memaksimakan pertumbuhan (growth) pengeluaran negara kasar (GNP) sementara yang keduanya pula ialah memperseimbangkan sektor yang maju dengan sektor yang mundur.[9]

Seperti ditegaskan tadi, kemasukan orang-orang China dan India ke Tanah Melayu dalam abad ke 19, sebagai akibat dasar kolonial yang mementingkan perniagaan, telah menimbulkan kebimbangan di kalangan orang-orang Melayu terhadap hak-hak mereka untuk memiliki tanah. Kebimbangan ini telah menyebabkan terbentuknya Enakmen Tanah Simpanan Melayu (*Malay Reservation Enactment*) yang mula-mula dimajukan dalam tahun 1913. Tujuan undang-undang ini ialah melindungi hak milik orang Melayu yang sedia ada, dan bukan untuk menyingkirkan orang-orang bukan Melayu dari tanah-tanah simpanan orang-orang Melayu. Dalam tahun

---

8. E.K. Fisk, *"Rural Development Policy"* dalam E.K. Risk dan T.H. Silcock, Ed. *The Folitical Economy of Independent Malaya* (California: University of California Press, 1963) m.s. 194.

9. *Ibid.*

1933 Enakmen itu telah dipinda bagi melarang pemajakan tanah-tanah itu kepada bukan Melayu dan menyekat peminjam-peminjam wang dari merampas tanah-tanah itu sebagai cara menyelesaikan hutang.[10] Akibat dari kuat kuasa Enakmen ini ialah tanah-tanah dalam simpanan Melayu itu tidak boleh dijadikan cagaran untuk berhutang dari bank-bank perniagaan (kecuali Bank Bumiputra dan Bank Rakyat). Oleh itu tertutuplah satu pintu untuk mencari kekayaan kepada orang-orang Melayu. Dalam pada itu pun pemah tanah-tanah bukan Melayu disebabkan pemilik-pemilik tanah itu dengan berupaya menjelaskan hutangnya.

Sekarang elok kita perkatakan mengenai peranan kerajaan dalam soal-soal tanah kerana kerajaan adalah sejenis institusi juga. Kerajaan Malaysia ialah sejenis kerajaan "federal" dalam mana sebahagian dari kuasa-kuasa diberikan kepada kerajaan pusat, setengah-setengah kuasa kepada kerajaan-kerajaan negeri dan yang lebihnya (kuasa-kuasa tadi) itu diletakkan di bawah jagaan kedua-duanya kerajaan itu.

Perjanjian Persekutuan, 1948 yang telah ditandatangani oleh Malaya dan Britain, telah memberikan kepada kerajaan Persekutuan kuasa-kuasa membuat undang-undang (legislatibe power) tetapi telah memberikan semua kuasa-kuasa menjalankan undang-undang (excutive power) kepada kerajaan-kerajaan negeri. Kuasa-kuasa ini telah dimaktubkan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sebelum 1hb. Januari 1966, kuasa-kuasa perundangan (legislative) untuk menyamakan dasar-dasar mengenai tanah tidak digunakan secara meluas oleh kerajaan Federal. Tetapi suatu Akta telah diluluskan oleh Parlimen yang dinamakan *The National Land Code, Act. No. 56 of 1965.* bagi menyamakan undang-undang tanah untuk kesebelas negeri di Tanah Melayu.[11]

Mengikut Perlembagaan, kuasa mengawasi tanah terletak di bawah kerajaan negeri, tetapi terdapat peruntukan untuk kerjasama antara kerajaan negeri dan kerajaan Federal. Misalnya, Parlimen berkuasa membuat undang-undang mengikut

---

10. *The Economic Development of Malaya* Laporan Bank Dunia (New York: John Hopkins, 1955).

11. Buku Tahunan Rasmi, Malaysia, 1967 (Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan) m.s. 73

"Torrens System" itu.[12] Perlembagaan juga telah menubuhkan Majlis Tanah Kebangsaan yang diketuai oleh seorang Menteri dan diwakili oleh tiap-tiap negeri, serta tidak lebih dari 10 anggota yang dilantik oleh kerajaan Federal. Majlis ini bertanggungjawab untuk membentuk satu dasar yang sama supaya tercapai penyelarasan; dan sebarang keputusan yang dibuat olehnya mesti dipatuhi oleh semua kerajaan negeri. Majlis ini berkuasa atas soal-soal kegunaan tanah, perlombongan, kehutanan dan pertanian.[13]

Selalu kita dengar bahawa peranan dan perhatian kerajaan dalam Masyarakat ialah:

1. Mencari penyelesaian kepada sebarang pertelingkahan kepentingan (resolution of conflicts of interest)
2. Memajukan kebajikan am
3. Mencari matlamat-matlamat baru bagi masyarakat (pursuit of new social goals).

Berhubung dengan tanah kebanyakan kerajaan akan mempunyai lima kuasa yang asas:

1. Kuasa mengawal (police power)
2. Kuasa mencukai (Taxing power)
3. Kuasa membelanja (untuk projek-projek)
4. Kuasa memiliki harta
5. Eminent domain (mendapatkan tanah-tanah orang persendirian untuk digunakan ke arah kebaikan masyarakat umum).

Dalam konteks pertanian Malaysia kuasa membelanja (spending power) merupakan kuasa yang digunakan dengan seluas-luasnya oleh kerajaan. Kerajaan menggunakan tabung wang awam (public funds) untuk mengurangkan jurang ekonomi di antara golongan "berada" dengan yang "kurang berada". Sebagai beberapa contoh penggunaan kuasa ini di dalam penggunaan tanah ialah projek-projek membuka tanah baharu, mengadakan rancangan-rancangan taliair supaya sawah-sawah padi boleh ditanam dua kali se-

---

12. *Ibid.*
13. *Ibid.*

tahun, membiayai (subsidise) baja kepada petani-petani dan lain-lain. Pembinaan projek-projek taliair tidak syak lagi akan menaikkan harga-harga tanah yang terlibat dalam rancangan-rancangan itu, dan telah pun menaikkan sewa-sewa tanah di kawasan Muda. Walau bagaimanapun, tanpa satu penyelidikan yang terperinci, sebarang telah pun sukar dibuat ke atas sejauh mana sewaan telah dinaikkan.

Kerajaan Pusat adalah juga diberi kuasa oleh Perlembagaan untuk memiliki tanah. Sekiranya tanah yang diperlukan itu tanah kerajaan negeri, kerajaan Pusat mestilah membelinya (dan boleh memaksa kerajaan negeri menjualnya) mengikut harga yang ada; dan kerajaan pusat mestilah membayar sewaan tahunan.

Undang-undang dan Penggunaan Tanah

Undang-undang ialah peraturan-peraturan yang diiktiraf-kan. Peraturan-peraturan ini bolehlah dianggap sebagai sejenis tindakan mengawal pelakuan individu. Kita boleh menyebut beberapa contoh bagaimana undang-undang, sebagai satu jenis institusi, telah mempengaruhi penggunaan tanah. Misalnya ada satu ordinan yang membolehkan pekebun-pekebun kecil mendapat bantuan yang lebih untuk menanam semula pokok-pokok getah yang telah tua, jika dibandingkan dengan estet-estet. Ordinan ini menyebabkan pemecahan estet-estet supaya unit-unit kecil akibat pemecahan itu mendapat bantuan yang lebih. Unit-unit kecil ini kemudiannya dijual kepada spekulator yang menjadi tuan-tanah tidur (absentee landlord).[14]

Di rancangan-rancangan tanah pula peserta-peserta rancangan adalah dikehendaki menandatangani perjanjian-perjanjian yang panjang yang memestikan mereka tinggal tetap di rancangan-rancangan itu. Mereka juga dimestikan bekerja mengikut jadual yang telah ditetapkan. Kalau tidak mereka harus diusir.

Adat, kelaziman, agama dan nilai sosial

Adat-adat dan kelaziman (habits) adalah jenis-jenis insti-

---

14. E.H. Jacoby, *Argrarian Unrest in Asia* (Bombay: Asia Publishing House, 1961) m.s. 127

tusi yang tak rasmi (Informal). Adat-adat dan kelaziman adalah untuk kepada sesuatu kumpulan sukubangsa masyarakat. Misalnya orang-orang Melayu mempunyai adat dan kelaziman yang berbeza dari adat-adat dan kelaziman orang-orang China. Bagi orang-orang Melayu, adat dan agama sukar hendak dipisah-pisahkan, sehingga menurut definisi dalam Perlembagaan, seorang Melayu itu ialah seorang yang[15]

i. bertutur Bahasa Melayu
ii. beragama Islam
iii. mendukung adat Melayu

Oleh yang demikian menganut Islam dan menukar nama menjadi "bin" belum menjadikan seseorang itu orang Melayu.

Sebagai sejenis institusi, apakah pengaruh agama Islam terhadap penggunaan tanah dalam konteks masyarakat Melayu? Mengikut hukum Islam harta seseorang Islam yang telah meninggal dunia hendaklah dibahagi-bahagikan kepada waris-warisnya dengan adil menurut hukum Faraidh. Lazimnya semua waris-waris itu mahukan bahagiannya. Masing-masing tidak mahu beralah dengan berpuashati menerima wang. Justru itu, tanah-tanah yang ditinggalkan oleh si mati terpaksa dipecah-pecahkan. Fenomena ini begitu lumrah sekali dan tidak perlu diperingatkan selalu. Jadi, akibatnya ialah pemecahan tanah sehingga menjadi terlalu kecil dan tidak dapat diusahakan secara ekonomi. Akibat keduanya ialah tanah seseorang itu terlalu berselerak di sana sini, menyebabkan banyak masa terbuang dalam pengendalian ladangnya. Kadangkala sekeping tanah itu dimiliki oleh dua orang tuan. Pemilikan secara ini menghalang sebarang langkah yang besar-besar untuk memajukan lagi penggunaan tanah itu sekiranya kedua-dua pemilik sukar mendapat persetujuan.

Orang-orang Melayu di luar bandar sangat fanatik dengan agama. Pengajaran-pengajaran keduniaan untuk kekayaan sendiri telah disangka sebagai bertentangan dengan ajaran Islam. Oleh yang demikian, sebarang usaha untuk mencari kekayaan di dunia adalah dianggap sebagai jalan kepada matlamat keagamaan seperti untuk pergi ke Mekah guna menunaikan fardu haji yang kebetulannya diwajibkan

---

15. Lihat K.J. Ratnam, *Communalism and the Political Process in Malaya* (K.L.: University of Malaya Press, 1967) m.s. 78.

kepada setiap Muslim yang mampu. Banyak orang-orang Melayu telah mengeluarkan perbelanjaan yang besar setiap sen simpanan seumur hidupnya dibelanjakan untuk tujuan itu. Ada yang terpaksa menjual tanah atau kerbau lembu. Bila mereka pulang ke tanahair mereka ketiadaan tanah dan wang; tidak kurang pula yang terpaksa hidup atas belas kasihan orang dan sanak saudara. Dengan kenyataan ini tidaklah bermakna bahawa kita tidak mahu orang-orang Melayu mengamalkan agamanya tetapi ajaran-ajaran agama hendaklah ditafsirkan dengan betul, kerana Islam tidak pernah menganjurkan sesuatu yang akan membebankan penganutnya.

Geraklaku ekonomi seseorang individu itu selalu dipengaruhi oleh berbagai jenis *kewajiban.*[16] Adalah suatu fenomena sejagat dan diterima umum bahawa di negara-negara yang sedang membangun tenaga buruh luar bandar adalah terlalu *immobile* sama ada dari segi Ilmu Alam atau dari segi pekerjaan. (Dari segi Ilmu Alam: pemindahan tenaga buruh dari suatu tempat ke suatu tempat lain; dari segi pekerjaan: menukar pekerjaan, misalnya daripada menjadi petani kepada menjadi kerani). Walaupun *immobiliti* ini mungkin disebabkan oleh kekurangan peluang-peluang pelajaran di kalangan penduduk-penduduk luar bandar, dalam konteks Malaysia sekurang-kurangnya, sebahagian dari immobiliti ini adalah disebabkan oleh norma-norma sosial yang sudah berumbi dan juga ikatan-ikatan keluarga dan tanggungjawab terhadap keluarga. Sudah menjadi tradisi, bahawa pemuda luar bandar itu diharapkan akan terus tinggal sekampung dengan ibu bapanya supaya kerja-kerja di sawah ladang bapanya dapat diteruskan olehnya. Di samping itu si anak tadi merupakan satu sumber insuran kepada ibu bapa di hari tua kelak. Pemuda kampung umumnya mempunyai rasa tanggungjawab yang tebal terhadap ibu bapa dan sanak saudara yang dekat. Oleh kerana itu, dia tidak nampak sebarang keperluan untuk merantau di luar kampungnya. Dari itu teruslah ia tinggal di kampungnya sambil mengelolakan sawah ayahnya dan sedikit tanah-tanah yang diperolehi dari titik peluhnya sendiri. Ketiadaan dorongan untuk menukar kepada pekerjaan-pekerjaan yang lebih lumayan ataupun ke tempat-tempat lain telah menyebabkan kesesakan

---

16. R. Barlowe, *op. cit.*, m.s. 334

penduduk di kampung-kampung dan telah membiakkan pengangguran di kalangan mereka. Antara manifestasi-manifestasi lain dari kesesakan penduduk ialah daya pengeluaran yang rendah, pemecahan tanah dan perkongsian milik tanah-tanah ladang.

Memang sudah menjadi kenyataan umum bahawa penduduk-penduduk luar bandar di serata negara-negara yang membangun terlalu memandang tinggi kepada pemilikan tanah. Orang-orang Melayu tidak terkecuali dari keadaan ini. Kepada orang-orang Melayu pemilikan tanah memberi kepuasan yang tidak berkait langsung dengan pendapatan yang boleh diperolehi dari tanah itu. Kebanyakan dari tanah-tanah kampung dipenuhi dengan tumbuh-tumbuhan yang tidak berguna (rumpai-rumpai) seperti pokok-pokok senduduk, kapalterbang dan mempelas. Orang-orang Melayu yang bermodal sedikit akan membeli tanah kampung atau sawah tanpa memperhitungkan untung rugi dari pembelian itu. Sepatutnya mereka membelanjakan wang mereka untuk memajukan tanah yang sudah ada. Menurut Fisk, sekeping tanah yang tidak produktif kadang-kadang mempunyai harga pasar yang tidak ada kaitan langsung dengan nilainya sebagai suatu harta yang mengeluarkan perolehan.[17]

Institusi Pelajaran Dan Penggunaan Tanah

Kita telah menyebut bahawa salah satu faktor yang menyebabkan immobiliti tenaga buruh ialah kekurangan peluang pelajaran di kalangan orang-orang kampung. Belia-belia kampung cuma akhir-akhir ini sahaja telah mendapat pelajaran di peringkat menengah. Di bawah pemerintahan penjajah pelajaran yang terbuka kepada orang-orang Melayu yang bukan bangsawan hanyalah pelajaran *vernacular* dan pelajaran agama (pondok) yang mana tiada satu pun daripadanya boleh menjamin masa depan mereka. Matlamat pendidikan bagi orang-orang luar bandar telah dikatakan oleh penjajah-penjajah sebagai "menjadikan anak-anak petani dan nelayan itu petani-petani dan nelayan-nelayan yang lebih baik." Khususnya sistem pendidikan kolonial ialah bertujuan untuk membuat orang-orang Melayu "kenal-huruf" supaya

---

17. Fisk, *op. cit.*, m.s. 183.

mereka tidak mudah diperdayakan oleh orang-orang tengah kaum China. Kenal huruf hanya bererti boleh membaca mata dacing. Pendekata cuma segelintir sahaja orang-orang Melayu yang telah mendapat pendidikan Inggeris (yang menjadi anak kunci kepada pekerjaan-pekerjaan yang tinggi dalam negeri ini) pada awal abad ke 20 ini. Mereka yang bernasib baik ini kebanyakannya datang dari keluarga-keluarga aristokrat yang mempunyai pertalian rapat dengan pemerintah Inggeris atau kakitangan kerajaan. Walau bagaimanapun, memanglah diakui bahawa ibu bapa Melayu pada mulanya amat teragak-agak untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerana takut hilang segala perkhidmatan dari anak-anak itu di rumah dan di ladang[18] dan juga kerana takut anak-anak mereka jadi kafir.

Selagi peluang-peluang untuk pelajaran tinggi hanya terbuka kepada segolongan kecil selama itulah pula sebahagian besar rakyat akan terus mencakar tanah sebagai mata pencariannya. Teknik-teknik perladangan mereka akan ditentukan oleh adat dan kebiasaan. Segala keputusan penyelidikan di bidang pertanian tidak akan memberi faedah kepada mereka kerana mereka tidak mempunyai pelajaran untuk memahami keputusan-keputusan tadi. Tetapi keadaan-keadaan ini sudah banyak berubah ke arah kebaikan selepas Merdeka.

Kesimpulan

Dalam lebihkurang 20 tahun kebelakangan ini corak-corak pendidikan di Malaysia telah bertukar dengan pesatnya. Telah banyak belia-belia desa yang mendapat pelajaran menengah dan universiti. Akibatnya, telah berlaku suatu hijrah penduduk yang *gradual* dari desa-desa ke kota-kota di merata negeri di tanahair. Hijrah ini berlaku kerana bertambah ramai belia-belia kita yang sedar tentang peluang-peluang pekerjaan baharu. Pernah dikatakan orang bahawa salah satu tujuan pelajaran ialah membangkitkan kesedaran tentang peluang-peluang pekerjaan. Walau bagaimanapun setengah-setengah belia kita berhijrah kerana tidak sanggup lagi bekerja di sawah ladang di mana pulangan sut mereka

---

18. Kementerian Pelajaran, *Educational Statistics of Malaysia 1938 to 1967* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1967) m.s.16

mungkin negatif. Pemindahan dari desa ke kota ini ada baiknya juga, iaitu ianya mengurangkan tekanan penduduk yang disebutkan tadi.

Penggunaan tanah dipengaruhi oleh berbagai jenis institusi kolonialisme, feudalisme, *landlordisme,* kerajaan, undang-undang, adat resam, agama dan pendidikan. Dalam rencana ini kita telah membincangkan bagaimana institusi-institusi ini telah mempengaruhi penggunaan tanah. Di antara institusi-institusi ini institusi kerajaan dan undang-undang memainkan peranan yang terpenting di dalam kehidupan kita sekarang. Dengan adanya dasar ekonomi baharu kerajaan mungkin akan berlaku perubahan-perubahan kepada corak penggunaan tanah pada masa depan. Oleh kerana tujuan utama kerajaan ialah mengurangkan perbezaan antara yang "berada" dengan yang "tidak berada" adalah wajar bagi kerajaan mengambil langkah-langkah tegas untuk membaiki dasar-dasar yang berkait dengan penggunaan tanah, seperti menguatkuasa undang-undang sewa menyewa, menjalankan land reform, mengurangkan cukai ke atas pekebun-pekebun kecil dan menaikkan cukai ke atas estet-estet supaya benar-benar wujud keseimbangan yang sering diperkatakan.

Dewan Masyarakat
Oktober, 1971.

6

PEMBAHAGIAN TANAH KEPADA PETANI-PETANI

Sanusi Osman

Kepada kaum tani tanah merupakan satu punca pendapatan yang paling penting. Sungguhpun begitu kebanyakan kaum tani tidak mempunyai tanah. Atau mereka cuma memiliki tanah yang begitu kecil sehingga tidak mungkin mengeluarkan hasil yang mencukupi bagi menyara keluarga mereka. Oleh kerana itu kebanyakan mereka terpaksa menyewa tanah ataupun menjual tenaga mereka kepada tuan-tuan tanah untuk mendapatkan saraan hidup.

Berdasarkan beberapa kajian yang dibuat tentang pembahagian tanah di kalangan masyarakat kaum tani di negeri ini, satu perkara yang nyata ialah pengumpulan tanah yang begitu bebas telah menimbulkan pembahagian milik tanah yang tidak seimbang. Pemilikan yang tidak seimbang itu wujud bersama beberapa perkembangan baru dalam masyarakat kaum tani di negeri ini. Di antara perkembangan-perkembangan baru itu ialah:

a. timbul golongan tuan tanah dan golongan tidak bertanah,
b. berlaku pemecahan tanah milik dengan meluas, dan

c. wujud penindasan ke atas kaum tani dengan bertambah hebat.

Pengumpulan tanah yang bebas akan memberi peluang yang baik kepada golongan orang yang berada untuk mengumpul tanah. Lebih-lebih lagi pada waktu sekarang di mana pembukaan tanah baru secara bebas tidak dibenarkan lagi. Oleh itu dengan meluasnya penggunaan wang, maka berlaku pula pembelian dan penjualan tanah di kalangan rakyat. Orang yang kaya dan berada dapat membeli tanah-tanah yang hendak dijual oleh rakyat yang memerlukan wang. Oleh kerana itu didapati pengumpulan tanah ini semakin tertumpu kepada satu golongan iaitu golongan orang yang berada.

Seseorang yang mempunyai banyak tanah, besar kemungkinan ia akan dapat mengumpulkan tanah lebih banyak lagi kerana pendapatan yang tinggi membolehkan dia membuat tabungan yang besar. Oleh kerana itu di kalangan kaum tani tanah dan perhubungannya dengan tanah akan menentukan kedudukannya dalam masyarakat. Pembahagian tanah milik yang berbeza dan perhubungan dengan tanah yang berlainan menimbulkan pula bermacam-macam kategori atau golongan dalam masyarakat tani.

S. Husin Ali membahagikan ketua-ketua keluarga di Kampung Bagan (Batu Pahat, Johor) kepada 5 kategori seperti berikut:

PEMBAHAGIAN 124 KETUA-KETUA DI KAMPUNG BAGAN YANG MELAKUKAN PERTANIAN BERDASARKAN KATEGORI-KATEGORI†

	Bil. Orang	Peratus
a) Tuan Tanah	20	16.1
b) Tuan Tanah-Pemilik Pengerja	4	3.2
c) Pemilik Pengerja	34	27.4
d) Pemilik Pengerja dan Penyewa	30	24.2
e) Penyewa atau Buruh Tani	36	29.1
Jumlah	124	100.00

(†S. Husin Ali, *Social Stratification in Kampung Bagan*, 1964, muka surat 39).

Dalam kategori (a) tuan tanah, didapati 20 ketua keluarga atau 16.1% yang hidup dengan menerima pendapatan dari tanah tanpa mengerjakan tanah itu. Kategori (b) tuan tanah dan pemilik pengerja ialah orang yang menyewakan sebahagian daripada tanah-tanahnya di samping mereka sendiri mengerjakan sebahagian daripada tanah itu. Kategori ini kecil saja bilangannya iaitu 4 orang atau 3.2%. Manakala kategori (c) pemilik pengerja terdiri dari mereka yang mengerjakan tanah sendiri tanpa menyewa tanah orang lain ataupun memberi sewa sebahagian daripada tanah mereka. Di Kampung Bagan terdapat 34 ketua keluarga atau 27.4% yang terdiri daripada kategori ini. Dalam kategori (d) Pemilik Pengerja dan penyewa, ialah mereka yang mempunyai tanah yang sedikit. Untuk mencukupi pendapatan bagi membantu keluarga mereka, maka terpaksalah mereka menyewa tanah orang lain. Kategori ini terdiri dari 30 ketua keluarga atau 24.2%. Kategori (e) Penyewa dan Buruh Tani ialah mereka yang terpaksa menyewa tanah orang lain untuk mencari nafkah hidup. Kategori ini paling besar bilangannya jika dibandingkan dengan kategori-kategori lain di Kampung Bagan. Seramai 36 ketua keluarga atau 29.1% terdiri daripada kategori tersebut.

Perbezaan di antara kategori-kategori tersebut lebih jelas lagi jika didasarkan kepada kadar pemilikan tanah tiap-tiap kategori itu seperti di bawah ini.

PEMBAHAGIAN PEMILIKAN TANAH DI KALANGAN 124 KETUA-KETUA KELUARGA DI KAMPUNG BAGAN MENGIKUT KATEGORINYA†

Kategori	Ramai	Peratus	Jumlah Pemilikan (Ekar)	Peratus
a) Tuan Tanah	20	16.1	687.80	67.5
b) Tuan Tanah Pemilik Pengerja	4	3.2	50.00	4.9
c) Pemilik Pengerja	34	27.4	159.25	15.6
d) Pemilik Pengerja dan Penyewa	30	24.2	83.66	8.2
e) Penyewa atau Buruh Tani	36	29.25	39.25	3.8
Jumlah	124	100.0	109.96	100.0

(†S. Husin Ali, *Social Stratification in Kampung Bagan*, 1964, muka surat 40).

Rajah di atas menunjukkan bahawa kategori tuan tanah yang terdiri dari 16.1% daripada 124 ketua keluarga itu menguasai 67.5% daripada tanah di tempat itu. Ini bererti lebih dari dua pertiga daripada keseluruhan tanah di situ. Manakala kategori (a) dan (b) yang terdiri dari 19.3% itu menguasai 72.4% daripada tanah-tanah di situ. Tanah yang selebihnya dimiliki oleh tiga kategori lain yang lebih besar bilangannya. Kategori (d) dan (e) misalnya yang terdiri dari 53.3% itu menguasai cuma 12% daripada tanah-tanah di situ. Keadaan kategori (c) lebih buruk lagi kerana 29.1% daripada ketua-ketua keluarga itu memiliki hanya 3.8% daripada tanah-tanah di tempat itu. Di sini jelas bagaimana tidak seimbangnya pembahagian milik tanah itu.

Daripada kajian Sdr. S. Husin Ali juga didapati 16 orang daripada 124 orang yang dikaji itu tidak mempunyai tanah langsung. Seramai 52 orang mempunyai tanah antara ½ dengan 3 ekar. Dan 27 orang memiliki antara 3½ dengan 6 ekar. Jika dicampur bilangan orang yang tidak bertanah langsung dengan bilangan orang yang mempunyai tanah kurang dari enam ekar kita dapati berjumlah 95 orang. Inilah bilangan orang yang tidak mempunyai tanah yang cukup untuk bekerja dan menyara keluarga masing-masing.

Sebaliknya pula pemilikan 20 orang tuan tanah di situ amat jauh bezanya. Seramai 8 orang daripada 20 orang tuan tanah itu masing-masing mempunyai tanah kurang dari 21 ekar. Manakala 12 orang lagi mempunyai tanah yang lebih 21 ekar tiap-tiap seorang. Luas tanah tiap-tiap seorang itu jika disusun mengikut kecil besarnya adalah 21¾, 24, 25, 34, 31, 34, 40, 45, 90, 90, dan 95 ekar.

Ada 3 perkara penting yang boleh diambil dari kajian Kampung Bagan ini tentang pemilikan tanah:

1. golongan tuan tanah yang kecil menguasai sebahagian besar daripada tanah di tempat itu,
2. golongan tani yang terpaksa menyewa tanah orang lain lebih dari 50% bilangannya,
3. lebih dari dua pertiga daripada orang di tempat itu mempunyai tanah di antara ½ hingga 6 ekar saja.

Ketiga-tiga ciri ini boleh dilihat dari kajian-kajian lain yang dibuat tentang pemilikan tanah. Di Kampung Cangkat Larang didapati 10.4% daripada ketua keluarga yang dikaji

terdiri dari tuan-tuan tanah. Daripada 560 ekar tanah yang dibuka di kampung itu cuma 58.8% saja dimiliki oleh penduduk di situ, yang lainnya dipunyai oleh tuan-tuan tanah yang tinggal di luar dari kampung tersebut.

Pembahagian milik tanah di tempat ini juga tidak seimbang. Jikalau di Kampung Bagan terdapat 16 orang daripada 124 orang yang dikaji tidak mempunyai tanah langsung, di Cangkat Larang terdapat 35 orang daripada 123 orang yang dikaji tidak bertanah langsung. Bilangan yang terpaksa menyewa tanah orang lain ialah 60%. Bilangan ini lebih tinggi daripada Kampung Bagan. Begitu juga dengan bilangan orang yang tidak mempunyai tanah langsung didapati di Cangkat Larang melebihi Kampung Bagan. Untuk lebih jelas sila lihat jadual ini:

PEMILIKAN TANAH DI KALANGAN
123 KETUA-KETUA

KELUARGA DI KAMPUNG CANGKAT LARANG†

Luas Tanah (ekar)	Bilangan Ketua Keluarga	Peratus
0	35	28.5
½-2	50	40.7
2½-4	16	13.0
4½-6	9	7.3
6½-8	2	1.6
8½-10	2	1.6
10½-12	3	2.4
12½-14	2	1.6
14½-16	2	1.6
14½-18	-	1.6
18½-20	-	-
Lebih 20	2	1.6
Jumlah	123	99.9

†Mazidah Zakaria, *Susunan Ekonomi dan Social Kampung Cangkat Larang*, 1967, muka surat 84—85.

Jadual di atas menunjukkan dengan terang bahawa bilangan ketua keluarga yang tidak cukup tanah sangat besar. Selain daripada 35 orang yang tidak bertanah langsung, 50 orang lagi mempunyai tanah di antara ½ hingga 2 ekar saja. Tanah ini sebenarnya ialah untuk tapak rumah dan yang

selebihnya digunakan untuk tanah-tanah dusun yang tidak mendatangkan hasil. Jadi kumpulan ini boleh dikira tidak mempunyai tanah juga. Jumlah golongan ini dengan golongan yang tidak bertanah langsung ialah 85 orang atau 70% daripada penduduk di situ.

Bilangan yang mempunyai tidak cukup tanah atau tanah yang kurang dari 6 ekar berjumlah 89.5% daripada penduduk di tempat itu. Di sini jelas bahawa bilangan orang tidak cukup tanah di Kampung Cangkat Larang hampir sama dengan bilangan yang didapati di Kampung Bagan. Begitu juga penumpang pemilikan tanah di Kampung Cangkat Larang tertumpu kepada 30% sahaja daripada penduduknya sementara di Kampung Bagan pula dua pertiga daripada tanah di situ dimiliki oleh 16.1% daripada penduduk-penduduk di situ.

Keadaan yang sama juga didapati di Melaka. Prof. Udhis Narkawasdi[1] yang membuat pengkajian tentang penenam-penanam padi di Melaka mengatakan bahawa 46.97% daripada tanah sawah di sana dikerjakan oleh pemiliknya dan 52.97% adalah tanah sawah yang disewa. Di sini bererti bahawa bilangan orang yang mengerjakan tanah sendiri lebih kecil, sedangkan bilangan orang yang menyewa tanah orang lain lebih besar. Peratus bilangan penyewa sama seperti tempat-tempat yang sudah disebut dulu iaitu lebih 50% daripada penduduk di tempat itu.

Pembahagian pemilik tanah di Seri Menanti[2] terdapat banyak persamaannya. Sungguhpun bilangan orang yang mengerjakan tanah milik 41.6% tapi kebanyakan tanah mereka itu adalah kurang dari 6 ekar. Oleh sebab itu di Seri Menanti juga terdapat bilangan penyewa yang tinggi iaitu 46.5% daripada penduduk di situ. Untuk lebih jelas sila lihat jadual di bawah ini.

---

1. Prof. Udhis Narkawasdi, *Economic Survey of padi Production in West Malaysia,* Kementerian Pertanian dan Kerjasama, K. Lumpur 1967 m.s. 68.

2. Hairi bin Abdullah, *Kedudukan Ekonomi Orang Melayu di Seri Menanti,* m.s. 30.

PENYEBARAN TANAH KEPUNYAAN KETUA-KETUA KELUARGA DI SERI MENANTI

Luas ekar	Bilangan	Peratus
0	9	8.9
1	-	1
2	11	10.9
3	22	21.8
4	10	9.9
5	10	9.9
6	9	8.9
7	9	8.9
8	6	5.9
9	1	1
10	3	2.9
11	-	-
12	3	2.9
13	-	-
14	1	1
15	6	5.9
Jumlah	101	99.9

Dalam jadual di atas ditunjukkan bahawa 21.8% daripada ketua-ketua keluarga di situ mempunyai tanah seluas 3 ekar tiap-tiap seorang. Begitu juga dengan bilangan orang-orang yang mempunyai tanah di antara 0 hingga 6 ekar ialah 72 orang daripada 101 orang ketua keluarga yang dikaji atau 71.3% terdiri daripada orang-orang yang kekurangan tanah. Satu perkara yang agak berbeza di Seri Menanti ini ialah di tempat ini tidak ada golongan tuan tanah yang sebenar-benarnya. Golongan yang ada ialah tuan tanah pengerja pemilik. Mereka ini terdiri dari 11.9% dan masing-masing memiliki tanah lebih kurang 15 ekar sahaja.

Di atas tadi disebutkan bahawa di Seri Menanti terdapat 51.6% daripada penduduk-penduduk di situ mengerjakan tanah milik tapi tanah-tanah yang dikerjakan itu kebanyakannya kurang dari 6 ekar. Keadaan demikian terdapat juga di Kerdau.

Bilangan pekerja tanah milik di Kerdau ialah 52 orang daripada 129 ketua keluarga yang dikaji atau 40.3%. Tapi tidak semua tanah-tanah mereka itu dapat mengeluarkan hasil. Kebanyakan pokok-pokok getah di tanah-tanah ter-

sebut sudah tua dan tidak memberikan pendapatan yang tinggi kepada pemiliknya. Oleh kerana itu di Kerdau juga terdapat 37.9% daripada penduduk di situ terpaksa menyewa tanah daripada orang lain.

Satu lagi kajian tentang kedudukan ekonomi orang Melayu di Kerdau menyatakan bahawa hampir 51% orang di situ mengerjakan tanah di antara 0 hingga 4 ekar tanah tiap-tiap seorang dan 32% daripadanya mengerjakan tanah di antara 4½ hingga 8 ekar tiap-tiap seorang. Jika dicampur kedua-dua golongan ini didapati lebih 82% daripada penduduk-penduduk di situ bekerja pada tanah yang luasnya di antara 0 hingga 8 ekar. Jadi daripada kajian-kajian yang telah dibuat menunjukkan kepada kita bahawa terlalu sedikit bilangan kaum tani yang memiliki tanah atau mengerjakan tanah yang 10 ekar atau lebih yang dikira cukup bagi menyara hidup satu keluarga.

Apa yang kita dapati ialah kebanyakan kaum tani — iaitu lebih 50% — daripada menyewa tanah kerana tidak mempunyai tanah sendiri ataupun memiliki tanah yang tidak mencukupi. Selain dari itu terdapat juga sebahagian kecil tuan tanah memiliki sebahagian besar daripada tanah di tempat-tempat itu. Begitu juga dengan bilangan orang yang mempunyai tanah kurang dari 6 ekar didapati lebih dari 70% dan ada yang sampai 89.5% seperti yang terdapat di Kampung Cangkat Larang.

Pembahagian milik tanah yang tidak seimbang seperti yang terdapat dari beberapa kajian tadi memperkuatkan lagi hasil kajian contoh yang dibuat di Kerian dulu.[3] Kajian itu menunjukkan bahawa dalam satu kawasan yang luasnya 1,825 ekar yang terdiri dari 102 pemilikan, didapati pembahagian pemilikan di situ terlalu besar perbezaannya. Lebih dari 56% daripada kawasan tanah itu terdiri dari 3 pemilikan sahaja dan 76% daripada tanah itu dimiliki oleh 9 pemilikan sahaja. Kajian itu juga menyatakan bahawa separuh daripada pemilik-pemilik di situ mempunyai tanah yang kurang dari 5 ekar tiap-tiap satunya.

Menurut Banci Pertanian 1960, lebih kurang dua pertiga daripada penanam-penanam padi di Malaya tidak mempunyai

---

3. Erich H. Jacoby, "Type of Tenure and Economic Development" Malayan Economic Review, Vol. IV, No. 1, 1959, m.s. 13.

tanah sendiri. Penyewa-penyewa tanah sawah adalah 93% daripada semua penyewa-penyewa tanah di Malaya. Petani-petani mempunyai tanah sendiri cuma 20% saja di seluruh Malaya. Di Utara Malaya, mengikut Wilson, 2/3 daripada tanah-tanah sawah di situ dimiliki oleh 2,000 keluarga saja. Lebih separuh daripada sawah-sawah di sana disewa dan paling tinggi ialah di Seberang Perai di mana terdapat 62% menyatakan bahawa dalam masa 10 tahun ini sebanyak 50% tanah-tanah sawah yang disewa di Seberang Perai bertukar tangan dan 42% di Kelantan berganti tangan setiap tahun.

Begitu juga dengan pemecahan tanah. Perkembangannya kian menjadi-jadi. Dalam satu kajian contoh di Tanjung Piandang, 54 tahun yang lalu, kira-kira 46% tanah-tanah tani di situ luasnya kurang 5 ekar sudah meningkat kepada 91%. Ini adalah akibat pengumpulan tanah yang bebas. Oleh kerana itu wujudlah pula perbezan-perbezaan dalam pemilikan tanah.

Pembahagian tanah yang tidak seimbang ini bukan sahaja menambah jurang perbezaan di antara mereka yang berada dan tidak berada, tapi membawa kemiskinan kepada rakyat dan negara. "Kebanyakan tuan-tuan tanah itu adalah terdiri dari tuan-tuan tanah tidur yang tidak mempunyai minat untuk menambah pengeluaran hasil pertanian sepertimana mereka meminati memberi pinjaman wang. Sebenarnya pemilikan tanah itu kepada mereka merupakan asas untuk mendapat prestij sosial dan politik.[4]

Dewan Masyarakat
April 1970.

---

4. Erich H. Jacoby, *Op. Cit.*, hal. 126.

7

USAHA KERAJAAN MENGATASI MASALAH TANAH

Kaman Osman

Tanah dan manusia mempunyai kaitan yang paling rapat. Hidup mati manusia selalu dihubungkan dengan tanah. Dari pandangan agama (Islam), bahawa manusia telah ditempa dari tanah. Malah, kalau kita fikirkan dalam-dalam, memang seluruh hidup kita bergantung kepada tanah. Oleh itu masalah tanah kepada manusia bukanlah satu masalah yang baru lahir. Kerapkali juga, kerana masalah tanah; manusia berbunuh-bunuhan. Contoh yang jelas, sama-sama dapat kita lihat dari beberapa peristiwa peperangan yang berlaku di dunia ini.

Oleh kerana sesuatu kawasan tanah itu mempunyai sumber kekayaan, tanah itu akan menimbulkan keinginan manusia untuk memilikinya walaupun kadang-kadang dalam memperolehinya beberapa jiwa terkorban di atas permukaan tanah itu sendiri.

Kita tidak akan memperkatakan lebih mendalam keseluruhan kaitan antara tanah dan manusia, tapi dalam

rencana ini kita hanya akan memperkatakan bagaimana masalah tanah itu dihadapi oleh petani dan kerajaan.

Kita kerapkali menemui tulisan yang menimbulkan masalah ini. Dalam kebanyakan tulisan itu, jelas kelihatan bahawa masalah ini seolah-olah tidak pernah diatasi sama sekali. Pandangan seumpama ini merupakan satu gambaran yang berat sebelah. Kalau sekiranya gambaran serupa ini berterusan, kita bimbang tanggapan seseorang akan terpesong. Dan dari tanggapan ini kelak, berat kemungkinan akan timbul akibat yang tidak baik.

Untuk lebih jelas lagi, kita tumpukan tinjauan kita khas kepada masalah tanah kepada golongan petani di negara kita ini. Memang kalau kita tilik dari tinjauan ataupun kajian ilmiah pada beberapa kawasan di negara kita,[1] mungkin kita menganggap bahawa gambaran itu seolah-olah gambaran yang mewakili seluruh zaman. Padahal perubahan masa dalam sesuatu perkembangan amat penting. Kita tidak boleh mendasarkan gambaran yang berlaku dalam tahun 1964 atau 1967 dari satu daerah yang meliputi lebih kurang 120–130 ketua keluarga untuk mewakili gambaran yang ada pada tahun 1970 bagi seluruh pembangunan negara yang meliputi seramai hampir-hampir 11 juta manusia.

Sesiapa juga harus mengakui, masa lebih kurang enam tahun atau tiga tahun itu sudah tentu boleh menukar corak sesuatu keadaan. Dan lagi, tidaklah harus kita menerima bahawa dari seramai 120–130 orang yang dikaji dalam tahun 1964/1967 boleh mewakili sebilangan besar golongan petani dalam tahun 1970 ini. Namun demikian kita harus menyedari, bahawa apa yang digambarkan dalam kajian tersebut ada benarnya.

Apa yang menarik hati dalam hal ini, ialah sikap kita yang ingin menggambarkan keadaan tersebut. Kalau kita dapat mengemukakan satu gambaran tentang keadaan masyarakat petani dalam tahun-tahun 1964 atau 1967, seharusnya, kita dapat juga memberi gambaran keadaan petani dalam tahun 1970. Kalaupun terdapat masalah, apakah

---

1. Lihat makalah Sanusi Osman, *Pembahagian Tanah Kepada Petani*

masalah itu, dan apa yang menyebabkannya, malah kita harus pula menyedari akan usaha-usaha yang telah dilakukan bagi mengatasi masalah itu.

Masalah tanah yang dihadapi oleh petani dalam zaman pemerintahan penjajah dulu mungkin dapat kita ketepikan dulu. Tugas kita ialah mengkaji masalah itu, walaupun masalah itu warisan penjajah. Namun demikian, kita tidak harus membuat tuduhan melulu bahawa masalah yang dihadapi petani-petani sekarang tidak disebabkan oleh kesilapan atau kelalaian sikap mereka sendiri. Kita banyak bertemu ada setengah-setengah petani yang dulunya memiliki tanah, tetapi kini dia sendiri menjadi penyewa atau lebih malang lagi menjadi buruh di tanah itu juga yang telah menjadi hak orang lain.

Kita juga tidak dapat menyangkal, bahawa sebilangan besar petani kita tercekik hidupnya oleh golongan tengah yang sentiasa mengisap darah meraka setiap hari. Tapi dalam hal ini kita sepatutnya harus menyedari bagaimana masalah ini telah, sedang dan akan diatasi oleh kerajaan.

Kebanyakan petani terdiri dari golongan bumiputra, yang dulu-dulunya pukul-rata memiliki tanah. Tapi dari satu jenerasi kepada satu jenerasi, tanah-tanah pesaka ini telah berpecah-pecah antara yang berhak. Akhirnya kalau tanah itu pada permulaannya agak boleh menampung hidup keluarga itu dari segi ekonomi secukup hidup, tapi setelah dipecahkan berkali-kali, tanah ini telah mengalami beberapa peristiwa. Sebahagian besar akan bertukar tangan kepada orang-orang asing atau orang yang berada. Dan sebahagian kecil terus diusahakan oleh waris-waris yang memilikinya, tapi hasil yang diperolehi semakin kecil dan menyedihkan.

Berikutan dengan peristiwa ini, pemilik tanah yang kecil ini akan merasakan hidup yang terhimpit. Di antara mereka ada yang telah meninggalkan tanah tersebut untuk menjadi buruh. Separuhnya menetap dengan keadaan hidup lama di tanah yang secebis ini. Untuk menambahkan pendapatan, petani-petani itu kerapkali menjadi pekerja pada sawah/ladang kepunyaan orang berada. Mungkin kerana beberapa sebab, tanah yang secebis itu lama kelamaan bertukar tangan

pula. Oleh yang demikian, petani ini dengan sendirinya tel masuk dalam golongan petani-petani yang tidak mempun tanah. Oleh itu masalah pemberian tanah pun timbul d harus dihadapi oleh kerajaan.

Sejauh manakah masalah ini telah disedari oleh kerajaa tidak dapat kita dipastikan bila mulanya. Namun demikia kita harus dapat mengatakan kesedaran itu telah lama ad Oleh sebab itu, tidak berapa lama sesudah negara ki merdeka, usaha membaiki keadaan luar bandar telah dimul kan oleh Allah Yarham Tun Abdul Razak menen rancangannya yang termaktub dalam Buku Merah.

Malah sebelum itu beberapa usaha telahpun dijalanka oleh kerajaan bagi memperbaiki hal ini menerusi rancang RIDA dan Syarikat Kerjasama. Sehingga hari ini usaha me perbaikinya terus berjalan, dikaji dan disesuaikan mengik keadaan yang timbul.

Sebagai contoh, dari Laporan Kemajuan Tanah Pe sekutuan tahun 1970, kita akan dapat melihat beta besarnya sumbangan kerajaan untuk mengatasi masal pemilikan tanah ini.

Semenjak projek ini dimulakan tahun 1957 hinggal 1970, terdapat seluas 337,123 ekar tanah telah dibuk dengan tanaman-tanaman getah seluas 147,825 ekar, kelap sawit seluas 160,595 ekar, 22,903 ekar untuk kampung da seluas 5,800 ekar untuk tanaman jangka pendek. Kawasa tanah seluas ini telah dapat menampung seramai 22,50 keluarga yang mengandungi seramai 145,000 petani kec besar. Malah dalam Rancangan Malaysia Pertam (1966–1970) pula, kerajaan telah berjaya membuka tana seluas 179,051 ekar yang ditanam dengan kelapa sawit da getah. Dan mengikut Rancangan Malaysia Kedua pul (1971–1975), tanah seluas 250,000 ekar akan dibuka lag Kalau ditaksirkan, lebih kurang seramai 21,000 keluarg peserta akan dapat diambil memenuhi peserta akan dap diambil memenuhi tempat-tempat ini kelak.

Untuk lebih jelas melihat perkembangan itu, perhatika lah jadual di bawah ini:

JADUAL I. RANCANGAN DAN LUAS EKAR DIMAJUKAN 1957–1970†

Tahun	Bilangan Rancangan			Luas Ekar Ditanam		
	Getah	Kelapa Sawit	Jumlah	Getah	Kelapa Sawit	Jumlah
1959 & Awal	10	-	10	4,091	-	4,091
1960	4	-	4	10,509	-	10,509
1961	10	1	11	14,471	926	15,397
1962	11	-	11	24,673	1,749	26,422
1963	8	4	12	17,343	6,839	24,182
1964	8	3	11	22,398	8,317	30,715
1965	-	1	1	8,475	9,578	18,053
1966	-	1	1	14,442	14,032	28,474
1967	-	7	7	9,144	18,235	27,379
1968	-	6	6	2,344	31,044	33,388
1969	-	7	7	1,928	36,321	38,249
1970+	5	4	9	18,007	23,554	51,561
Jumlah	56	34	90	147,825	160,595	308,420

+Taksiran – Sumber, *Laporan LKTP 1970*

Selain daripada projek yang dijalankan oleh kerajaan pusat, kita masih dapat memberikan bukti bahawa kerajaan-kerajaan negeri juga ikut serta menjalankan projeknya sendiri. Projek ini ialah satu-satunya usaha untuk mengatasi masalah petani-petani yang ketiadaan tanah atau tiada cukup tanah.

Di antara projek-projek itu ialah memberikan tanah-tanah melalui proses-proses ini: Tanah pinggir, tanah terkawal, tanah baharu terkumpul.

Rancangan-rancangan ini dilakukan kerana memikirkan bahawa petani-petani mempunyai tanah yang sedikit. Untuk menambahkan pendapatan mereka, kerajaan negeri telah memberikan tanah-tanah dari salah satu projek ini. Sungguhpun demikian, kerajaan tidaklah membiarkan petani-petani itu tanpa nasihat-nasihat dan bantuan bagi memajukan tanah-tanah tersebut. Malangnya segala bantuan-bantuan itu telah disalahgunakan kerana ramai di antara mereka yang telah meninggalkan tanah itu begitu saja. Dan ramai pula yang mengerjakannya separuh jalan. Yang mendukacitakan, bantuan-bantuan yang diberikan oleh kerajaan telah disalahgunakan. Misalnya, baja-baja yang sepatutnya digunakan pada

tanaman, telah dijualkan kepada orang-orang tengah. Sebab itulah kebanyakan projek ini telah gagal.

Kegagalan ini tidaklah hanya kita letakkan kepada petani-petani itu sendiri. Kegagalan tersebut mungkin ada juga bersabit dengan kurangnya kecekapan pengurusan pihak kerajaan negeri-negeri yang berkenaan.

Bagi memperbaiki keadaan ini, pada 1 Oktober, 1964 cadangan telah dibuat untuk memulihkan rancangan ini di bawah satu lembaga yang dinamai Lembaga Pemulihan Dan Penyatuan Tanah Negara. Lembaga ini telah dikanunkan pada 1 April 1966 dan menjalankan tugasnya dalam jangka percubaan dalam bulan Julai–September 1967.

Pada masa ini semua projek negeri telah diambil alih oleh Lembaga ini untuk dipulihkan. Kalau ditaksirkan, lebih kurang seluas 4265 ekar tanah telah ditanam dengan getah dan kelapa sawit, yang dimiliki oleh 547 orang peserta. Setakat ini empat daripada projek-projek ini telah pun dipulihkan. Walaupun tanah ini dipulihkan, hak milik tanah tersebut masih kekal pada yang punya. Dan di antara mereka itu ada yang diambil menjadi pekerja dalam projek pemulihan ini.

Menilik kepada besarnya projek yang telah dijalankan oleh kerajaan setakat ini, tentulah kita bertanya dari manakah perbelanjaan telah diperoleh. Dan bagaimana pula kedudukan peneroka-peneroka yang menyertai projek itu. Malah harus kita bertanya sejauh mana kejayaan yang telah dicapai oleh kerajaan dalam projek ini. Akhir sekali mungkin kita ingin mengetahui adakah projek ini akan dapat mengatasi masalah tanah yang menjadi tema pokoknya?

Kerajaan kita ialah sebuah kerajaan yang baru membangun. Dan negara kita pula adalah sebuah negara pertanian yang mempunyai harapan cemerlang masa yang akan datang. Mungkin kerana keteguhan ekonomi dan juga kerana negara kita menjadi anggota pertubuhan dunia, segala projek yang dijalankan di negara ini telah mendapat bantuan yang besar dari pertubuhan dunia dan antarabangsa.

Setakat ini kerajaan kita telah menerima pinjaman daripada Bank Dunia sebanyak $3,790,081. Mengikut seorang pegawai di Kementerian Pembangunan Luar Bandar, pinjaman ini dikenakan bunga 6-6½% (?). Tetapi perbelanjaan yang telah digunakan untuk menjayakan segala projek-projek

ini menjelang tahun 1970 ditaksirkan sebanyak $363,162,160. Untuk lebih jelas perhatikan jadual di bawah ini.

JADUAL II

PERBELANJAAN

Tahun	Pentadbiran (Bantuan Kerajaan) ($)	Pinjaman (Pinjaman Kerajaan) ($)	Jumlah ($)
1959 & Awal	–	6,924,000	6,924,000
1960	–	4,000,000	4,000,000
1961	1,747,586	2,110,574	3,858,000
1962	9,000,000	12,000,000	21,000,000
1963	7,000,000	13,000,000	20,000,000
1964	7,000,000	13,000,000	20,000,000
1965	10,000,000	20,000,000	30,000,000
1966	3,000,000	35,000,000	38,000,000
1967	9,380,000	30,000,000	39,080,000
1968	5,000,000	45,000,000	50,000,000
1969	17,000,000	30,000,000	47,000,000
1970	19,000,000	64,000,000	83,000,000
Jumlah	88,127,586	275,034,574	363,162,160

Jika diperhatikan, bererti kerajaan telah mengeluarkan banyak belanja bagi memperbaiki taraf pertanian negara yang melibatkan usaha mempertinggikan taraf petani-petaninya.

Soal yang kedua yang harus diatasi ialah bagaimanakah kedudukan peneroka-peneroka yang menjayakan projek-projek ini. Mereka ini telah dipilih dari petani-petani yang ketiadaan tanah ataupun tidak cukup tanah. Mengikut penyelidikan kalau sesuatu keluarga petani yang mahu hidup agak lumayan harus memiliki tanah seluas 8–10 ekar. Oleh itu, peserta-peserta dalam rancangan ini adalah ditaksirkan akan memiliki tanah seluas itu apakala sampai masanya. Oleh kerana perbelanjaan menjayakan projek ini adalah wang kerajaan, malah sebahagian daripadanya dipinjam, maka projek itu seharusnya berjaya dan mencapai matlamatnya. Tiap-tiap peserta diberi bayaran lebih kurang $70 sebulan. Manakala projek ini telah mengeluarkan hasilnya, dan kalau telah diuntukkan kepada peserta-pesertanya, kerajaan akan mengambil sebahagian daripada pendapatan bulanan peserta

itu sebagai bayaran balik wang yang telah dibelanjakan.

Cara pemotongannya adalah didasarkan kepada pendapatan minima $70. Kalau seseorang peserta mendapat hanya $70 sebulan, potongan 40% daripada pendapatnya tidak dikenakan. Potongan 40% itu hanya dilakukan pada pendapatan lebih daripada $70 saja. Mengikut taksirnya, belanja bagi menjayakan 10 ekar tanah getah memakan belanja sebanyak $16,000, tetapi peserta dikehendaki membayar hanya $11,000 saja.

Untuk melihat jaya tidaknya projek ini, kita dapat memberikan gambaran menerusi jadual III.

Dari jadual ini jelas kelihatan kepada kita, bahawa di akhir tahun 1969, dari pendapatan hasil getah dan kelapa sawit, kerajaan telah mendapat hasil sebanyak $37,331,978. Sementara itu negara kita telah dengan sendirinya mempunyai ladang-ladang getah dan ladang kelapa sawit yang luas yang akan terus menerus mengeluarkan hasil yang kian meningkat tahun demi tahun. Secara langsung di projek-projek ini telah terdiri 4 buah kilang memproses kelapa sawit, 10 buah kilang getah, 600 ekar tanah Pusat Penyelidik di Tekam, Pahang bagi percubaan dan penyelidikan tanaman kelapa sawit, getah, koko dan menternak lembu.

JADUAL III.

PENGELUARAN HASIL DAN PENDAPATAN 1963–69

Tahun	Getah		Kelapa Sawit		Jumlah Hasil
	Paun	$	Tan Tandan Buah	$	$
1963	22,365	12,525	-	-	12,525
1964	219,056	124,806	685	32,209	157,015
1965	774,927	401,266	2,998	200,405	601,671
1966	2,120,277	1,054,918	13,623	880,336	1,935,254
1967	4,214,622	1,589,152	30,123	1,963,911	3,553,063
1968	9,399,003	3,887,623	56,913	3,173,214	7,060,837
1968	27,626,651	15,134,541	110,816	8,877,072	24,011,613
Jumlah	44,376,901	22,204,841	215,158	15,127,147	37,331,978

Yang lebih menarik, dalam menjalankan projek ini, dengan sendirinya kerajaan telah menyediakan kerja-kerja

yang dapat membimbing anak negeri dalam pertanian bagi seramai lebih kurang 1,808 orang temasuklah pegawai-pegawai, penyelidik-penyelidik dan 102 penuntut di Kolej Pertanian, Serdang dan Kolej Teknik, Kuala Lumpur bagi menjalankan bidang pertanian kita mengikut teknik moden.

Satu perkara yang selalu ditimbulkan, ialah tentang keadilan dalam pemberian tanah kepada petani-petani. Kita pernah membaca tentang pengikut Hamid Tuah di Telok Gong dan kemudiannya berlarutan di Merbau Berdarah berhubung dengan masalah tanah. Dan kita juga mengetahui apa yang telah dilakukan oleh kerajaan dalam hal ini. Oleh kerana tindakan yang agak keras, kerajaan kerapkali mendapat kecaman dari satu-satu pihak. Tetapi sebagai manusia, kita harus menyedari, tidak akan terlaksana satu projek pemberian tanah yang benar-benar dapat disesuaikan mengikut kehendak hati. Apatah lagi dalam zaman ini, tiap-tiap tanah yang dibuka telah ditentukan rancangannya berdasarkan penyelidikan dan dasar pemilihannya.

Oleh sebab itu masa demi masa, kita akan mempelajari beberapa perkara baru dari peristiwa-peristiwa yang telah menggagalkan kita. Walaupun dulunya kita kurang mempercayai tentang sikap, tapi pada peringkat ini, sikap dan disiplin amat penting dalam satu-satu kemajuan. Apatah lagi dalam satu projek yang benar-benar mencabar cara hidup yang telah lama menjadi darah daging kebanyakan bumiputra negara ini.

Sikap dan disiplin yang disertai dengan rancangan yang teratur yang didasarkan kepada penyelidikan moden, telah membuktikan kejayaan yang besar. Oleh itu, pada peringkat untuk mengatasi masalah tanah dan petani, kaedah yang sedang dilakukan oleh kerajaan sekarang adalah satu-satunya amalan yang berkesan. Pemberian tanah-tanah baru kepada pemuda-pemuda melalui Persatuan Belia, Persatuan Peladang-peladang, Pemuda Pelopor Negara dan kepada mereka yang benar-benar mahu berkhidmat dalam satu-satu projek yang dikendalikan oleh kerajaan, merupakan proses yang amat baik dan berkesan, bukan saja pada peserta itu sendiri tapi bagi memperbaiki kedudukan dan ekonomi negara.

Sebagai contoh yang dapat kita berikan, ialah Rancangan Kemajuan Tanah Sungai Dusun. Kawasan seluas 7,741 ekar yang mengandungi kebun kelapa sawit, telah dapat menampung seramai 499 keluarga yang berjumlah

seramai 2,700 orang. Kawasan ini merupakan satu kawasan pertanian yang moden dikendalikan oleh LKTP, lengkap dengan kemudahan-kemudahan yang biasa. Lihat Jadual IV.

JADUAL IV.

KOMPLEK SUNGAI DUSUN
(RANCANGAN GEDANGSA DAN SUNGAI TENGI)

RKT Gedangsa

Peringkat	Tanaman	Ekar	Tahun Ditanam
I	Getah	804	1961
II	"	888	1962
III	"	1,451	1964
IV	"	1,400	1967
V	Kelapa Sawit	1,273	1970
	Kawasan Perkampungan	5,861	
		448	
	Jumlah	6,264	

Jumlah peserta setakat ini ialah 394 keluarga.

RKT Sungai Tengi

Peringkat	Tanaman	Ekar	Tahun Ditanam
I	Kelapa Sawit	1,687	1968
II	" "	2,495	1969
III	" "	25	1970
III & IV	" "	1,814	1970
II	Getah	100	1970
	Kawasan Perkampungan	6,121	
		340	
	Jumlah	6,461	

Peserta-peserta akan dimasukkan pada penghujung tahun 1970.

Kalaulah kaedah ini diteruskan oleh kerajaan bagi mengatasi masalah petani yang ketiadaan tanah, kita yakin hasilnya akan cemerlang dibandingkan kalau kerajaan hanya memberikan tanah kepada petani-petani tanpa memberikan bantuan dan pengelolaan yang rapi. Oleh yang demikian, dalam hal ini; sekali lagi sikap dan disiplin amat diperlukan bagi mengatasi masalah tanah dan petani yang pada masa ini harus masih lagi merupakan satu masalah yang berat, tapi telah diusahakan untuk mengatasinya.

Kita tentu dapat memikirkan, hasilnya tentulah tidak akan tercapai dalam sehari dua saja. Kalau boleh usaha-usaha harus dilakukan untuk menyatukan tanah-tanah milik yang berpecah-pecah itu kepada satu kumpulan merupakan satu

syarikat. Ataupun diambil alih oleh satu-satu badan seperti LKTP supaya penyelenggaraannya dapat dilicinkan dan peranan orang tengah yang masih berkuku ke atas petani dapat dikikis habis-habisan. Bagi mereka yang tidak mempunyai tanah, haruslah mahu mengubah sikap mengikut keadaan yang ada sekarang bagai kata pepatah "menarilah mengikut gendangnya".

Dewan Masyarakat
Mei 1970

BAHAGIAN KEDUA
PEMBANGUNAN

Perhimpunan	Tanaman	Ekar	Tahun Ditanam
I	Getah	804	1961
II	"	888	
III	"	1,451	
IV	"	1,000	1970
V	Kelapa Sawit	1,277	1970
	Kawasan Perhimpunan	3,061	
		340	
	Jumlah	8,821	

Jumlah peserta rancangan ini ialah 594 keluarga.

FKT Sungai Arang

Perhimpunan	Tanaman	Ekar	Tahun Ditanam
I	Kelapa Sawit	1,587	1968
II	" "	2,436	1969
III	" "	25	1970
III & IV	" "	1,614	1970
II	Getah	196	1970
	Kawasan Perhimpunan	9,121	
		340	
	Jumlah	15,321	

Peserta-peserta skim dewasa ini ialah mereka-mereka yang telah mendaftarkan diri mereka pada tahun 1970.

Keluasan tanah ini ditentukan oleh kerajaan berdasarkan kepada keluasan tanah yang kebanyakan petani boleh usahakan dengan cara yang efisien. Kalau kerajaan hendak memberikan tanah kepada petani-petani tanpa memberikan bantuan yang sewajarnya, maka petani-petani itu tidak akan dapat mengusahakan tanah mereka dengan cara yang rapi. Oleh yang demikian, adalah lebih baik jika kerajaan memberikan bantuan yang cukup dan disiplin amat diperlukan bagi mereka yang menerima tanah dan petani yang perlu mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan untuk mereka. Kalau tidak, hasilnya tentulah tidak akan memuaskan. Dan tidak boleh disangkal bahawa kerajaan telah mengeluarkan banyak wang untuk membangunkan tanah-tanah milik yang berpecah-pecah itu kepada satu kumpulan menyerakan

BAHAGIAN KEDUA
PEMBANGUNAN

PERPUSTAKAAN
NASIONAL
REPUBLIK INDONESIA

8

PERUBAHAN SIKAP MENGHADAPI ZAMAN PEMBANGUNAN

Abdullah Sanusi Ahmad

Saya mulakan makalah ini dengan satu pertanyaan dan selanjutnya persoalan ini akan dibincangkan dari segi-segi yang berkaitan. Apakah sikap mengejar kerja-kerja pentadbiran dengan kerajaan di kalangan setengah-setengah masyarakat Melayu yang berpelajaran, selama ini, suatu sikap yang melemahkan perjuangan meninggikan taraf kedudukan orang Melayu?

Dalam pertanyaan ini potongan-potongan kalimat yang hendak dititikberatkan ialah:

a. Apakah sikap mengejar kerja-kerja pentadbiran dengan kerajaan di kalangan setengah-setengah masyarakat Melayu yang berpelajaran;
b. Meninggikan taraf kedudukan orang Melayu.

Daripada apa yang tersebut di atas nyatalah apa yang dikemukakan ialah satu soal sikap yang ada dalam masyarakat Melayu. Semenjak wujudnya pentadbiran penjajah di negeri kita di sekitar tahun 1900 sudah banyak orang kita diambil bekerja dalam pentadbiran Kerajaan sebagai Kerani

Kecil, Penghulu, Penterjemah, Pegawai Pentadbir Rendah da sebagainya. Daripada setahun ke setahun jumlah ora Melayu memasuki lapangan pentadbiran Kerajaan meningk naik. Pada tahun 1910 diwujudkan pula satu peraturan pe khidmatan yang bertujuan semata-mata hendak mendoro orang Melayu memasuki lapangan pentadbiran di dala Negeri-Negeri Bersekutu pada masa itu.[1] Inilah sa rancangan yang benar-benar cuba mengambil raky tempatan memasuki lapangan pentadbiran dalam Nege Negeri Bersekutu. Bermula dari itu bertapaklah satu pe khidmatan yang sekarang ini dikenal sebagai Perkhidmat Tadbir Melayu (M.A.S.) dan kemudiannya ke satu pe khidmatan yang lebih tinggi iaitu Perkhidmatan Tadb Malaya (M.C.S.) Jawatan yang kedua ini boleh dikataka jawatan tadbir yang tertinggi dan anggotanya tidak begi banyak jika dibandingkan dengan anggota-anggota dala jawatan perkhidmatan Kerajaan yang rendah-rendah.

Jadi dari tahun 1900 membawa ke masa ini bilang orang Melayu yang memasuki lapangan pentadbiran Kerajaa bertambah dengan banyak, dan bidang-bidang birokrasi ya dimasuki semakin luas. Oleh itu kebanyakan dari anggo birokrasi yang rendah-rendah ialah orang Melayu. Ini adal satu gejala yang masih berlaku.

Sebelum pandangan ini dibincangkan selanjutnya, el ditinjau kembali perkara kedua yang telah disebut tadi iai perjuangan hendak meninggikan taraf kedudukan ora Melayu.

Faktor-faktor yang dapat meninggikan taraf keduduk orang Melayu bolehlah dilihat dari berbagai-bagai segi antaranya segi ekonomi, sosial, pendidikan dan kesihata Tetapi di sini dikemukakan satu faktor lagi, iaitu fakto faktor anggota yang berpelajaran. Dengan tegas bolehlah ki bertanya diri kita sendiri, adakah menjadi satu kerugi besar dari segi meninggikan taraf kedudukan orang Melay kiranya kebanyakan daripada anggota yang berpelajaran m masuki jawatan-jawatan pentadbiran Kerajaan sahaja?

Sudah galak dipersoalkan dan diperbincangkan seba sebabnya orang Melayu tidak memasuki lapangan perniagaa

---

1. Robert O. Tilman, The Malay Administrative Service, *The Indian Journa of Public Administration* Vol. VII/1961.

Sudah semestinya, jika kita mahu mencapai kejayaan dan kemajuan dalam semua lapangan, mesti juga ada golongan-golongan tertentu yang bergiat dalam lapangan perniagaan dan perindustrian. Sekarang ini ternyata sangat bahawa lapangan-lapangan tersebut dibolot oleh pihak bukan Melayu.

Mungkin timbul satu pertanyaan: apakah kita memusuhi pihak-pihak ini oleh kerana orang-orang kita tidak termasuk bersama dalam lapangan-lapangan yang berpengaruh besar dalam ekonomi negara? Dan patutkah kita irihati kerana golongan masyarakat Melayu tidak mendapat tempat yang setimbal dalam lapangan perniagaan dan perusahaan? Jawabnya tentulah tidak dan tidak patut.

Mereka yang sekarang memegang teraju perniagaan dan perusahaan dan perdagangan adalah orang-orang yang telah bertungkus lumus dengan titik peluh mereka sendiri. Dengan ketabahan dan kebijakan sendiri, mereka telah menempuh berbagai rintangan sebelum menikmati kesenangan sekarang. Sepatutnyalah anggota masyarakat kita mengambil tauladan dari cara-cara bagaimana mereka mencapai kemajuan dalam lapangan-lapangan tersebut.

Kecenderungan orang bukan Melayu terutama orang Tionghua memasuki lapangan yang bukan pentadbiran adalah sikap yang patut dicontohi. Misalnya seorang anak Tionghua yang hanya mendapat kelulusan Tingkatan I atau II sudah tentu tidak akan terkejar-kejar mencari jawatan seperti Budak Pejabat. Sebaliknya ia akan didorong oleh ibu bapanya mencari kerja yang boleh memberinya pengetahuan yang berkaitan dengan perniagaan. Dan dengan permulaan ini akan dapat mempelajari selok-belok sesuatu perniagaan dan perusahaan. Dengan usaha-usahanya sendiri ia mungkin dapat membaiki dirinya dalam sesuatu perniagaan yang boleh pula kemudiannya memungkinkannya membuka suatu perusahaan kecilnya sendiri.

Sudah menjadi pengetahuan umum bahawa kebanyakan daripada kisah-kisah kejayaan dalam lapangan perniagaan yang diketahui adalah bermula dari perusahaan sederhana. Tetapi dengan pelajaran sederhana, kemahuan yang tinggi dan pengalaman yang sesuai, seseorang dapat menjadi saudagar yang terkenal dan tokoh penting dalam lapangan perusahaan dan perindustrian. Dan keturunannya kelak sudah tentu akan diberi bimbingan supaya menganut sikap yang secocok

dengan sikap datuk nenek mereka.

Nyatalah di sini bahawa satu perubahan fikiran dikehendaki di kalangan masyarakat Melayu yang berpelajaran supaya memberi perhatian bukan sahaja pada jawatan pentadbiran, sekiranya kita hendak mendapat tempat yang sewajarnya dalam lapangan ekonomi negara. Orang-orang yang mendapat peluang memasuki lapangan-lapangan tersebut, sepatutnyalah memberi sokongan, panduan dan pertolongan dengan apa sahaja supaya banyak lagi anak-anak Melayu tertarik memasuki jurusan-jurusan yang berkaitan dengan ekonomi negara.

Lagi pun sekarang ini banyak kemudahan yang diberi oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk menolong orang-orang Melayu memasuki lapangan perniagaan. Kemudahan meminjam wang dan lain-lain sudah disediakan. Oleh itu soal modal tidak timbul lagi. Yang timbul ialah soal sikap orang Melayu terhadap lapangan tersebut. Mungkin ada satu lagi soal yang timbul, iaitu soal *technical know-how* atau *tricks of the trade.* Untuk mengatasi masalah ini, jalan yang sebaik-baiknya ialah menceburkan diri dalam suatu perusahaan dengan sepenuhnya dan mengumpulkan pengalaman dalam semua segi seperti yang telah dibuat oleh kaum-kaum lain.

Kehilangan orang Melayu yang berpelajaran dengan erti kata mereka memasuki lapangan pentadbiran, bermakna kita kekurangan anggota yang berpelajaran untuk memasuki lapangan lain. Jika orang-orang Melayu bersama-sama hendak mara ke hadapan dan hendak mengecap nikmat kemerdekaan, maka mereka hendaklah mengubah nilai hidup lama yang tidak membuka jalan untuk hidup setanding dengan kehendak masanya. Nilai-nilai lama yang tidak seimbang dengan kehendak kemajuan sekarang, hendaklah diubah ataupun diberi unsur-unsur nilai yang lebih dinamik.

Untuk mencapai maksud ini kita berkehendakkan lebih banyak para pendidik. Penumpuan kaum terpelajar kita ke dalam birokrasi Kerajaan adalah satu faktor yang melemahkan perjuangan orang Melayu. Ketiadaan kecenderungan orang yang mempunyai pelajaran memasuki lapangan pendidikan amatlah dikesalkan. Sekiranya lebih banyak lagi mereka yang berkelulusan tinggi memasuki lapangan pendidikan maka lebih ramai lagi orang kita dapat menjadi pendidik yang bermutu dan mereka akan dapat membentuk

sikap baharu kepada tunas baharu di sekolah-sekolah dan juga masyarakat di mana-mana mereka berada.

Di kampung-kampung umpamanya para pendidik akan mempunyai peluang untuk menjalin perhubungan yang lebih mesra dengan masyarakat dengan menceburkan diri dalam persatuan-persatuan seperti Persatuan Ibu Bapa dan sebagainya. Mereka akan dapat mencurahkan idea-idea yang baharu dan membina supaya nilai-nilai hidup lama yang tidak sesuai bagi kemajuan dapat dibanteras dan digantikan dengan idea dan nilai-nilai hidup yang lebih dinamik.

Dalam masalah mengatasi kedudukan ekonomi orang Melayu dan dalam menghadapi masalah kemajuan kampung kita berkehendakkan golongan-golongan yang berpelajaran yang dapat memandu rakyat. Oleh itu amatlah merugikan masyarakat kita sekiranya kebanyakan daripada anggota yang berpelajaran mengejar kerja-kerja pentadbiran Kerajaan dan meninggalkan desa di mana mereka tinggal.

Selain daripada para pendidik, ibu bapa tentu sekali mempunyai tanggungjawab yang besar bagi mendorong anak-anak kejurusan pelajaran yang lebih berfaedah kepada masyarakat. Sudah berlalu masanya bagi ibu bapa hanya mengharapkan para guru sahaja untuk mengasuh anak-anak mereka. Pada hakikatnya ibu bapa boleh menentukan setinggi mana anak-anak mereka dapat mencapai pelajaran. Lapangan apakah yang akan dimasuki oleh anak-anak itu kelak bergantung kepada dorongan yang diberikan oleh ibu bapa.

Harapan dan cita-cita anak-anak sering mudah dipatahkan oleh ibu bapa yang tidak cukup memberi kesempatan dan tenaga bagi memandu dan mendorong anak-anak kepada matlamat yang sebaik-baik bukan sahaja bagi diri mereka tetapi juga bagi masyarakat amnya. Oleh itu sikap dan pandangan ibu bapa terhadap pelajaran anak-anak berkehendakkan penyesuaian baharu yang boleh menentukan mundur majunya masyarakat kita akan datang.

Rasanya tidak kena pada tempatnya lagi bagi kita melaung-laungkan lagu sedih bahawa penjajahlah yang bertanggungjawab atas kedudukan buruk masyarakat kita dari segi ekonomi dan pelajaran. Ini sudah memang satu kebenaran. Jadi apalah gunanya kita marah-marah dan berasa sedih tentang hal ini. Biarlah sejarah sahaja mencatetkan hakikat ini. Sebaliknya kesedihan itu patut dijadikan

Jika semata-mata mengharapkan faktor dari dalam membawa perubahan, maka besar kemungkinannya satu-satu masyarakat dan kebudayaan itu akan mengalami zaman kebekuannya beberapa lama bagi mendapatkan satu-satu perubahan baru, kerana faktor ini bergantung kuat kepada perkembangan dan kemajuan satu-satu masyarakat dan kebudayaan.

Berhubung dengan faktor dari dalam ini kita dapati tiga aspek penting. Aspek-aspek ini ialah: rekaan, pergolakan dan timbun-tambah pengetahuan (invention, conflict and accumulation of knowledge) dalam masyarakat itu sendiri. Aspek inilah yang akan menentukan perubahan dalam satu-satu masyarakat dan kebudayaan itu. Aspek ini menjadi amat penting bagi masyarakat yang tertutup di mana perhubungan masyarakat itu dengan masyarakat dan dunia luar dipisahkan oleh halangan jasmani (physical barrier). Tanpa aspek-aspek ini masyarakat dan kebudayaan itu akan tinggal kekal dengan kebekuan buat selama-lamanya tanpa menerima apa-apa perubahan pun.

Dalam masyarakat yang tradisional yang simpel dan pra-industri walaupun faktor dari dalam tadi amat penting; malangnya kepentingannya diabaikan begitu saja. Masyarakat tradisional yang simpel dan cara kecil-kecilan (small-scalé) yang diasaskan pada keluarga ini lebih mengutamakan kerjasama, rasa harmoni dan kepatuhan kepada nilai-nilai dan norma-norma masyarakat daripada melahirkan perubahan dalam masyarakat dan kebudayaan mereka. Anggota masyarakat lebih banyak bersikap passif dan menyerah (submissive). Jika ada orang yang mahu membawa perubahan seperti mencipta alat-alat baru bagi kemajuan masyarakat dan kebudayaannya sendiri, maka orang itu akan ditentang oleh seluruh anggota masyarakat itu sendiri. Jadi ini bermakna di sini sudah ada sosial control yang menghalang orang dari menimbulkan perubahan.

Pusat Perubahan

Tetapi dalam masyarakat yang moden, maju dan komplek faktor dari dalam ini akan diterima dengan lebih mudah oleh seluruh anggota masyarakat. Malah inilah yang amat digalakkan, kerana semakin berjaya satu-satu masya-

rakat itu mencipta benda atau alat-alat baru dan idea-ideanya baru maka semakin bertambah maju dan terkenallah masyarakat itu di mata dunia. Justeru kerana itulah negara yang sudah maju pada hari ini berlumba-lumba mahu melahirkan perubahan dengan berusaha bersungguh-sungguh bagi mendapatkan idea-idea baru. Ini jelas seperti yang diperlihatkan oleh Rusia dan Amerika sekarang ini.

Dari huraian di atas jelaslah pada kita bahawa ada pertentangan sikap dan nilai antara masyarakat tradisional yang simpel dan cara kecil-kecilan dengan masyarakat moden yang maju dan komplek. Masyarakat tradisional yang simpel dan pra-industri mahu mempertahankan nilai dan norma yang turun temurun, sementara masyarakat moden yang maju dan kompleks berusaha memperkenalkan nilai dan norma yang baru dengan meruntuhkan nilai dan norma yang sudah lapuk demi kemajuan dan perkembangan masyarakat dan kebudayaan mereka sendiri.

Jadi jika dilihat masyarakat itu sebagai satu keseluruhan yang besar dan luas kita dapati sumbangan yang diberikan oleh faktor dari dalam ini adalah terbatas kepada masyarakat dan kebudayaan yang telah maju dan kompleks saja. Kerana terbatasnya perubahan yang boleh dibawa oleh faktor dari dalam ini terhadap kemajuan masyarakat dan kebudayaan dunia, maka perlu sumbangan faktor dari luar untuk menimbulkan perubahan masyarakat dan kebudayaan dunia tidak dapat dinafikan lagi.

Yang dimaksudkan dengan faktor dari luar pula ialah segala unsur yang didatangkan dari luar yang boleh mempengaruhi satu-satu masyarakat dan kebudayaan itu. Tetapi sejauh mana faktor dari luar ini dapat menimbulkan perubahan bagi masyarakat dan kebudayaan adalah ditentukan oleh kontek. Tanpa kontek dengan satu-satu pusat perubahan (centre of change) perubahan tidak akan berlaku walaupun masyarakat dan kebudayaan itu sudah dikelilingi oleh masyarakat dan kebudayaan yang sudah maju dan kompleks. Jadi keadaan ilmu alam satu-satu tempat masyarakat itu menetap adalah unsur yang penting bagi menentukan berlakunya kontek dengan pusat perubahan. Kalau halangan jasmani masyarakat itu dengan pusat perubahan masih belum ditembusi, maka sukarlah masuk dan sampainya unsur-unsur dari luar ini ke dalam kehidupan masyarakat itu. Tetapi se-

baliknya jika halangan jasmani sudah runtuh dengan adanya jalanraya, dan hubunganraya seperti akhbar, radio T.V. dan majalah yang menghubungkan masyarakat itu dengan pusat perubahan maka akan terjelmälah unsur-unsur luar yang didatangkan oleh faktor dari luar itu ke dalam masyarakat dan kebudayaan tadi. Penjelmaan dan kehadiran unsur-unsur daripada luar ini dalam keadaan tertentu boleh mewujudkan perubahan sosial.

Menerima dan Mengintegrasi

Setakat ini saya hanya menyebut faktor luar dan pengaruhnya tanpa menunjukkan apakah dia faktor luar yang dimaksudkan itu. Di antara faktor luar yang amat penting dinyatakan di sini ialah diffusi. Dengan diffusi dimaksudkan unsur kebudayaan luar masuk dan menyerap ke dalam kebudayaan dan masyarakat lain. Dengan melalui proses inilah satu-satu masyarakat dan kebudayaan itu bertambah maju dan komplek. Bila ditekankan bahawa unsur dari luar ini bertanggungjawab mencetuskan perubahan ke arah kemajuan dan perkembangan masyarakat dan kebudayaan, tidaklah bermakna setiap unsur yang didatangkan dari luar itu bisa berbuat demikian. Kerana ini akan ditentukan pula oleh peringkat-peringkat diffusi itu sendiri. Peringkat-peringkat diffusi ini dapat dibagikan kepada tiga peringkat:

1. adanya unsur dari luar itu;
2. penerimaan terhadap unsur-unsur dari luar itu;
3. integrasi unsur luar itu ke dalam masyarakat dan kebudayaan yang sedia ada.

Kalau unsur yang didatangkan dari luar itu cuma ada (present) saja dalam masyarakat dan kebudayaan, tapi tidak diterima, maka unsur itu tadi tidak ada apa-apa faedah dan kesannya ke atas masyarakat dan kebudayaan. Kalau kiranya traktor diletakkan di tengah-tengah masyarakat tani tapi masyarakat tani enggan menggunakannya bagi tujuan ekonomi, maka traktor sebagai unsur luar atau idea dan teknik baru tidak bisa memperlihatkan kesannya bagi memperbaiki ekonomi dan taraf hidup masyarakat tani. Adanya sesuatu idea baru dan teknik baru tanpa penerimaan dan integrasi dalam masyarakat dan kebudayaan adalah sia-sia.

Oleh itu, bukan saja unsur luar itu perlu ada tapi ia mestilah diterima dan digunakan oleh anggota masyarakat itu. Dan penerimaan serta penggunaannya mestilah sesuai dengan fungsi asal unsur atau alat itu sendiri. Berbalik kita pada traktor. Bila traktor sudah ada dan diterima oleh masyarakat tani maka hendaklah traktor itu digunakan bagi menenggala sawah atau ladang. Inilah fungsi asal traktor. Jika fungsi traktor ini diubah, umpamanya traktor dijadikan transport bagi anggota masyarakat untuk pergi kenduri atau dijadikan transport menjemput pawang, bomoh bagi menghalau hantu dan polong atau dijadikan transport bagi anggota masyarakat melakukan upacara puja pantai atau lain-lain tujuan yang tidak ekonomik, maka traktor ini juga akan gagal bagi melahirkan perubahan sosial dari sudut ekonomi dan taraf hidup masyarakat tani. Jadi bagi membolehkan unsur dari luar menimbulkan perubahan bagi perbaikan dan kemajuan masyarakat dan kebudayaan perlulah ketiga-tiga peringkat diffusi tadi wujud.

Apabila unsur dari luar itu ada, diterima dan diintegrasikan ke dalam masyarakat dan kebudayaan satu kumpulan atau bangsa beberapa hal yang menarik akan berlaku. Ada kalanya unsur dari luar itu diterima bulat-bulat (menerima traktor untuk menenggala sawah dan ladang) tanpa mengubah fungsi asalnya. Ada kalanya unsur luar itu diubah dan disesuaikan dengan keadaan tempatan mengikut bentuk masyarakat dan kebudayaan tempatan itu sendiri. Dan ada kalanya pula unsur luar itu diterima dengan diberi tafsiran yang baru dengan fungsinya diubah terus.

Tidak Ada Perubahan Radikal

Setelah mengetahui tentang faktor-faktor yang membawa perubahan masyarakat secara ringkas, ada baiknya saya cuba meninjaunya dalam kontek masyarakat dan kebudayaan Melayu sendiri. Bagaimanakah perubahan yang berlaku dalam masyarakat dan kebudayaan Melayu? Apakah orang-orang Melayu dapat menerima dan menyesuaikan diri mereka dengan perubahan. Apakah orang Melayu itu bersikap passif terhadap perubahan? Atau sebaliknya respansif terhadap perubahan. Jika responsif kenapa mereka masih mundur?

Menyorot perubahan sosial masyarakat Melayu ini amat

penting. Ini setidak-tidaknya dapat dicari sebab-sebab orang Melayu mundur dan terkebelakang dalam bidang ekonomi dan sosial daripada orang-orang bukan Melayu. Apakah benar pendapat yang mengatakan orang-orang Melayu itu malas; bersikap tatalistis, menyerah (submissive) pada perubahan dan bersikap tidak apa? Kalau anggapan ini benar apakah faktor yang menjadikan mereka bersikap demikian. Apakah ia berakar umbi pada kebudayaan psikologi dan sosial orang Melayu itu sendiri? Soalan ini perlu jawapan yang tepat, ikhlas dan jujur. Kerana masyarakat adalah fakta sosial, maka analisa yang bersifat sosiologi adalah perlu sekali.

Pada hemat saya, sepanjang kehidupan orang Melayu sejak daripada masyarakat tradisional hinggalah mereka dianggap masyarakat moden hari ini tidak ada satu pun perubahan radikal-revolusi yang telah dilalui dan dialami oleh masyarakat dan kebudayaan Melayu. Barangkali harus ada orang akan berkata bahawa penukaran kepercayaan animisme kepada mempercayai Allah-Muhammad, Quran dan Hadis-Islam itu adalah perubahan agama dan kepercayaan yang revolusi. Saya masih ragu-ragu bagi menerima pendapat ini, kerana menurut faham saya perubahan itu tidak berlaku secara total. Sifat-sifat dualisma dalam kepercayaan orang-orang Melayu masih rata-rata terdapat. Kebanyakan orang Melayu masih mempercayai jampi, serapah dan mentera di samping mempercayai Quran dan Hadis. Orang Melayu masih kuat berharap kepada pawang, bomoh dan dukun di samping mempercayai Allah, Muhammad dan Malaikat. Orang Melayu masih ada yang memuja ruh, semangat dan penunggu, walaupun mereka sembahyang dan berdoa kepada Allah Yang Maha Esa. Tegasnya perubahan agama ini hanya berlalu pada kulit dan luaran saja tidak meliputi isi dan batinnya. Pada hal kepercayaan itu sendiri adalah soal jiwa, perasaan, hati (batin) yang paling suci dan hakiki. Jadi nyatalah bagi saya, bahawa perubahan sosial yang telah dilalui oleh masyarakat Melayu sekarang ini adalah perubahan yang meresap perlahan-lahan dan berlalu beransur-ansur. Dengan lain kata ia berlalu secara evolusi. Sesungguhnya tidak ada satu pun perubahan yang radikal dalam masyarakat dan kebudayaan Melayu.

Orang Melayu Tidak Pasif

Dari sejarah perubahan sosial yang telah dan sedang dialami oleh masyarakat Melayu, jelas sekali bahawa orang-orang Melayu tidak bersikap pasif terhadap perubahan. Malah bersedia menerima dan menyesuaikan diri dengan perubahan, jika dibandingkan dengan orang-orang bukan Melayu di negeri ini. Orang Melayu bersedia menukarkan pakaian di zaman kerajaan Melayu Melaka seluar panjut baju gumbang dan tengkolok dan menerima seluar dan baju kemeja. Tapi orang-orang Tamil masih lagi enggan menanggalkan kain coken putihnya dan sari berbelit-belitnya. Ini dari segi pakaian.

Dalam bidang politik dan pentadbiran, ekonomi dan sosial jua masyarakat Melayu tidaklah begitu kuat menentang perubahan seperti mana berlaku di kalangan kaum-kaum tertentu di India. Dalam bidang ekonomi misalnya orang Melayu tidaklah menentang penggunaan sistem taliair yang baik penanaman padi dua kali setahun, baja yang bermutu dan lain lagi. Orang Melayu di kampung-kampung telah menukarkan cara pertanian menenggala dengan kerbau kepada menggunakan traktor. Tidak ada tentangan mereka terhadap traktor seperti mana yang ditunjukkan oleh satu kaum di India. Kaum ini menentang penggunaan traktor yang menyodok tanah, kerana mereka percaya tanah itu adalah keturunan mereka (Ibu). Menggunakan traktor akan melukakan perut ibu mereka. Tapi keadaan penentangan seperti ini belum ada terdengar di kalangan orang Melayu. Ini satu pertanda baik bagi memajukan satu-satu masyarakat.

Dalam bidang politik dan pentadbiran orang Melayu saya kira paling respon terhadap perubahan ini. Orang-orang Melayu tidak menentang demokrasi dan Parlimen. Orang Melayu bersedia menerima sistem pilihanraya dan wakil rakyat, malah kita dapati orang-orang Melayulah yang paling terkemuka dalam lapangan politik dan pentadbiran sejak dari Ishak Haji Muhammad, membawa kepada Datuk Onn hinggalah kepada Tunku, Tun Razak, dan lain-lain.

Menerima Sistem Barat

Begitu jualah dalam bidang pentadbiran, orang Melayu tidak menentang kemasukan institusi Pejabat Daerah dengan

Pegawai Daerahnya menggantikan sistem orang Besar dan ketua-ketua wilayah tertentu. Hari ini kita lihat rata-rata pegawai-pegawai tinggi kerajaan seperti ketua Setiausaha Kementerian adalah terdiri daripada orang Melayu. Soal qota dan dasar penjajahan yang menjadikan orang-orang Melayu menguasai lapangan pentadbiran ini harus ada benarnya, tapi kalaulah orang Melayu menolak sama sekali sistem penjajah ini segala-galanya akan gagal, sebagaimana gagalnya Malayan Union 1946. Faktor kesediaan orang Melayu menerima sistem tersebut tidak dapat dinafikan.

Penguasaan orang Melayu atau ramainya orang Melayu dalam bidang Pentadbiran (tidak termasuk bidang profesional) ini ada hubungannya dengan soal pelajaran dan pencapaian. Seluruh pegawai tinggi kerajaan sekarang ini adalah orang yang menerima pendidikan Barat — sekolah Inggeris. Dengan lain-lain kata mereka ini berjaya mendapat status yang tinggi adalah kerana pelajaran dan latihan mereka. Kalaulah orang-orang Melayu pasif terhadap pelajaran Inggeris atau menentang sistem pelajaran Barat ini sudah pastilah tidak akan ada pegawai tinggi Melayu ini sekarang. Sudah pastilah sistem pendidikan barat yang didatangkan oleh penjajah dulu akan gagal. Tapi sebaliknya tidak. Sistem pendidikan dan pelajaran Barat ini menunjukkan kejayaan dan kemajuannya. Kejayaan sistem pelajaran dan pendidikan Barat ini adalah tanda dan bukti yang paling nyata penerimaan orang Melayu terhadap perubahan dalam bidang sosial atau pelajaran.

Melayu Berubah Secara Evolusi

Memang benar kita dapati ada jua "tentangan" orang-orang Melayu terhadap pelajaran dan pendidikan Barat ini pada mulanya. Alasannya mereka takut anak-anak mereka akan jadi 'orang putih' — kafir jika dihantar ke sekolah Inggeris. Tapi penentangan ini tidaklah kuat dan menyeluruh sehingga membawa gagalnya sistem pelajaran dan pendidikan itu. Begitu jua orang Melayu pada mulanya enggan menghantar anak-anak perempuan ke sekolah oleh kerana dikatakan perempuan itu hanya layak tinggal di rumah saja, kalau melangit sekali pun pelajarannya ke dapur jua sudahnya. Tapi ini hanya penentangan yang lemah saja — bukannya penolakan.

Begitu jualah dengan perubahan sistem pendidikan penjajahan kepada sistem pendidikan kebangsaan kita dapati orang Melayulah yang paling ramai dan cepat menyambut perubahan ini.

Sistem pendidikan kebangsaan ini diterima bukanlah semata-mata kerana bahasa yang digunakan Bahasa Melayu. Ini hanya satu kebetulan saja. Mereka menerima ini adalah atas sifat mereka sebagai bangsa yang dinamik dan sentiasa menyambut dan menyesuaikan diri mereka dengan sebarang perubahan. Kalaulah sifat pasif dan tidak dinamik itu menjadi darah daging orang Melayu sudah pasti sambutan dan penerimaan mereka terhadap sistem pendidikan kebangsaan ini tidak begitu menyeluruh dan sungguh-sungguh.

Adanya golongan menteri, pembesar dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan ini bukanlah tanda penentangan mereka terhadap sistem tersebut, tapi adalah kerana mereka masih tidak ada keyakinan atau kejayaan sistem pelajaran kebangsaan ini. Mereka ini akan menerima dan menyesuaikan dirinya apabila saja sistem pelajaran kebangsaan ini menunjukkan kejayaannya. Syukurlah sekarang ini, kerana orang atau golongan ini telah mulai berubah sikap dan mulai mempercayai kesanggupan bahawa Bahasa Malaysia itu bisa menjadi Bahasa Ilmu pengetahuan dan boleh meninggikan peradaban manusia.

Dari analisa di atas saya dapati ada tiga perkara yang amat jelas. Pertama perubahan sosial masyarakat Melayu adalah secara evolusi, kedua orang Melayu adalah bangsa yang dinamik dan paling responsi terhadap perubahan sosial. Dan ketiganya tidak ada faktor-faktor penghalangan perubahan yang kuat yang bersifat sosial, kebudayaan dan psikologi di kalangan orang Melayu. Kalaulah demikian sifatnya orang Melayu — dinamik dan responsif, kenapakah mereka masih terkebelakang dalam bidang ekonomi dan pelajaran daripada orang bukan Melayu.

Berdasarkan pendekatan dan analisa sosiologi di atas perkara ini adalah berpunca daripada kesalahan orang Melayu sendiri, terutamanya mereka yang menentukan perubahan seperti pemimpin-pemimpin negara kita pada masa yang lepas-lepas dan juga pemimpin-pemimpin masa itu.

Orang Melayu Salah Pilih

Orang Melayu telah tersalah memilih jalan perubahan sosial mereka mengikut perubahan secara evolusi, sedangkan perubahan evolusi adalah meresap perlahan-lahan dan berjalan beransur-ansur. Kesannya baru terlihat setelah berpuluh-puluh tahun atau beratus-ratus tahun berlalu dan dilalui. Jadi kalaulah kita mahu memaju dan membangunkan orang-orang Melayu supaya duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan orang-orang bukan Melayu, mahu tidak mahu perubahan sosial yang revolusi adalah mesti.

Hanya ini sajalah jalan keluar bagi menyelesaikan masalah ketidak-stabilan ekonomi antara kaum di Malaysia ini. Kita tidak perlu takut dan gentar dengan revolusi, kerana tidak semuanya revolusi itu bermakna peluru, darah dan air-mata. Revolusi sosial boleh dilakukan tanpa keganasan, kekejaman, pencabulan dan pembunuhan. Dalam bidang ekonomi umpamanya, kita boleh melakukan revolusi dalam sistem dan dasar ekonomi negara. Kita bentuk dan gubal dasar ekonomi negara yang lebih memihak kepada orang-orang yang tidak berada yang tinggal di luar bandar dan pedalaman. Kita adakan reformasi dan pemilikan tanah di kalangan petani. Basmikan sistem land-lord yang menindas petani-petani dan orang-orang kampung yang miskin.

Saya percaya dan yakin, kalaulah revolusi dalam bidang ekonomi dilakukan, masalah kemunduran orang-orang Melayu dalam bidang ekonomi dapat diatasi. Mengamal dan meneruskan corak perubahan secara evolusi bermakna melambatkan lagi penyelesaian terhadap masalah-masalah ini di samping menimbulkan banyak masalah lagi.

Dewan Masyarakat
September, 1970.

10

REVOLUSI MENTAL: ISI, MATLAMAT DAN PELAKSANAAN

Raja Mohammad Afandi

Kesedaran ada, tujuannya masih samar-samar, apa yang hendak direvolusikan masih dan kadang-kadang mengelirukan. Bagaimana hendak melaksanakannya pun tidak jelas. Inilah gambaran yang saya dapati dari membaca pendapat-pendapat tentang revolusi mental dari 14 fikiran, yang agak seimbang dari segi keanggotaannya (2 menteri, 2 pegawai kerajaan, 2 pelajar universiti, 1 sasterawan, 2 pengarang akhbar, 3 politikus, 1 pensyarah campur politikus, 1 profesor campur sasterawan). Satu golongan pembentuk fikiran yang tidak diwakili ialah para ulama.

Semuanya sedar bahawa masyarakat Melayu perlu mengalami revolusi mental iaitu perubahan cara berfikir dari perubahan sikap, kerana masyarakat Melayu sekarang mundur.

Kebanyakannya pula bersetuju bahawa tujuan revolusi mental ialah supaya masyarakat Melayu sedar akan tujuan-tujuan rancangan pembangunan kerajaan, membaiki hidup mereka sendiri, memberi sumbangan kepada negara, menanam semangat mahu serta menghargakan kemajuan dan

seterusnya maju. Tetapi bagaimana rupa kemajuan yang dikehendaki itu tidak dijelaskan. Misalnya gadis Barat pakai miniskirt, gadis Melayu pun pakai miniskirt. Orang Barat adakan peraduan ratu cantik, orang Melayu juga masuk peraduan ratu cantik. Pemuda-pemuda Barat giat dengan kugiran dan lagu-lagu pop, pemuda-pemuda Melayu pun giat sama di merata-rata kampung. Dari segi ini, orang Melayu maju. Tetapi inikah jenis kemajuan yang dikehendaki? Oleh itu rupa kemajuan yang dikehendaki patut dijelaskan kerana kemajuan pada orang muda berbeza dari kemajuan yang dikehendaki oleh orang tua; kemajuan yang diperlukan oleh rakyat mungkin bertentangan dengan kemajuan yang diidam-idam oleh golongan kapitalis.

Oleh kerana tidak jelasnya rupa kemajuan yang dituju, apakah yang hendak direvolusikan? Dan diganti dengan apa? Tidak teratur dan kadang-kadang bertentangan, maka kebanyakannya menegaskan orang-orang Melayu perlu mengubah fikiran supaya sesuai dengan perubahan di sekelilingnya. Tetapi apa panduan yang hendak diikut, apa landasan yang perlu dituruti, tidak dijelaskan.

Setengahnya menganjurkan supaya orang-orang Melayu memberontak terhadap tradisi kolot dan mencari nilaian dan norma-norma yang baru yang dipercayai akan memberi manfaat kepada masyarakat serta sesuai dengan aliran zaman, tetapi contoh-contoh nilai dan norma baru yang dikehendaki tidak dikemukakan dengan teratur. Antara nilai-nilai dan sifat-sifat yang dikemukakan ialah orang-orang Melayu mesti:-

1. Berdiri di atas kaki sendiri (berdikari).
2. Mengukuhkan semangat kebangsaan dan perpaduan.
3. Berani memperjuangkan apa yang dipercayai manfaat.
4. Contohi kecenderungan orang-orang lain dalam perniagaan.
5. Jangan mengharapkan pertolongan saja dari kerajaan atau pihak lain.
6. Mesti tabah menghadapi cabaran.
7. Mesti berani menegakkan kebenaran.
8. Mesti menukar sikap berlengah-lengah dan berserah kepada takdir.

9. Mesti menukar sifat bersenang-senang dan bermewah-mewah dengan hawa nafsu.
10. Perlu ambil yang pokok dari kebudayaan Barat (tetapi tidak disebutkan apa dia).
11. Mengubah perasaan perkauman.
12. Kurang bercakap, lebih bekerja.
13. Mengutamakan kepentingan rakyat daripada kepentingan diri dan parti.
14. Ubah jiwa hamba, bertaklid dan takut masyarakat feodal.
15. Ubah kepercayaan kepada tenaga luar yang menentukan hidup mereka dan ajaran agama yang salah dan memberi tafsiran yang lebih maju.
16. Membaiki akhlak pemuda.

Tetapi hubungan antara sifat-sifat dan nilai-nilai ini dengan kemajuan tidaklah berapa jelas.

Ada pula beberapa pertentangan. Misalnya, di samping menegaskan orang-orang Melayu perlu mempunyai disiplin dan tanggungjawab, ada pula yang menganjurkan supaya mereka kurang ajar sedikit. Sementara setengah-setengahnya mengatakan orang-orang jangan terlampau radikal menganut satu-satu ideologi, ada pula yang menegaskan betapa perlunya ideologi dalam revolusi mental.

Tentang pelaksanaan revolusi mental pula, ditegaskan peranan kerajaan, parti politik, rakyat sendiri dan penulis-penulis. Dari perbincangan itu, nampaknya peranan kerajaan dan penulis yang telah dititikberatkan. Ada pula seorang mengatakan revolusi mental boleh dilakukan melalui revolusi politik, ekonomi dan pelajaran dalam masyarakat, manakala pihak-pihak lain mahukan revolusi mental untuk mengubah masyarakat. Jadi yang mana mendahului yang mana, yang mana menyebabkan yang mana?

Oleh kerana perbincangan yang tidak sistematik dan isi yang tidak teratur, sungguh pun ia boleh memberi kesedaran akan perlunya revolusi mental untuk mencapai kemajuan, tetapi ia kurang dapat dijadikan panduan untuk orangramai bertindak. Kerana arah yang dituju kabur, landasan yang patut diikuti samar-samar, pegangan yang harus dituruti diselaputi kabus.

Kalau kita tinjau sedikit sejarah dunia, tiap-tiap revolusi

masyarakat yang besar berasal dari revolusi mental segolongan orang. Isi revolusi mental orang itu ialah sikap dan nilai-nilai yang tertentu yang terjalin erat dalam satu falsafah sosial yang menggantikan falsafah sosial yang lama. Falsafah sosial ini terdiri dari idea-idea tentang politik, ekonomi, pelajaran, moral dan lain-lain lagi yang mengenai kehidupan masyarakat. Di samping menolak yang lama dan buruk ada penggantinya yang baru lebih baik.

Misalnya kandungan terpenting revolusi mental yang mencetuskan Revolusi Perancis, tahun 1789, seperti terdapat dari fikiran-fikiran Voltaire, Rousseau, Montesquieu dan Mirabeau, ialah sikap yang mementingkan fikiran sistematik untuk menggantikan kepercayaan agama Keristian Katholik sebagai panduan hidup orang Perancis. Kebebasan, persamaan serta persaudaraan (liberty, equality and fraternity) dianggap hak asasi rakyat dalam politik sebagai ganti kongkongan, perbezaan serta penindasan politik pemerintahan lama. Buku termasyhornya ialah The Social Contract oleh Rousseau. Serupa juga, Revolusi Komunis Rusia tahun 1917. Isi revolusi mental yang meledakkan Revolusi ini ialah ajaran-ajaran Karl Marx, Engels dan Lenin yang berdasarkan faham kebendaan dan menidakkan kepercayaan agama, perjuangan antara kelas dalam masyarakat, penghapusan hak milik harta oleh orang-ramai, dan keadilan ekonomi untuk semua rakyat. Buku yang termasyhor ialah Das Kapital oleh Karl Marx.

Kalau diperhati sejarah yang lebih lama lagi, Revolusi Islam kira-kira 1,300 tahun dahulu, pun berasal dari revolusi mental pengikut-pengikut Nabi Muhammad (s.a.w.) yang disebabkan oleh ajaran-ajaran Quran yang berteraskan tauhid, tanggungjawab manusia kepada Tuhan, keadilan dalam semua lapangan hidup dan moral dalam pergaulan manusia.

Dari tiga contoh ini, jelaslah bahawa revolusi mental perlu ada isinya yang tegas untuk menggantikan yang lama. Kalau nilai yang lama saja ditentang tanpa memberi gantinya yang lebih baik oleh pemimpin-pemimpin masyarakat itu, nilai yang lama runtuh meninggalkan satu kekosongan nilai. Dalam kekosongan nilai-nilai ini, dorongan hawa nafsulah yang akan berpengaruh. Akibatnya, mungkin seperti masyarakat hippies di Amerika. Hippies ini lahir dari hasil tindakan kerajaan menggalakkan orang-orangnya agar sentiasa menganggap yang lama sudah usang dan menyuruh mencari

yang baru tanpa memberi apa yang baru itu. Satu misalan ialah tentang moral pergaulan laki-laki perempuan. Orang-orang hippies ini jelak melihat hipokerasi masyarakat Amerika yang pada teorinya menghendaki persetian seks antara suami isteri, tetapi pada amalannya terdapat perzinaan yang berleluasa: Orang-orang hippies ini menolak moral yang lama ini dan mencari moral yang baru tanpa panduan. Akibatnya mereka mendapat moral yang baru-iaitu tidak perlu kahwin lagi! Asalkan cinta sama cinta (mungkin seks saja) bolehlah bersekedudukan antara pemuda dan pemudi. Bila cinta sudah habis, tinggalkan saja teman-teman itu dan cari yang lain pula. Dalam melakukan persetubuhan tidak perlu malu-malu lagi kerana mereka tidak hipokerit-depan khalayak ramai dalam kelab-kelab hippies pun boleh dibuat! Serupalah seperti binatang. Untuk menghilangkan kedukaan dan masalah hidup, mereka menghisap ganja! Demikianlah satu contoh perubahan yang tidak diberi panduan.

Rangka Perbincangan

Di sini saya cuba memberi rangka perbincangan yang sistematis yang boleh dijadikan asas fikiran masing-masing oleh pembaca-pembaca. Seterusnya, saya cuba memberi apa bentuk sikap yang sepatutnya, pada fikiran saya, menjadi isi revolusi mental pada orang-orang Melayu untuk memajukan masyarakatnya.

Rangka perbincangan itu ialah 7 soalan yang tiap-tiap orang perlu menyoal dirinya sendiri dan cuba memberi jawapannya sendiri, kalau ia tidak setuju dengan apa yang saya sebut nanti:—

1. Apa makna revolusi mental?
2. Mengapa revolusi mental perlu kepada orang-orang Melayu?
3. Apa hubungan perubahan sikap dengan kemajuan?
4. Apa rupa masyarakat yang dikehendaki? (Apa matlamat yang dituju?)
5. Apa sikap orang Melayu sekarang?
6. Apa sikap yang perlu untuk mencapai rupa masyarakat yang dikehendaki?
7. Cara melaksanakannya oleh pembentuk-pembentuk sikap.

a. Apa peranan kerajaan?
b. Apa peranan pemimpin-pemimpin politik?
c. Apa peranan sasterawan dan wartawan?
d. Apa peranan ulama?
e. Apa peranan pertubuhan?
f. Apa peranan ibubapa?

1. Apa makna revolusi mental?

Revolusi Mental bolehlah dikatakan sebagai satu perubahan yang besar dalam sikap (cara memandang dan menilai sesuatu) seseorang itu dan seterusnya sikap masyarakat itu, dalam kehidupan sehari-harinya. Perubahan sikap ini bukanlah sentiasa baik. Buruk baiknya bergantung kepada sikap yang menggantikan sikap lama. Misalnya bila sikap toleran diganti dengan sikap fanatik, ini merupakan revolusi mental juga, tetapi perubahan sikap seperti ini tidak memberi manfaat dan bukanlah ini yang dikehendaki. Oleh itu bentuk perubahan sikap itulah yang menentukan buruk baiknya revolusi mental itu.

2. Mengapa revolusi mental perlu kepada orang Melayu?

Revolusi mental difikirkan perlu kepada orang Melayu untuk memajukan orang Melayu dalam segi kebendaan. Semua orang sedar bahawa orang Melayu mundur dalam banyak lapangan hidup, terutamanya di lapangan ekonomi dan pelajaran. Dalam beberapa aspek politik orang Melayu juga mundur. Dalam lapangan muzik orang-orang Melayu agak maju. Dalam lapangan kehidupan bermoral, orang-orang Melayu amnya masih elok. Misalnya menjaga keutuhan keluarga, menjaga moral sex, bersopan santun dan sebagainya, tetapi akibat setengah-setengah pengaruh Barat yang liar telah merosakkan moral setengah-setengah bahagian masyarakat Melayu di bandar, misalnya pergaulan melampaui batas pemuda pemudi. Adalah difikirkan bahawa perubahan sikap boleh membaiki kemunduran kebendaan orang Melayu tadi. Telah didapati bahawa hasil dari rancangan-rancangan kerajaan tidak berapa memuaskan kerana sikap orang Melayu tidak sewajarnya.

3. Apa hubungan perubahan sikap dengan kemajuan?

Tetapi betulkah perubahan sikap boleh mempengaruhi kemajuan atau kemunduran kebendaan sesuatu kaum itu? Boleh jadi tidak ada langsung hubungan antara sikap dengan kemajuan atau kemunduran.

Memang besar pengaruh sikap boleh mempengaruhi kemajuan atau kemunduran kebendaan sesuatu kaum itu. Pada asasnya kemajuan kebendaan (atau kemajuan ekonomi) bergantung kepada bagaimana manusia menggunakan sumber-sumber asli alam yang telah dicipta oleh Tuhan. Misalnya, bijih timah terpendam dalam bumi Malaya. Tetapi, orang-orang Melayu tidak berusaha mengeluarkannya dan kekayaan bijih itu tinggal terpendam sahaja. Bila datang orang-orang Ingggeris dan China, barulah perlombongan bijih diusahakan secara besar-besaran.

Apakah yang membuat satu-satu kaum giat berusaha menggunakan sumber asli alam, manakala satu kaum lagi tidak? Jawabnya ialah sikap kaum itu. Kalau kita memandang lebih penting kepada permainan dan kurang kepada pelajaran, maka lebih kuatlah kita bermain daripada belajar. Kalau kita memandang lebih penting berbelanja besar untuk kenduri kahwin daripada menyimpan wang untuk perbelanjaan sekolah anak-anak, maka demikian jugalah tindakan kita. Kalau kita memandang lebih kepada bekerja sebagai kerani daripada bekerja sebagai pembaik kereta, maka lebihlah tumpuan kita kepada yang dulu itu. Demikianlah seterusnya untuk tindakan apa sekali pun.

Tentu ada orang yang mengatakan kemajuan ekonomi bergantung kepada sains, teknologi dan modal. Ini memang betul, tetapi dari mana timbulnya sains, teknologi dan modal? Sains dan teknologi ialah kumpulan ilmu yang telah didapati oleh manusia. Sebelum sains dan teknologi timbul, manusia mesti lebih dulu bersikap rasional, belajar dan menyelidik. Ini memerlukan kerajinan dan sikap yang memandang perkara ini penting.

Modal pula ialah kumpulan alat-alat untuk pengeluaran ekonomi. Sebelum alat-alat boleh dikumpul, manusia perlu membuatnya lebih dulu. Ini memerlukan simpanan bahan-bahan (wang boleh disimpan untuk membeli bahan-bahan itu) dan ini bermakna manusia mesti berjimat cermat. Sikap

jimat cermat adalah wajib dalam perkara ini. Apa pun contoh yang kita ambil, akhirnya kita bertemu dengan sikap juga.

4. Apa rupa masyarakat yang dikehendaki atau apa matlamat yang dituju

Dalam membincangkan apa sepatutnya isi revolusi mental atau perubahan sikap itu, kita mesti kaitkan dengan rupa masyarakat yang kita kehendaki dan sifat manusia yang menjadi anggota masyarakat itu. Kalau ini tidak ditetapkan lebih dulu, dan kita terus mengejar kemajuan kebendaan, akibatnya mungkin kemajuan yang tidak seimbang dan tidak diingini. Misalnya, masyarakat Amerika adalah yang maju sekali dari segi kebendaan – mereka mempunyai taraf hidup yang tinggi sekali, mereka menyelam sampai ke dasar laut dan menghantar roket sampai ke bintang-bintang tetapi saksikanlah krisis moral dan kekacauan nilai-nilai di kalangan mereka. Persamaan antara kulit hitam dengan kulit putih belum ada dan seksi diperdagangkan. Pengantin jarang berdara lagi.

Apakah maknanya kemajuan kebendaan sesuatu masyarakat itu kalau ada sebahagian masyarakat itu dianggap lebih rendah dari binatang (orang-orang kulit putih Amerika tidak memberi layanan yang sama kepada orang-orang yang berkulit hitam, tetapi memelihara anjing mereka dengan istimewa – hinggakan ada Persatuan untuk menahan kekejaman kepada binatang). Dari segi ini, orang-orang Malaysia dan orang-orang negeri kurang maju yang lain adalah lebih maju dari orang Amerika. Oleh itu, janganlah kita terpedaya oleh sinaran kemajuan kebendaan Barat dan menganggap semua yang ada di Barat dan dibawa pula ke masyarakat kita itu semuanya baik.

Kemajuan mestilah diukur berdasarkan kebahagiaan seluruh masyarakat itu, dan bukan pada kemajuan kebendaan sahaja. Saya berpendapat ada 5 sifat yang menjadi asas kebahagiaan seluruh masyarakat iaitu: merdeka (bebas), aman, makmur, adil dan terhormat. Mari kita tinjau kelima-lima sifat ini.

Merdeka (bebas)

Manusia dijadikan bebas dan ia ingin hidup bebas dalam

masyarakat yang bebas. Walaupun seseorang itu hidup mewah, namun ia tidak hidup bebas — mungkin ia jadi hamba atau masyarakatnya dijajah oleh satu bangsa lain atau dikuasai oleh seorang diktator — ia tidak dapat hidup bahagia. Oleh itu, masyarakatnya mestilah merdeka dari penjajahan bangsa lain dan bebas dari pemerintahan bangsanya sendiri yang kejam.

Aman

Tanpa keamanan dalam masyarakat, kebahagiaan tidak akan didapati. Kalau masyarakat dinodai oleh peperangan, rusuhan-rusuhan, perompakan dan kecurian, perkelahian, pembunuhan dan rogol, anggota-anggota masyarakat akan hidup dalam ketakutan.

Makmor

Selain dari orang-orang pertapaan, manusia inginkan kehidupan yang senang — cukup makan pakai, tempat perlindungan dan sedikit-sedikit kemewahan. Kemakmuran mestilah sama rata tersibar di kalangan masyarakat. Kalau segelintir kelas atasan sahaja yang makmur, manakala kebanyakan rakyat hidup miskin, masyarakat itu tidak akan bahagia — orang miskin kerana kemiskinannya, orang kaya kerana gangguan dari orang-orang miskin yang akan memberontak bila mereka mendapat pemimpin-pemimpin yang radikal. Oleh kerana itu, orang kaya, kalau mereka panjang fikiran, mestilah menyokong langkah-langkah untuk menyibarkan kemakmuran kepada semua rakyat.

Adil

Manusia hanya akan hidup bahagia kalau ia tinggal dalam masyarakat yang adil — iaitu ia dapat layanan serupa dari pemerintah dan anggota-anggota masyarakatnya. Jangan ada diskriminasi kerana bangsa, warna kulit atau darjat. Walaupun seseorang itu kaya, tetapi kalau ia didiskriminasikan kerana warna kulit misalnya, tidaklah ia dapat hidup bahagia. Contoh yang jelas sekali ialah orang-orang Negro di Amerika dan di Afrika Selatan. Undang-undang perlulah adil.

Terhormat

Walaupun seseorang manusia itu hidup bebas, aman, makmur dan tidak didiskriminasikan, tetapi orang memandang rendah padanya, ia tidak dapat hidup bahagia. Contoh yang terbaik ialah seorang pelacur. Ia mungkin berpendapatan beribu-ribu sebulan dan hidup mewah tetapi ia dipandang hina oleh masyarakat.

Di kalangan antarabangsa pula, bangsa itu mestilah dipandang sama oleh bangsa-bangsa lain dan jangan jadi bahan ketawa bangsa lain. Misalnya, orang-orang Vietnam yang jauh lebih sedikit dari orang-orang Arab dihormati oleh seluruh dunia kerana ketabahan hati mereka menghadapi satu kuasa besar, manakala orang-orang Arab jadi bahan ketawa antarabangsa kerana kekalahan dalam perang dengan negeri yang kecil.

Oleh itu untuk hidup bahagia, orang dan masyarakatnya memerlukan kehidupan yang terhormat.

Kelima-lima sifat masyarakat bahagia — merdeka (bebas), aman, makmur, adil dan terhormat — tidak timbul di sesuatu masyarakat itu sebagai pemberian alam sahaja. Anggota-anggota masyarakat itu mesti berusaha dan berjuang untuk membentuk masyarakat yang bahagia itu. Anggota-anggota masyarakat itu mesti mempunyai sikap dan sifat-sifat yang tertentu untuk menelorkan masyarakat bahagia itu.

Masyarakat bahagia yang mempunyai 5 sifat inilah yang sepatutnya menjadi matlamat revolusi mental yang sedang hangat dibincangkan. Oleh itu isi revolusi mental itu mestilah sikap dan sifat yang akan menelurkan 5 sifat masyarakat bahagia.

5. Apa sikap orang-orang Melayu sekarang?

6. Apa sikap yang dikehendaki?

Di sini diberi 23 sikap terhadap 17 pengaruh kepada kehidupan manusia dan difikirkan sikap inilah yang boleh membawa kemajuan yang seimbang kepada seseorang itu dan kepada masyarakatnya. Sikap-sikap dan pengaruh-pengaruh itu dibahagi-bahagi untuk menyenangkan perbincangan sahaja. Sebenarnya satu dengan lain saling mempengaruhi.

Sifat masyarakat	Pengaruh kepada sifat	Sikap yang dikehendaki
Merdeka (bebas)	1. Sikap terhadap diri sendiri 2. Sikap terhadap kebenaran dan kesalahan. 3. Sikap terhadap tanggungjawab. 4. Sikap terhadap pengorbanan.	1. Jujur dan mahu mengkeritik. 2. Berani memperjuangkan kebenaran dan menentang kesalahan (bukan membiarkan sahaja). 3. Mahu memikul tanggungjawab dan amanah (bukan lari dari tanggungjawab dan tidak amanah). 4. Mahu berkorban. (bukan takut berkorban).
Aman	1. Sikap terhadap undang-undang. 2. Sikap terhadap orang lain. 3. Sikap terhadap kepentingan am.	1. Patuh pada undang-undang (bukan bertindak secara liar). 2. Toleran (bukan fanatik). 3. Gotong-royong (bukan tak ambil endah).
Makmur	1. Sikap terhadap nasib. 2. Sikap terhadap masalah hidup. 3. Sikap terhadap kerja. 4. Sikap terhadap cabaran hidup. 5. Sikap terhadap harta. 6. Sikap terhadap masa depan. 7. Sikap terhadap ilmu sains dan teknologi.	1. Mahu berikhtiar (bukan menyerah sahaja). 2 (a) Mahu berfikiran rasional (bukan mengikut kepercayaan dan sentimen). (b) Mahu berdikari (bukan mengharapkan bantuan). 3. (a) Rajin (bukan malas). (b) Amanah, disiplin dan menepati masa. 4. Tabah hati dan inisiatif (bukan menyerah kalah atau lari dari cabaran). 5. (a) Mahu mencari (bukan berdiam diri dan iri hati pada orang lain sahaja). (b) Jimat (bukan membazir). 6. (a) Panjang fikiran (bukan pendek fikiran). (b) Membuat rancangan (bukan bertindak mendadak sahaja). 7. (a) Mementingkannya lebih dari kajian arts. (b) Mahu menggunanya dalam pengeluaran (bukan mengikut cara tradisional sahaja). (c) Mahu mereka cipta dan (bukan tahu menggunanya sahaja).
Adil	1. Sikap terhadap tugas. 2. Sikap terhadap masalah.	

Terhormat	1. Sikap terhadap moral.		1. Jujur. 2. Memandang sama (bukan membeza-bezakan).
			1. Menjaga moral dan beragama (bukan mengikut nafsu dan kepentingan sendiri sahaja).

Sekarang kita bincangkan perkara ini secara ringkas satu persatu dan lihat mana yang telah ada atau kurang ada dalam masyarakat Melayu. Saya berpendapat bahawa pepatah sesuatu bangsa itu dan di sini akan dikemukakan pepatah Melayu yang menunjukkan sikap orang-orang Melayu terhadap perkara-perkara yang mempengaruhi hidup mereka. Perlu diingat bahawa gambaran tentang sikap orang Melayu ialah satu jeneralisasi dan ia terdapat pada kebanyakan orang-orang Melayu. Oleh itu tentulah ada sebilangan kecil yang tidak termasuk. Juga, ada atau tidak adanya sesuatu sikap itu dalam masyarakat biasanya merupakan perbezaan digrinya sahaja. Jarang benar sesuatu sikap itu tidak ada dalam sesuatu masyarakat hanya lebih atau kurangnya yang membezakan antara satu masyarakat dengan masyarakat lain:

1. Sikap terhadap diri sendiri

Orang Melayu kurang jujur terhadap dirinya sendiri dan kurang mahu mengkeritik dirinya sendiri. Ini dibuktikan oleh adanya pepatah "kuman di seberang laut nampak, gajah di depan mata tidak kelihatan". Kerana sikap ini, kita dapati kebanyakan orang Melayu menyalahkan yang lain dari dirinya — penjajah, penindasan bangsa lain, sistem kapitalis, agama, dan entah apa lagi — kerana kemunduranya pada masa ini. Kerana ini mereka lebih suka mengecam yang lain dari memperbaiki dan menyediakan diri sendiri untuk mencapai kemajuan. Oleh itu, untuk maju orang-orang Melayu perlulah mengikut dasar "daripada mengecam kegelapan, lebih baiklah memasang pelita.' Periksalah diri sendiri dengan jujur dan baiki kelemahan sendiri.

2. Sikap terhadap kebenaran dan kesalahan

Pepatah "siapa pun jadi raja, tangan ke dahi juga" menunjukkan orang-orang Melayu pada amnya kurang

berani memperjuangkan kebenaran dan menentang kesalahan. Dalam sejarah banyak terdapat kekejaman yang dilakukan kepada rakyat, tetapi tidak ada penentangan yang timbul. Dalam negara demokrasi, sikap ini sangatlah merugikan kerana perubahan-perubahan dalam masyarakat kuat dipengaruhi oleh golongan-golongan pendesak. Golongan yang tidak mendesak dan memperjuangkan sesuatu-sesuatu akan dibiarkan, manakala mereka yang mendesak akan diberi, kalau tidak sepenuh, sebahagian dapat juga. Contohnya pekerja-pekerja ladang dapat upah yang lebih tinggi dari pekerja-pekerja luar bandar yang lain kerana mereka ada kesatuan sekerja yang kuat yang mendesak, manakala yang kemudian tidak ada.

Sungguhpun ada pepatah yang menggalakkan orang supaya memperjuangkan kebenaran dan menentang kesalahan, iaitu:

"Raja adil raja disembah,
Raja zalim raja disanggah"

ini kurang diamalkan dalam sejarah. Sepatutnya, pepatah ini dan hadith Nabi Muhammad (s.a.w.) "Apabila melihat kesalahan, seorang Muslim mesti menentang dengan tangannya; kalau tidak sanggup dengan tangan, dengan perkataannya; kalau tidak sanggup dengan perkataan, dengan hatinya dan inilah selemah-lemah iman." Apabila sikap seperti ini ada, orang hendak menindas pun berfikir dua kali dahulu dan keadilan akan terjamin.

3. Sikap terhadap tanggungjawab

Pepatah "Kerja raja digalas, kerja sendiri dikelek" menunjukkan orang-orang Melayu mahu memikul tanggungjawab bila diberi. Ini pun boleh kita lihat dalam masyarakat sekarang di mana orang Melayu mengepalai beribu-ribu pertubuhan dari kugiran sampai kepada parti-parti politik. Juga, nama Askar Melayu dalam Peperangan Dunia Kedua dan masa darurat menunjukkan mereka boleh memikul tanggungjawab.

Tetapi, di samping itu, setengah-setengah orang Melayu kurang amanah menjalankan tanggungjawabnya. Inilah sebabnya kita dapati banyak pepatah tentang pecah amanah seperti, Pagar makan padi; sokong membawa rebah; telunjuk

mencucuk mata. Banyak syarikat-syarikat kerjasama dan syarikat-syarikat perniagaan Melayu yang gagal adalah disebabkan pecah amanah oleh pemimpin-pemimpinnya. Sepatutnya hadith Nabi Muhammad (s.a.w.) tentang tanggungjawab perlu diikut: "Tiap-tiap orang pengembala dan tiap-tiap orang bertanggungjawab atas gembalanya – raja atau rakyatnya, laki-laki atas ahlinya, perempuan atas hal dalam rumah dan suaminya, khadam atas harta tuannya; anak atas harta benda ayahnya. Seseorang itu akan disoal di akhirat kelak akan tanggungjawabnya."

4. Sikap terhadap pengorbanan

Kalau ada pimpinan yang baik dan perjuangan yang suci, orang-orang Melayu rela berkorban, hinggakan nyawanya. Pepatah menganjurkan Biar putih tulang, jangan putih mata. Sejarah banyak membuktikan ini. Misalnya, orang Melayu bersatu dalam UMNO di bawah pimpinan Datok Onn untuk menentang Malayan Union dan kemudian di bawah pimpinan Tengku Abdul Rahman untuk memperjuangkan kemerdekaan.

5. Sikap terhadap undang-undang

Satu daripada sebab keamanan di Malaysia ialah kerana sikap orang Melayu yang patuh pada undang-undang. Satu pepatah mencerminkan sikap ini Kecil dikandung ibu, besar dikandung adat, mati dikandung tanah.

6. Sikap terhadap orang lain

Pada amnya, selagi agamanya tidak tersentuh dan ia tidak dihina, orang-orang Melayu sangat toleran pada orang-orang lain dan inilah satu sebab keamanan di Malaysia. Ini adalah akibat ajaran Islam yang memandang manusia itu sama-sama makhlok Tuhan.

7. Sikap terhadap kepentingan am

Orang-orang Melayu mengambil berat akan kepentingan am kerana gotong-royong menjadi asas masyarakat kampung pada masa dahulu. Semangat gotong-royong ini kelihatan dari

pepatah "aur dengan tebing". Semangat ini telah digalakkan oleh Kerajaan dan berjaya nampaknya misalnya pembinaan jalan-jalan di kampung dengan gotong-royong, penubuhan pengawal-pengawal kampung masa darurat dahulu, bantuan kepada polis bila ada jenayah terjadi.

Kemakmuran bergantung kepada pengeluaran ekonomi dan manusia akan bertindak untuk pengeluaran ekonomi kalau ada sikap yang sesuai bagi tujuan itu.

8. Sikap terhadap nasib

Sikap orang Melayu terhadap nasib merupakan satu sebab besar kemunduran orang Melayu. Mereka menganggap nasib mereka telah ditentukan oleh takdir dan tidak dapat dibuat apa-apa lagi. Pepatah rezeki secupak tidak akan jadi segantang biasa disebut orang. Ini adalah satu sikap yang membuat orang-orang Melayu kurang mahu berusaha, dan kalau berusaha pun, lekas mengaku kalah bila ada rintangan sedikit. Bila kecewa, nasib dipersalahkan. Hinggakan ada pelajar-pelajar yang berkata kalau ada nasib ia akan lulus tanpa usaha. Sebenarnya sikap ini adalah berlawanan dengan ajaran Islam. Memang benar Tuhan menentukan nasib tiap-tiap orang tetapi kita tidaklah dapat tahu apa nasib yang telah ditentukan untuk kita. Manusia disuruh berikhtiar dan berusaha dalam kehidupannya. Mengikut Quran Allah tidak mengubah nasib sesuatu kaum hingga mereka sendiri mengubah apa yang ada pada diri mereka (sikap dan tingkah laku). Kegagalan kadang-kadang merupakan pengajaran. Orang-orang disuruh berikhtiar dan selepas cukup ikhtiar, baharulah menyerahkannya kepada takdir. Tetapi, mengikut kebiasaan, siapa yang berusaha akan berjaya, siapa yang malas akan tersiapa yang berusaha akan berjaya, siapa yang malas akan terkandas. Bila ada sikap mahu berikhtiar, baharulah pengeluaran ekonomi dapat dijalankan.

9. Sikap terhadap masalah hidup

Pada amnya, orang Melayu kurang berfikir rasional bila menyelesaikan masalah hidupnya. Fikiran rasional ialah cara fikiran yang mempertimbangkan sesuatu dengan seksama sebelum mengambil tindakan. Mereka lebih menggunakan sentimen dan kerana ini mereka senang dipengaruhi atau dipesongkan oleh golongan-golongan tertentu. Ini akan kita

dapati bila kita berbincang dengan kebanyakan orang Melayu tentang apa-apa hal sekali pun. Misalnya, ada pelajar-pelajar Melayu, yang kurang usaha, bila gagal dalam peperiksaan mengatakan ini sebab penindasan setengah-setengah guru bangsa lain. Setengah-setengahnya pula membuka kedai dengan tidak belajar dahulu ataupun memperhatikan pekedai-pekedai lain, dan bila ia gagal kerana layanan kepada pelanggan tidak baik dan menyimpan kira-kira tidak betul ia terus menyalahkan persaingan dari pekedai-pekedai lain. Fikiran-fikiran yang rasional sangatlah perlu untuk menghadapi masalah hidup, terutamanya masalah ekonomi supaya kita boleh menyelesaikan secara memuaskan.

Tiadanya perkataan berdikari (berdiri di atas kaki sendiri) pada masa dahulu menunjukkan sikap ini tiada wujud di kalangan masyarakat Melayu. Sikap meminta bantuan dari orang-orang lain atau kerajaan sangat menular di masyarakat Melayu dan ini satu penghalang besar kepada kemajuan. Pepatah di mana kutu nak makan, kalau tidak di kepala jelas mencerminkan sikap ini. Apabila sikap berdikari tidak ada, seseorang itu jarang akan mencari-cari peluang yang boleh membawa kekayaan dan jarang berani mengambil risiko. Sikap ini sangat perlu untuk maju dalam dunia moden yang penuh persaingan.

10. Sikap terhadap kerja

Rajin dan usaha tangga kekayaan.

Pengeluaran ekonomi terjadi bila manusia menggunakan sumber-sumber asli alam untuk keperluannya. Manusia yang rajin bekerja akan lebih mendapat hasilnya. Contoh yang selalu kita lihat ialah seorang pekebun sayur China yang bekerja dari pukul lima setengah pagi sampai pukul tujuh malam, atau seorang pekedai China yang membuka kedai dari pukul 7 pagi sampai pukul 10 malam. Akhir-akhirnya mereka menjadi kaya. Begitu juga pengusaha-pengusaha Eropah atau Jepun yang besar-besar — mereka mula-mulanya bekerja rajin dari sebuah kilang yang kecil menjadi kilang raksaksa. Seseorang yang bekerja pada majikan pun mesti rajin kalau ia hendak lama bekerja di situ. Untuk belajar pun kerajinan sangat diperlukan.

Dalam bekerja, seseorang itu perlu amanah, berdisiplin

dan menepati masa. Apabila perindusterian maju di sesuatu negeri, lebih ramai orang yang bekerja pada majikan daripada bekerja sendiri. Sifat yang dikehendaki oleh majikan dari pekerja-pekerjanya ialah rajin, amanah, berdisiplin (mengikut peraturan) dan menepati masa. Tiadanya perkataan disiplin dan menepati masa dalam bahasa Melayu dahulu menunjukkan sifat ini tiada dalam masyarakat Melayu dahulu. Dan perkataan "janji Melayu" telah menjadi buah mulut. Perlu diperhatikan bahawa di Eropah, walaupun seseorang pekerja itu lambat datang ke kilang hanya satu minit, upahnya untuk satu minit itu akan ditolak dari gajinya. Dalam kegiatan ekonomi, masa itu memang emas. Orang-orang mestilah sanggup membuat apa kerja pun, asalkan halal, dan jangan memandang pada bergaya atau tidaknya kerja itu.

11. Sikap terhadap cabaran-cabaran hidup

Hidup penuh dengan seribu satu macam rintangan dan cabaran. Siapa yang tidak sanggup menghadapi dan mengatasinya akan kalah dalam perjuangan hidup. Ini jelas kelihatan dalam bidang ekonomi. Siapa yang tabah hati dan ada inisiatif, dia akan berjaya, manakala yang lain akan ketinggalan. Untuk mencapai kemajuan ekonomi, seseorang itu mesti sanggup pergi ke mana-mana ada peluang. Inilah satu sikap yang ada pada kaum-kaum pendatang — sama ada ia orang Eropah, China, India, atau Arab yang membuat mereka kaya di negeri orang, manakala anak negeri itu sendiri mundur. Sikap tabah hati dan inisiatif ini kurang benar di kalangan orang-orang Melayu. Perkataan "hangat-hangat tahi ayam" menunjukkan ketabahan hati kurang ada, manakala perkataan inisiatif memang tiada dalam bahasa Melayu dahulu. Perlu diingat bahawa pengusaha-pengusaha yang berjaya itu telah beberapa kali gagal tetapi mereka tabah hati. Kepada mereka kegagalan itu batu loncatan kepada kejayaan, bukan batu penenggelaman. Sikap hujan emas di negeri orang, hujan keris lembing di negeri sendiri, baik juga di negeri sendiri, perlulah dihapuskan.

12. Sikap terhadap harta

Orang Melayu memang mahukan harta, tetapi usaha

mereka mencari harta itu mungkin kurang sedikit. Mencari harta bukanlah dilarang agama Islam, asalkan dicari dengan cara yang halal. Untuk mendapat harta, orang-orang perlu berusaha dan bersusah payah. Harta tidak akan didapati dengan berpeluk tubuh sahaja.

Untuk menambah harta lagi ataupun menjaga supaya harta yang ada jangan habis seseorang itu mesti jimat, tetapi, pada amnya orang Melayu kurang jimat. Orang Melayu suka menunjuk-nunjuk dan mubazir seperti boleh dilihat dari khenduri-khenduri yang besar, perabut-perabut rumah yang luar dari kemampuannya. Ada setengah orang yang berhutang bertahun-tahun kerana perbelanjaan khenduri. Pepatah ukurlah baju di badan sendiri patut dijadikan panduan bila berbelanja.

Orang banyak mengatakan, modal perlu untuk maju dalam ekonomi. Ini memang benar, tetapi dari manakah datangnya modal itu? Ia datangnya dari pendapatan yang telah disimpan lebih dahulu dan di sini sikap jimat sangatlah perlunya. Walaupun wang telah banyak, sikap jimat masih perlu supaya wang boleh dikumpul untuk menambah harta lagi.

13. Sikap terhadap masa depan

Perlu diingat bahawa, pada amnya, seseorang itu mungkin hidup untuk 50 tahun. Oleh itu, ia mestilah panjang fiiran dan memikir juga masa depannya manakala ia membuat apa-apa keputusan atau bila ia bertindak. Pepatah Melayu ada berkata sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna. Banyak kita dapati pelajar-pelajar Melayu yang kurang memikir masa depan mereka dan menumpukan masa bersuka-suka bersandiwara dan kurang belajar. Akibatnya, mereka tidak lulus atau lulus rendah sahaja. Ini memberi kesan buruk kepada kehidupan mereka kemudian. Di samping itu pula banyak orang Melayu yang sudah bekerja — baik makan gaji atau bekerja sendiri — menghabiskan pendapatan mereka tanpa memikir masa depan. Akhirnya, mereka menderita. Panjang fikiran ini bukan sahaja perlu dalam bidang ekonomi, tetapi juga dalam bidang-bidang lain.

Apabila panjang fikiran telah ada, seseorang itu perlu pula membuat rancangan untuk tujuan-tujuan yang tertentu

– misalnya menyimpan wang, untuk perbelanjaan sekolah anak-anak masa anak-anak itu masih kecil lagi, menambah ilmu untuk mendapat kerja yang lebih lumayan dan sebagainya. Memang benar, keadaan masa berubah dan ini akan mempengaruhi apa-apa rancangan kita, tetapi dengan adanya rancangan, kita tahu garis-garis besar yang hendak diikuti dan tidaklah kita bertindak mendadak sahaja. Bila rancangan tidak ada, seseorang itu akan tidak ada panduan jelas untuk bertindak dan tidak tentu arahlah tujuannya nanti. Pembangunan ekonomi negara lagikan perlu rancangan. Ia juga perlu untuk kehidupan seseorang itu.

14. Sikap terhadap ilmu sains dan teknologi

Ilmu sains dan teknologilah yang digunakan secara langsung dalam pengeluaran ekonomi pada masa ini. Masyarakat Jepun maju kerana mereka mengambil ilmu sains dan teknologi dari Barat dan bukan mengambil muzik-muzik atau tarian-tarian Barat. Selama ini orang Melayu kurang benar mengambil ilmu sains dan teknologi kerana ilmu-ilmu ini lebih sukar daripada ilmu "arts". Tetapi kalau orang Melayu hendak maju dalam dunia modern, mereka mesti lebih menitikberatkan ilmu sains dan teknologi dan ini memerlukan kerajinan dan usaha keras. Tidak ada jalan lain lagi.

Ilmu sains dan teknologi bukan sahaja perlu dikaji oleh pelajar-pelajar tetapi juga oleh orang dewasa, untuk digunakan dalam pekerjaan masing-masing. Misalnya, petani-petani perlu tahu menjalankan traktor dan tahu membaikinya kalau rosak. Dan banyak lagi jentera-jentera kecil yang boleh digunakan dalam pengeluaran ekonomi. Mereka perlu menggantikan cara-cara tradisional dengan cara-cara yang lebih modern – misalnya mengecap batik dengan tangan diganti dengan jentera, menangkap ikan dengan pukat lama diganti dengan pukat rimau.

Setelah ilmu sains dan teknologi telah ada, sudah pula digunakan dalam semua pengeluaran, maka orang perlu pula membaiki hasil-hasil teknologi tadi supaya sesuai dengan keadaan masyarakat sendiri dengan merekacipta atau mereka baru. Kebanyakan hasil teknologi dari negeri luar adalah sesuai dengan keperluan masyarakat negeri itu dan kurang sesuai dengan masyarakat lain. Misalnya jentera-jentera dari

Eropah direka untuk mengurangkan penggunaan pekerja kerana upah pekerja mahal di sana, manakala di Asia upah pekerja rendah dan ramai orang boleh digunakan. Satu sebabnya barang-barang buatan Jepun sangat laku di Asia dan Afrika ialah kerana ia telah disesuaikan dengan keadaan keperluan masyarakat Asia dan Afrika. Selagi belum sesuatu masyarakat itu boleh mereka baru dan merekacipta barang-barang belumlah lagi ilmu sains dan teknologi betul-betul meresap pada anggota-anggota masyarakat itu dan belumlah boleh lagi masyarakat itu dianggap maju. Oleh itu sikap mencuba-cuba, membaharui dan memperbaiki perlu digalakkan.

Sikap-sikap dari bilangan 1 sampai 7 tadi adalah sikap yang perlu untuk mencapai kemajuan ekonomi dan kemakmuran. Siapa yang ada ini, dialah yang akan menikmati kemakmuran. Biasanya, kaum pendatang yang ada ini dan merekalah yang makmur, manakala anak negeri asal ketinggalan kerana kurang sikap-sikap ini.

15. Sikap terhadap tugas

Untuk menjamin keadilan, seseorang itu mestilah jujur dalam menjalankan tugasnya. Misalnya kalau seseorang itu tidak jujur dan ia diberi kuasa memberi tanah oleh kerajaan, ia akan memberinya kepada siapa yang mahu memberi rasuah dan orang miskin yang perlukan tanah tidaklah akan dapat tanah. Di manalah keadilan di sini? Sikap jujur ini tersangat perlu pada pemimpin kerana tindakan-tindakan mereka akan membawa bahagia atau mengakibatkan celaka pada orang-ramai. Hadith Nabi Muhammad (s.a.w.) dalam bilangan 3 di atas perlulah diamalkan.

16. Sikap terhadap manusia

Untuk menjamin keadilan, sikap seseorang itu terhadap semua manusia — tua muda, kaya miskin, berpangkat melarat, kulit putih, kulit hitam — mestilah sama saja. Mereka adalah sama, manusia, sama-sama makhluk Tuhan dan mereka mesti dipandang sama dan dilayan sama. Kalau yang kaya diberi layanan istimewa, dan yang miskin diketepikan, manakah ada keadilan. Pada amnya, orang Melayu bersikap manusia ini sama belaka dan ada setengah-setengahnya pula yang memandang tinggi pada orang-orang Eropah! Inilah

kesan-kesan penjajah dahulu. Tetapi pengaruh wang sangat kuat melentur keadilan dan inilah sebabnya kerajaan mengadakan Badan Pencegah Rasuah.

17. Sikap terhadap moral

Seseorang itu boleh makmur tanpa menghiraukan moral, tetapi ia tidak dapat hidup terhormat. Seseorang boleh jadi kaya dengan memeras orang lain, tetapi kutukan orang kepadanya tidak akan membuat ia hidup bahagia. Seseorang itu boleh hidup mewah dengan rasuah, tetapi ia sentiasa hidup dalam ketakutan kalau ia diketahui nanti. Lambat laun ia tertangkap jua. Seorang wanita mungkin hidup mewah sebagai seorang pelacur atasan, tetapi ia tidak dihormat orang dan ia tidak akan hidup bahagia. Oleh itu, dalam mengejar kemajuan dan kemakmuran, janganlah moral dan agama ditinggalkan. Diri sendiri juga akan merana akhirnya. Apalah gunanya kemewahan kalau kebahagiaan dan ketenteraman jiwa tidak didapati. Bukan bermakna moral dan agama menghalang kemajuan. Sebaliknya ia menolong seseorang itu menikmati kemakmuran yang didapati dengan lebih sempurna.

Dengan membelakangkan moral seseorang itu mungkin hidup makmur untuk beberapa waktu, tetapi lambat laun ia akan mendapat balasannya juga. Seperti kata Presiden Abraham Lincoln, "Awak boleh menipu semua orang bagi setengah-setengah masa; tetapi awak tidak boleh menipu semua orang bagi semua masa." Contoh yang jelas ialah seorang Menteri Inggeris, yang ada kemungkinan menjadi Perdana Menteri England, yang hancur masa depannya kerana terbongkar sekandal sexnya, dan ini terjadi di negeri yang begitu longgar tentang moral!

Sikap-sikap tadilah yang sepatutnya jadi isi revolusi mental!

7. Cara melaksanakannya oleh pembentuk-pembentuk sikap

Telah diperhatikan bahawa pada amnya, sikap-sikap yang mempengaruhi kemakmuran banyak didapati di kalangan kaum-kaum pendatang dan pada kebanyakan orang Melayu yang telah mencapai kemajuan ekonomi. Adalah difikirkan bahawa orang Melayu yang mahu mengambil sikap

yang telah disebut di atas tadi, besar kemungkinannya mereka akan mencapai kemajuan yang seimbang dan bahagia.

Tetapi, untuk merevolusi mentalkan seluruh masyarakat Melayu, pembentuk-pembentuk sikap mestilah memainkan peranan mereka. Kebanyakan sikap orang adalah disebabkan oleh pengaruh pihak-pihak yang tertentu yang boleh kita gelarkan pembentuk-pembentuk sikap. Mereka inilah yang jadi ikutan orangramai. Sudah menjadi adat manusia memandang siapa yang berkata, bukan apa yang dikatakan seseorang itu. Pembentuk-pembentuk sikap itu ialah kerajaan, pemimpin-pemimpin politik, sasterawan-sasterawan dan wartawan-wartawan, ulama-ulama, pertubuhan-pertubuhan dan ibubapa.

Pertama-tamanya, keenam-enam pembentuk fikiran ini mestilah menunjukkan contoh yang baik. Sebaik-baik ajaran adalah dengan kelakuan. Mereka sendiri perlu lebih dahulu mempunyai sikap-sikap itu — mereka sendiri lebih dahulu mesti ada revolusi mental.

Ada satu cerita di Timur Tengah. Pada masa Khalifah Al-Walid di Damshik yang suka membina bangunan-bangunan yang indah, buah perbualan orang di kedai-kedai minum ialah tentang bangunan. Pada masa penggantinya, Khalifah Sulaiman yang suka minum arak dan berpoya-poya dengan perempuan, buah perbualan orang di kedai-kedai minum ialah tentang arak dan perempuan. Pada masa penggantinya, Khalifah Umar bin Abdul Aziz, yang warak, buah perbualan orang di kedai-kedai minuman ialah tentang agama. Demikianlah pengaruh tindak-tanduk pemimpin pada sikap dan kelakuan rakyat.

Kalau yang disuruh oleh pemimpin lain, mereka sendiri lakukan lain, rakyat akan bersikap sinis dan tidak percaya kepada apa-apa pun. Bila sikap sinis menular masyarakat, apa-apa rancangan yang hendak dijalankan pun kurang mendapat sambutan. Akibatnya, belanja habis, hasilnya tak berapa.

Peranan Kerajaan

Kerajaan merupakan pembentuk fikiran yang berkesan sekali kerana pengajaran di sekolah-sekolah ditentukan oleh kerajaan dan alat-alat penyiaran radio dan television adalah dalam kuasa kerajaan. Sikap-sikap di atas tadi perlulah di-

pupuk melalui sekolah, radio dan television itu, sama ada dalam bentuk cogankata, lagu, cerita-cerita, ucapan-ucapan dan filem. Kerajaan telah pun menjalankan ini dengan gerakan majunya, gerakan Gotong-Royong dan Gerakan Jaya Diri yang baharu dilancarkan. Gerakan-gerakan seperti ini perlu diperhebatkan lagi. Siri-siri tentang sains dan teknologi dalam bahasa kebangsaan di television perlu ditambah dengan banyaknya supaya kecenderungan orang-orang terhadap sains dan teknologi dapat dipupuk. Pada masa ini, siri-siri yang mengkhayalkan yang lebih banyak ditunjuk nampaknya.

Di samping itu, kerajaan perlu mengambil langkah mengurangkan, kalau pun tidak membasmikan langsung peristiwa-peristiwa negatif seperti peristiwa-peristiwa keganasan dalam television. Peristiwa ini akan mempengaruhi kanak-kanak dan pemuda pemudi berkelakuan begitu. Begitu juga kerajaan boleh membuat wayang-wayang gambar tidak menayangkan filem yang berunsur negatif seperti keganasan, keruntuhan moral dan sebagainya. Selama ini kerajaan menyekat filem-filem yang berunsur politik sahaja.

Peranan Pemimpin-Pemimpin Politik

Di antara pertelingkahan-pertelingkahan politik mereka, pemimpin-pemimpin politik mestilah memupuk sikap-sikap yang dikehendaki itu di kalangan rakyat melalui ucapan-ucapan. Pemimpin-pemimpin politik sama-sama mahu memajukan rakyat. Pertelingkahan mereka ialah tentang caranya sahaja. Janganlah mereka membincangkan tentang perkara remeh seperti hantu toyol atau buah dada perempuan. Siapa pun memerintah, kalau sikap yang dikehendaki itu ada pada rakyat, pemimpin-pemimpin akan berasa bangga mereka mempunyai rakyat yang maju.

Peranan Sasterawan Dan Wartawan

Mereka ini besar pengaruhnya kepada sikap rakyat. Melalui novel, cerpen, drama, sajak dan rencana-rencana mereka boleh mempengaruhi sikap rakyat, untuk baik atau buruk. Mereka mestilah memupuk sikap-sikap itu dalam tulisan-tulisan mereka. Sasterawan akan berkata bahawa mereka tidak mahu jadi peropagandis dan mahu bebas

mencari tema mereka sendiri. Mereka mahu menggambarkan apa yang ada, yang real, bukan yang sepatutnya ada.

Perkataan peropagandis itu satu perkataan yang relatif. Misalnya seorang sasterawan yang menonjol-nonjolkan seks dalam novelnya untuk mencari pasaran adalah seorang peropagandis seks dan besar kemungkinannya itu merupakan gambaran watak pengarang itu sendiri. Dengan menonjol-nonjolkan seks pengarang itu menumpukan perhatian pembaca-pembaca kepada seks dan sedikit sebanyaknya bertanggungjawab menyebabkan krisis moral dalam masyarakat. Salah satu sebab krisis moral ialah pendewaan terhadap seks oleh surat-surat khabar, majalah-majalah, novel-novel dan cerpen-cerpen.

Seks memang perlu untuk manusia, tetapi ia perlu dikawal oleh moral. Kalau tidak, buruk padahnya pada masyarakat. Walaupun tema yang dipilih oleh sasterawan, mereka adalah peropagandis juga. Mereka perlukan sama-sama memupuk sikap-sikap yang dikehendaki itu kalau mereka mahu sama-sama membentuk sikap rakyat supaya maju.

Peranan Ulama-Ulama

Ulama-ulama boleh memupuk sikap yang dikehendaki melalui khutbah-khutbah Jumaat dan ucapan-ucapan mereka dengan memberi ajaran-ajaran Islam yang seimbang untuk kemajuan di dunia dan keselamatan di akhirat. Sikap-sikap yang dikehendaki itu tidaklah bertentangan dengan ajaran agama Islam dan kebanyakannya pula digalakkan oleh agama Islam.

Peranan Pertubuhan-Pertubuhan

Pertubuhan-pertubuhan seperti kelab-kelab belia bukan sahaja boleh menggalakkan sikap-sikap yang dikehendaki itu, tetapi mereka boleh mengamalkan sikap-sikap itu dalam kegiatan-kegiatan mereka, misalnya menggalakkan bacaan buku ilmu pengetahuan, melatih anggota-anggotanya membaiki jentera-jentera, menjalankan kedai-kedai kecil dan membuat projek-projek yang memberi manfaat pada tempat itu, dan bukan menumpukan kegiatan kepada tari-menari dan muzik sahaja.

Peranan Ibubapa

Pengaruh pertama kepada sikap seseorang itu ialah ibubapanya. Ibubapa perlulah sentiasa memupuk sikap yang dikehendaki itu melalui cerita-cerita, tunjuk ajar dan nasihat-nasihat. Anak-anak janganlah dimanjakan ataupun dibiarkan tanpa tunjuk ajar. Kalau tidak ada tunjuk ajar ibubapa, wayang-wayang gambar, televisyenlah kawan-kawan yang akan "mengajar" mereka.

Ditegaskan lagi di sini bahawa contoh-contoh yang dibuat oleh pembentuk-pembentuk sikap itulah yang berkesan sekali untuk merevolusi mentalkan masyarakat. Bagaimana penganjur begitulah pengikutnya.

Dewan Masyarakat
Jun 1968.

11

PEMBANGUNAN DAN MASALAH SOSIAL DI MALAYSIA

Mohd. Nur Ali

Sejak merdeka kemajuan negara kita begitu pesat sehingga mengatasi setengah-setengah negara Asia dan Afrika. Ini adalah hasil pucuk pimpinan negara yang dinamik, progresif dan dedikasi. Pembangunan negara seperti ini kita namakan sebagai perubahan sosial yang dirancangkan yang diatur dan dilaksanakan dengan dikawal dan diawasi oleh kerajaan sepenuhnya, walaupun kadang-kadang kesan muktamad dari rancangan itu tidak difikirkan.

Waktu penjajahan dahulu rancangan pembangunan negara belum ada, sebab itu perubahan sosial yang berlaku pada masa itu agak kecil dan berlaku secara perlahan. Samada perubahan sosial itu berlaku perlahan-lahan dengan sendiri atau dengan dirancangkan oleh kerajaan ia tetap akan memberikan dua kesan yang bertentangan. Pertama, kesan yang positif (baik) dan kedua kesan yang negatif (buruk). Kedua-dua kesan inilah yang akan kita lihat selanjutnya dalam rencana ini. Tapi sebelum kita memasuki zaman pembangunan negara dan rancangan lima tahun ada baiknya kita melihat ke belakang untuk mengetahui latarbelakang pembicaraan seterusnya.

Setidak-tidaknya ada tiga tingkat perubahan sosial yang dialami oleh masyarakat Malaysia. Pertama zaman pra-moden, kedua zaman penjajahan atau kedatangan moden dan ketiga zaman kemerdekaan atau zaman pembangunan negara dan rancangan lima tahun. Setiap kali perubahan sosial merempuh dan memecahkan nilai-nilai dan norma masyarakat maka setiap kali itulah ia akan menimbulkan masalah sosial yang berbagai bentuk dan rupa yang mamar perlukan penyelesaian yang berlainan pula. Wujudnya masalah sosial sebagai hasil perubahan sosial ini adalah berpunca dari timbulnya ciri-ciri atau unsur-unsur social *maladjustment* dan *cultural lag* dalam masyarakat itu sendiri.

Sosial *maladjustment* dan *cultural lag* lahir kerana adanya orang atau golongan dalam masyarakat yang gagal, tidak dapat atau enggan menyesuaikan diri mereka dengan tempoh -tempoh dan cabaran perubahan serta perkembangan yang berlaku di sekitar masyarakat sebagai hasil kemajuan pesat sains dan teknologi yang sentiasa membuat rekaan dan penemuan idea serta teknik baharu melalui percubaan dan penyelidikan yang dilakukan dengan tekun dan berani.

Pada zaman pra-moden atau zaman tradisional walaupun ada perubahan sosial berlaku tapi ia tidaklah menimbulkan masalah-masalah sosial yang rumit. Masyarakat Malaysia (Malaya) pada masa itu bolehlah dikatakan sebagai masyarakat yang separuh tertutup, simpel dan pra-industri. Rata-rata mereka adalah orang Melayu.

Masyarakat pada masa itu lebih mengutamakan keharmonian, kestabilan, kepatuhan kepada nilai-nilai dan norma masyarakat. Ketenangan dan kedamaian adalah nilai yang diutamakan dalam masyarakat. Masyarakat hidup pada taraf secukup hidup sahaja. Kelebihan tidak perlu. Sebab itu persaingan, perlumbaan, penindasan dan usaha-usaha mengumpul dan membolot harta dan kekayaan alam tidak wujud. Dalam masyarakat di mana keamanan, kedamaian dan ketenangan menjadi pucuk segala nilai sebarang perubahan sosial yang berlaku ia tidaklah akan menimbulkan sosial *maladjustment* dan *cultural lag* yang besar untuk bertanggung-jawab membawa ketegangan masyarakat. Tapi keadaan ini bertukar corak apabila masyarakat Malaysia (Malaya) dipengaruhi oleh Barat yang membawa unsur-unsur pemodenan. Masalah sosial telah mula ditanam dan dipupuk

oleh penjajah dengan suburnya waktu mereka memerintah Malaysia (Malaya) pada akhir abad 19 dan pertengahan pertama abad 29.

Kedatangan pengaruh modern yang dibawa oleh Inggeris pada akhir abad 19 telah membawa perubahan yang besar terhadap masyarakat Malaysia (Malaya). Masyarakat Malaysia (Malaya) yang dahulunya tradisional telah berubah menjadi masyarakat moden yang kompleks, industri dan maju. Perubahan yang besar dan mengejut seperti ini pastilah merosak dan menggoncangkan sistem dan struktur kebudayaan dan masyrakat. Akibatnya lahirlah apa yang kita namakan sosial *maladjustment* dan *cultural lag,* kerana tidak semua anggota masyarakat bisa menerima secara total perubahan yang drastik seperti ini. Maka dalam zaman penjajahanlah bermulanya segala perubahan dalam bidang politik, ekonomi, ilmu, kesenian dan sosial.

Masyarakat yang tradisional mengasaskan ekonomi mereka pada tanah dan laut. Pada tanah dan lautlah masyarakat Malaya pada masa itu menumpukan segala aktiviti ekonomi mereka dalam bentuk kekeluargaan dan bergotong-royong. Bentuk perdagangan yang dijalankan adalah secara tukar barang. Institusi pasaran modern dan penggunaan wang tidak, wujud di kalangan mereka. Bila Inggeris menjajah baharulah sistem ekonomi moden diperkenalkan kepada mereka. Pusat-pusat perusahaan, lombong dan ladang-ladang getah telah dibuka. Orang India dari Tanah Besar India dan China dari Tanah Besar China telah diimport ke Malaya pada tahun-tahun 1900—1930 dengan ramainya bagi bekerja di lombong-lombong dan di ladang-ladang. Orang Melayu diketepikan. Di tengah-tengah masyarakat industri, ini di bandar-bandar wujudlah golongan pemodal, pengurus, pengusaha, orang tengah dan buruh-buruh.

Oleh kerana pemusatan ekonomi moden ini ditumpukan di bandar-bandar dan pusat-pusat perusahaan sahaja dan orang yang mengambil bahagian adalah rata-rata orang China dan India, sedangkan bangsa Melayu berada di kampung-kampung menjalankan ekonomi tradisional dengan bertani, berladang dan menangkap ikan maka telah timbul dua bentuk atau sistem ekonomi yang berbeza dan terpisah antara satu sama lain. Pada satu pihak terdapat ekonomi perindustrian moden dan pada satu pihak lagi terdapat ekonomi tradi-

sional pertanian. Keadaan ini kita namakan sistem ekonomi duaan. Sistem ekonomi duaan yang dirancang dan digalakkan oleh Inggeris inilah yang akan menjadi masalah sosial yang paling bahaya dan rumit di zaman kemerdekaan sehingga meletuskan peristiwa 13 Mei.

Berubah Samasekali

Kemasukan ekonomi moden ini telah mengubah — struktur masyarakat Malaya kepada masyarakat yang kompleks dan berkelas-kelas. Kalau dahulu masyarakat Malaya hanya terdiri dari kelas pemerintah (raja, keluarga raja dan pembesar-pembesar serta pahlawan) dan kelas di perintah (rakyat dan hamba), kini keadaannya telah berubah sama-sekali. Masyarakat Malaya bukan lagi masyarakat yang terdiri dari satu bangsa, tapi telah menjadi masyarakat yang berbagai-bagai kaum sehingga tidak ada kebangsaan yang sejati lagi. Masyarakat Malaya telah menjadi 3 kelas. Kelas atasan, pertengahan dan bawahan. Kelas atasan adalah terdiri daripada golongan bangsawan Melayu, saudagar, pengurus dan pengusaha yang terdiri daripada orang asing dan orang China. Kelas pertengahan pula diduduki sepenuhnya oleh orang China dan sedikit-sedikit terdapat orang India dan bangsa Melayu. Maka pada kelas bawahan inilah tertumpunya seluruh suku sakat bangsa Melayu. Seolah-olah telah wujud susunlapis dan kelas-kelas masyarakat berdasarkan lunas-lunas perkauman.

Pelajaran keduniaan yang bertujuan melatih dan menyediakan rakyat bagi menjalankan pemerintahan dan pentadbiran telah diperkenalkan oleh Inggeris. Sekolah Inggeris dan sekolah Melayu telah didirikan di samping sekolah Arab dan Agama yang sedia ada. Hasilnya muncullah tiga golongan intelijensia dari tiga jenis pendidikan dan latihan yang berlainan orientasi. Bibit-bibit pertengahan idea, falsafah dan perjuangan telah terbentuk melalui orientasi pendidikan. Bentuk pendidikan yang berlainan orientasi inilah yang kemudiannya mengendalikan dan menentukan ideologi perjuangan politik rakyat pada masa itu dan tahun-tahun berikutnya.

Dalam aspek politik pula, raja yang punyai kuasa mutlak itu telah dikurangi kuasanya, diambilalih oleh penasihat-

penasihat Inggeris (British Resident). Orang Besar, Ketua Wilayah, Ketua Mukim dan Kampung telah digantikan oleh Pegawai-pegawai Daerah dan pegawai-pegawai kerajaan. Tugas dan peranan Penghulu dan Ketua Kampung telah diubah dari menjadi orang raja kepada menjadi orang kerajaan. Penghulu diberi gaji dan diikat dengan syarat-syarat perkhidmatan. Ini telah menjadikan mereka seolah-olah terawang-awang antara tugasnya kepada kerajaan dan tugasnya kepada raja. Biar apa pun inilah hakikat rakyat Malaya semasa pemerintahan Inggeris setelah menerima unsur-unsur permodenan. Adalah nyata pada peringkat dan masa ini masalah sosial belum begitu ketara dan tenat, walaupun ciri-ciri *sosial mala-djustment* dan *cultural lag* telah mulai wujud terutamanya dalam bidang ekonomi dan pelajaran. Ketegangan masyarakat tekanan kaum ke atas kaum, pertentangan kelas dan golongan, frustrasi, prajudis dan diskriminasi dalam masyarakat subur merebak melampaui seluruh kawasan dan daerah, bagi menimbulkan keluh-kesah dan kecemasan di kalangan rakyat. Tapi sistem ekonomi duaan dan berat sebelah Inggeris, politik pecah-pecah dan perintah dan sistem sosial negatif Inggeris ini sudah lebih daripada cukup bagi menimbulkan masalah sosial yang tidak bisa diselesaikan dalam tempoh 40 atau 50 tahun apabila Malaya (Malaysia) mencapai kemerdekaannya.

Sistem politik feodal telah digantikan dengan sistem politik demokrasi berparlimen bila tanah Melayu (Malaysia) mencapai kemerdekaan. Tampuk pemerintahan telah di-pegang dan ditentukan oleh rakyat, melalui wakil-wakil mereka yang dipilih 5 tahun sekali. Bagi menyalurkan kehendak-kehendak rakyat secara berterusan dan berper-aturan, maka wujudlah partai-partai politik bagi menyampai-kan hasrat rakyat ini melalui Dewan Rakyat. Oleh kerana terlalu ramai orang yang mahu menjadi juara bangsa atau kaumnya, dan mahu menentukan pucuk pimpinan negara maka lahirlah bermacam-macam partai politik di Malaysia.

Kalau waktu mula-mula merdeka dahulu hanya 3 atau 4 partai politik saja tapi kini terdapat berpuluh-puluh partai politik di Malaysia dengan berbagai-bagai ideologi pula. Oleh kerana terlalu banyak partai politik, ia bukan sahaja menyukarkan rakyat membuat pilihan bila mengundi, tapi mendatangkan masalah dan kerumitan semasa melaksanakan

rancangan dan polisi dalam pemerintahan. Politik negara akan goncang dan selalu tidak stabil. Dua atau tiga partai terpaksa bergabung bagi membentuk kerajaan. Dalam kerajaan campuran seperti ini atau dalam pemerintahan yang ada unsur campuran (kerajaan memerintah sekarang – Perikatan) seperti ini soal tolak ansur adalah paling utama. Tolak ansurlah yang dapat melampaui perbezaan ideologi partai dan dapat mewujudkan titik-titik persetujuan terhad yang bisa diterima oleh semua pihak.

Akibat dari sistem politik tolak ansur dan titik-titik persetujuan terhad ini, rancangan pembangunan dan lain-lain dasar yang mahu dilaksanakan untuk satu-satu kaum tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya. Ia hanya bisa dilaksanakan dalam batas-batas tolak ansur dan persetujuan terhad sahaja. Dalam keadaan begini soal memajukan rakyat seolah-olah dilupakan dan sengaja dikurangi. Apa yang diutamakan ialah menjaga persefahaman antara tokoh-tokoh partai yang memerintah agar kerajaan mereka tidak tumbang. Tokoh politik dan menteri lebih berminat bagi mengekalkan kekuasaan dan pemerintahan dari mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial rakyat. Tidak wujudnya golongan perniagaan dan perdagangan bangsa Melayu dalam tempoh 15 tahun yang lampau ialah berpunca dari faktor ini, walaupun ada faktor-faktor lain yang tidak dapat kita nafikan.

Sejak merdeka kemajuan ekonomi Malaysia berubah dalam perkembangannya yang cepat dan maju sekali. Pendapatan Per Kapita Malaysia pada tahun 1957 yang berjumlah kira-kira $800.00 telah meningkat kepada $ 928.00 dalam 1965 dan kira-kira $1,100.00 pada tahun 1971. Pengeluaran Kasar Negara terus berkembang dengan baiknya. Modal luar negeri datang mencurah-curah. Kilang-kilang perusahaan yang mendapat taraf perintis tumbuh dan terus membolot serta memunggah kekayaan Malaysia balik ke negeri masing-masing. Jumlah kilang yang mendapat taraf perintis sebanyak 32 buah pada tahun 1960 telah menjadi 188 buah pada akhir 1970. Eksport Malaysia telah bertambah sebanyak 30% sejak 10 tahun yang lampau.

Perkembangan dan kemajuan ekonomi yang begitu rupa adalah faktor utama yang akan menentukan bentuk masyarakat Malaysia yang akan datang. Pembangunan ekonomi yang pesat ini adalah asas kepada perubahan dan

pembangunan negara yang lainnya. Ia bukan sahaja mengubah bentuk ekonomi negara tapi juga akan mengubah sistem sosial, ugama, kepercayaan, adat resam dan sikap anggota masyarakat. Oleh kerana pembangunan negara ini berlaku dengan pesat dan berpusat di bandar dan kawasan-kawasan perusahaan sahaja, maka sektor luar bandar seolah-olah terbiar begitu sahaja. Akibatnya masyrakat luarbandar ketinggalan jauh ke belakang dalam segala perubahan yang dialami oleh penduduk kota. Kalaupun angin perubahan dari pusat perubahan (bandar dan kawasan perusahaan) itu sampai kepada mereka adalah sedikit sekali anggota masyarakat yang merasainya.

Masyarakat Goncang

Dalam kontek sebuah negara telah terlihat pada kita perubahan dan pembangunan ini tidak merata. Ia tidak menyeluruh kerana pembangunan dan perubahan hanya dipusatkan pada kawasan bandar sahaja, sedangkan kawasan luarbandar diketepikan begitu sahaja. Akibatnya mahu tidak mahu kita sekarang ini telah menghadapi masalah sosial yang paling bahaya bukan sahaja di kawasan bandar tapi juga di kawasan luar bandar. Mengikut pendapat Raab dan Selznick, masalah sosial adalah satu masalah yang serius dalam hubungan antara manusia yang akan mengancam masyarakat itu sendiri atau menghalang aspirasi-aspirasi penting kebanyakan orang. Mereka seterusnya mengatakan masalah ini wujud apabila kebolehan masyarakat yang diatur bagi mengatur perhubungan anggota masyarakat kelihatan gagal, apabila institusi masyarakat telah goncang, apabila peraturan dan undang-undang telah dilangkah, penerimaan nilai-nilai masyarakat telah ditolak oleh anggota masyarakat dan rangka sangkaan antara ahli masyarakat telah pecah.

Masalah sosial yang paling serius kita hadapi sekarang ialah masalah ekonomi yang tidak seimbang antara kawasan bandar dengan kawasan luar bandar, antara orang bukan Melayu dengan orang Melayu dan antara orang berada dengan orang yang tidak berada. Seluruh kekuatan dan urat nadi ekonomi negara sekarang ini adalah berpusat di bandar dan dikuasai oleh orang bandar. Penguasa-penguasa ekonomi dan kekayaan negara di bandar ini pula adalah daripada orang

Asing dan bukan Melayu. Kebanyakan orang kaya raya dan mewah adalah berpusat di bandar. Di kawasan luarbandar pula terdapat bentuk ekonomi pertanian yang berkembang perlahan-lahan. Di kawasan luarbandar inilah 85% bangsa Melayu menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi tradisional yang paling tidak menguntungkan jika dibandingkan dengan aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh orang-orang di bandar. Kalau di bandar orang dengan mudah bisa mendapat lebih $10.00 satu jam, maka di kawasan luarbandar kita akan mendengar orang hanya mendapat kurang $1.00 satu hari suntuk. Pendekatan di kawasan luarbandar adalah berpusat-nya segala bentuk kekurangan ekonomi.

Dua sistem ekonomi yang berbeza pada dua kawasan sektor yang berlainan dan dua kaum yang tidak sama dalam satu negara yang maju adalah merupakan satu jurang ekonomi yang berpunca dari pembangunan negara (pada sektor bandar sahaja) yang pesat dan radikal. Jurang ekonomi yang terlalu luas antara kota dan desa, antara kaya dan miskin dan antara Melayu dan bukan Melayu, adalah merupa-kan masalah sosial negara yang perlu pada tindakan berani dan penyelesaian segera. Tindakan lewat mengatasi masalah ini bermakna melambatkan lagi usaha dan cita-cita kerajaan bagi mewujudkan integrasi Nasional. Diharapkan Dasar Ekonomi Baharu yang bertujuan menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat Malaysia itu bisa menyelesaikan masalah ini. Tapi patutlah diingatkan kepada semua pihak perancang dan mereka yang terlibat agar hati-hati bila mahu melakukan kerja-kerja penyu-sunan semula ini. Sebarang langkah penyusunan semula dan melakukan perubahan sosial yang berancang maka soal kesan muktamad dari perlaksanaan tersebut hendaklah difikirkan semasak-masaknya.

Tercicir di belakang

Soal sikap, nilai, norma, falsafah dan kepercayaan anggota masyarakat yang hendak dimajukan itu hendaklah diselidiki dan dikaji sedalam-dalamnya. Kita takut kegagalan rancangan agung kerajaan ini akan sekali lagi meninggalkan bangsa Melayu tercicir di belakang di kampung mereka sendiri. Kita takut bangsa Melayu di kampung-kampung ber-

pindah ke pedalaman dan hutan belentara, dan bertani di kaki bukit dan di lembah-lembah, kerana perkampungan mereka telah menjadi bandar dengan pengimport, pengeksport, ahli bank, saudagar; pemodal-pemodal, pengusaha-pengusaha dan pengurus yang berkumpul di situ. Cukuplah pisang berbuah sekali dalam sejarah satu-satu bangsa di muka bumi ini. Memadailah kita menipu diri sendiri pada tahun-tahun 50an dahulu. Memadailah kita menjual maruah bangsa dan negara dalam tawar menawar politik bagi mendapatkan kemerdekaan dari Inggeris dahulu.

Kemiskinan selaku masalah sosial ini bukan sahaja terbayang daripada rendahnya pendapatan dan taraf hidup, tapi juga bisa terlihat daripada ramainya penganggur-penganggur terutamanya di kawasan luarbandar. Terdapat dua jenis pengangguran yang menyeluruh di negara kita sekarang ini. Pertama pengangguran yang ketara. Ini terdiri daripada orang yang benar-benar tidak mempunyai kerja yang boleh memberikan pendapatan. Keduanya pengangguran yang tidak ketara. Ini terdiri daripada orang yang tidak mempunyai cukup faktor pengeluaran bagi dikerjakan, walaupun mereka mempunyai tenaga yang berlebihan. Golongan penganggur yang pertama tadi kebanyakannya terdiri daripada kaum belia yang baharu keluar sekolah dan drop-out yang kemudiannya masuk pasaran buruh. Sementara penganggur dari jenis kedua pula adalah terdiri daripada kaum nelayan, petani dan peladang-peladang yang kekurangan faktor-faktor pengeluaran untuk dikerjakan.

Pengangguran Belia

Nelayan terpaksa menganggur di musim tengkujuh bila angin laut bertiup kencang dan laut bergelora besar. Keadaan ini berjalan hingga tiga empat bulan. Petani dan peladang menganggur kerana musim kemarau bila sawah kering tidak dapat dikerjakan dan pokok getah meluruh tidak bersusu untuk ditoreh. Kalaulah segalanya baik, tidak ada kemarau, mereka terpaksa juga menganggur selepas ke sawah dan memotong getah kerana tidak ada lagi faktor-faktor pengeluaran yang boleh dikerjakan bagi mengeluarkan hasil. Biar apa pun pengangguran di kalangan petani, nelayan dan pedagang ini tidaklah begitu bahaya dibandingkan dengan pengangguran di

kalangan belia-belia, kerana sekurang-kurangnya mereka ini mempunyai juga kerja dengan pendapatan yang paling rendah. Mengikut angka rasmi kerajaan terdapat seramai ½ juta rakyat menganggur sekarang ini.

Angka ini dipercayai lebih besar lagi, kerana angka-angka tersebut adalah didasarkan kepada bilangan orang yang mendaftarkan diri di pejabat buruh untuk menyeraya jabatan tersebut mencarikan kerja. Setiap tahun didapati kira-kira 130,000 belia lepasan sekolah memasuki pasaran buruh. Dari jumlah ini paling banyak 50,000 sahaja yang berjaya mendapat pekerjaan, baik dengan kerajaan mahupun pihak swasta. Maka 80,000 lagi menganggur dan berulang-alik ke pejabat buruh dan keluar masuk bilik temuduga tidak jemu-jemu. Ramainya penganggur-penganggur dari golongan pelajar lepasan sekolah ini adalah berpunca dari perancangan sistem pelajaran yang kurang lengkap, kemas dan dilaksanakan cara terburu-buru. Sejak merdeka kita telah mendirikan beribu-ribu sekolah dan beratus ribu murid masuk dan keluar sekolah. Kalau tahun 1958 dahulu hanya terdapat 349 buah sekolah menengah, maka tahun 1970 jumlah ini telah meningkat 882 buah. Bilangan murid-murid di Sekolah Rendah tahun 1958 ialah 1,083,007 orang, dan menjadi 1,429,649 orang tahun 1970. Tahun 1970 terdapat 505, 214 penuntut Sekolah Menengah dibandingkan dengan hanya 122,461 tahun 1958. Bilangan penuntut Maktab, Universiti dan Kelas Lanjutan Menengah tahun 1958 yang berjumlah 14,852 telah menjadi 33,647 tahun 1970. Dari jumlah ratusan ribu penuntut ini kira-kira 50% calon SRP dan SPM dan kira-kira 35% calon STP adalah kandas dalam peperiksaan mereka. Kemudian dari jumlah yang lulus itu pula hanya 50% sahaja yang bernasib baik dapat kerja atau melanjutkan pelajaran mereka.

Hakikat adanya berpuluh-puluh ribu pelajar yang terkandas dan tidak dapat melanjutkan pelajaran kerana tidak mampu atau tidak ada jurusan yang harus dituju, adalah melambangkan kelemahan sistem pelajaran kita bagi memberikan pelajaran dan latihan yang cukup, sempurna dan berterusan kepada pelajar-pelajar agar mereka dapat berdiri atas kaki sendiri. Hakikat ramainya pelajar-pelajar yang lulus, tapi tidak dapat melanjutkan pelajaran atau tidak juga dapat pekerjaan adalah menggambarkan bahawa sistem pelajaran

kita seolah-olah dilaksanakan dan dirancangkan terburu-buru dan untuk jangka pendek sahaja tanpa memperhitungkan matlamat dan haluan selanjutnya pelajar-pelajar ini. Hakikat ini juga melambangkan bahawa kita hanya berminat mendirikan banyak sekolah dan memasukkan ramai kanak-kanak ke sekolah tanpa merancangkan sesuatu bagi masa depan mereka agar terjamin. Akibatnya, kita terpaksalah sekarang menghadapi masalah sosial pengangguran yang tenat yang terdiri daripada belia-belia berpelajaran separuh tiang. Diharap kesilapan ini bisa dijadikan panduan dan garis-garis bertindak bagi pihak berkenaan membentuk satu rancangan pelajaran yang bukan sahaja bisa memberikan pelajaran dan latihan tapi bisa memberikan arah tujuan dan pekerjaan kepada mereka apabila tamat atau keluar dari sekolah nanti.

Dalam bidang sains dan perubatan kerajaan telah mendirikan banyak rumah sakit, kelinik, rumah bidan dan lain-lain kemudahan perubatan. Tidak cukup doktor dalam negeri. Kerajaan kita telah mendapatkan perkhidmatan doktor-doktor dari luar negeri seperti dari Indonesia, Masir, India, Pakistan, Filipina dan lain-lain. Tujuannya ialah bagi menjaga kesihatan rakyat, mengurangkan pesakit-pesakit dan bilangan kematian. Kesannya, bilangan kematian kerana sakit berkurangan. Orang-orang yang kena sakit juga berkurangan. Rakyat semakin ramai. Di sebalik kebaikan ini terselit keburukan yang kadang-kadang dilupakan begitu sahaja. Negara kita akan menghadapi kelebihan penduduk. Kelebihan penduduk bukan sahaja meramaikan pengangguran dan merendahkan pendapatan Perkapita tapi juga akan menjejas kemantapan dan pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan akan menghadapi masalah memelihara dan menjaga keselamatan sosial orang tua dan tidak berupaya atau tewas menyabung hidup dalam negara yang mengamalkan sistem pengusahaan bebas (free enterprise) ini. Wang yang lebih banyak dan khidmatan yang berterusan terpaksa diadakan untuk mereka.

Selain masalah sosial yang terjelma dalam bidang politik, ekonomi dan sosial di atas, masih banyak lagi masalah sosial yang bisa wujud sebagai kesan dari pembangunan negara yang pesat ini. Kemajuan ekonomi yang cepat, perubahan masyarakat yang pesat dan pendedahan kebudayaan tempatan kepada kebudayaan liar dari luar telah mengubah

bukan sahaja cara hidup masyarakat dari segi ekonomi, politik dan sosial tapi juga soal-soal nilai, sikap agama dan kepercayaan, terutamanya di kalangan masyarakat kota. Masyarakat kota mulai mengutamakan nilai-nilai kebebasan mutlak individu. Anggota masyarakat mahu mereka diberikan kebebasan bertindak, bergerak, bersuara dan memilih apa yang mereka suka (belum pastinya baik dan berfaedah). Kawalan sosial selain dari undang-undang bertulis mulai lemah dan tidak berdaya mengikat anggota masyarakat dari mematuhi nilai dan norma masyarakat yang sedia ada. Orang tua dan ibubapa telah gagal dan tidak bisa berkata apa-apa terhadap tindakan dan tingkah laku golongan muda dan anak-anak yang masih mentah, yang dikira menyolok mata dan sumbang.

Pencabulan

Sistem sosial yang sudah mulai longgar dan terlalu liberal ini telah menjadikan ramai anggota masyarakat menjauhkan diri dari agama dan Tuhan. Tuhan bagi mereka adalah abstrak dan agama pula tidak bisa menggembirakan hidup dan memuaskan kehendak nafsu mereka yang terlalu banyak itu. Sebab itu tidak hairanlah kalau untuk sembahyang orang mati di Kuala Lumpur dan P.J. dll. bandar besar sekarang ini kita terpaksa mencari Tok Lebai atau Imam di masjid-masjid. Tidak adanya lagi kepercayaan kepada Tuhan dan tipisnya keyakinan kepada agama ini adalah punca kehancuran nilai-nilai suci ketimuran dan kerosakan moral kalangan anak-anak muda kita. Sudah ramai sekarang ini anak-anak muda di kota yang jadi ibu atau bapa tanpa bernikah. Ada terdapat anak dara yang jadi janda walaupun belum berijab kabul.

Berlakunya kerusakan dan keruntuhan moral serta pencabulan kepada kesucian nilai-nilai kebudayaan timur seperti ini adalah berpunca daripada penerimaan bulat-bulat dan melulu terhadap kebudayaan Barat tanpa dipilih dan dinilai mana yang sesuai dan baik bagi diserapkan ke dalam kebudayaan kita sendiri. Kalaulah pengaruh kemasukan kebudayaan dari barat yang dianggap kuning dan bersifat picisan yang disebarkan melalui wayang gambar, TV, akhbar, majalah, buku, pertunjukan pentas, nyanyian dan pelancung-pelancung ini tidak disekat dan diatasi, kita berasa takut

nanti masyarakat kita akan jadi satu bangsa yang tidak ada nilai-nilai kerohanian yang murni lagi. Kita setakat ini tidak mahu masyarakat kita jadi seperti masyarakat di Paris, Sweden dan Amerika di mana nilai-nilai hidup dan kebudayaan diasaskan kepada kebebasan mutlak dan nilai kebendaan semata-mata. Kita merasakan bagi Malaysia masih perlu masyarakatnya dibezakan antara binatang dan manusia.

Bagi mengatasi penyakit kebudayaan kuning dan picisan ini kita patutlah bertindak mendidik anak-anak dengan asas-asas moral keagamaan dan kepercayaan kepada Tuhan. Pelajaran agama hendaklah dijadikan pelajaran wajib di tiap sekolah di Malaysia. Ini tindakan jangka panjang. Tindakan segera yang bisa dibuat sekarang ini, kerajaan patutlah menyekat kemasukan kebudayaan kuning dan picisan dari Barat ke dalam negeri ini. Perkenalkan dan perkembangkanlah kebudayaan kita sendiri yang penuh dengan nilai-nilai kesenian, kehalusan, kemurnian dan kesopanan yang tinggi itu. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Penerangan adalah badan atau pihak yang paling sesuai bagi mengembang, memaju dan meninggikan kebudayaan rakyat Malaysia yang terdiri dari bermacam bentuk itu agar bisa menjadi asas-asas kebudayaan nasional sebagai lambang identiti bangsa Malaysia yang tulen. Jika ini bisa dilaksanakan dengan jayanya ia bukan sahaja akan menjadikan bangsa kita sebagai bangsa yang bermoral tinggi, berbudi pekerti dan percaya kepada Tuhan tapi akan mempercepatkan lagi terlaksananya perpaduan Nasional mengikut prinsip-prinsip Rukunegara.

Perkembangan Kebudayaan

Akhirnya saya menyampaikan salam ingatan kepada para perancang pembangunan negara supaya berhati-hati dalam usaha mereka memajukan rakyat dan negara melalui Rancangan Pembangunan. Perancang negara hendaklah memikirkan segala sudut dan kemungkinan daripada kesan-kesan pembangunan yang akan dilaksanakan nanti. Perancang-perancang janganlah semata-mata berminat bagi merancang dan melaksanakan sahaja, seperti terbinanya pusat-pusat pembandaran di kampung-kampung. Kita hendaklah bertindak lebih jauh dari itu. Kita hendaklah mempastikan bahawa

segala rancangan tadi adalah sesuai dan secocok dengan nilai, kepercayaan dan tradisi masyarakat yang mahu dibangunkan itu. Kalau bercanggah dengan nilai-nilai dan kepercayaan masyarakat ia hendaknya dicuba sedapat mungkin disesuai dan dipadankan dengan nilai dan kepercayaan masyarakat. Setiap perubahan yang dirancangkan jika didapati bertentangan dengan nilai-nilai dan tradisi masyarakat yang sedia adalah akan gagal bagi mencapai kejayaannya yang maksima. Adalah amat menyedihkan kalau dalam jangka 20 tahun dari sekarang kita masih tidak juga dapat melihat bangsa Melayu menguasai 30% dari harta dan faktor-faktor ekonomi Malaysia tercinta ini.

Dewan Masyrakat
April 1972.

12

PARADOKS DALAM KEBUDAYAAN

Mohd. Nur Ali

Bagi saya kebudayaan adalah meliputi seluruh sistem dan aktiviti kehidupan masyarakat yang termeteri turun temurun dan punya nilai dan sangkaan tertentu dalam hubungan dan kelakuan masyarakat. Maka dalam kontek dan hubungan inilah saya akan melihat perubahan dan perkembangan kebudayaan Melayu secara ringkas dari dahulu hingga sekarang. Perubahan dan perkembangan satu-satu kebudayaan dapat dijadikan kayu ukur semata, masyarakat itu dinamik atau sebaliknya statik dan pasif terhadap perubahan dan cabaran masa. Diharap dengan pendekatan ini kita semua dapat berfikir dan menimbangkan benar tidaknya pendapat yang mengatakan bangsa Melayu itu adalah bangsa yang malas, lumpuh, pasif, bersikap tidak apa, berserah pada takdir dan seterusnya bangsa Melayu itu adalah bangsa yang tidak mahukan perubahan.

Kalau pendapat ini benar sejauh manakah sikap dan falsafah destruktif ini jadi batu penghalang terhadap perubahan dan kemajuan bangsa Melayu. Kalau sebaliknya pendapat ini tidak benar dan tidak mempunyai asas yang kukuh, kenapakah pula didapati 90 peratus orang Melayu itu miskin

dan mundur. Jadi sudah mesti ada faktor-faktor tertentu yang menjadikan bangsa Melayu itu tercicir walaupun kebudayaannya dinamik. Maka inilah yang saya namakan paradoks dalam kebudayaan.

Asas kemajuan dan kejayaan satu-satu bangsa dapat dilihat dan diukur dari kemungkinan (potentiality) yang ada dalam kebudayaan bangsa itu sendiri. Apakah sistem dan susunan kebudayaan dan masyarakat itu statik dan rigid. Atau sebaliknya dinamik, fleksibel, dan responsif kepada arus-arus serta aliran perubahan. Sistem kebudayaan yang rigid dan susunan masyarakat yang statik membayangkan adanya unsur-unsur konservatisme dan etnosentrisme dalam kebudayaan satu-satu masyarakat itu.

Ini adalah faktor utama yang akan menghalang kebangkitan, perubahan dan kemajuan bangsa dan kaum yang mendukung kebudayaan itu sendiri. Sebaliknya, jika sistem dan susunan tadi mempunyai sifat-sifat dinamik, progresif, fleksibel dan responsif terhadap perubahan dan perkembangan peradaban manusia, maka ia adalah pertanda baik ke arah kemajuan satu-satu bangsa itu. Cuma terpulanglah kepada kebijaksanaan pemimpin-pemimpin bangsa dan kecekapan orang yang berpengaruh dalam masyarakat bagi mengolah dan menggunakan kemungkinan ini agar ia dapat dijadikan satu kuasa mengubah dan memajukan taraf hidup dan kehidupan rakyat seluruhnya.

Samada kebudayaan dan masyarakat itu rigid atau fleksibel, konservatif atau responsif, dinamik atau statik, namun dua gerakuasa atau kecenderungan yang bertentangan mesti ada. Dua gerakuasa atau kecenderungan ini wujud dalam mana-mana kebudayaan, baik di kalangan orang Melayu moden (konon) dan orang Negrito di Malaysia atau India Merah di Amerika dan orang Amerika di New York,. Apa yang berbeza ialah darjah gerakuasa ini sahaja, kuat atau lemah, ramai atau sedikitnya orang yang akan terpengaruh oleh gerakuasa ini.

Perkara Yang Asing

Gerakuasa yang pertama ialah gerakuasa yang menolak dan menentang perubahan. Ini dapat dinamakan sebagai salah satu unsur konservatisme dalam kebudayaan, di mana ter-

dapat orang atau golongan orang yang mahu mempertahankan dan mengekalkan nilai-nilai dan cara hidup yang lama dan sedia ada. Orang atau golongan orang jenis inilah yang selalunya paling ramai terdapat dalam masyarakat dan kebudayaan.

Gerakuasa yang kedua pula ialah kuasa yang menarik kemasukan idea-idea dan teknik baharu ke dalam kebudayaan. Anggota masyarakat bersikap liberal perubahan dan bersedia meninggalkan cara hidup lama dan menyesuaikan diri dengan cabaran zaman dan perubahan dunia. Orang atau golongan orang yang bersifat demikian kita namakan sebagai agen perubahan (innovetor) ini bukan sahaja lemah dari segi mutu tapi juga sedikit dalam jumlah. Inilah kekurangan dan masalah yang selalu dihadapi oleh negara-negara yang mundur, kurang maju dan sedang membangun.

Soal penolakan dan penentangan terhadap idea-idea baharu dan teknik baharu ini adalah perkara yang lumrah dalam masyarakat. Ia tidak mahu diterima semata-mata kerana baharu. Anggota masyarakat tidak mahu menerima dan mencuba perkara yang asing bagi mereka. Seolah-olah terdapat satu usaha penerusan (built-in-drive toward continuity) dalam kebudayaan itu. Bila unsur dan sikap negatif ini terdapat dalam kebudayaan, maka tidak syak lagi bahawa telah wujud apa yang dinamakan *conservatisme* yang khusus dalam kebudayaan satu-satu masyarakat itu.

Konservatisme mutlak ini diperkukuh lagi oleh sikap pendewaan bangsa — etnosentrisme. Masyarakat percaya dan beranggapan kebudayaan dan bangsa merekalah yang paling tinggi, mulia dan agung. Bangsa dan kebudayaan mereka adalah paling penting Mereka mendakwa bangsa mereka adalah sebagai manusia yang sempurna. Bangsa dan kebudayaan orang lain adalah rendah hina dan pacal belaka.

Soalnya sekarang ini, apakah unsur-unsur di atas terdapat dalam kebudayaan dan masyarakat Melayu. Pada hemat saya dalam mengikuti sejarah kebangkitan, perkembangan dan perubahan masyrakat dan kebudayaan Melayu, unsur di atas ini tidak terdapat. Sejak dari pembukaan Melaka oleh Parameswara, keagungan Melaka zaman Tun Perak, kebangkitan kerajaan Johor–Riau dan kedatangan penjajah Portugis, Belanda dan Inggeris hinggalah ke zaman kemerdekaan serta selepas 13 Mei dan masuk ke

zaman dasar ekonmi baru tidak ada satu pun bukti yang jelas menunjukkan kebudayaan Melayu itu sebagai kebudayaan yang rigid dan beku.

Belum terdapat dalam sejarah perkembangan kebudayaan Melayu yang menunjukkan sifat-sifat konservatisme mutlak dan etnosentrisme yang melulu yang diperlihatkan oleh bangsa Melayu dalam menghadapi perubahan dan perkembangan zaman dan peradaban manusia. Tidak terdapat tanda-tanda yang jelas membuktikan penentangan orang Melayu terhadap Islam. Tidak ada sedikit pun penentangan orang Melayu terhadap perubahan ekonomi politik dan sosial yang dibawa oleh penjajah Inggeris dan seterusnya perubahan politik, ekonomi sosial dan rancangan-rancangan yang dibuat dan dijalankan oleh kerajaan kita sekarang ini.

Penduduk-penduduk di India dan Laos pernah menunjukkan penentangan yang kuat terhadap perubahan yang cuba diperkenalkan oleh pemerintah mereka sendiri yang bukan sedikit membawa kegagalan rancangan pembangunan negara yang cuba dilaksanakan oleh kerajaan mereka.

Di zaman penjajahan Inggeris dahulu orang Melayu telah menerima segala idea dan teknik baharu yang diperkenalkan oleh Inggeris. Orang Melayu menerima ekonomi moden seperti penanaman getah, jalanraya dan keretapi digunakan oleh orang Melayu. Bila intelek Melayu Islam memperkenalkan pemodenan dalam agama Islam dan sikap terhadap Islam yang lebih liberal orang Melayu tidak menolaknya. Kalau ada pun cuma penentangan yang lemah sahaja.

Orang Melayu menghantar anak mereka ke sekolah agama dan Arab yang dibiayai sendiri oleh orang ramai. Bila Inggeris memperkenalkan secara pendidikan sekular melalui sekolah-sekolah Inggeris orang Melayu menerima sistem pendidikan ini. Orang Melayu yang mampu dan berada menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris yang betul-betul asing dari sistem kebudayaan dan susunan masyarakat mereka. Kalau ada pun penentangan (keengganan) untuk menghantar anak-anak perempuan ke sekolah pada masa itu ia tidak sedikit pun menjejaskan sistem pendidikan moden Barat ini. Menteri-menteri, diplomat, pegawai tinggi kerajaan dan pegawai-pegawai kerajaan kita sekarang ini adalah angkatan anak Melayu yang pertama menyambut kedatangan idea baharu dengan memasuki Sekolah Inggeris.

Bila merdeka Tunku Abd. Rahman Putra menjadi Perdana Menteri Malaysia dan Tun Razak timbalannya. Usaha-usaha pembangunan negara di kawasan luar bandar telah dijalankan dengan pesatnya bagi memajukan orang Melayu yang dikatakan mundur itu, walaupun kebudayaannya dinamik. Tun Razak selaku akitek pembangunan negara telah menubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan yang bertujuan menempatkan orang-orang Melayu yang tidak bertanah dalam kawasan yang tertentu semoga mereka bisa menerima pendapatan kira-kira $300/- sebulan. Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan yang ditanam dengan getah dan kelapa sawit ini telah mendapat sambutan yang baik dari orang Melayu. Tidak ada orang Melayu yang menolak atas alasan konservatisme kebudayaan. Bila kerajaan memberikan kemudahan sosial seperti klinik, jalanraya, perigi, balairaya dan lain-lain, orang Melayu menerimanya dengan senang hati tanpa penentangan apa-apa.

Gambaran ini walaupun ringkas dan mudah, tapi sudah cukup bagi kita mengatakan bahawa kebudayaan Melayu itu adalah satu kebudayaan yang sentiasa menerima dan terdedah kepada sebarang arus dan aliran perubahan dan pergolakan. Malah saya tidak ragu-ragu mengatakan bahawa kebudayaan Melayu itu adalah salah satu kebudayaan yang paling dinamik, fleksibel dan responsif di Tenggara ini.

Kebudayaan India di India, kebudayaan China di China dan kebudayaan Jepun adalah kebudayaan-kebudayaan yang paling rigid sekali jika dibandingkan dengan kebudayaan Melayu. Unsur-unsur konservatisme mutlak dan etnosentrisme melulu banyak terdapat dalam kebudayaan mereka. Mereka masih mengamalkan sebahagian besar kebudayaan tradisional. Orang India pernah menolak perubahan dari menembusi kebudayaan dan masyarakat mereka lebih dari tiga abad. Orang Jepun pernah satu masa dahulu memutuskan hubungan kebudayaan mereka dengan kebudayaan Barat. Orang Jepun menolak segala idea dan teknik moden yang didatangkan dari Barat satu masa dahulu.

Hanya pada akhir abad 19 dan awal abad 20 sahaja mereka baharu menerima idea dan pengaruh-pengaruh moden Barat. Tapi kenapa Jepun dapat menjadi gergasi ekonomi di Asia Tenggara dan dunia sekarang ini? Sebaliknya kenapakah kebudayaan Melayu yang dikatakan dinamik,

fleksibel dan responsif itu gagal bagi menjadikan bangsa Melayu sebagai bangsa yang maju dan moden dalam ertikata sebenarnya, sedangkan ia sentiasa menyambut kedatangan perubahan dan idea-idea baharu, malah telah terlalu banyak perubahan yang disogokkan dan dirancangkan untuk memajukan mereka.

Ini mesti ada kesilapannya. Kesilapan inilah yang perlu dibetulkan kalau kita mahu melihat kejayaan mutlak Dasar Ekonomi Baharu. Kesalahan inilah yang mesti dicari dan digali kalau kita betul-betul mahu — mewujudkan penyusunan semula masyrakat Malaysia sebelum lambang abad 21 bermula. Kesilapan inilah yang perlu diselidiki, dikaji dan diatasi kalau kita mahu melihat wujudnya 20 tahun dari sekarang golongan perdagangan dan perniagaan Melayu yang menguasai setidak-tidaknya 30% daripipada bidang perniagaan dan perdagangan di Malaysia dalam semua jenis dan peringkat.

Satu-satu bangsa itu akan menerima atau meminjam unsur-unsur kebudayaan lain jika unsur-unsur tadi memberikan faedah dan cocok dimasukkan ke dalam kebudayaan mereka sendiri. Proses pengambilan kebudayaan luar ini sebaik-baiknya hendaklah dilakukan dengan bebas dan sukarela tanpa paksaan dan tekanan. Apabila unsur kebudayaan asing itu diambil oleh bangsa yang lain, idea dan teknik itu harus diterima secara total atau dipinda atau diberi fungsi yang baharu.

Tiga kemungkinan ini bisa berlaku. Orang Amerika menggunakan plastik (kain) untuk menutup meja makan: tapi oleh orang Laos (satu suku di Laos) yang meminjam unsur kebudayaan Amerika ini mereka jadikan kain plastik ini baju hujan. Di Amerika teksi digunakan sebagai alat pengangkutan dan sumber kewangan pemandu-pemandu teksi. Tetapi bagi orang Trinidad teksi telah digunakan bagi pengangkutan diri sendiri, bukan alat mendapatkan sara hidup. Teksi ini telah mempengaruhi moral masyarakat. Kereta lembu yang popular telah digantikan dengan teksi. Orang ramai telah menjadikan teksi sebagai status simbol. Satu nilai baharu telah wujud dalam masyarakat kebudayaan Trinidad.

Dari contoh di atas, walaupun idea dan teknik baharu ini telah diubah fungsi dan nilainya, namun ia telah diserapkan ke dalam kebudayaan bagi faedah dan tujuan yang asing.

Kedua-dua contoh ini juga menunjukkan bahawa masyarakat tradisional itu sedia menerima idea dan teknik baharu bagi faedah dan kemajuan masyarakat mereka. Tapi apa sudah jadi pada orang Melayu. Kenapa mereka gagal menggunakan idea dan teknik baharu yang dipinjam dari kebudayaan luar itu bagi kemajuan masyarakatnya? Sebab itu di manakah pula benarnya pendapat yang mengatakan kebudayaan Melayu itu paling dinamik, progresif dan responsif pada hal bangsanya tetap mundur?

Sebenarnya orang Melayu memang begitu responsif terhadap sebarang perubahan yang diperkenalkan kepadanya. Mereka akan menerima perubahan-perubahan dan rancangan-rancangan yang diatur, dan disogokkan oleh kerajaan kepada mereka. Tiap perubahan itu terus diterima dan disesuaikan dalam kebudayaan mereka. Tapi yang sedihnya sejak beratus-ratus tahun yang lampau orang Melayu kebanyakannya menerima perubahan yang lebih bersifat non-ekonomi dari-pada perubahan yang didatangkan kepada mereka lebih banyak yang bersifat sosial seperti kesenian, agama dan kepercayaan dan politik sahaja. Boleh dikatakan tidak ada perubahan bersifat ekonomi yang radikal yang dibawakan kepada mereka:

Perubahan ini tidak menggalakkan orang-orang Melayu menjadi bangsa yang berminat untuk menjadi golongan perniagaan dan perdagangan. Perubahan ini tidak memberikan asas yang kukuh bagi orang Melayu untuk penyertaan yang aktif dalam lapangan perekonomian dan mengumpul harta serta menambah kekayaan. Perubahan yang didatangkan kepada mereka yang bersifat sosial ini bukan sahaja menjadikan mereka bangsa yang lemah dalam bidang ekonomi tapi telah menjadikan mereka satu bangsa yang sensitif, sentimental, manja dan mencintai nilai-nilai kecintaan, kesayangan, kesenian, kedamaian, ketenangan dan keharmonian yang melampau yang akhirnya menjahanamkan diri sendiri. Pada hal dalam dunia moden di mana wang, persaingan dan kepentingan diri sendiri menjadi rukun hidup; perubahan seperti ini amatlah tidak sesuai, bagi mencapai kemajuan ekonomi dan pencapaian hidup yang lebih tinggi.

Perdagangan Dan Perusahaan

Tegasnya orang Melayu yang mendokong kebudayaan

dinamik ini tidak dipandu dengan betul dan dibawa dengan sempurna oleh ejen-ejen perubahan seperti kerajaan, pemimpin, orang bijak pandai ke arah perubahan yang bersifat ekonomi. Mereka hanya diseru supaya menyesuaikan diri dengan perubahan zaman. Mereka diseru supaya sedar (walaupun mereka sedar yang mereka miskin), mereka diseru supaya menyertai lapangan perdagangan dan perusahaan. Mereka digesa supaya bekerja keras (walaupun mereka sudah bertungkus lumus) dan menggunakan idea dan teknik baharu. Mereka digesa tiap-tiap hari oleh Menteri-menteri supaya merebut peluang yang dibukakan kepada mereka. Tapi yang anehnya mereka tidak diajar dan ditunjukkan bagaimana segala seruan itu dapat dilaksanakan.

Adalah kerja yang paling sia-sia kita menimbunkan berguni-guni baja untuk menambahkan hasil pertanian dan meletakkan beratus-ratus traktor di sawah dan ladang, jika kaum tani tidak diajar menggunakan idea dan teknik baharu ini. Jadi apa yang berlaku, sedang berlaku dan telah berlaku selama ini kita lebih banyak membuat rancangan dan usaha-usaha setakat arahan dan seruan-seruan sahaja (kecuali rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan). Kalaulah usaha kita selama ini diikuti dengan tunjuk ajar latihan bagaimana idea dan teknik baharu itu mesti diguna dan dilaksanakan, saya percaya kejayaan bagi mengatasi kemunduran ekonomi orang Melayu dapat diatasi. Kejayaan rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan tidak lain kerana seruan tadi diikuti dengan ajaran dan panduan serta peraturan yang betul serta pengurusan yang sempurna.

Jadi kalaulah kita betul-betul mahu menolong dan memajukan orang Melayu, usaha-usaha yang lebih giat bagi mengajar, memandu dan melatih orang Melayu bagi menerima dan menggunakan idea dan teknik baharu ini wajiblah dijalankan dengan seluas-luasnya tanpa lengah-lengah lagi.

Idea Dan Teknik

Penasihat pertanian atau pegawai pertanian yang bukan sahaja pandai menasihat, tapi tahu bagaimana idea dan teknik baharu ini patut digunakan hendaklah dihantar ke kampung-kampung semoga orang-orang Melayu di kampung tahu dan

dapat melihatnya dengan mata kepala sendiri. Setelah melihat, mempelajari dan mencubanya dengan dipandu oleh penasihat dan pegawai tadi baharulah mereka bisa menggunakan perubahan-perubahan ini untuk memajukan mereka. Kalau tidak seruan tadi tidak bererti apa-apa pada mereka, kerana mereka jahil untuk menggunakannya. Begitu jugalah dalam hubungan kita menyeru supaya orang Melayu merebut peluang terakhir mereka melalui Dasar Ekonomi Baharu, kita hendaklah sedaya upaya memberi penerangan yang seluas-luasnya ke kawasan kampung dengan mengadakan perjumpaan dan pertukaran pendapat dengan orang-orang kampung bagi menerangkan bagaimana caranya peluang yang dibukakan oleh kerajaan itu bisa dicapai.

Kalau perkara ini tidak diterangkan mereka akan teraba-raba dan tinggal dalam kegelapan bagi merebut peluang tersebut. Kita tidak dapat mengelakkan diri dari berbuat demikian kalau kita mahu memajukan orang Melayu. Kita tidak dapat berlepas diri dari mengorbankan banyak wang, usaha dan tenaga kakitangan kerajaan bagi memandu, mengajar dan melatih orang Melayu di luar bandar kerana kita sendiri yang merancangkan perubahan kepada mereka. Ini semua adalah perkara yang paling rumit untuk dilaksanakan oleh kerajaan. Tapi kesulitan ini tidaklah bermakna kita tidak wajib menyelesaikannya.

Dari permulaan makalah ini saya telah membuktikan betapa dinamiknya kebudayaan Melayu itu. Kedinamikan kebudayaan bermakna rakyatnya sentiasa responsif terhadap perubahan. Tapi paradoksnya masyarakat Melayu itu miskin dan mundur. Kesalahannya adalah berpunca dari kejahilan bangsa Melayu itu sendiri yang lebih berminat menerima perubahan-perubahan yang bersifat tidak ekonomi dan tidak menguntungkan.

Selain dari itu, mereka yang jahil ini tidak pula dipandu dan diajar secukupnya bagi memajukan taraf hidup mereka. Mereka hanya setakat diarah dan diseru serta digesa membuat sesuatu bagi memajukan diri mereka tanpa latihan dan percubaan yang betul-betul mengenai kehidupan mereka. Akibatnya jadilah kebudayaan yang dinamik itu sebagai satu

kebudayaan yang gagal bagi membuktikan kedinamikannya tadi bagi menjadikan bangsanya juga dinamik. Maka inilah yang dinamakan paradoks dalam kebudayaan.

Dewan Masyarakat
Jun 1972

13

DUNIA KETIGA DAN MASALAH EKONOMI POLITIK

Wan Hashim Wan Teh

Istilah Dunia Ketiga (The Third World) yang digunakan dalam makalah ini adalah dimaksudkan kepada kumpulan negara-negara yang kurang maju yang menganuti sistem ekonomi kapitalis. Istilah ini digunakan untuk menunjukkan perbezaan di antara kumpulan negara ini dengan kumpulan negara-negara kapitalis yang sudah maju (Dunia Pertama) seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun; dan dengan negara-negara yang menganuti sistem ekonomi dan politik sosialis-komunis (Dunia Kedua). Secara rengkasnya, pecahan negara-negara ini adalah seperti berikut:

a. Negara-negara kapitalis yang sudah maju: (Dunia Pertama) Amerika Syarikat dan Kanada, Eropah (kecuali Russia) Jepun, Israel, Australia dan New Zealand.
b. Kumpulan negara-negara Sosialis (Dunia Kedua) Russia, European People's Democracies (termasuk Yugoslavia), China, Mongolia, Korea Utara, Vietnam Utara, dan Cuba.

c. Negara-negara Dunia Ketiga
Kesemua negara-negara Amerika Latin (kecuali Cuba), seluruh negara-negara Afrika, Asia (kecuali negara-negara sosialis, Jepun dan Israel), dan negara-negara kecil Oceania (kecuali Australia dan New Zealand).

Kebanyakan negara-negara Dunia Ketiga ini pada satu masa dulu pernah dijajah oleh kuasa-kuasa besar Eropah dan Amerika Syarikat. Dalam hubungan ini, Malaysia termasuk dalam kumpulan negara-negara Dunia Ketiga. Walaupun pada hari ini hampir kesemua negara ini telah diberi kemerdekaan politik, tetapi dari segi ekonomi Dunia Ketiga masih terlalu kuat bergantung kepada negara-negara kapitalis yang sudah maju (Eropah, Amerika Syarikat, Australia, Jepun, dan lain-lain). Kemerdekaan politik tidak disertai dengan kemerdekaan ekonomi.

Pierre Jalee, dalam bukunya *The Pillage of the Third World* telah memberikan beberapa sebab tentang kemunduran ekonomi Dunia Ketiga ini. Beliau berpendapat bahawa negara-negara Dunia Ketiga bukanlah benar-benar miskin seperti yang disangka. Sebenarnya negara-negara ini sangat kaya dengan hasil-hasil bumi serta bahan-bahan mentah. Tetapi segala kekayaan itu telah diperas dan dikeluarkan untuk kegunaan negara-negara yang telah maju dan untuk perdagangan yang hanya menguntungkan sebilangan kecil kaum kapitalis saja.

Untuk meninjau keadaan ini lebih jelas, ada baiknya kita perhatikan perkembangan sejarah semasa negara-negara Eropah meluaskan kekuasaannya keserata dunia. Dalam permulaan abad yang kedua puluh, kuasa-kuasa besar seperti Inggeris, Belanda, Perancis, Jerman, Portugal dan Spain telah berlumba-lumba untuk meluaskan kuasa mereka dengan menjajah negara-negara yang mundur ekonomi dan negara-negara yang masih asing dari pengaruh tamaddun Barat dan kehidupan moden. Proses perkembangan pengaruh atau imperialisme mereka itu bukan tertumpu kepada aspek ekonomi dan politik semata-mata tetapi meliputi seluruh cara hidup.

Untuk mengelakkan berlakunya pertentangan di antara negara-negara penjajah ini maka satu pakatan dan persetujuan

telah dibuat dengan membahagi-bahagikan negara-negara yang akan dijajah ini kepada negara-negara penjajah yang tertentu. Pembahagian ini jelas sekali terdapat di Asia Tenggara apabila pihak Inggeris menguasai Malaya, Belanda menguasai Indonesia, Perancis menguasai Indo-China dan Spain menguasai Filipina. Dengan adanya pembahagian ini, satu konflik kekuasaan telah berjaya dihindarkan.

Beberapa teori telah dikemukakan untuk mencari sebab-sebab kenapa perkembangannya imperialisme Barat pada masa itu yang hasilnya kekal hingga ke hari ini. Satu teori yang paling popular pada awal abad kedua puluh ialah konsep dan kepercayaan ras kuat (superior race) dan ras lemah (inferior race). Konsep ini telah dipopularkan oleh Joseph Chamberlain di Britain yang mengatakan bahawa oleh kerana bangsa-bangsa keturunan Celtic dan Anglo-Saxon adalah bangsa yang kuat dan tinggi tamaddunnya, adalah menjadi suatu kewajiban bagi mereka mengembangkan kekuasaan dan memerintah dunia. Di Jerman pula, Count Gabineau telah mengemukakan satu teori lagi yang mengatakan bahawa bangsa keturunan Aryan terutama sekali bangsa Jerman adalah lebih kuat dari bangsa-bangsa lain di dunia ini, ini menyebabkan Jerman menakluki dunia. Kesan dari teori inilah yang menyebabkan meletusnya perang dunia pertama serta menyebabkan berjuta rakyat keturunan Yahudi telah dibunuh secara kejam di Jerman.

Setelah berkembangnya pengetahuan dalam lapangan sains, ahli-ahli sains pula telah membuat penyelidikan yang teliti mengenai konsep ras *superior* dan ras *inferior* ini. Dari hasil kajian mereka didapati bahawa tidak ada kebenarannya dari segi sains yang mengatakan satu bangsa itu lebih *superior* dari bangsa lain terutama sekali dari segi kebolehan berfikir dan kecerdasan otak. Semua umat manusia, dari bangsa yang berkulit putih kepada bangsa yang berkulit hitam yang tinggal terpencil dalam hutan, mempunyai kebolehan berfikir yang sama jika sekiranya mereka ditempatkan dalam keadaan persekitaran yang sama. Barangkali perbezaannya dengan masyarakat hari ini ialah dari segi kebudayaan, adat resam serta cara-cara hidup mereka. Teori ras *superior* dan ras *inferior* ini telah didapati tidak ada kebenarannya dan telah tidak lagi diterima oleh ahli-ahli sains khasnya dan masyarakat dunia amnya.

Satu lagi teori yang paling popular hingga ke hari ini dan yang masih diterima kebenarannya ialah teori yang mengatakan bahawa imperialisme Barat atau perkembangan pengaruh dan kekuasaan Barat adalah disebabkan oleh kepentingan ekonomi (perdagangan dan perusahaan) serta politik kuasa Barat (ini termasuk negara-negara Eropah yang maju, Amerika Syarikat, serta Australia dan New Zealand). Tujuan ekonomi yang dimaksudkan ialah pertamanya untuk mencari bahan-bahan galian seperti minyak, bijih serta bahan-bahan mentah yang lainnya untuk memenuhi keperluan perkembangan perindustrian dan perusahaan di negara-negara kapitalis yang sudah maju (Dunia Pertama). Tujuan keduanya ialah untuk menjadikan negara-negara Dunia Ketiga sebagai pasar di mana barang-barang dan hasil-hasil yang dikeluarkan dari perusahaan perindustrian ini dapat dijual.

Satu cara yang paling popular sekali bagi memenuhi tujuan-tujuan ekonomi ini ialah usaha penanaman modal di negara-negara Dunia Ketiga ini. Dan penanaman modal ini yang kebanyakannya terdapat dalam sektor ekonomi bahagian bahan-bahan galian seperti minyak dan bijih serta bahagian bahan-bahan mentah seperti getah, kelapa sawit, nenas, gula, kopi, koko dan lain-lainnya. Segala bahan mentah ini yang merupakan kekayaan yang terdapat di negara-negara yang mundur diperas dan dikeluarkan untuk kegunaan dan keuntungan negara-negara kapitalis yang telah maju.

Ini telah menghasilkan satu proses modenisasi yang berpusat di bahagian tertentu dalam negara-negara Dunia Ketiga, iaitu di bahagian yang terdapat perusahaan dan perindustrian serta di bandar-bandar yang paling sibuk dengan urusan perdagangan antarabangsa. Penduduk-penduduk luar bandar dan masyarakat petani tidak terlibat dalam proses modenisasi ini, dan terbiar dengan cara hidup dan teknologi yang tradisional. Keadaan ini jelas sekali terdapat di Malaysia dalam zaman sebelum merdeka, semasa kerajaan tidak merancangkan apa-apa perubahan dalam sektor pertanian di luar bandar.

Namun begitu memang terdapat perubahan-perubahan di bahagian sektor pertanian. Tetapi perubahan ini selaras dengan kehendak dan keperluan negara kapitalis Barat sahaja. Di Malaysia umpamanya terdapat perkembangan yang pesat dalam perusahaan menanam getah. Ini cuma untuk kepen-

tingan negara-negara yang mengimport getah seperti Amerika Syarikat, Eropah, Australia, Jepun dan lain-lain supaya bahan mentah ini dapat digunakan untuk mengeluarkan barang-barang mewah seperti motokar, motosikal, serta perkakas-perkakas rumah dan alat-alat permainan. Kepercayaan yang terlalu besar kita letakkan kepada perusahaan getah pada masa-masa yang lampau mengakibatkan ekonomi negara serta matapencarian sebilangan besar penduduk di Malaysia terancam. Kita masih belum dapat mencari jalan keluar, malah sudah terperangkap, apabila harga getah yang dulunya tinggi hingga mencapai dua ringgit sekati kini telah jatuh hingga empat puluh atau tiga puluh sen sekati.

Sementara di Indonesia satu kejadian aneh telah berlaku di masa penjajahan Belanda. Kedatangan Belanda ke Indonesia telah menghasilkan satu perkembangan ekonomi yang pesat dalam bidang pertanian terutama sekali dalam penanaman kopi, teh, tebu, serta bahan-bahan pertanian yang lain lagi. Tetapi pada satu ketika di mana Indonesia sedang mengeluarkan gula yang paling banyak sekali di daerah sini, Indonesia sendiri telah mengalami kekurangan gula. Ini ialah kerana segala hasil gula yang dikeluarkan diimport oleh Belanda di pasaran Eropah dengan mendapat keuntungan yang berlebihan.

Ternyata bahawa segala langkah perubahan yang diperkenalkan oleh negara-negara kapitalis Barat adalah semata-mata untuk kepentingan dari keuntungan mereka saja. Hingga ke hari ini, keadaan ini masih terus-menerus berlaku. Kebanyakan penanam-penanam modal asing di negara-negara Dunia Ketiga ini adalah berpusat kepada pengeluaran bahan-bahan mentah terutama sekali bijih dan minyak, serta penanaman modal untuk perkembangan perusahaan dan perindustrian barang-barang mewah yang bukannya menjadi keperluan utama penduduk-penduduk di Dunia Ketiga. Dalam hal ini yang mendapat keuntungan ialah segolongan kapitalis Barat serta golongan kecil kapitalis di negara-negara Dunia Ketiga manakala rakyat biasa tidak mendapat apa-apa keuntungan hasil dari modenisasi perusahaan dan kemajuan perdagangan.

Imperialisme dalam bidang ekonomi perlu disusuli dengan pengaruh dalam bidang politik oleh kuasa-kuasa

Barat. Ini adalah penting untuk menjamin kestabilan keadaan dalam negara-negara Dunia Ketiga supaya perdagangan dapat berjalan tanpa gangguan. Juga penting supaya negara-negara Dunia Ketiga ini tidak terkeluar dari kem dunia kapitalis dan menganuti sistem ekonomi dan politik sosialis-komunis sebagaimana yang terdapat di Rusia dan China (kumpulan Dunia Kedua). Kiranya keadaan ini berlaku, akan timbullah satu kerugian yang besar bagi pihak kapitalis Barat kerana kehilangan saluran bahan-bahan mentah dan kerana kehilangan pasaran barang-barang eksport mereka.

Peperangan dan penglibatan Amerika Syarikat di Vietnam merupakan satu contoh yang paling jelas sekali. Bagi penduduk Vietnam Selatan khasnya dan Asia Tenggara amnya, ancaman komunis merupakan ancaman satu pemerintahan yang zalim, pemerintahan yang tidak demokratik serta pemerintahan kuku besi. Tetapi bagi Amerika Syarikat, kejatuhan Vietnam dan negara-negara Asia Tenggara merupakan satu kerugian yang besar dari segi perdagangan dan perindustrian. Oleh sebab itu Amerika Syarikat bermatimatian mempertahankan Vietnam Selatan walaupun perbuatannya ini dikutuk oleh seluruh dunia dan oleh rakyat Amerika Syarikat sendiri.

Selain dari itu, sebahagian besar dari ekonomi Amerika Syarikat bergantung kepada perusahaan mengeluarkan alat-alat serta perkakas perang seperti peluru, senapang, kereta-kebal, kapalterbang dan lain-lain lagi. Perusahaan ini memberi peluang pekerjaan kepada beribu-ribu rakyat Amerika. Perusahaan ini juga mendatangkan keuntungan yang sangat besar kepada golongan-golongan kapitalis yang secara langsung terlibat dalam perdagangan dan perusahaan mengeluarkan alat-alat dan perkakas perang ini.

Jika sekiranya peperangan berakhir maka sudah tentu jentera-jentera dalam perindustrian ini akan berhenti dan beribu-ribu pekerjanya akan menganggur. Pihak kapitalis juga akan mengalami kerugian yang besar. Dan ekonomi Amerika Syarikat sendiri akan terancam. Walaupun pada lahirnya kita dapati bahawa peperangan di Vietnam, di Timur Tengah dan peperangan antara India dan Pakistan merupakan pertentangan politik di antara negara-negara yang terlibat, tetapi peranan Amerika Syarikat dan Rusia serta China juga tidak kurang pentingnya. Di sana sini, negara-negara kecil terutama

sekali negara-negara Dunia Ketiga dilaga-lagakan supaya meletuskan peperangan, dan bila peperangan berlaku, maka jentera-jentera yang mengeluarkan alat perkakas perang akan berputar laju. Keuntungan yang akan diperolehi juga berlipat-ganda. Tidak syak lagi peperangan adalah penting bagi peng-usaha-pengusaha ini.

Jelaslah bahawa segala pertikaian dan peperangan yang berlaku di negara-negara Dunia Ketiga hari ini adalah hasil dari peranan yang dimainkan oleh kuasa-kuasa besar dunia – Dunia Pertama dan Dunia Kedua. Oleh kerana menjadi bahaya yang paling besar jika sekiranya dua kuasa besar ini terlibat dalam satu peperangan, maka untuk mengurangkan bahaya ini dan untuk mencari keuntungan bagi mereka sendiri, satu cara yang paling baik ialah dengan melaga-lagakan negara-negara kecil ini. Kesimpulannya, pendapatan negara bagi Dunia Ketiga yang seharusnya digunakan untuk pembangunan ekonomi sebahagian besarnya terpaksa diguna-kan untuk kelengkapan angkatan perang dan untuk per-sediaan peperangan. Inilah di antara masalah-masalah ekonomi dan politik yang paling besar dihadapi oleh Dunia Ketiga hari ini.

Masalah ini sebenarnya ada persamaannya dengan masalah ekonomi dan politik yang dihadapi oleh Malaysia pada hari ini. Dari kesan penjajahan serta dari apa yang kita laung-laungkan mengenai perkembangan ekonomi kita yang begitu pesat serta kedudukan kita sebagai negara yang paling maju di antara negara-negara yang sedang membangun, kita dapati bahawa modal yang ada di tangan kita tidak pun melebihi 40%. Jumlah yang 60% lagi dimiliki oleh pemodal-pemodal asing. Dan dari jumlah 40% itu, cuma 1.5% saja hak milik bumiputra. Jadi setiap tahun sebahagian besar dari kekayaan kita dalam bidang ekonomi adalah mengalir keluar dari negeri kita.

Namun demikian nampaknya kita masih mengagung-agungkan penanaman modal asing di negara kita. Kemasukan kaum kapitalis luar negeri, kita sambut dengan permaidani merah. Apalah ertinya bagi kita jika sekiranya kita mem-punyai pendapatan per kapita yang tinggi tetapi pendapatan yang besar ini cuma memberi keuntungan kepada orang asing. Dan tidak ada ertinya kalau kita katakan ini sebagai satu kemajuan yang telah kita capai, padahal jurang perbezaan

pendapatan masih terlalu besar dan sukar dirapatkan. Di Malaysia terdapat segolongan kecil penduduknya yang berpendapatan tinggi manakala sebilangan besar rakyat jelata masih tetap hidup dalam kemiskinan dan setengah kebuluran.

Kedatangan pemodal-pemodal asing ke Malaysia bererti segala kekayaan kita terutama sekali bijih dan bahan-bahan mentah lainnya diperas dan dikeluarkan untuk kepentingan kapitalis-kapitalis Barat serta juga untuk keuntungan segolongan kecil kumpulan kapitalis di negara kita sendiri. Hasilnya, segala gedung-gedung serta firma-firma yang besar adalah menjadi hak dan kepunyaan orang asing yang tujuannya semata-mata untuk mencari keuntungan yang besar. Manakala rakyat negara kita sendiri kebanyakannya akan mendapat pekerjaan dengan gaji yang begitu rendah dan menjadi buruh-buruh kasar sahaja. Dan dengan mengimport pekerja-pekerja yang mahir dari luar negeri untuk memegang jawatan serta tugas-tugas yang penting bermakna kita akan melambatkan usaha untuk melatih rakyat kita dalam bidang sains dan teknologi.

Walau bagaimanapun dengan adanya Rancangan Malaysia Kedua, kita mempunyai penuh harapan bahawa beberapa masalah ekonomi, politik dan juga sosial dalam negeri akan cuba kita selesaikan. Kita juga menyedari betapa pentingnya kerajaan melibatkan diri dalam usaha-usaha modenisasi serta pembangunan-pembangunan di luar bandar. Dan kita juga menyedari bahawa peranan-peranan pihak swasta sahaja tanpa campurtangan kerajaan dalam bidang perusahaan, perindustrian dan pertanian tidak akan dapat menyelesaikan masalah negara, khususnya masalah kemiskinan sebahagian besar rakyat negara ini.

Dewan Masyarakat,
November 1972.

14

GERAKAN PEMBARUAN DALAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT

Johari Mat

Konsep pembangunan masyarakat, seperti yang dimengertikan hari ini, bukanlah satu idea atau daya usaha yang baru.[1] Daya usaha pembangunan masyarakat telah menjadi program pembangunan banyak negara membangun semenjak lepas Perang Dunia II. Di pelbagai negara, daya usaha ini telah diberikan istilah yang pelbagai rupa, umpamanya gerakan pembangunan desa dan pembangunan luarbandar. Di Malaysia, daya usaha ini telah diberikan nama seperti Gerak Maju, Gerakan Jayadiri dan Berdikari. Dari segi prinsipnya semuanya adalah gerakan pembangunan masyarakat juga.

Pelbagai definisi telah dibuat untuk menjelaskan konsep pembangunan masyarakat ini. Buat tujuan kita, definisi yang digunakan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu di bawah ini adalah sesuai:

---

1. (lihat "Study of the Contribution of Rural Community Development Programe in National Economic Development in Asia and Far East", UNITED NATIONS, *Community Development and Economic Development*, Part 1 E/CN, 11/540 1960 Bangkok).

"satu proses di mana segala usaha rakyat sendiri dipadukan dengan usaha-usaha pihak kerajaan untuk meninggikan keadaan ekonomi, sosial dan kebudayaan masyarakat, menyatukan masyarakat-masyarakat itu ke dalam kehidupan negara dan membolehkan masyarakat tersebut memainkan peranan mereka sepenuhnya untuk kemajuan negara."[2]

Dua perkara dititikberatkan dalam definisi ini. Pertama, kemajuan individu sebagai anggota masyarakat adalah diutamakan. Di peringkat keduanya, yang ditekankan ialah pembangunan masyarakat itu sendiri secara keseluruhannya, dan anggota-anggota masyarakat adalah diharapkan dapat melibatkan diri dengan sepenuhnya dalam segala aktiviti dan daya usaha untuk pembangunan masyarakat mereka.

Pembangunan masyarakat, sebagai sebahagian dari pembangunan ekonomi dan sosial, adalah juga satu proses pelajaran dan organisasi masyarakat, di mana anggota-anggotanya ikut melibatkan diri dalam segala aktiviti yang bertujuan untuk meninggikan taraf sosial-ekonomi masyarakat yang berkenaan. Akhirnya diharapkan wujud satu tingkatan sikap dan hubungan antara anggota-anggota masyarakat dan antara masyarakat yang dapat menghasilkan perubahan dan pembangunan yang menyeluruh.

Malaysia, dengan kehendak dan situasi sosial-politik yang amat berbeza dari negara-negara lain, memerlukan pencetusan objektif dan nilai-nilai sosial yang berlainan pula. Objektif pembangunan masyarakat Malaysia mestilah diselaraskan dengan Dasar Ekonomi Baru dan dasar-dasar nasional yang telah diumumkan. Objektif tambahan itu boleh diringkaskan seperti berikut:

1. Untuk mencapai perpaduan nasional yang kukuh yang mewujudkan satu bangsa Malaysia yang berpandukan Rukunegara.
2. Untuk mewujudkan satu kebudayaan Malaysia yang tulen.

---

2. (UNITED NATIONS, *Community Development and Economic Development*, Part 1 E/CN, 11/540 Bangkok 1960).

3. Untuk mencapai kemajuan ekonomi dan sosial berasaskan sains dan teknologi.
4. Untuk menyusun semula masyarakat supaya mengurangkan keadaan ekonomi yang tidak seimbang dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum menurut fungsi ekonomi. Antara langkah-langkah yang akan dijalankan bagi maksud ini ialah membanteras kemiskinan tanpa mengira kaum, mewujudkan masyarakat bumiputra yang dinamik dan berdikari, memodenkan cara hidup penduduk-penduduk luarbandar, membandarkan bumiputra dan mewujudkan masyarakat perniagaan dan perusahaan di kalangan bumiputra.

Perancangan dan usaha pembangunan masyarakat telah dimulakan di Malaysia semenjak awal-awal tahun 1950 lagi. Keperluan untuk membangunkan masyarakat, terutama di desa-desa dan perkampungan baru, amat dirasakan di masa darurat dulu. Ketika itu amat disedari bahawa teknik penting untuk memerangi komunis ialah menerusi pembangunan.

Pada tahun 1953 satu persidangan khas berkenaan pembangunan masyarakat telah diadakan di Taiping. Persidangan tersebut telah dihadiri oleh wakil-wakil Kerajaan Persekutuan, Negeri-negeri, Jabatan-jabatan (Rida, Gerakan Kerjasama, Kesihatan, Pelajaran dan lain-lain). Persidangan ini telah menghasilkan satu laporan khas.[3] Kerajaan masa itu telah mempersetujui konsep berikut:

"Pembangunan masyarakat ialah satu gerakan yang dirancang untuk melahirkan kehidupan yang lebih baik bagi keseluruhan masyarakat, dengan penyertaan aktif dan daya usaha masyarakat sendiri."[4]

Pada masa itu tenaga dan tumpuan jentera kerajaan tidak dapat dipusatkan kepada pembangunan masyarakat saja. Ancaman militer komunis terpaksa dihadapi sepenuhnya. Lantaran itu, kejayaan program pembangunan masyarakat ketika itu tidak dapat dirasakan sepenuhnya, dan pro-

---

3. Lihat *'Report on Community Development,' (Government Printer* 1954).
4. *Report on Community Development (para 8 ms. 2).*

gramnya terhad kepada beberapa kampung yang dipilih sebagai projek-projek perintis saja. Jabatan-jabatan yang bertanggungjawab waktu itu termasuklah Jabatan Kemajuan Kerjasama, Rida, Pertanian, Parit dan Taliair, Kesihatan dan beberapa jabatan lain. Satu ciri yang nyata sekali ialah ketiadaan penyelarasan atau integrasi daya usaha jabatan-jabatan tersebut: dan anggota-anggota masyarakat yang diharapkan dapat melibatkan diri tidak begitu diberitahu berkenaan projek-projek pembangunan, sebab-sebab dan cara-cara sesuatu projek patut dilaksanakan.

Peringkat kedua daya usaha pembangunan masyarakat di Malaysia berlaku dalam tahun selepas ancaman militer komunis dapat dipatahkan (selepas tahun 1960). Aktiviti yang giat dilakukan ialah penyediaan kemudahan-kemudahan asas-struktur seperti jalanraya, jambatan, taliair, klinik, sekolah, balairaya, dan kemudahan pelajaran. Pemusatan daya usaha ialah di luarbandar. Rancangan begini mudah dilaksanakan dan kejayaannya terletak pada ukuran fizikal sahaja.

Menerusi Arahan No. 3. Kerajaan telah melancarkan peringkat kedua Rancangan Pembangunan Luarbandarnya pada tahun 1962. Pada peringkat ini yang ditekankan ialah penglibatan rakyat dalam pembangunan negara. Jawatankuasa Kemajuan Kampung telah ditubuhkan dan diharapkan menjadi jentera utama bagi rakyat melibatkan diri dalam perancangan dan pelaksanaan pembangunan masyarakat mereka. Bagaimanapun aktiviti penting masa ini, masih juga merupakan penyediaan asas-struktur untuk penduduk luarbandar. Aspek pembangunan masyarakat yang sebenarnya hanya rancangan kelas dewasa. Dan, kejayaan rancangan masa itu tidaklah dapat dilaporkan dengan panjang lebar.

Gerakan Maju 1966-68 juga serentak dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia I (1966-70). Pada peringkat Rancangan Pembangunan I dan II dulu, Rancangan Pembangunan Luarbandar telah berjaya mengadakan kemudahan asas-struktur untuk penduduk luarbandar. Dijangkakan di peringkat ini sepatutnyalah rakyat sendiri mengembeling tenaga bersama-sama pihak pentadbiran kerajaan untuk membangunkan masyarakat.

Berikut dari Gerakan Maju yang dilancarkan tahun 1966, satu panduan Arahan No. 3 telah diterbitkan untuk

panduan penduduk luarbandar, khususnya untuk Jawatankuasa Kemajuan Kampung. Arahan ini menekankan dan mengarahkan jawatankuasa ini mengatasi 4 masalah masyarakat yang penting, iaitu kemiskinan, kurang pelajaran, kesihatan dan sikap apati (tidak peduli). Teknik yang digunakan mirip teknik pendekatan massa untuk mendapatkan penglibatan rakyat.

Keutamaan Rancangan Malaysia I ialah kemajuan ekonomi. Lantaran inilah kempen JAYADIRI, iaitu satu aspek strategi dari Gerakan Maju dilancarkan. Di samping aspek-aspek pelajaran, kesihatan dan sibik tidak diketepikan, aspek ekonomi (menerusi Jayadiri) ditekankan lagi. Perkara ini tidak begitu jelas kepada kebanyakan rakyat, sehingga ada yang menganggap bahawa Jayadiri telah menggantikan Gerakan Maju dan ada masa keduanya tidak dipakai lagi. Tentu sekali anggapan begini salah, tetapi penjelasan yang lengkap tidak ada. Salah anggapan ini berterusan sehingga timbul juga anggapan bahawa rancangan pembangunan masyarakat sendiri telah diberhentikan.

Beberapa elemen baru yang timbul setelah Peristiwa 13 Mei yang bukan saja memerlukan kerajaan menggiatkan lagi pembangunan masyarakat, tetapi situasi-situasi sebelum dan sesudah 13 Mei memaksa kerajaan menyusun semula masyarakat Malaysia dan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Semenjak persidangan di Taiping pada 1953, konsep pembangunan masyarakat Malaysia bukan saja perlu menekankan perkara penglibatan masyarakat tetapi juga, perlu menitikberatkan realiti dan kehendak-kehendak masyarakat Malaysia yang majmuk.

Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Masyarakat (dipengerusikan oleh Datuk Tengku Shahriman bin Tengku Sulaiman) di Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran di Jabatan Perdana Menteri. Jawatankuaşa ini dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan yang bertugas secara langsung atau tidak langsung dengan Pembangunan Masyarakat di Malaysia. Jawatankuasa ini telah pun menyediakan satu kertaskerja berkenaan 'Rancangan Pembangunan Masyarakat' di Malaysia untuk penelitian Majlis Tindakan Negara. Kertaskerja dan cadangan-cadangan tersebut telah dipersetujui kerajaan dan akan dilaksanakan tidak berapa lama lagi.

Dari 26-29hb. Julai yang lalu, satu seminar khusus untuk membincangkan beberapa aspek pembangunan masyarakat telah dilangsungkan di Dewan Latihan Pegawai-Pegawai Kerajaan. Enambelas rumusan telah disampaikan kepada Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Masyarakat untuk penelitian dan tindakan.

Allahyarham Tun Abdul Razak juga telah melancarkan satu Kempen Rancangan Baru Pembangunan Masyarakat dan Pesta Pembangunan di Dungun, Trengganu pada 6hb. Ogos 1972. Pelancaran itu memanifestasikan gerakan pembaruan pembangunan masyarakat kita.

Yang menjadi tandatanya pada peringkat ini ialah apakah yang disebutkan Rancangan Baru Pembangunan Masyarakat itu? Dari segi konsep dan prinsipnya tiada perbezaan antara rancangan pembangunan masyarakat lama (pra- 1969). Aspek-aspek pembangunan yang dititikberatkan masih seperti dulu juga iaitu ekonomi, pendidikan, kesihatan dan sikap sosial – sama seperti Arahan No. 3 tahun 1962.

Apa yang boleh dilihat sebagai pembaruan atau orientasi pembaruan ialah segi pentadbiran dan pelaksanaannya. Yang menjadi gejala kelemahan, semenjak awal-awal lagi, ialah kekurangan penyelarasan dan integrasi di antara daya usaha jabatan-jabatan, agensi-agensi dan kementerian yang melaksanakan projek pembangunan masyarakat. Nampaknya yang dipentingkan sebelum ini ialah kejayaan jabatan-jabatan itu dalam projek-projeknya, bukan masyarakat sendiri yang mengharap-harapkan pembangunan sebab itu "duplication" dan "persaingan" antara jabatan-jabatan semestinya dikurangkan. Lantaran ini ditubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Masyarakat, yang bukan saja akan menyelaras aktiviti-aktiviti pembangunan dari segi perancangan dan pelaksanaan, tetapi juga dari segi penyediaan dan pelaksanaan program latihan untuk pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja pembangunan masyarakat.

Dari aspek pelaksanaan projek, yang ditekankan bukanlah projek-projek oleh jabatan-jabatan, tetapi ialah bagaimana dan sejauh mana integrasi usaha jabatan-jabatan tersebut dapat dan telah berjaya membangunkan masyarakat. Yang ditekankan ialah projek itu sendiri, bukan peranan jabatan-jabatan. Sumbangan jabatan-jabatan adalah perkara

yang semestinya berlaku dan kejayaan projek mesti dirasakan rakyat.

Orientasi pembaruan yang lain ialah tekanan tentang realiti ketidakseimbangan ekonomi antara kaum di Malaysia. Dasar Ekonomi Baru telah menggariskan tindakan-tindakan yang tegas, iaitu:

1. Membenteras kemiskinan dengan cara meninggikan keupayaan pengeluaran pekerja-pekerja.
2. Membandarkan bumiputra.
3. Membaiki matapencarian penduduk luarbandar dan membawa aktiviti-aktiviti dan jenis ekonomi baru dalam lapangan perniagaan, perdagangan dan perusahaan.
4. Membanyakkan peluang pekerjaan dan latihan dengan tujuan mengurangkan pengangguran.
5. Membuka tanah baru dan penghasilan maksima tanah-tanah tersebut.

Rancangan pendidikan dalam program baru pembangunan masyarakat tidak sepatutnya menumpukan perhatian kepada orang dewasa saja. Daya usaha mesti ditumpukan kepada peringkat-peringkat pra-sekolah, peringkat sekolah, peringkat remaja dan peringkat dewasa. Jenis pendidikan yang dipentingkan ialah pendidikan pra-sekolah (TADIKA dan TABIKA), didikan kewarganegaraan, pendidikan untuk keluarga, pembasmian butahuruf, pendidikan akhlak (agama), pendidikan kemahiran-kemahiran tertentu dan sebagainya. Pada aspek unggulnya masalah masyarakat itu patut diserang dari pelbagai peringkat dan aspek, meskipun tidak mungkin kesemua ini dijayakan dalam jangkamasa pendek.

Kempen kesihatan juga terpaksa diusahakan menerusi pendidikan rasmi dan tidak rasmi. Ini termasuklah kempen pembasmian dan pencegahan penyakit-penyakit malaria, tibi dan sebagainya. Kempen-kempen kebersihan, pembaikan nilai makanan, perancangan keluarga dan sebagainya.

Perubahan sikap sosial adalah satu aspek yang penting dan di sinilah letaknya tanda-tanda samada masyarakat akan terus membangun atau terbantut dalam perjalanan. Sikap ini akan meliputi dan melibatkan pelbagai aspek lain seperti ke-

percayaan, agama, ekonomi, pendidikan, kesihatan, kebudayaan, sains dan juga sikap kebangsaan. Situasi sosial Malaysia juga memaksa anggota-anggota masyarakat memahami kaum-kaum lain dan mempunyai sikap saling mengerti dan toleransi.

Pada prinsipnya, pembangunan masyarakat ialah satu gerakan pembangunan dan kemajuan masyarakat yang dirancangkan. Oleh itu keperluan utama ialah pemimpin-pemimpin yang berkemampuan dan terlatih, baik dari pembangunan masyarakat, pusat perhatian ialah kepada pekerja-pekerja dan pemimpin pembangunan masyarakat itu sendiri.

Di Asia, Afrika dan beberapa negara di Latin Amerika, kehendak utama bukanlah *"case-worker"* (pekerja kebajikan) atau *"case-work approach"*. Keperluan-keperluan utama negara-negara ini ialah pekerja-pekerja pembangunan yang mempunyai pelbagai kemahiran dan bukan pakar dalam organisasi masyarakat. Pekerja-pekerja sosial yang berkemampuan dan berkebolehan adalah lebih berguna dan berkesan.[5]

Pekerja pembangunan masyarakat tidak semestinya pakar sosiologi atau pakar organisasi. Memadai dan amat penting pekerja-pekerja tersebut boleh menyertai dan membimbing masyarakat dalam pelbagai keperluan, supaya kepercayaan masyarakat tertanam terlebih dulu.

Pembangunan masyarakat menekankan dayausaha dan penggerakan masyarakat sendiri. Dan, kalau sistem pemerintahan yang secocok di sini ialah demokrasi, maka empat peringkat pembangunan selalu diikuti, iaitu Kajian permulaan (Initiation), Penglibatan-sokongan (Legitimization), Pelaksanaan (Implementation), Penilaian (Evaluation).

Peringkat pertama kajian permulaan, seperti juga semua gerakan atau rancangan, mestilah mempunyai permulaan atau asas. Di sini asas tentang pengetahuan berkenaan masyarakat seperti kebudayaan, aspirasi, teknologi dan kepercayaan diperlukan. Dapatkan fakta-fakta dan kenalilah keperluan-keperluan masyarakat, (lebih baik kiranya anggota masyarakat itu diminta menyatakan sendiri masalah-masalah dan

---

5. Lihat GRANGER, Lester B, *"Social Work and the Social Problems of India"*. Community Organisation in Action, New York: Association Press 1959).

kehendak-kehendak mereka dengan perkataan dan cara mereka sendiri). Galakkan anggota masyarakat itu mendapatkan cara-cara dan alternatif untuk membaiki masyarakat mereka. Akhirnya anggota masyarakat sendiri akan menghasilkan program pembangunan masyarakat mereka sendiri.

Peringkat kedua, penglibatan dan sokongan, terutama dari pemimpin-pemimpin tradisional dan orang-orang yang berpengaruh dalam masyarakat, baik dengan cara rasmi atau tidak rasmi. Ini adalah mirip proses "legitimization" dan mendapatkan "blessing" dan sokongan dari pemimpin-pemimpin masyarakat. Dengan persetujuan orang yang berpengaruh ini, penglibatan dan sokongan masyarakat tidak menjadi masalah besar lagi. Dan sekiranya anggota-anggota masyarakat sungguh mempercayai kebaikan program tersebut, kerjasama dan penglibatan masyarakat akan didapati.

Peringkat ketiga ialah pelaksanaan program pembangunan itu sendiri. Pelaksanaan mestilah dijayakan dengan kemas dan cepat supaya ianya boleh menjadi contoh (model) yang baik untuk projek-projek lain. Yang patut digunakan ialah tenaga, kemudahan dan material tempatan dalam semua projek dan peringkatan pelaksanaan.

Peringkat keempat ialah penilaian program dan projek yang diusahakan. Aktiviti susulan (follow-up) ini amat penting untuk menentukan samada program tersebut berjaya atau tidak, dan kalau tidak apakah sebab-sebab dan masalah-nya. Kalau pun projek itu berjaya, apakah faktor-faktor baiknya yang boleh dituruti di tempat-tempat lain dan boleh dibaiki dan diperbanyakkan lagi.

Pembangunan masyarakat ialah satu gerakan dan proses kemajuan ekonomi, sosial, budaya dan kebajikan manusia. Kejayaan bergantung kepada integrasi dari faktor-faktor dan fungsi berikut:

1. Kehendak individu-individu dan kumpulan yang jelas dirasa dan dirancangkan.
2. Penyertaan, kerjasama, penglibatan sukarela anggota-anggota masyarakat sendiri.
3. Kepimpinan.
4. Kesan penggembelingan guna tenaga, bahan-bahan semulajadi dan daya usaha masyarakat tempatan.

5. Pemaduan tenaga kerajaan dan rakyat.
6. Manifestasi sistem organisasi demokrasi.

Yang menjadi andaian utama dalam perbincangan ini ialah jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian akan menjalani perubahan-perubahan tertentu dalam daya usaha pelaksanaan program pembangunan masyarakat mulai dari sekarang. Pertandingan dan perlumbaan antara jabatan-jabatan akan dapat dikurangkan dengan adanya Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Masyarakat dan Bahagian Penyelarasan Pembangunan Masyarakat dan Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran. Diharapkan penyelarasan dan integrasi usaha-usaha ini akan sungguh-sungguh menghasilkan perubahan-perubahan dan kebaikan.

Andaian yang kedua, yang ditekankan di sini ialah aktiviti pembangunan masyarakat oleh pelbagai jabatan dan kementerian akan diteruskan, dan ada tempat-tempatnya digiatkan lagi. Institusi lama seperti Jawatankuasa Kemajuan Kampung akan dihidupkan kembali dan diberi anggota-anggota dan nafas baru. Struktur organisasi perancangan dan pelaksanaan pembangunan masyarakat seperti yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Masyarakat hendaknya dapat dilaksanakan (lihat Carta). Kertaskerja "Rancangan Pembangunan Masyarakat" yang dihasilkan oleh Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Masyarakat juga mencadangkan supaya diadakan jawatan Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan Masyarakat) di semua Pejabat Daerah. Pegawai ini akan menyelesaikan sebahagian dari masalah kordinasi dan aktiviti pembangunan masyarakat di peringkat daerah. Tetapi yang menjadi masalah besar, terutama dari segi kuantiti dan kualiti, ialah persoalan pimpinan pada peringkat bawah, di kampung-kampung. Pekerja-pekerja sosial pada peringkat inilah yang patut mendapat perhatian dan latihan utama. Tanpa pekerja-pekerja peringkat ini Jawatankuasa Kemajuan Kampung akan tetap seperti sediakala, tidak bergerak dan tidak bernafas. Sekiranya Filipina boleh diambil sebagai contoh latihan pada peringkat pekerja-pekerja pembangunan masyarakat inilah yang menjadi tumpuan utama dalam latihan dan perancangan program-program latihan.

Pada masa ini pun ada institusi-institusi yang mem-

punyai kemudahan-kemudahan latihan untuk melatih pekerja pembangunan masyarakat di pelbagai peringkat. Yang menjadi usaha utama sekarang ialah untuk menyusun program-program latihan yang diperlukan mengikut penjenisan dan pemeringkatannya, dan menggunakan kemudahan-kemudahan yang sedia ada di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Negara Dan Luarbandar, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian dan Perikanan, Institut Tadbiran Awam Negara dan sebagainya, secepat yang mungkin.

Jentera Pentadbiran dan penyelarasan rancangan pembangunan masyarakat (lihat Carta) tidak menimbulkan masalah sekiranya jentera itu digunakan dengan cara yang berkesan dan cekap. Jentera tersebut juga boleh menjadi alat untuk mengesan semua aktiviti pembangunan masyarakat di pelbagai peringkat. Jentera ini juga boleh menjadi alat atau agensi yang menilai dan merancang semula program yang sedang dan akan dijalankan. Untuk penilaian yang lebih mendalam agensi-agensi lain di Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perpaduan Negara, Institut Tadbiran Awam Negara boleh digunakan. Yang perlu ditekankan di sini ialah keperluan sistem yang memerlukan bukan saja pelaksanaan yang cekap tetapi juga sistem untuk menilai dan merancang semula program-program yang ada.

CARTA

Hubungan Organisasi-organisasi untuk Perancangan dan Pelaksanaan Rancangan-rancangan Pembangunan Masyarakat

RANCANGAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

Rajah Penyelarasan Pentadbiran



Dewan Masyarakat,
Ogos 1972

15

PERINDUSTRIAN DAN PERUBAHAN MASYARAKAT

Ismail Abas

Salah satu aspek pembangunan yang dirancangkan di negara kita ialah kemajuan perindustrian. Keutamaan kepada pelajaran sains dan teknologi seperti yang terdapat dalam sistem pendidikan negara kita ialah satu contoh yang nyata ke arah perkembangan ini. Biar bagaimanapun ahli-ahli sosiologi tidak pula seragam dalam melihat kemajuan perindustrian ini. Ada yang melihat perindustrian sebagai satu proses kemajuan teknologi dalam sesuatu masyarakat. Dalam proses ini alat-alat teknik digunakan dengan meluasnya bagi mencapai pertumbuhan dan perkembangan ekonomi. Kemudian ada pula yang melihat perindustrian sebagai satu proses perkembangan sosio-teknologi, yakni bukan semata-mata penggunaan alat-alat teknik untuk perkembangan dan pertumbuhan ekonomi, tetapi satu macam perkembangan yang melibatkan perubahan sosial, kebudayaan dan aspek-aspek psikologi.

Ringkasnya kemajuan perindustrian mesti memperlihatkan dua perkembangan yang penting. Pertamanya perkembangan dalam bidang kemahiran dan pengetahuan seperti yang dicerminkan oleh kemajuan dalam bidang pendidikan

dan latihan. Keduanya perkembangan dan penggunaan dengan meluas alat-alat teknik dalam keperluan hidup hari-hari seperti yang dilambangkan oleh wujudnya beraneka ragam jentera dan lain-lain bahan saintifik. Perkembangan dan penggunaan kedua-dua unsur ini memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan pertumbuhan ekonomi dan perubahan corak jangkaan sosial (social expectations) dan psikologi anggota-anggota masyarakat. Maha penting kedua-dua unsur ini perlu wujud dalam masyarakat bagi melahirkan kemajuan perindustrian.

Dalam proses perkembangan perindustrian kedua-dua unsur itu akan digunakan dengan meluas untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dan perubahan masyarakat. Proses perkembangan perindustrian ini boleh berlaku dalam dua corak.

Pertamanya sebagai satu proses perkembangan sejarah yakni perindustrian yang wujud tanpa dirancangkan tetapi merupakan satu peringkat perkembangan dalam kemajuan masyarakat manusia. Umpamanya perindustrian yang berlaku di Britain dalam abad kesembilanbelas adalah akibat perpindahan penduduk-penduduk ke kawasan lombong dan penggunaan alat-alat teknik dalam lapangan pertanian. Akibat dari perkembangan ini ialah munculnya bandar-bandar, masyarakat kelas menengah dan bertambahnya bilangan penduduk. Kemajuan perindustrian makin cepat apabila penemuan saintifik akibat kemajuan pengetahuan telah digunakan dengan meluasnya dalam perindustrian dan pertanian kemudiannya.

Keduanya sebagai satu proses yang dirancangkan. Perindustrian cara ini selalunya berlaku di negara-negara yang sedang membangun seperti negara Malaysia ini misalnya. Proses perindustrian yang dirancangkan ini boleh dijalankan dengan dua cara. Pertamanya dengan mengadakan lapangan perindustrian di tempat-tempat yang belum wujud asas perindustrian dengan menggunakan tenaga teknologi moden. Keduanya dengan membaharui bentuk perusahaan yang sedia ada dalam masyarakat dengan memasukkan alat-alat teknik bagi mengganti cara-cara atau alat-alat tradisi untuk mencapai hasil pengeluaran yang tinggi. Menggunakan jentera, baja-baja kimia dan mengadakan taliair dalam lapangan pertanian misalnya.

Kebetulan pula proses perindustrian secara yang diran-

cangkan ini, baik untuk mengadakan yang belum ada atau membaiki yang sedia ada, hendak dipergiatkan dalam masyarakat luarbandar seperti yang menjadi hasrat dalam Dasar Ekonomi kerajaan. Melalui proses perindustrian diharap akan dapat mengurangkan kadar pengangguran yang kian bertambah dan membasmi kemiskinan. Proses ini juga diharap akan dapat mencapai perkembangan dan pertumbuhan ekonomi serta mengubah corak hidup masyarakat luarbandar.

Perindustrian juga merupakan langkah yang positif ke arah membandarkan masyarakat luarbandar. Dalam hubungan ini perkara yang penting ialah wujudnya sifat kesediaan masyarakat luarbandar untuk menerima perubahan itu semua. Alat-alat teknik memang senang dan dibekalkan dengan pertolongan modal yang banyak. Tetapi adakah masyarakat luarbandar sudah mempunyai kesediaan yang diperlukan tentang kemahiran dan pengetahuan bagi mengendali alat-alat teknik dengan licin? Seperti yang telah dinyatakan bahawa unsur kemahiran dan pengetahuan (know how) adalah penting malah tidak dapat dipisahkan dalam menghasil kemajuan perindustrian.

Perubahan yang dirancangkan itu pula mungkin tidak berfungsi apa-apa kalau masyarakat yang mengalami perubahan itu tiada sifat kesediaan menerima. Perkara ini boleh menyebabkan alat-alat teknik moden yang sampai ke dalam masyarakat luarbandar akan menjadi lambang kemegahan kemajuan perindustrian dan bahan tontonan seperti yang pernah terjadi kepada jalanraya-jalanraya, balairaya-balairaya dan masjid-masjid indah. Sedangkan kesan-kesan yang positif yang diharapkan dari kemegahan dan lambang-lambang pembangunan itu tidak seberapa kepada kehidupan dan pemikiran rakyat. Timbulnya kesan yang negatif itu adalah kerana tiadanya unsur kesediaan menerima dan pengetahuan di kalangan rakyat terhadap maksud dan fungsi kemudahan-kemudahan yang diadakan itu. Perkara ini perlu diperhitungkan agar segala rancangan yang menelan wang ringgit dan tenaga yang besar itu akan membuahkan hasil yang diharapkan. Tiada siapa yang mahu rancangan itu lebih banyak menimbulkan masalah yang tidak diduga daripada menyelesaikan masalah yang dijangkakan.

Selain dari itu, kedua-dua proses perindustrian ini boleh menimbulkan dua perubahan yang nyata. Pertama perubahan

ke atas keadaan sekitar. Masalah pencemaran udara, bertambahnya bilangan penduduk pada satu daerah, munculnya unsur-unsur pembandaran seperti jalanraya, letrik, air paip, kenderaan berjentera dan lain-lain kemudahan saintifik adalah perubahan keadaan sekitar yang nyata akibat proses perindustrian. Keduanya perubahan ke atas sistem ekonomi, sosial, pendidikan kepercayaan dan sikap atau sistem nilai anggota-anggota masyarakat itu.

Dalam lapangan ekonomi umpamanya, wujud institusi-institusi pemasaran, penggunaan matawang dengan meluas seperti bank, syarikat-syarikat dan lain-lain lagi. Dalam lapangan pekerjaan akan wujud sistem birokrasi, kakitangan ikhtisas khusus dalam lapangan kemahiran tertentu. Dalam lapangan sosial akan menimbulkan susun lapis sosial yang kompleks yang dilambangkan oleh pembahagian kerja, kedudukan dan pencapaian.

Dari segi sikap pula akan melahirkan nilai-nilai dan norma-norma baharu bagi mengganti yang lama. Unsur-unsur kebendaan akan diutamakan daripada rohaniah. Demikian juga individualisme berkembang subur dalam masyarakat perindustrian. Perubahan-perubahan ini semua sesungguhnya akan melahirkan geraklaku (behaviour), hubungan, organisasi-organisasi dan masalah-masalah baharu di kalangan anggota-anggota masyarakat.

Runtuhnya hubungan sosial yang rapat dalam institusi kekeluargaan adalah juga satu kesan yang boleh timbul dari kemajuan perindustrian ini. Hubungan kekeluargaan di sini bukan sahaja tertentu kepada hubungan anggota masyarakat yang berdasarkan kepada hubungan darah atau perkahwinan semata-mata tetapi juga sistem perhubungan sosial yang begitu rapat antara anggota-anggota masyarakat yang mempunyai cara hidup yang hampir seragam, mengamalkan ekonomi secukup makan serta mempunyai nilai-nilai tanggungjawab bersama seperti yang dilambangkan oleh sifat gotong-royong di kalangan anggota masyarakat itu. Ciri-ciri ini membayangkan seolah-olah mereka itu terdiri dari satu unit kekeluargaan yang besar. Dan ciri-ciri ini juga adalah pola-pola umum sosio-budaya masyarakat Melayu luarbandar.

Kemajuan perindustrian memungkinkan berlaku mobiliti tempat tinggal dan mobiliti pekerjaan dalam keluarga atau antara generasi dalam keluarga dan anggota-anggota

masyarakat itu. Keadaan ini boleh merenggangkan hubungan rapat ahli-ahli dalam keluarga besar anggota-anggota satu yunit masyarakat. Ini bukan pula bermakna memutuskan langsung hubungan kekeluargaan itu. Cuma tanggungjawab bersama menjadi lemah dan ada kelonggaran perhubungan antara ahli-ahli keluarga atau anggota-anggota masyarakat.

Kalau sebelumnya keluarga atau masyarakat yang memainkan peranan utama dalam mengsosialisasikan ahli-ahli keluarga atau anggota masyarakat tetapi dalam keadaan masyarakat perindustrian anggota-anggota keluarga masyarakat disosialisasikan oleh ejen lain, misalnya institusi persekolahan yang formal atau lain-lain alat sebaran am. Di sini keluarga dan ejen-ejen luar itu sama-sama bertindak membentuk sikap dan mempertahankan nilai-nilai di kalangan anggota keluarga/masyarakat yang sama kepentingan. Tetapi peranan keluarga akan menjadi lemah dan ejen-ejen luar mengambil tempat utama dan berpengaruh.

Di samping merenggangkan hubungan kekeluargaan, kemajuan perindustrian juga akan mempercepatkan pembentukan keluarga kecil. Keluarga kecil (suami dan isteri serta anak-anak yang mungkin terbatas bilangannya) adalah asas pembiakan manusia. Kemajuan perindustrian akan mengurangkan kadar kematian lantaran adanya kemudahan perubatan. Keadaan ini akan mempercepatkan kadar penambahan penduduk di daerah perindustrian. Oleh itu tanggungjawab anggota keluarga atau masyarakat tidak lagi untuk kepentingan keluarga besar tetapi mengutamakan keselamatan anggota-anggota dalam keluarga kecil. Dengan ini menjadi satu kewajiban keluarga kecil terhadap saiz keluarga masing-masing supaya setiap anggota keluarga terjamin mendapat pelajaran yang cukup dan lain-lain keselamatan serta kesempatan yang sering berubah akibat kemajuan perindustrian.

Kemajuan perindustrian akan mengakibatkan kemudahan perhubungan. Kemudian perhubungan ini melahirkan suasana kesibukan dan tenaga dinamis di daerah perindustrian. Kemudahan perhubungan juga akan merapatkan daerah perindustrian dengan daerah luarbandar. Dengan ini akan menyenangkan mengalih unsur-unsur daerah perindustrian ke kampung-kampung. Kehidupan yang menarik di daerah perindustrian, kemungkinan peluang bekerja dan lain-lain jangkaan

di daerah perindustrian mendorongkan penghijarahan luar-bandar (rural migration) di kalangan pemuda-pemuda kampung. Dengan ini akan mengurangkan kawalan dan tanggungjawab kekeluargaan dari segi ekonomi dan kepentingan sosial.

Mereka yang mendapat pekerjaan di daerah perindustrian akan mula hidup atas titik peluh sendiri dan mulai mengenal nilai-nilai baharu. Ini bukan bemakna hubungan mereka dengan keluarga di kampung terputus langsung. Surat-surat (berita) dan sedikit wang mungkin di hantar kepada keluarga di kampung. Sekali-sekala mereka juga akan kembali ke kampung dengan membawa unsur-unsur yang melambangkan kejayaan hidup mereka di daerah perindustrian. Selalunya jarang sekali masalah hidup di daerah perindustrian di bawa bersama. Akibatnya mereka mungkin pula mempengaruhi anggota-anggota keluarga atau masyarakat kampung yang lain untuk mengadu untung di daerah perindustrian.

Salah satu aspek lain yang dibawa oleh kemajuan perindustrian ini ialah pentingnya bidang pengkhususan mengikut kemahiran. Pengkhususan akan meruntuhkan tanggungjawab bersama atau sifat gotong-royong yang diutamakan dalam hubungan kekeluargaan atau dalam masyarakat luar bandar. Kerjasama yang didasarkan kepada perpaduan mekanis (mechanical solidarity), yakni penggembelingan tenaga bersama dalam menghadapi satu pekerjaan akan diganti oleh kerjasama yang didasarkan kepada perpaduan organik (organic solidarity), yakni penunaian tanggungjawab mengikut kelayakan bila menyelesaikan sesuatu kerja.

Pengkhususan juga menghasilkan peranan dan status baru di kalangan anggota-anggota masyarakat. Status dan peranan yang dahulunya ditentukan dari segi perhitungan sex, umur dan mengikut warisan akan diganti oleh ukuran pendapatan dan tinggi rendahnya pencapaian seseorang itu. Dengan ini seorang anak mungkin lebih besar peranan dan lebih tinggi status sosial dari orang tua mereka sendiri biarpun status selaku hubungan ayah dengan anak tidak berubah.

Adanya pengkhususan dan faktor-faktor pencapaian ini menyebabkan timbulnya nilai-nilai baharu di kalangan anggota masyarakat perindustrian. Anggota keluarga atau

masyarakat bebas memilih jenis pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan, kemahiran dan pengetahuan masing-masing dan bebas pula memilih lain-lain hubungan atau kegiatan sosial. Dalam masyarakat perindustrian juga akan berkembang gejala persaingan yang jelas antara kumpulan, kelompok atau anggota-anggota masyarakat. Dengan ini akan subur unsur-unsur individualistik dan 'self-presentation' di kalangan anggota-anggota masyarakat.

Kemajuan perindustrian yang dilambangkan oleh perkembangan teknologi akan mengubah status dan peranan kaum wanita dalam keluarga atau masyarakat. Dari segi pekerjaan wanita mungkin mendapat status dan pekerjaan yang sama dengan kaum lelaki. Kejayaan perancang keluarga yang merupakan hasil kemajuan teknologi dan desakan kemajuan perindustrian telah memberi peluang kepada kaum wanita mengambil bahagian yang lebih luas dalam kegiatan sosial dan lain-lain aspek penghidupan selain dari tugas-tugas kewanitaan. Penerimaan masyarakat terhadap perancang keluarga juga adalah satu fenomena biasa dalam masyarakat perindustrian. Ini ada pertaliannya dengan keperluan menjaga saiz keluarga kecil.

Sesungguhnya kemajuan perindustrian akan mengubah organisasi dan merenggangkan hubungan rapat dalam sistem kekeluargaan serta corak masyarakat. Kemajuan perindustrian bukan sahaja mengubah corak dan susunan masyarakat, mempercepatkan pertumbuhan masyarakat kelas menengah, mengubah suasana alam sekitar tetapi juga akan mengubah peranan, geraklaku dan jangkaan manusia dalam masyarakat. Keadaan ini akan dialami oleh masyarakat Melayu kalaulah proses urbanisasi dan harapan untuk menukar tigapuluh peratus masyarakat luar bandar menjadi masyarakat yang mengutamakan lapangan perindustrian dan perniagaan menjadi kenyataan pada satu ketika nanti.

Dewan Masyarakat,
Oktober, 1971.

16

FAKTOR PENDORONG DAN PENGHALANG PEMBANGUNAN MASYARAKAT

Mohd. Nur Ali

Dari kenyataan yang dilafazkan oleh Tun Perdana Menteri, ketika melancarkan Gerakan Pembaruan jelaslah bahawa kerja pembangunan yang dijalankan sejak berbelas-belas tahun yang lalu tidak memuaskan. Menyedari hakikat inilah maka Gerakan Pembaruan dilancarkan.

Dari definisi-definisi yang pernah dibuat oleh pakar-pakar pembangunan masyarakat, maka definisi Bangsa-bangsa Bersatu adalah paling sesuai untuk kita jadikan panduan. Mengikut definisi Bangsa-bangsa Bersatu, Pembangunan Masyarakat adalah satu proses di mana segala usaha rakyat sendiri dipadukan dengan usaha-usaha pihak kerajaan untuk meninggikan keadaan ekonomi, sosial dan kebudayaan masyarakat, menyatukan masyarakat-masyarakat itu ke dalam kehidupan negara dan membolehkan masyarakat tersebut memainkan peranan mereka sepenuh-penuhnya untuk kemajuan negara. Dari definisi ini nyatalah bahawa Konsep Pembangunan Masyarakat atau Pembaruan Masyarakat itu rapat sekali hubungannya dengan konsep Perubahan Masyarakat (Social Change), kerana sesungguhnya tujuan Per-

ubahan Masyarakat adalah bagi kemajuan seluruh aspek kehidupan rakyat termasuklah aspek sosial, ekonomi, politik, seni, sikap dan kepercayaan dan ilmu pengetahuan bagi pencapaian hidup yang lebih tinggi dan mewah bagi ahli-ahli masyarakat. Kemajuan dalam bidang-bidang tersebut dengan sendirinya membawa rakyat dan negara dalam arus pembaruan dan pembangunan.

Mengikut teori perubahan masyarakat, ada dua bentuk perubahan berlaku. Pertama, perubahan yang berlaku dengan cara sukarela, tanpa apa-apa perancangan. Perubahan seperti ini boleh berlaku melalui pengaruh kebudayaan luar hasil pertembungan kebudayaan. Proses pengaruh mempengaruhi kebudayaan ini berlaku dengan bebas tanpa paksaan dan perancangan. Penemuan kuasa wap oleh James Watt telah menggantikan kuasa arang batu bagi menjalankan keretapi di Eropah dalam abad ke-19. Penemuan James Watt ini diterima oleh masyarakat Eropah, dan menjadi salah satu unsur kebudayaan di Eropah yang kemudiannya telah merebak ke negeri-negeri luar Eropah. Negeri-negeri yang menerima idea baru dan teknik baru ini telah menyerap dan menyebatikannya dalam kehidupan mereka sehari-hari dan diintegrasikan ke dalam kebudayaan mereka sebagai salah satu unsur kebudayaan baru dari luar yang telah mendapat tempat yang wajar dalam sistem nilai dan kehidupan mereka.

Sebagai satu contoh yang popular ambillah unsur-unsur bersifat fesyen, unsur perubahan yang paling cepat merebak: berambut panjang, berpakaian compang-camping, berkelakuan tak senonoh, menghisap madat yang asalnya diamalkan oleh golongan Hippi di Amerika telah merebak ke seluruh pelusuk dunia. Di setengah-setengah negara cara kehidupan ini telah menjadi semacam kebudayaan tambahan (subculture) yang baru dan tersendiri. Oleh kerana pengaruh Hippi ini begitu mendapat sambutan dari muda-mudi, ada negeri-negeri yang bermaruah dan mencintai nilai kerohanian bertindak mengharamkan kemasukan pengaruh kehidupan ala Hippi ini yang lazimnya dibawa oleh pelancung-pelancung.

Inilah dua contoh perubahan atau kemajuan yang berlaku dan berkembang dengan sendirinya tanpa apa-apa perancangan dari pihak pemerintah. Tetapi perubahan dalam bentuk ini jarang sekali membawa perubahan besar dalam susunan dan sistem ekonomi yang sesungguhnya amat

penting bagi kemajuan hidup satu-satu masyarakat itu.

Bentuk perubahan yang keduanya ialah perubahan yang dirancangkan. Perubahan bentuk ini berbeza dengan perubahan yang pertama tadi, kerana perubahan ini melibatkan soal dasar, perancangan, program, pelaksanaan, pengawasan dan penilaian oleh kerajaan sendiri. Kerajaan mempunyai tanggungjawab yang besar dalam mengendali dan menjayakan perubahan ini. Perubahan ini mempunyai tujuan dan matlamat tertentu.

Perubahan Dirancang

Penjajah selalunya membuat beberapa perubahan bagi memajukan koloni dan anak-anak jajahannya, dalam lingkungan dan batas-batas yang tidak akan membahayakan kedudukan dan kepentingan mereka. Perubahan yang dibawa oleh penjajah ini adalah untuk faedah dan kepentingan mereka dari segi politik dan ekonomi, untuk mengukuh dan menguatkan kekuasaan politik mereka. Satu-satu rancangan dan projek dibuat bagi memudahkan mereka memunggah hasil kekayaan negeri jajahan ke negara mereka sendiri.

Pembinaan jalan keretapi dari Taiping ke Port Weld dan ke Kuala Lumpur oleh Inggeris di Malaya pada abad ke-19 adalah salah satu perubahan atau projek pembangunan yang dilaksanakan oleh pemerintah pada masa itu. Pembinaan jalan keretapi ini bukanlah semata-mata mahu mengenalkan sistem pengangkutan yang moden dan pantas kepada rakyat Malaya pada masa itu. Pembinaan jalan keretapi ini mempunyai tujuan dan matlamat yang lebih jauh dari itu. Ia dibina dan diperkenalkan dengan tujuan memudahkan perhubungan dari satu tempat ke satu tempat. Ia dibina bagi memudah dan mempercepatkan lagi penjajah Inggeris memunggah hasil-hasil lombong ke pelabuhan-pelabuhan untuk dibawa balik ke Great Britain.

Dengan lain-lain kata segala projek pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan di negara yang sedang membangun di Asia, Afrika dan Amerika Latin adalah merupakan perubahan yang dirancangkan. Tiap-tiap negara mempunyai rancangan dan projek pembangunan mereka masing-masing. Di Malaysia pada masa ini terkenal dengan Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Keduanya. Dasar Ekonomi Baru dan

Rancangan Malaysia Kedua merupakan perubahan yang betul-betul dirancang dan dikendalikan oleh kerajaan sepenuhnya. Tujuan Dasar Ekonomi Baru ialah menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dan daerah dan menyusun semula masyarakat Malaysia supaya identiti kaum tidak lagi berdasarkan aktiviti-aktiviti ekonomi dan penempatan. Matlamat akhir dari Dasar Ekonomi Baru ini ialah bagi mewujudkan golongan perniagaan dan perusahaan Melayu yang menguasai setidak-tidaknya 30% aktiviti ekonomi negara dalam semua peringkat dan akhir sekali mewujudkan Integrasi Nasional selaras dengan konsep dan semangat Rukunegara. Jadi inilah bezanya makna dan konsep perubahan yang tidak dirancangkan dengan perubahan yang dirancangkan.

Oleh kerana perubahan yang dirancangkan ini adalah dicipta oleh kerajaan, ini bermakna segala dasar, perancangan, program dan lain-lainnya adalah dilakukan oleh sebilangan kecil golongan elite yang terdiri dari menteri, pakar-pakar, penasihat-penasihat dan pegawai-pegawai kerajaan berdasarkan ilmu pengetahuan yang ada pada mereka, maka sudah pastilah perubahan atau projek pembangunan ini akan menemui bermacam-macam masalah apabila mahu disampaikan kepada rakyat yang kebanyakannya mundur dan jahil tentang konsep pembaruan dan pembangunan masyarakat yang asing dan kompleks itu.

Sikap Hidup

Dalam hubungan ini masalah yang besar sekali dihadapi ialah bagaimana mahu menyampaikan idea dan teknik baru dalam projek-projek pembangunan ini kepada rakyat yang kebanyakannya masih tradisional dan bersifat konservatif, agar ia diterima dengan ghairahnya. Kita tidak dapat menafikan hakikat bahawa lebih $\frac{2}{3}$ daripada rakyat negara mundur dan sedang membangun seperti Malaysia sekarang ini adalah buta huruf yang terdiri dari petani-petani. Jahil dan buta huruf bukan saja menjadikan mereka satu masyarakat yang fatalis, konservatif, fanatik dan sentimental tetapi juga menjadikan mereka sebagai satu masyarakat yang kuat memegang nilai-nilai tradisional, falsafah dan sikap hidup kuno yang tidak menguntungkan.

Dalam negara yang kurang maju atau sedang membangun, kerajaan mahukan perubahan berjalan lancar dan menyeluruh dengan melibatkan seluruh kehidupan rakyat. Tetapi paradoksnya dalam negara inilah rintangan yang paling banyak dan kompleks untuk diatasi. Rintangan atau masalah ini bukan saja kerana kekurangan orang profesional, tetapi juga melibatkan faktor-faktor kemanusiaan dan kebudayaan yang paling rumit dan tali-menali antara satu sama lain.

Masalah kewangan dan personel mendapat perhatian yang utama oleh kerajaan yang melaksanakan projek pembangunan masyarakat ini. Kerajaan atau pertubuhan-pertubuhan dari luar negeri selalu bemurah hati memberikan bantuan atau pinjaman wang dan personel jika keadaan politik dan ekonomi negara itu stabil dan kukuh.

Tetapi masalah bagi menyampaikan idea dan teknik baru dalam projek pembangunan masyarakat tidak dapat diselesaikan dengan wang semata-mata. Masalah penyampaian, keyakinan, kerjasama dan penerimaan rakyat tali-menali dan berliku-liku dalam kebudayaan, agama, kepercayaan dan falsafah hidup mereka. Tidak ada jalan dekat dan mudah bagi menyelesaikan masalah ini. Lantas kerana itu kita perlu kepada agen perubahan atau pelaksanaan yang bijaksana dan cekap yang memahami kehendak-kehendak, nilai-nilai dan sistem hubungan dan tindakan masyarakat. Dalam hubungan ini agen perubahan atau pelaksanaan yang memiliki pengetahuan psikologi, sosiologi dan hubungan kemanusiaan adalah lebih penting dari pakar-pakar sains, ekonomi, pertanian dan teknologi. Sesungguhnya dalam mana-mana rancangan pembangunan masyarakat, baik kecil mahupun besar, soal minat, motivasi dan sambutan rakyat adalah sama mustahaknya dengan soal idea dan teknik, wang dan personel itu sendiri. Kita berharap benar agar kerajaan tidak melupakan hakikat kepentingan perkara ini dalam Gerakan Pembaruan dan kerja-kerja pembangunan masyarakat yang sedang dipergiat sekarang ini. Kerana ia adalah rukun atau tiang seri kejayaan projek itu sendiri.

Kegagalan sebarang perubahan atau projek pembangunan masyarakat, diterima oleh rakyat berpunca dari berbagai-bagai sebab. Kalau petani di Perairan Muda atau Perairan Kemubu meninggalkan penanaman padi dua kali setahun kerana pendapatannya lebih banyak dibolot oleh

orang tengah daripada masuk kantung mereka, kegagalan ini adalah berpunca dari faktor ekonomi dan sistem sosial.

Kalau petani meninggalkan benih padi yang baik mutu dan hasilnya, kerana padi itu selalu kena penyakit, kegagalan ini adalah berpunca dari kesalahan pegawai-pegawai pertanian bagi menggunakan ilmu pengetahuannya dengan baik dan sesuai dengan keadaan alam keliling.

Kemudian kalau petani menolak benih padi Malinja, Ria atau Mahsuri kerana suri rumahtangga mendapati rasanya kurang sedap dan baunya kurang wangi, penolakan ini adalah berpunca daripada kebiasaan dan tabiat yang jadi salah satu unsur yang penting dalam kebudayaan. Dan macam-macam lagi faktor atau punca penolakan dan kegagalan projek-projek baru.

Faktor Kebudayaan

Sekarang timbul satu pertanyaan yang paling asas. Apakah faktor-faktor yang boleh mendorongkan kejayaan dan menghalang kemajuan dalam memperkenalkan idea dan teknik-teknik baru kepada rakyat?

Soalan ini perlu dicari jawabnya oleh agen-agen perubahan daripada peringkat perancang dasar membawa kepada pelaksanaan dasar dan rancangan. Sebenarnya tidak ada satu peraturan dan rumusan yang muktamad yang boleh memberi jawaban; tapi perkara ini boleh diselesaikan dengan mendapatkan penerangan yang telah ditulis dan dikumpulkan oleh ahli-ahli sains sosial dan pakar pembangunan.

Jawaban juga boleh dicari dengan mengkaji faktor-faktor kegagalan dan kejayaan projek pembangunan yang telah dilakukan di negara-negara lain. Tetapi bila mengkaji faktor-faktor kegagalan atau kejayaan dari luar negeri ini, kita hendaklah hati-hati, kerana lain negeri lain pula masalah yang dihadapinya; lain negeri lain pula adat resam, tabiat, minat, motivasi, nilai, sikap, kepercayaan dan falsafah hidup masyarakatnya. Faktor-faktor ini hendaklah disesuaikan dengan keadaan alam, masyarakat dan kebudayaan sendiri. Tegasnya kita perlu kepada cara dan pendekatan kita sendiri bagi menyelesaikan masalah-masalah ini.

Hakikat faktor kebudayaan yang mempengaruhi penerimaan dan penolakan rakyat ke atas nilai-nilai baru, idea-idea

baru, konsep-konsep baru dan teknik baru boleh dianggap sebagai penghalang dan juga pendorong perubahan, mengikut sejauh mana sikap dan tindakan yang diambil dan kebijaksanaan agen-agen perubahan itu sendiri. Umpamanya, kalau masyarakat percaya bahawa padi mempunyai semangat, mereka mungkin akan menolak penggunaan traktor bagi meratakan sawah dan jentera-jengera bagi memotong dan memproses padi. Ini merupakan satu halangan. Tetapi kepercayaan agama dan institusi tertentu dalam masyarakat boleh memberikan sumbangan bagi agen perubahan mendapatkan persetujuan dan bantuan untuk menjalankan projeknya. Dalam kampung, lazimnya ketua-ketua atau pemimpin-pemimpin tradisional seperti penghulu, bomoh dan orang agama adalah golongan elit yang paling terkemuka, berpengaruh dan dihormati. Pendapat dan arahan mereka adalah disetujui dan dipatuhi oleh ahli-ahli masyarakat. Jika agen perubahan dapat mempengaruhi mereka dan meyakinkan mereka dengan nilai, idea, konsep dan teknik baru dan moden ini sehingga mereka bekerjasama dan menyokongnya, maka kemungkinan projek itu diterima oleh masyarakat adalah besar sekali. Sebagaimana aspek agama maka aspek-aspek lain dalam kebudayaan juga bisa jadi faktor yang negatif dan positif. Biasa jadi pendorong dan penghalang.

Kesimpulannya jelas sekali bahawa kerja-kerja melaksanakan projek pembangunan masyarakat bukanlah satu perkara yang mudah. Berapa berat mulut menyebut berat lagi bahu memikul. Kerajaan bukan saja perlu menyelesaikan masalah kewangan dan personel tetapi yang lebih penting lagi kerajaan hendaklah bijak bagi menyampaikan idea, konsep, nilai dan teknik-teknik baru ini kepada masyarakat. Penyampaian yang salah akan membawa kesan yang buruk, di mana masyarakat akan hilang kepercayaan dan takut menerima nilai, sikap, idea, konsep dan teknik-teknik baru dan moden yang dibawa oleh projek-projek pembangunan masyarakat. Akibatnya kerja-kerja pembangunan masyarakat akan terjejas kalau pun tidak gagal.

Dewan Masyarakat,
November, 1972.

17

PELAKSANAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA

Mohd. Nur Ali

Rancangan Malaysia Kedua telah dilancarkan oleh Kerajaan pada awal tahun 1971. Dalam jarak masa yang begitu pendek adalah terlalu awal untuk mengukur sejauh mana rancangan itu telah berjaya memenuhi cita-cita kerajaan bagi menghapuskan kemiskinan tanpa mengenal kaum dan menyusun semula masyarakat Malaysia, agar aktiviti-aktiviti ekonomi tidak lagi berdasarkan kaum dan tempatan (locality).

Walaupun begitu kerajaan dengan yakin telah membuat 'target date' bahawa dalam tempoh 20 tahun dari tarikh tersebut orang Melayu akan memiliki dan mengurus 30% daripada jumlah aktiviti ekonomi negara dalam semua jenis dan peringkat.

Kita bukan saja kagum dengan keberanian dan keyakinan kerajaan itu, tetapi keberanian dan keyakinan itu, kadang-kadang membuat kita berasa khayal tertanya-tanya dan akhirnya khuatir, walaupun kerajaan telah menganalisa kemungkinan, baik buruknya yang akan dialami oleh projek Rancangan Malaysia Kedua itu sebelum ia dijadikan dasar. Segala kemungkinan itu telah difikirkan masak-masak oleh

pemerintah, dan tentu kerajaan akan menghadapi segala kemungkinan itu dengan segala keberanian dan keyakinan pula. Kerana kemungkinan yang buruk akan meragukan rakyat dan kepercayaan terhadap kerajaan menjadi teruji.

Tetapi pernahkah kerajaan bertanya apakah Rancangan Malaysia Kedua dan Dasar Ekonomi Baru itu akan disambut sepenuhnya oleh rakyat yang mahu dimajukan itu. Kerajaan nampaknya beranggapan sebahagian besar rancangan ini dapat dilaksanakan walaupun ia sedar akan kekurangan kakitangan profesional dan tidak profesional. Kerajaan beranggapan bahawa cita-citanya hendak membawa industri ke kawasan luar bandar dan membandarkan kawasan luar bandar itu akan mendapat sambutan yang menggalakkan dari pihak swasta dan kapitalis-kapitalis yang kita tahu — lebih mengutamakan keuntungan dan kepentingan diri itu.

Kerajaan Pusat dan Negeri percaya bahawa dengan membuat syarat supaya firma-firma menguntukkan peratus tertentu seperti 40:60; 30:70 dan 20:80 bagi saham-sahamnya antara orang Melayu dan bukan Melayu itu akan disambut 100% oleh orang Melayu walaupun kerajaan mengakui bahawa 85% daripada mereka ini adalah miskin. Dan macam-macam lagi masalah dan kemungkinan yang dipersoalkan tetapi tidak pernah ditimbulkan terang-terangan oleh kerajaan.

Sejak Rancangan Malaysia Kedua dilaksanakan hinggalah hari ini nampaknya kita lebih banyak bercakap dari bekerja. Kita lebih banyak berseru dari menunjuk ajar rakyat bagaimana mahu menjadi saudagar, *banker* pengimport dan pengeksport. Kita lebih mengutamakan berseminar, berkongres, bersimposium dan berdailog dari melaksanakan rancangan. Hingga hari ini kita tidak tahu berapa ratus kertas kerja dan rumusan yang dibentangkan dalam simposium, kongres, seminar dan dailog. Di Kuala Lumpur setiap minggu ada saja seminar, simposium dan kongres. Juga di mana-mana saja di Malaysia ini tiap-tiap hari ada saja dailog antara pemimpin dengan rakyat. Baik dalam dailog, mahupun dalam simposium, kongres dan seminar sebilangan besar orang yang terlibat termasuklah pegawai tinggi kerajaan yang juga dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua. Ada setengah pegawai tinggi kerajaan hanya mempunyai masa beberapa hari saja di pejabatnya dalam sebulan.

Kita tidak menafikan sama sekali faedah mengadakan seminar, simposium, kongres dan dailog, tetapi kita takut kalau-kalau rumusan akan tinggal rumusan yang disimpan dalam fail semata. Kita juga takut masa akan jadi sia-sia dengan membuat kertas-kertas kerja ini, pada hal masa bagi kita untuk melaksanakan Rancafngan Malaysia Kedua tidak sampai 1,000 hari lagi. Masa tidak pernah menunggu kita. Sebab itu kita perlulah mengejar masa dan menggunakannya dengan bijaksana.

Dari kelakuan yang seolah-olah menunjukkan kerendahan mentaliti ini nyatalah kita masih pada peringkat mencari-cari dan membuat rumusan bagi melaksanakan satu-satu projek pembangunan itu. Dari dailog yang diadakan di sana sini nyatalah kita masih pada peringkat memberi penjelasan kepada rakyat, bukannya pada peringkat melaksana dan menilai kerja-kerja yang telah dibuat. Tetapi kepujian dan tahniah patutlah diberikan kepada badan-badan berkanun seperti PERNAS, PKEN, LPBN, LKTP dan LPB (kecuali MARA) yang betul-betul bekerja dan bertindak tanpa banyak cakap dan publisiti.

Kemiskinan orang Melayu dari segi pemilikan kekayaan dan penguasaan ekonomi negara tidak dapat disangkal lagi. Kita telah menerima hakikat bahawa orang Melayu memiliki 0% estet getah, kelapa dan kelapa sawit, kecuali seluas 308,000 ekar tanah rancangan LKTP. Orang Melayu memiliki peratus yang paling kecil dalam perusahaan perlombongan bijih besi dan timah. Dari seluruh saham yang didaftarkan, $4,678 juta itu, orang Melayu hanya memiliki sebanyak $70.6 juta bersamaan 1.5% saja. Bakinya sebanyak 98.5% lagi yang berjumlah sebanyak $4,602 juta itu adalah kepunyaan asing dan orang bukan Melayu.

Melihat statistik inilah yang menimbulkan keraguan kita. Mungkinkah jurang hakmilik yang begitu luas yang berbeza sebanyak 98.5% ini dapat dirapatkan dalam tempoh 20 tahun. Mungkinkah dalam tempoh 20 tahun, 30% daripada modal saham dan estet-estet serta apa juga kekayaan yang ada pada masa itu (1991) berada dalam tangan orang Melayu. Saya tidak berani membuat keputusan muktamad seperti 2 x 2 = 4. Tetapi untuk menungan dan kebaikan, ada baiknya kalau kita menghalusi dan menganalisa polisi-polisi kerajaan dan pelaksanaannya.

Kerajaan sekarang ini telah menetapkan peratus tertentu yang mesti disediakan kepada orang Melayu bagi saham-saham yang akan dijual. Mengenai peratus saham yang diuntukkan kepada orang Melayu ini belum ada penyelarasan antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Masing-masing menentukan peratus yang dianggap menasabah (walaupun tidak menasabah) untuk dibagikan kepada orang Melayu. Sebab itu terdapatlah kadar-kadar seperti 49:51, 40:60, 30:70 dan 20:80 dan lain-lain antara orang Melayu dan bukan Melayu.

Untuk memudahkan kita mendekati masalah ini, katakanlah purata qota yang dibuat sekarang ini 35:65 antara orang Melayu dan bukan Melayu. Ini bermakna kalau nilai modal saham yang baru dijual dan didaftarkan menjelang tahun 1991 nanti berjumlah $2,000 juta berertilah orang Melayu akan memilikinya sebanyak $700 juta dan orang asing dan bukan Melayu memiliki sebanyak $1,300 juta. Angka ini menunjukkan bahawa 35% dari saham ini telah berada dalam tangan orang Melayu. Bagus sekali!

Tetapi bagaimana dengan perkembangan dan kemajuan modal saham yang sedia sekarang ini yang berjumlah $4,002 juta di tangan orang asing dan bukan Melayu itu? Kalaulah nilai saham ini naik dua kali ganda dalam tempoh 20 tahun bermakna nilainya akan menjadi $8,004 juta. Sementara nilai saham orang Melayu yang berjumlah $70.6 juta itu kalau berganda nilainya akan menjadi $141.2 juta. Tetapi lazimnya nilai modal saham yang besar lebih cepat berkembang dan naik nilainya dari modal saham syarikat-syarikat kecil yang dipunyai oleh orang Melayu.

Dari kenyataan yang berlaku sekarang ini kita dapati walaupun qota ditetapkan untuk orang Melayu membeli saham ini, namun orang Melayu tidak mampu membelinya kerana tidak mempunyai wang yang berlebihan. Barangkali ada pemimpin-pemimpin yang berpuashati dan gembira bila melihat sambutan yang menggalakkan dari orang-orang Melayu terhadap pembelian saham-saham yang dijual oleh syarikat-syarikat swasta. Begitu juga dengan sambutan terhadap saham Amanah MARA. Tetapi kita hendaklah sedar dan selalu awas, bahawa tidak semua saham yang dikhaskan oleh syarikat-syarikat swasta dan yang dijual oleh saham Amanah MARA itu dipunyai oleh orang Melayu. Banyak ter-

dapat kes orang-orang bukan Melayu menggunakan nama orang Melayu bagi membeli saham-saham tersebut. Perkara ini begitu licin dijalankan sehingga sukar dikesani. Kerajaan dan pihak berkuasa tertentu hendaklah menyiasat perbuatan dan sabotaj terhadap Dasar Ekonomi Baru ini dengan segera dan diikuti dengan tindakan yang sewajarnya. Bagi orang Melayu yang agak senang sedikit seperti pegawai-pegawai kerajaan, mereka tidak dapat pula membeli saham ini dengan sewenang-sewenangnya kerana disekat oleh undang-undang dan peraturan kepejabatan. Pegawai-pegawai kerajaan dilarang menceburkan diri dalam lapangan perdagangan dan perusahaan atas alasan-alasan tertentu. Kalaulah peraturan kepejabatan ini dapat dilonggarkan atau dikecualikan kepada orang Melayu tentulah Pegawai-pegawai Melayu ini dapat merebut peluang yang dibukakan oleh kerajaan melalui DEBnya itu.

Kita tidak tahu sebab-sebab yang kuat dan muktamad kenapa kerajaan perlu mengekalkan peraturan kepejabatan yang bertentangan dengan semangat Rancangan Malaysia Kedua dan Dasar Ekonomi Baru ini. Kita masih bertanya kenapa syarat-syarat perkhidmatan dan peraturan kepejabatan warisan penjajah dulu yang bercanggah dengan aspirasi nasional masih mesti diambil dan diikuti membabi buta.

Mengenai pengambilan pekerja di firma dan kilang kita tidaklah berapa runsing dan ragu dengan peraturan yang dibuat oleh kerajaan yang meminta majikan-majikan mengambil pekerja-pekerja berdasarkan komposisi kaum di Malaysia. Maknanya orang Melayu hendaklah diambil atas kadar 50:50 dengan orang-orang bukan Melayu. Kita kurang runsing kerana tenaga buruh tidaklah sama dengan saham atau modal. Tenaga buruh tidak hidup dan berkembang buat selama-lamanya. Sampai masa mereka akan diberhentikan atau dibersarakan atas sebab-sebab cukup umur atau kesihatan atau tatatertib dan lain-lain.

Satu perkara yang menimbulkan persoalan ialah sikap dan tindakan majikan-majikan meletakkan orang Melayu bekerja di firma-firmanya. Orang Melayu hanya diberikan kerja yang mudah seperti menjadi buruh kasar dan kuli saja. Jawatan-jawatan yang lebih tinggi yang bertanggungjawab menentukan dasar firma itu tidak diberikan kepada orang

Melayu. Orang Melayu dikatakan tidak layak untuk menjadi eksikutif dan pengurus. Orang Melayu tidak cekap dan tidak ada pengalaman.

Untuk mengabui mata rakyat dan kerajaan firma ini telah mengambil bekas-bekas menteri, bekas pegawai tinggi kerajaan yang baru bersara dan tokoh-tokoh politik yang berpengaruh untuk jadi *Pengarah-pengarah Tidur* dengan diberikan saham kosong. Dengan berbuat demikian mereka bukan saja dapat berlindung di balik nama Pengarah Tidur bersaham kosong ini tetapi juga dapat menggunakan nama, status dan pengaruh mereka bagi memaju dan membesarkan mereka. Barangkali inilah salah satu bentuk rasuah yang paling besar.

Salah satu langkah yang dirancangkan oleh kerajaan bagi menyusun semula masyarakat Malaysia ialah melalui migrasi penduduk dari luar bandar ke bandar dan sebaliknya serta membuka perusahaan dan kilang-kilang di kawasan luar bandar. Tetapi setakat ini berapa banyakkah firma yang telah dibina di luar bandar oleh pihak swasta? Berapa ramaikah pemodal dan industrialis yang sanggup membuka kilang-kilang di kawasan luar bandar dengan melupakan faktor untung-rugi dan 'selfish'? Setakat ini sambutannya dingin sekali. Pihak swasta lebih banyak bersifat muka dua. Lain dikata lain yang dibuat, telunjuk lurus kelingking berkait. Kerajaan patutlah bertindak lebih tegas dan bijaksana agar kemudahan-kemudahan pelaburan modal seperti pinjaman dan taraf perintis yang diberikan oleh kementerian kepada pemodal-pemodal itu tidak disalahgunakan bagi mendapatkan keuntungan yang sebanyak-banyaknya oleh pemodal-pemodal ini.

Mengenai migrasi ke bandar pula hakikat ini memang telah berlaku dan sedang berjalan dengan giatnya sekarang ini. Bandar-bandar seperti Kuala Lumpur dan Petaling Jaya terutamanya sekarang ini telah dibanjiri oleh pemuda pemudi Melayu dari luar bandar. Tetapi kedatangan mereka ini bukanlah untuk menjadi golongan peniaga dan pedagang. Mereka datang ialah untuk menjadi kuli di kilang-kilang dan firma-firma dengan gaji yang rendah. Migrasi beramai-ramai seperti ini bukan saja telah menyeleweng dari tujuan dan semangat Rancangan Malaysia Kedua tetapi juga telah menimbulkan banyak masalah sosial yang lain pula, seperti

pengangguran dan jenayah serta keruntuhan akhlak.

Perkara yang saya sebutkan di atas tadi adalah mengenai sambutan rakyat dan pihak-pihak swasta terhadap Rancangan Malaysia Kedua. Sekarang marilah pula kita melihat kemampuan dan kesanggupan kerajaan bagi melaksanakan Rancangan ini melalui kakitangannya. Kejayaannya bergantung kuat kepada kualiti dan kuantiti pegawai-pegawai kerajaan yang dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan dasar dan rancangan-rancangan kerajaan ini. Tanpa kualiti yang dikehendaki dan kekurangan kuantiti boleh menjejaskannya.

Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kedua adalah dasar yang paling realistik, positif dan berani yang paling besar pernah dibuat oleh kerajaan Malaysia yang telah mendapat jolokan dan pengiktirafan dari pemimpin luar negeri yang datang melawat Malaysia dan mendengar taklimat-taklimat di Bilik Gerakan Negara. Oleh kerana rancangan ini begitu besar skopnya yang akhirnya akan mengubah bentuk susunan masyarakat, politik, ekonomi dan sistem nilai masyarakat maka kerajaan tentulah berkehendakkan ramai kakitangan bagi melaksanakan rancangan pembangunan negaranya ini. Mengikut RMK kerajaan akan berbelanja sebanyak $7,250 juta yang meliputi aspek ekonomi, sosial dan keselamatan.

Ekonomi	—	$4,871 juta	67%
Sosial	—	$1,067 juta	15%
Keselamatan	—	$1,100 juta	15%
Pentadbiran Am	—	$ 212 juta	3%
Jumlah		$7,250 juta	100%

Dari angka-angka ini nyatalah aspek ekonomi memakan belanja yang terbesar. Ini adalah sesuai dengan tujuan mahu menghapuskan kemiskinan dan mewujudkan golongan peniaga dan pedagang Melayu. Peruntukan sebanyak $4,871 juta bagi aspek ekonomi ini adalah bagi mengembang dan memajukan sektor ekonomi. Pembangunan aspek ekonomi ini termasuklah mengembang dan memajukan sektor per-

tanian, perhutanan, perdagangan dan perusahaan, pengangkutan, perhubungan, kemudahan-kemudahan awam dan kajian kemungkinan.

Rancangan dalam bidang pertanian termasuklah pembukaan ladang getah, kelapa sawit dan tebu secara besar-besaran yang akan dijalankan oleh LKTP, memaju dan memodenkan kerja-kerja perhutanan, pertanian dan penternakan. Kemudahan kredit dan pemasaran bagi hasil-hasil pertanian akan dilipatgandakan melalui Bank Pertanian dan Lembaga Padi dan Beras Negara. Dalam lapangan perdagangan dan perusahaan pula kerja-kerja melaksanakan rancangan ini akan dijalankan oleh PERNAS, MARA, PKEN dan LPB dan lain-lain badan berkanun.

Untuk menjalankan dasar dan rancangan ini negara mestilah cukup kakitangan yang berkualiti yang sesuai dengan semangat pembangunan dan aspirasi nasional. Tetapi soalnya sekarang ini apakah negara punya kakitangan yang cukup dan memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki bagi menjalankan tugas-tugas tersebut. Angka-angka di bawah ini akan dapat memberikan gambaran yang jelas dalam aspek-aspek tertentu yang akan melibatkan Rancangan Malaysia Kedua dari segi pelaksanaan dan kejayaannya. Dalam tempoh ini, sektor pertanian sahaja memerlukan seramai 4,390 pekerja profesional dan tidak profesional. Tetapi negara hanya mampu menyediakan seramai 3,670 orang pekerja profesional dan tidak profesional. Ini bermakna kekurangan seramai 720 pekerja profesional dan tidak profesional.

Untuk menjalankan kerja-kerja pembangunan negara bukan saja memerlukan pekerja profesional dalam bidang pertanian, tapi juga dalam bidang lain seperti jurutera, juru ukur, doktor, guru dan lain-lain orang profesional lagi. Tetapi malangnya orang-orang profesional ini amat sedikit, jauh sekali dari mencukupi untuk digunakan khidmat dan nasihat-nasihatnya oleh negara. Dalam tahun 1972 saja Jabatan Kerja Raya memerlukan 290 Jurutera Awam, 47 Jurutera Mekanik, 24 Jurutera Letrik, 22 Jurutera Ukur Bahan dan 53 Akitek. Sehingga ini 144 Jurutera Awam, 6 Jurutera Mekanik, 4 Jurutera Letrik, 16 Jurutera Ukur Bahan, 21 Akitek masih tidak dipenuhi walaupun usaha-usaha mendapatkan pekerja-pekerja kontrek dijalankan.

Dalam bidang pendidikan pula negara juga menghadapi masalah kekurangan tenaga pengajar. Sepanjang Rancangan ini dianggarkan negara akan kekurangan 2,002 orang Guru Siswazah Sains dan Sastera bagi mengajar di sekolah-sekolah. Tetapi yang anehnya apabila ada guru-guru kelulusan maktab mahu melanjutkan pelajaran mereka ke universiti mereka ini tidak diberi cuti separuh gaji oleh kerajaan jika belum berkhidmat 5 tahun dengan kerajaan. Ada setengah guru pula tidak dapat melanjutkan pelajaran ke universiti walaupun dengan cuti tanpa gaji. Alasan yang dikemukakan ialah takut sekolah-sekolah rendah dan menengah akan kekurangan guru. Tetapi dari angka-angka yang rasmi nyatalah pada masa ini kita kelebihan guru maktab kira-kira 4,000 orang. Jadi di manakah lojiknya alasan ini?

Sepatutnya dasar dan peraturan yang bercanggah dengan semangat Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kedua hendaklah dimansuhkan. Janganlah hendaknya pegawai-pegawai di kementerian berkenaan bekerja seperti robot atau mesin tanpa menggunakan kebijaksanaan dan budi bicaranya. Mematuhi undang-undang dan peraturan yang bertentangan dengan Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kedua adalah satu sikap dan perbuatan yang akan merugikan negara semata.

Dengan menyentuh peranan dan sambutan rakyat dan pihak swasta dan kemampuan kerajaan melaksanakan Rancangan ini, maka saya sebagai manusia biasa tidak nampak jalan cita-cita mahu menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat Malaysia yang akhirnya mewujudkan golongan peniaga dan pedagang Melayu yang aktif yang menguasai sekurang-kurangnya 30% daripada aktiviti-aktiviti ekonomi negara dalam semua lapangan dan peringkat dalam tempoh 20 tahun lagi akan menjadi kenyataan yang mutlak.

Sesungguhnya polisi yang ada sekarang ini kurang positif dan kurang lengkap. Rancangan yang dibuat setengah-setengahnya tidak memadai apa lagi mencukupi. Untuk menjamin hasrat Rancangan ini mencapai matlamatnya yang mutlak saya mengesyorkan beberapa perkara untuk ditimbangkan oleh rakyat, para pelaksana, agen-agen perubahan dan menteri-menteri sendiri:

a. Kerajaan hendaklah mengenakan syarat-syarat tertentu kepada firma-fima yang baru dan mahu menjual sahamnya supaya menjual sekurang-kurangnya 65% dari sahamnya kepada orang Melayu dan Bumiputra serta badan berkanun seperti MARA, PERNAS, PKEN dan PLB.

b. Kerajaan hendaklah membenarkan pegawai kerajaan dari orang-orang Melayu dan Bumiputra memasuki lapangan perdagangan dan perusahaan di luar waktu pejabat dengan sharat mereka tidak menyalahgunakan kuasa dan kedudukan mereka sebagai pegawai kerajaan.

c. Kerajaan hendaklah mensyaratkan firma-firma supaya mengambil pekerja-pekerja Melayu dan Bumiputra sekurang-kurangnya 50% dari jumlah semua pekerja dengan diberikan tugas dalam semua peringkat dari serendah-rendahnya hingga ke peringkat pengurusan dan pentadbiran.

d. Langkah-langkah praktikal bagi mendapatkan pekerja-pekerja profesional yang belum mencukupi, secara kontrek atau pinjaman hendaklah dibuat dengan segera dan sungguh-sungguh. Syarat-syarat perkhidmatan yang menarik seperti gaji yang lumayan hendaklah ditawarkan kepada mereka.

e. Peraturan-peraturan pejabat dan dasar-dasar yang tidak selaras dan bertentangan dengan semangat DEB dan RMK serta aspirasi nasional patutlah diselaraskan atau dikaji semula atau dihapuskan sama sekali semoga tidak wujud percanggahan antara dasar dan pelaksanaannya.

Dewan Masyarakat,
September, 1972.

BAHAGIAN KETIGA
PERHUBUNGAN RAS

18

MASALAH HUBUNGAN KAUM DI MALAYSIA

Sulaiman Salleh

Malaysia memperlihatkan suatu bentuk masyarakat yang agak unik dengan struktur sosialnya yang jelas timbul akibat adanya berbagai-bagai kumpulan etnik yang berbeza dengan mengamalkan sistem dan aktiviti penghidupan berdasarkan garis-garis perkauman. Konsep masyarakat yang demikian dinamakan "Masyarakat majmuk" oleh Furnivall,[1] seorang penuntut ekonomi politik Inggeris yang pernah membuat pengkajian di Asia Tenggara. Dengan timbulnya konsep ini, maka pengkajian terhadap struktur masyarakat yang didiami oleh berbagai-bagai kaum tidak lagi begitu sukar untuk dianalisa, sekurang-kurangnya akan dapat mengelakkan kekeliruan dari apa yang difahami sebagai masyarakat berbilang kaum. Atau dalam pengertian lain, pandangan kita terhadap masyarakat akan dapat menentukan apakah jenis masyarakat

---

1. Furnival, J.S. Nazherland, *A Study of Plural Economy London*, 1939; "The Political Economy of The Tropical Far East, *Royal Central Asian Journal Vol. XXIX* (Part II, IV) – Oktober 1944.

bagi sesebuah negara itu, kerana mengikut H.S. Morris,[2] masyarakat itu dapat dilihat dari tiga bentuk: masyarakat homogen, masyarakat heterogen dan masyarakat majmuk.

Dengan masyarakat homogen dimaksudkan suatu keadaan masyarakat yang mempunyai ciri persamaan samada didasarkan kepada ras, organisasi dan institusi maupun nilai dan norma hidup. Sementara masyarakat heterogen pula membawa ciri-ciri yang sebaliknya, iaitu terdapatnya berbagai-bagai kumpulan etnik yang berbeza dengan sistem dan organisasi ekonomi, politik dan sosial yang beraneka serta nilai-nilai dan norma-norma yang berbagai ragam. Tapi segala kegiatan yang dijalankan itu tidak didasarkan kepada garis-garis perkauman dalam ertikata setiap kaum turut sama mencipta persamaan dan perbezaan aktiviti sosio-politiko-ekonomi hingga terwujudnya sistem interaksi sosial yang lebih erat dan kekal antara kaum. Manakala masyarakat majmuk pula terdiri dari berbagai-bagai kumpulan etnik yang berbeza, tinggal bersama-sama tetapi mempunyai sistem, organisasi dan aktiviti sosio-politiko-ekonomi yang berbeza-beza berdasarkan kumpulan etnik, yang memperlihatkan dengan jelas wujudnya garis perkauman yang menjadi amalan hidup setiap kumpulan itu. Di sinilah timbulnya perbezaan konsep antara masyarakat majmuk dan masyarakat berbilang kaum yang bersifat heterogen itu.

Walaupun konsep masyarakat majmuk ini merupakan suatu alat penganalisa yang digunakan untuk memandang masyarakat sebagai sesuatu yang tidak sama, tapi ia selalu dibezakan dari apa yang dikatakan sistem susunlapis masyarakat. Sistem susunlapis dianggap sebagai penggolongan orang berdasarkan tinggi-rendah dalam ertikata menggolongkan sesuatu kumpulan yang 'dianggap dan dipandang sama ke dalam satu golongan dan mengasingkannya dari golongan lain. Asas penggolongan selalunya didasarkan kepada umur, jantina, ras, tapi yang pentingnya ialah penggolongan yang didasarkan kepada kekayaan dari segi ekonomi dan kekuasaan dari segi politik. Kerana dasar penggolongan ini membawa inplikasi sosial yang amat luas, dalam pengertian

---

2. Morris, H.S., *Some aspect of the Concept Plural Society*, MAN, New Series, Vol. 2, 1967, halaman 171.

faktor inilah yang menimbulkan perbezaan peranan dan fungsi antara anggota masyarakat, hingga orang-orang yang menjalankan peranan yang dianggap tinggi, penting dan dihargai berdasarkan nilai-nilai yang dominan dalam masyarakat itu akan dianggap penting, dihargai dan dihormati. Di samping itu mereka yang tergolong dalam kumpulan ini akan mempunyai peluang kebudayaan dan ini akan menentukan corak kebudayaan yang tertentu pula. Dengan keadaan yang demikian, menyebabkan timbulnya kecenderungan orang tersebut untuk bergaul dengan orang yang dianggap sama kedudukan dengan mereka. Akibatnya menonjolkan lagi keadaan yang tidak samarata antara anggota masyarakat.

Dari Segi Sejarah

Secara umumnya jelas memperlihatkan bahawa sama ada sistem estet di Eropah, sistem kasta di India maupun sistem kelas dan status yang wujud dalam hampir seluruh masyarakat di dunia hari ini mempunyai ciri-ciri berbeza dari apa yang dimaksudkan dengan konsep majmuk ini. Sistem estet didasarkan kepada penentuan tugas yang disokong oleh undang-undang yang sistem kasta didasarkan kepada pekerjaan dan mendapat justifikasi keagamaan, sementara sistem kelas dan status selalunya ditentukan oleh peranan yang berpunca dari kekayaan dan kekuasaan. Tapi sistem masyarakat majmuk adalah ditentukan oleh aktiviti penghidupan berdasarkan garis perkauman. Walaupun secara idealnya sistem ini tidak memperlihatkan kemungkinan berlakunya mobiliti sosial sebagaimana juga yang terjadi dalam masyarakat tertutup, tapi ia boleh dipecahkan menerusi pelaksanaan berbagai-bagai proses depluralisasi.

Bagaimanapun dalam keperihalan masyarakat Malaysia sekarang, belum lagi diwujudkan proses dipluralisasi itu dengan nyata, tegas dan berkesan. Sedangkan proses inilah sahaja yang boleh mewujudkan integrasi sosial dalam ertikata menjamin keteguhan perpaduan negara yang merupakan sebagai kunci keharmonian kaum dan memungkinkan timbulnya keadilan sosial.

Oleh kerana masyarakat yang berbentuk demikian lahir menerusi arus gelombang dan liku-liku sejarah, maka langkah untuk menyusun semula strukturnya supaya menimbulkan

suatu bentuk masyarakat yang baru dan benar-benar dapat menjamin keteguhan negara dan kesejahteraan rakyatnya, tidak akan mencapai kesempurnaan yang konkrit jika diketepikan faktor sejarah. Ertinya setiap pengkajian untuk menganalisa terjadinya keadaan demikian guna dijalankan langkah-langkah positif untuk mengatasi masalah yang wujud, haruslah dilihat dari perspektif sejarah, tegasnya sejarah sosial. Hakikat sesuatu finomena yang terdapat sekarang merupakan sebagai lanjutan dari masa-masa yang silam, memang tak dapat dinafikan lagi. Dengan kata-kata lain, setiap phenomena mempunyai sejarahnya sendiri, dan kesuburan perkembangannya melalui liku-liku sejarah tak dapat tiada disebabkan adanya fungsi-fungsi tertentu. Dari hakikat ini memperlihatkan perkembangan unsur-unsur majmuk yang berlaku menerusi arus gelombang sejarah negeri ini sudah tiada syak lagi didorong oleh berbagai-bagai fungsi yang berpengaruh dan efektif.

Malaysia secara umumnya didiami oleh tiga kumpulan etnik yang besar, iaitu Melayu, Cina dan India. Ketiga-tiga kumpulan ras yang mempunyai latarbelakang kebudayaan yang berbeza, dan proses pertembungan yang berlaku antara ketiga-tiga budaya ini tidak pernah menghasilkan apa-apa budaya yang baru, malah cara hidup masing-masing terus berkembang berdasarkan nilai-nilai dan norma-norma tersendiri. Orang-orang Melayu yang merupakan sebagai penduduk asal negeri ini tetap mempunyai dan mengamalkan sistem hidup yang berteraskan kebudayaan tradisi, sebagaimana juga orang-orang Cina dan India, yang masing-masing tetap menganut nilai-nilai kebudayaan yang dibawa bersama dari negeri asal mereka.

Sebelum kedatangan kuasa British ke dalam institusi-institusi politik Negeri-negeri Melayu, masyarakat Melayu secara umumnya terbahagi kepada dua golongan, iaitu golongan pemerintah dan golongan rakyat jelata yang diperintah. Kuasa pemerintahan negeri-negeri secara idealnya berada di tangan Sultan, tapi dalam praktiknya kuasa itu wujud pada Pembesar-Pembesar Daerah. Susunan sistem politik tradisi ini juga meliputi hingga ke peringkat-peringkat unit pentadbiran yang lebih kecil, iaitu mukim dan kampung, di mana terdapat pula penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung dengan peranan dan status masing-masing.

Keruntuhan Sistem Kekeluargaan

Pertanian adalah asas ekonomi orang Melayu yang berdasarkan sistem secukup hidup. Keadaan ini memperlihatkan organisasi pengeluaran ekonomi lebih bergantung kepada tenaga-tenaga keluarga, dan tingkat pengeluaran ekonomi dapat ditinjau kepada besar atau kecilnya satu keluarga itu, kerana setiap anggota keluarga merupakan sebagai harta dari segi ekonomi. Bagaimanapun dengan keadaan masyarakat yang lebih memperlihatkan ciri-ciri homogen ini, memberi gambaran betapa teguh dan kukuhnya semangat perpaduan dan kedaerahan dalam segala lapangan, baik di bidang sosial maupun di bidang ekonomi yang terjelma menerusi institusi-institusi tolong-menolong, gotong-royong, menyeraya, berderau dan lain-lain seumpamanya.

Dengan kedatangan politik Barat yang memperkenalkan sistem birokrasi moden bersama-sama dengan munculnya sistem ekonomi moden yang berdasarkan sistem ekonomi kewangan dan sistem pendidikan formal, struktur masyarakat Melayu beransur-ansur berubah. Pengkhususan ekonomi telah berlaku, dan proses pengaliran penduduk terutama ke kawasan-kawasan yang muncul sebagai bandar-bandar telah terjadi walaupun dengan kadar yang rendah. Gejala-gejala ini telah membawa kepada kelemahan dan keruntuhan sistem kekeluargaan dan institusi-institusi ekonomi tradisional. Masyarakat lebih cenderung mengumpul harta untuk kepentingan diri, dan di sini agak jelas unsur-unsur individualistik telah mula meresap ke dalam masyarakat Melayu, sehingga ke dalam unit-unit pentadbiran yang paling asas seperti mukim dan kampung-kampung juga turut munculnya suatu bentuk susunlapis masyarakat yang baru, dengan timbulnya golongan orang kaya (khususnya tuan-tuan tanah) dan kelas menengah, yang keseluruhannya didasarkan kepada nilai ekonomi. Ertinya nilai ekqnomi telah menggantikan nilai-nilai susila dan nilai-nilai agama yang menjadi nilai yang dominan dalam masyarakat tradisi.

Golongan penduduk yang kedua besarnya di Malaysia ialah kaum Cina. Orang Cina datang dengan secara besar-besaran mulai pertengahan abad ke-19, bila berlakunya pembukaan lombong-lombong bijih timah di Semenanjung Barat. Kaum Cina lebih memperlihatkan unsur-unsur yang hetero-

gen, kerana mereka datang, tapi juga didasarkan kepada dialek, suku dan kumpulan nama keluarga mengikut prinsip nasab bapa. Golongan-golongan ini pula ditentukan oleh jenis pekerjaan, dalam erti ada pengkhususan antara kumpulan-kumpulan dialek-dialek itu, seperti orang-orang Hokkien terkenal sebagai pedagang termasuk perdagangan import-eksport, orang-orang Hakka kebanyakannya menumpukan tenaga mereka di bidang perlombongan di samping tak kurang juga yang menjadi penanam dan penjual sayur, sementara orang-orang Hailam pula terkenal sebagai pekedai kopi. Hubungan mereka selalunya berdasarkan kepada konflik. Satu-satunya institusi penting, baik yang mencipta maupun yang dapat menyelesaikan masalah antara mereka ialah kongsi gelap – satu-satunya fenomena yang dibawa bersama dari negeri asal mereka.

Kedatangan mereka yang mengendalikan kegiatan ekonomi moden berdasarkan sistem kapitalis telah menjadikan mereka sebagai penduduk-penduduk yang utama di kawasan-kawasan bandar yang baru muncul, dengan nilai-nilai, kepentingan dan matlamat yang baru. Bagaimanapun hubungan mereka dengan negeri asal mereka tetap terjalin dalam bentuk yang rapat dan kukuh. Hubungan ini terutamanya dapat ditinjau di bidang politik, di mana segala gerakan mereka di sini dipengaruhi oleh gerakan yang berlaku di negeri Cina. "The 'homeland' became a focus of political interest".[3] Keadaan inilah yang mendorongkan mereka mengadakan sistem pendidikan formal sendiri yang menggunakan bahasa Muo-yu sebagai bahasa pengantarnya.

Kedatangan orang-orang India secara besar-besaran ke Malaysia berlaku dalam peringkat yang lebih lewat, yang mempunyai hubungan rapat dengan pembukaan ladang-ladang getah pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Seperti juga orang Cina, kaum India tidak homogen dalam ertikata adanya berbagai-bagai golongan yang berbeza-beza terutama sekali disebabkan oleh sistem kasta di samping faktor-faktor perbezaan bahasa dan tempat asal. Selain dari penumpuan ke estet-estet, terdapat juga mereka yang bekerja

---

3. Maurice Freedman, *The Growth of Plural Society in Malaya*, Pacific Affairs, Vol. XXXIII, No. 2, Jun 1960, halaman 164.

sebagai buruh-buruh di Jabatan Keretapi, Kerjaraya, anggota polis (khususnya golongan Punjab), dan sebagai peminjam wang. Juga seperti kaum Cina, orang-orang India mempunyai hubungan yang sangat erat dengan negeri asal, malah dalam kebanyakan hal, kehadiran mereka lebih merupakan untuk sementara waktu saja — semata-mata untuk menceduk hasil kekayaan negeri ini.

Dalam konteks kemunculan gerakan reformis dan nasionalis, masing-masing kaum menjalankan aktiviti yang tersendiri dengan mendokong ideologi-ideologi dan matlamat-matlamat yang berbeza. Hal ini memang jelas sekali terjadi, kerana masing-masing kumpulan etnik telah diassimilasi dan disosialisasi oleh nilai-nilai dan norma-norma hidup berdasarkan latarbelakang kebudayaan masing-masing. Dengan adanya sistem pendidikan formil yang tidak didasarkan kepada sesuatu sistem tunggal yang bersifat kebangsaan, tambah menggalakkan lagi berkembangnya unsur-unsur majmuk, kerana berpunca dari pendidikan, menjadikan corak ekonomi dan sosial antara kaum-kaum yang berbeza terus subur berkembang di atas garis-garis yang sudah sedia terbentuk.

Pada peringkat awalnya orang Melayu menjalankan gerakan reformasi dengan tujuan membangunkan masyarakat Melayu supaya mencapai kemajuan sejajar dengan perkembangan dunia. Soal ini dengan secara langsung menggugat golongan pemerintah dan lain-lain golongan *establishment* dalam masyarakat Melayu, yang disifatkan bertanggungjawab terhadap keadaan rakyat yang begitu mundur. Penguasaan kaum Cina terutamanya dalam bidang ekonomi yang tambah menekan lagi kehidupan orang Melayu merupakan suatu faktor yang penting ke arah kesedaran nasionalisme. Baik gerakan yang dijalankan menerusi sebaran am maupun gerakan-gerakan berorganisasi yang muncul dengan berbagai-bagai ideologi, jelas memperlihatkan ke mana arah dan matalamat yang ingin dicapai oleh aliran pemikiran politik Melayu dalam separuh pertama abad ke-20.

Sementara kaum Cina, walaupun juga mempunyai berbagai-bagai ideologi politik yang berbeza antara mereka, tapi amat jelas sekali sumber ilham dan kiblat mereka adalah negeri Cina. Ertinya gerakan reformis dan gerakan revolusiner di tanah besar itu merupakan faktor utama

menyedarkan masyarakat Cina di Malaysia, baik kesedaran untuk mencedok kekayaan negeri ini guna membiayai gerakan di negeri mereka, maupun kesedaran untuk terus menguasai tampuk pemerintahan negeri ini sebagaimana yang diperjuangkan oleh golongan komunis di satu pihak dan golongan orang Cina Peranakan di pihak yang lain.

Dalam masa pergolakan suasana yang demikian juga, orang-orang India tidak tinggal pasif. Kesedaran ini timbul juga di kalangan mereka, walaupun tingkat kesedaran itu agak rendah, dan tidak seradikal kaum-kaum lain. Bagaimanapun, gerakan mereka yang turut dipengaruhi oleh perkembangan politik India yang hampir mencapai kemuncak itu, memberi kesan yang tak kurang juga pentingnya sama ada terhadap rejim Kolonial maupun terhadap masyarakat Melayu sendiri.

Pengkhususan Pekerjaan

Secara umumnya jelaslah, setiap kaum yang terbesar di negeri ini menjalankan kegiatan-kegiatan hidup di atas garis-garis perkauman. Segala-galanya ini berpunca dari penempatan penduduk dan pertapakan aktiviti-aktiviti ekonomi di peringkat awalnya, hingga menjadikan orang Melayu terus tinggal di kawasan-kawasan pendalaman dengan mengamalkan sistem ekonomi tradisi, orang Cina terus tinggal dalam kawasan-kawasan bandar yang muncul akibat berkembangnya perusahaan perlombongan yang diikuti oleh lain-lain kegiatan ekonomi moden dan orang India di ladang-ladang getah. Fenomena ini diperlanjut dan digalakkan lagi oleh perkembangan sistem pendidikan formil, yang merupakan satu-satunya saluran dan agen sosialisasi dan induktrinasi yang amat berpengaruh dalam penghidupan manusia moden. Menerusi institusi inilah dapat ditentukan tingkat pencapaian hidup sesuatu masyarakat, tinggi atau rendahnya, penting atau tidaknya kedudukan dan peranan seseorang dalam masyarakat, baik dari segi politik, ekonomi maupun di bidang sosial.

Kesan yang amat penting sekali dari kejadian-kejadian tersebut dapat ditinjau dari segi ekonomi. Hingga tahun 1911, pengkhususan pekerjaan antara akum-kaum yang terbesar di Malaysia adalah seperti yang terdapat dalam rajah I:

RAJAH I

(Angka yang ditunjukkan adalah dalam kiraan peratus)

Bil.	Jenis Pekerjaan	Melayu	Cina	India
1.	Perkhidmatan Kerajaan	24.5	12.8	59.1
2.	Pertanian	43.4	28.0	28.0
3.	Perkhidmatan Peribadi	7.9	66.1	25.5
4.	Perkilangan	18.8	72.9	7.7
5.	Ikhtisas	18.3	53.0	18.3
6.	Perlombongan	0.9	97.1	1.9

Data-data dalam rajah di atas hanya memberi perangkaan dalam sektor-sektor ekonomi secara kasar saja. Bagaimanapun, sudah agak jelas gambaran tersebut memperlihatkan kewujudan unsur-unsur majmuk dalam lapangan ekonomi. Apa lagi pekerjaan-pekerjaan itu dipecah-pecahkan kepada unit-unit pekerjaan yang lebih kecil, gambaran yang lebih ketara akan kelihatan betapa adanya pembahagian kerja antara kaum yang terbesar ini. Kesan dan implikasi sosial dari kewujudan fenomena tersebut amat luas sekali. Ia bukan sahaja menimbulkan perbezaan-perbezaan sosial yang dijelmakan melalui institusi-institusi sosial yang berbentuk fizikal seperti pertubuhan-pertubuhan yang dianggotai oleh satu-satu kaum (Dewan Perniagaan Melayu, Dewan Perniagaan Cina, Dewan Perniagaan India, Chinese Recreation Club, Kelab Belia atau jenis-jenis permainan seperti bola keranjang, sepak raga jaring, dan lain-lain hingga kepada pertubuhan-pertubuhan politik UMNO, MCA, MIC, tapi juga jelas memperlihatkan tidak adanya interaksi sosial akibat masing-masing menganuti nilai-nilai, norma-norma, sikap, kepentingan, tujuan dan matlamat hidup yang berbeza dan dalam kebanyakan hal bertentangan pula.

Sebenarnya masalah hubungan kaum yang kompleks hanya melibatkan dua kumpulan sahaja, iaitu antara orang Melayu dan orang Cina.[4] Dan masalah ini hanya wujud pada peringkat-peringkat yang akhir-akhir ini, terutamanya bermula dalam tahun-tahun 1930an di mana suasana politik negara pula bergelora akibat pergolakan politik dunia. Golongan Cina Peranakan di bawah pimpinan Tan Cheng Lok telah mula membuat berbagai-bagai desakan kepada pemerintah supaya mereka diberi hak yang sama seperti orang Melayu dalam perkhidmatan-perkhidmatan dan jawatan-jawatan kerajaan serta lain-lain keistimewaan. Mereka mensifatkan rejim British menjalankan dasar pro-Melayu, lebih-lebih lagi masa itu soal disentralisasi mula hangat diperbincangkan. Sementara kaum Melayu pula menganggap British seperti gergaji bermata dua, yang hanya memperbesar-besarkan dasar untuk menolong orang Melayu, sedangkan sebaliknya terdapat berbagai-bagai diskriminasi terutama dalam soal mengadakan sekolah-sekolah Melayu yang tidak mempunyai tujuan dan matlamat positif untuk membangun masyarakat Melayu.

Golongan Melayu yang pernah dan sedang merasa bimbang di atas perkembangan dan dominasi orang Cina ke atas pengeluaran dan aktiviti ekonomi negeri ini merasa tuntutan itu sebagai satu ancaman yang lebih hebat terhadap masa depan mereka. Keadaan yang membimbangkan ini tambah menaikkan lagi semangat orang Melayu bila timbul pula dakwaan dari Lim Ching Yang[5] yang dilahirkan menerusi ucapan-ucapannya di Singapura dan di Pulau Pinang pada awal tahun 30an, yang mengatakan orang Cina memang mempunyai hak di negeri ini kerana golongan merekalah yang memajukan negeri ini.

Kesan dari ucapan itu telah menimbulkan reaksi yang hebat di kalangan orang Melayu, dan beberapa buah majalah termasuk Al-Ikhwan telah memberi jawaban yang panjang lebar terhadap dakwaan dan tuntutan tersebut. Antara jawaban-jawaban itu mengatakan bahawa tukang-tukang yang

---

4. Ian Morrison, *Aspects of the Racial Problem in Malaya, Pacific Affairs*, halaman 240.

5. Roff, W.R., *The Origins of Malay Nationalism*, K.L. 1967, halaman 209.

diupah untuk mengecat sebuah rumah memang tak berhak menuntuk kepada yang punya. Baik diterima jawaban itu sebagai suatu alasan yang logik maupun ditinjau dari segi undang-undang perlembagaan, dakwaan dan tuntutan Lim Ching Yang itu sememangnya tidak berasas. Berdasarkan undang-undang perlembagaan, siapa yang memaju atau yang memodenkan sesebuah negeri itu tidak timbul. Tapi soal yang dapat menentukan hak politik terhadap sesebuah negeri itu adalah didasarkan kepada siapakah yang memerintah lebih dulu, kerana soal ini mempunyai implikasi yang memang logik walau ditinjau dalam aspek mana sekalipun. Dari keadaan itu memperlihatkan bahawa golongan yang datang kemudian itu sudahpun mengaku untuk tunduk kepada kehendak-kehendak dan sistem kerajaan yang sudah sedia ada, dan dengan itu mereka adalah tertakluk kepada undang-undang dan perlembagaan yang sudah termaktub.

Berikutan dari peristiwa tersebut, hubungan antara kedua kaum itu mungkin tegang dan menambahkan lagi konflik. Ini juga disebabkan oleh makin bertambahnya penduduk-penduduk Cina, dan kian ramai pula mereka yang berkelulusan Inggeris mendesak untuk mendapat jawatan-jawatan dalam perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan, di samping bertambah teguhnya penguasaan mereka dalam bidang-bidang ekonomi. Sementara di pihak yang lain, kesedaran politik orang Melayu telah mula mencapai tingkat yang lebih matang.

Perang Dunia II dan masa-masa selepasnya kian menambahkan lagi ketegangan Jepun yang memang menjadi musuh orang Cina membawa kesan-kesan yang bertambah merbahaya, kerana orang Melayu lebih memandang Jepun sebagai jaguh perjuangan anti penjajah. Keadaan ini diperlanjutkan lagi bila British mengambil alih semula tampuk pemerintahan, yang kemudiannya diikuti oleh berbagai-bagai gagasan politik dan perlembagaan baru. Soal kewarganegaraan telah muncul sebagai satu issu yang hangat dan sensitif, baik semasa gagasan Malayan Union dipersoalkan maupun setelah Perjanjian 1948 dikuatkuasakan.

Bagaimanapun masalah hubungan kaum ini mencapai penyelesaian secara fizikal sahaja, terutama di kalangan pihak-pihak tertentu dengan masing-masing pihak bertolak ansur untuk membentuk perlembagaan negara bagi tujuan

mencapai kemerdekaan negara. Kerana itu pertempuran terus-menerus berlaku apabila timbul satu-satu issu yang sensitif:

1. Pada bulan Januari 1957, bila diadakan perayaan menyambut George Town, Pulau Pinang, sebagai bandaraya, berlaku rusuhan kaum yang menyebabkan 4 orang terbunuh dan 50 orang cedera.
2. Bulan Mei 1957, berlaku pertempuran di Pulau Pangkor yang mengakibatkan 2 jiwa terkorban.
3. Tahun 1967 bila berlakunya penurunan nilai mata wang lama, sekali lagi berlaku rusuhan kaum di Pulau Pinang.
4. Akhir sekali, **peristiwa 13 Mei, 1969**, peristiwa yang berupa tragedi negara yang paling dahsyat hingga terbentuknya MAGERAN.

Dari liku-liku perkembangan sejarah yang amat pahit ditempuhi rakyat dalam konteks hubungan kaum di negeri ini, dapatlah ditegaskan bahawa prasangka ras amat tebal sekali hingga melahirkan semangat perkauman yang membara. Situasi yang telah dibentuk oleh sejarah ini dapat kita tinjau dari segi:

a. Kebudayaan dan sosial yang menggalakkan masing-masing kaum hidup dengan mengamalkan tradisi tersendiri baik dari segi bahasa, agama, adat resam, sistem nilai dan norma, serta hukum-hukum sosial yang diwarisi turun-temurun.

b. Kegiatan ekonomi dan tingkat pendapatan yang tidak seimbang. Di satu pihak didapati orang bukan Melayu yang tinggal di bandar-bandar mengamalkan kegiatan ekonomi moden dengan mencapai tingkat pendapatan yang tinggi. Di pihak lain, kedapatan orang Melayu yang tinggal di desa-desa mengamalkan usaha-usaha ekonomi secara tradisional. Mengikut banci tahun 1957, kira-kira 60% daripada penduduk bandar terdiri dari orang Cina, manakala 80% daripada orang Melayu tinggal di desa-desa. Dan mengikut banci dalam tahun yang sama juga, 60% daripada pendapatan kasar negara adalah dimiliki oleh orang Cina, yang hanya 37% daripada jumlah penduduk, sementara orang Melayu berupa kira-kira 50% daripada penghuni negara memperolehi

25% sahaja dari pendapatan kasar negara. Apa yang lebih membahayakan kedudukan ialah bilangan minoriti khususnya orang Cina hampir sama bilangan mereka dengan orang Melayu yang berupa golongan majoriti.

c. Sistem pendidikan yang membenarkan tiap-tiap kaum mengembangkan falsafah pelajaran melalui bahasa ibunda masing-masing. Pada hal sekolah merupakan agen sosialisasi dan saluran indoktrinasi yang paling penting dan berkesan. Proses ini makin menggalakkan lagi kelahiran prasangka ras yang berupa asas semangat perkauman.

d. Akibat dari gejala itu timbulnya parti-parti politik memperjuangkan kepentingan satu-satu kaum. Dari api perkauman yang ditiup menerusi ideologi politik inilah yang selalunya mencetuskan satu-satu konflik yang dibedung sekian lama.

Memandangkan betapa ketaranya unsur-unsur polarisasi yang melahirkan masyarakat majmuk di negeri ini, usaha-usaha tegas dan berkesan perlu segera dijalankan. Supaya dengan perombakan unsur-unsur yang melahirkan jurang ekonomi dan jarak sosial itu, keselamatan dan kestabilan negara tetap terjamin. Secara keseluruhan, langkah-langkah tersebut haruslah melibatkan:

1. Pembentukan satu institusi atau badan khas yang bertanggungjawab dalam soal-soal hubungan ras. Kerajaan selepas peristiwa 13 Mei telahpun membentuk Majlis Muhibbah Negara hingga ke peringkat Negeri dan Daerah. Antara lain tugas badan ini hendaklah:

   a. Mengadakan satu (pendapat umum) supaya masing-masing kaum dapat menerima toleransi ras yang bertujuan mengurangkan prasangka dan konflik;
   b. Membentuk kebudayaan nasional supaya masing-masing kaum mengamalkan satu cara hidup yang sama dengan kepentingan yang tunggal.

2. Mengadakan satu sistem pelajaran yang tunggal dengan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Di samping itu peluang-peluang dan kemudahan-kemudahan pelajaran haruslah diberi kepada golongan bumiputra supaya bilangan pelajar-pelajar terutama di institusi-institusi pelajaran tinggi mencerminkan bilangan penduduk yang sebenar.

3. Menghapuskan segala bentuk persatuan dan organisasi yang dibentuk atas dasar kepentingan satu-satu kaum. Hanya persatuan-persatuan yang memperjuangkan kepentingan seluruh kaum tanpa mengira keturunan dan agama sahaja yang harus dibenarkan wujud.

4. Mengimbangi tingkat pendapatan antara kaum dengan memberi peluang dan kemudahan yang lebih kepada golongan bumiputra untuk membolehkan mereka menjalankan kegiatan ekonomi moden secara perdagangan dan perusahaan. Dengan kata lain, orang Melayu haruslan diperbandarkan, baik digalakkan proses pengaliran desa kota atau unsur-unsur urbanis itu sendiri dibawa ke desa-desa.

5. Mengadakan perkhidmatan negara, supaya proses indokinasi menerusi saluran ini akan memberi kesan mendalam terhadap perasaan cintakan negara dan sanggup berkorban demi kepentingan tanah air.

6. Akhir sekali, pemimpin-pemimpin politik baik di pihak kerajaan maupun di pihak pembangkang, haruslah mengorbankan setengah-setengah kepentingan parti mereka demi mencari jalan keluar bagi membimbing negara ke arah pencapaian matlamat yang dapat menjamin keharmonian rakyat dan kestabilan negara.

Dewan Masyarakat
Mac, 1971

19

MASALAH KEBUDAYAAN DALAM MENCAPAI PERPADUAN NASIONAL

Sulaiman Saleh

Ketika kita berada di luar negeri orang bertanya apakah bangsa kita? Bagi orang keturunan Cina barangkali akan mengatakan bahawa ia seorang yang berbangsa Cina. Jawaban yang sama juga mungkin dijawab oleh warganegara dari keturunan India. Begitu juga orang Melayu, keturunannya tidak akan diketepikannya, malah dengan sedaya mungkin akan diperlihatkan secara yang lebih nyata dan megah bahawa ia adalah berbangsa Melayu. Atau mungkin pula ada golongan yang lebih rasional dan sanggup mengenepikan sikap etnosentrisime keturunannya dengan memberi jawaban bahawa mereka adalah berbangsa Malaysia.

Tentunya jawaban yang pertama yang dibuat oleh orang Cina, India dan Melayu itu tidak tepat dari segi definasi dan konsepnya. Dalam konteks negara Malaysia sekarang, baik Cina, India maupun Melayu, malah lain-lain keturunan juga bukannya lagi merupakan sebagai satu bangsa. Ia hanya merupakan satu ras atau lebih tepat lagi dikatakan kelompok etnik.

Bangsa ialah keseluruhan golongan yang menjadi warga-

negara dalam satu-satu wilayah politik yang otonomus dan masing-masing patuh kepada institusi-institusi yang sama hingga menimbulkan mereka sebagai satu bangsa. Cina, India dan Melayu serta lain keturunan yang mendiami negeri ini dikatakan sebagai kelompok etnik kerana masing-masingnya dipisahkan oleh faktor-faktor tingkat perkembangan kebudayaan, jenis variasi kebudayaan yang diamalkan dan pola kebudayaan yang dipraktikkan.

Jadi, Cina, India dan Melayu serta lain-lain keturunan itu adalah terdiri dari satu bangsa saja, yaitu bangsa Malaysia. Sama ada kenyataan ini dapat diterima atau tidaknya dalam praktik, baik kerana dikongkong oleh sentimen-sentimen perkauman atau di kalangan orang Melayu pula kerana masih ingin mengekalkan lagi konsep Melayu sebagai satu bangsa sebagaimana yang diperjuangkan oleh almarhum Datuk Onn dulu, tidaklah menjadi soal. Tetapi secara konsepsinya mengikut konteks masyarakat kita hari ini, golongan-golongan itu tetap disifatkan sebagai satu bangsa, bangsa Malaysia. Tegasnya tanpa memperhitungkan jenis keturunan kebudayaan dan warna kulit, setiap golongan yang menjadi warganegara negara ini adalah dikatakan bangsa Malaysia.

Orang-orang Negro di Amerika Syarikat walaupun mereka berkulit hitam tapi tetap dikenal sebagai bangsa Amerika. Atau orang-orang Badwi yang kulit berwarna di tengah-tengah masyarakat Arab yang berkulit putih, juga dikatakan berbangsa Arab. Contoh lain yang lebih dekat dapat diperhatikan di Selatan Thai, di mana pihak yang berwajib mendakwa bahawa golongan majoriti yang mendiami di situ adalah Muslim Thai, di samping adanya usaha terus menerus untuk mengassimilasikan orang-orang Melayu tersebut supaya mereka benar-benar wujud sebagai bangsa Thai.

Ciri-ciri Sosial

Kembali kepada soalan di atas, tentunya jawaban yang pertama tak dapat dipertahankan kebenarannya dan jawaban yang kedua itu saja yang lebih tepat dan dapat diterima dari segi konsep dan tujuannya. Tapi di sini mungkin timbul lagi satu soalan: bagaimanakah ciri-ciri manusia Malaysia itu? Bila membicarakan tentang ciri-ciri di sini, konsep biologi terpaksa diketepikan kerana memang mustahil negara yang

wujud di dunia hari ini didiami oleh bangsa yang mempunyai ciri-ciri persamaan dari segi fizikalnya. Jadi maksud ciri dalam pengertian ini ialah dari segi yang lain, dari segi yang dirumuskan sebagai ciri-ciri sosial. Timbulnya persoalan ini kerana bentuk masyarakat Malaysia sendiri amat unik dengan segala kerumitan yang sukar memperlihatkan identiti kebangsaan yang jelas. Hakikat ini wujud kerana adanya tiga kumpulan etnik yang besar dengan masing-masing hidup terpisah dan terus berkembang di atas garis-garis perkauman.

Dalam tahun 1957, Tanah Melayu (Semenanjung Malaysia) mempunyai seramai 6,278,753 orang penduduk. Dari jumlah tersebut, kurang dari 50% adalah orang Melayu, kira-kira 37% orang Cina, kira 12% pula orang India dan lebih kurang 0.2% terdiri dari kumpulan ras yang lain. Secara keseluruhan dari angka-angka tersebut, memperlihatkan satu masalah besar sedang membebani negara untuk mengwujudkan perpaduan nasional. Dengan kata lain, tingkat perpaduan negara yang lebih konkrit amat sukar dicapai, kerana di sebalik angka-angka itu, terdapat berbagai-bagai faktor penghalang.

Faktor yang penting sekali ialah dalam pembahagian ras itu, bukan saja melibatkan soal-soal perbezaan bentuk cara fizikalnya, tapi juga masing-masingnya mempunyai kebudayaan dengan segala adat, sikap, nilai-nilai dan norma-norma yang tersendiri di samping agama dan bahasa yang berlainan. Hakikat inilah yang melahirkan sikap prasangka dan diskriminasi ras. Kerana dengan masing-masing kumpulan tertakluk kepada cara-cara dan nilai-nilai hidup yang tersendiri, terjelmanya perasaan kekitaan atau kelompok kekitaan antara mereka, dan berasaskan dari sikap inilah pula api perkauman terus menyala dan membara. Dengan kata lain, masing-masing kumpulan etnik akan memandang satu sama lain berdasarkan nilai-nilai budaya mereka yang sememangnya tertakluk kepada unsur-unsur etnosentrisisme. Tanpa memperhitungkan faktor-faktor lain, secara psikologi akan lahir sikap prasangka ras. Dalam banyak hal, sikap inilah yang mendorongkan timbulnya tindakan diskriminasi, yang berupa sokongan utama ke arah pertumbuhan dan perkembangan sentimen perkauman.

Faktor pembahagian penempatan antara masing-masing kaum jelas memperlihatkan pemisahan mereka secara fizikal,

turut sama membawa masalah perkauman yang bukan senang untuk diatasi. Secara umumnya orang bukan Melayu tertumpu di negeri-negeri Pantai Barat sementara orang Melayu pula terdapat di kawasan-kawasan Pantai Timur dan Utara (Lihat Rajah I). Di samping terpisahnya kedudukan mereka, terdapat pula rasa tidak puas hati dari satu pihak kerana kawasan-kawasan Pantai Barat jauh lebih maju dengan taraf hidup yang lebih tinggi dapat dinikmati oleh penduduk-penduduknya.

Proses urbanisasi yang berlaku dalam masa-masa yang lalu, hanya memberi keuntungan kepada negeri-negeri Selangor, Negeri Sembilan, Perak dan Pulau Pinang yang di-anggotai sebahagian besarnya oleh orang bukan Melayu, sedangkan negeri-negeri yang ramai orang-orang Melayu seperti Kelantan, Trengganu, Pahang dan Kedah ditinggalkan tanpa mengalami proses modenisasi secara radikal. Ertinya dalam banyak hal, urbanisasi telah tidak memberi perubahan penting terhadap corak ekonomi dan sosial masyarakat Melayu hingga anggota-anggotanya terus mengamalkan penanaman padi seperti sebelumnya. Malah dalam proses mobiliti yang berlaku ke bandar-bandar itu pula bukan meng-akibatkan timbulnya pengaliran desa-kota, tapi sebaliknya memberi peluang kepada pengaliran penduduk-penduduk dari luar, khususnya dari negeri-negeri Cina dan India.

Rajah I

Distribusi Penduduk
Berdasarkan Kaum Di Negeri-negeri Malaysia Barat

Negeri	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
Selangor	291,393	448,634	201,047	31,817	1,012,891
Perak	484,878	539,368	178,480	31,817	1,221,390
P. Pinang	165,081	327,287	69,031	10,733	572,132
N. Sembilan	151,425	149,911	54,428	8,566	364,331
Johor	444,907	392,425	71,002	19,231	927,565
Melaka	743,252	120,690	23,248	4,056	291,246

Negeri	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
Kedah	475,747	143,833	66,986	15,077	701,643
Kelantan	463,292	28,816	5,642	7,835	505,585
Terengganu	256,349	18,069	2,742	1,005	278,165
Pahang	179,113	108,140	21,832	3,864	312,949
Perlis	71,268	15,763	1,547	2,388	90,866
Jumlah	3,726,706	2,332,936	659,985	123,136	6,278,763

Faktor kekuasaan politik dan ekonomi yang berada di tangan kaum yang berlainan, sedangkan kuasa politik dikatakan hampir keseluruhannya dipegang oleh orang-orang Melayu, sementara kuasa ekonomi tetap dimonopoli oleh kaum bukan Melayu. Adanya faktor ini mengakibatkan timbulnya konflik yang tak sudah antara dua golongan yang terlibat itu. Di satu pihak, orang Melayu tetap dengan dakwaan atas haknya sebagai bumiputra yang harus memegang kuasa politik, sementara orang bukan Melayu juga merasa hak tersebut harus diberi sama kepada mereka atas dasar mereka juga adalah warganegara negeri ini.

Di pihak yang lain, kemunduran orang Melayu dalam bidang ekonomi hingga mereka terasa sebagai tertekan hidup di tanahair sendiri selalunya disalahkan golongan mendatang yang disifatkan sebagai tamak, sedangkan orang bukan Melayu mendakwa kekayaan mereka tak harus dipersoalkan lagi kerana pencapaian itu adalah hasil usaha mereka bertahun-tahun yang tak kenal lelah hingga kemajuan ekonomi negara juga bergantung atas sumbangan mereka.

Satu lagi faktor yang tak kurang pentingnya dalam mencorakkan masyarakat Malaysia menjadi sedemikian rupa ialah tingkat pelajaran yang berbeza antara dua golongan itu — golongan Melayu dan bukan Melayu. Banyak sudah diperkatakan perkara ini, dan telah jelas bahawa sistem pendidikan formal kita yang hanya tertumpu di bandar-bandar bukan saja memberi peluang kepada anak-anak bandar yang kurang kedapatan anak-anak Melayu, tapi juga bentuk dan falsafah sistem pendidikan itu sendiri tidak mendorong ke arah pe-

nanaman nilai-nilai hidup yang sama berdasarkan kepribadian negeri ini. Ertinya tidak ada sistem pelajaran kebangsaan yang tunggal berorientasikan masyarakat tempatan hingga boleh mengwujudkan generasi muda yang berjiwa dan bersemangat-setiakan negara, malah sistem itu turut menggalakkan penyu-buran sikap pemisahan antara satu kumpulan ras dengan yang lain, hingga jurang perkauman terjelma mendalam.

Kerana adanya berbagai-bagai faktor yang menggalak dan mendorong kepada jarak sosial itu, menjadikan masyarakat Malaysia terbentuk dalam keadaan yang amat rumit dan unik. Dan dengan sifatnya sebagai masyarakat majmuk seperti yang didefinasikan oleh J.S. Furnivall jenis-jenis penduduk yang berlainan hidup sebelah menyebelah dan bercampur, tapi tidak bersatu, Malaysia mempunyai satu masalah negara yang amat serius yang menjadikan masalah-masalah lain sebagai masalah lanjutan saja. Masalah penting yang harus diselesai-kan segera ialah masalah kaum, masalah mengwujudkan per-paduan negara dengan tegas dan berkesan. Ini memper-lihatkan, dalam konteks masyarakat yang demikian, usaha mengwujudkan proses depluralisasi mesti diutamakan. Tanpa perombakan unsur-unsur majmuk, negara akan sentiasa ter-gugat sepanjang hayat.

T.H. Silcock dalam suratnya kepada *The Times* di London pernah menegaskan bahawa Malaysia (ketika itu Tanah Melayu) menghadapi beberapa ribu pengganas komunis atau dalam usaha mengekalkan pengaliran wang dari getah dan timah atau lain-lain masalah seumpamanya, kerana masalah sebenar yang wujud ialah bagaimana caranya untuk menjadikan masyarakat Malaysia yang kaya dan strategik di Asia Tenggara ini supaya penduduk-penduduk yang terdiri dari tiga kumpulan ras yang besar itu dapat hidup bersama dengan penuh kedamaian.

Walaupun pandangan ini didasarkan kepada kacamata orang luar atau lebih tepat lagi berdasarkan nilai-nilai Barat, namun kebenarannya memang tak dapat disangkal lagi. Malah sepatutnya analisa itu dihargai, kerana dalam masa yang begitu awal beliau telah menyedarkan masyarakat betapa merbahayanya fenomena tersebut jika dibiarkan. Malangnya hakikat tersebut terus berlanjutan dibawa oleh proses sejarah tanpa dibasmi atau sekurang-kurangnya dihalang per-kembangannya.

Sekarang sudah empat belas tahun usia kemerdekaan kita. Adanya langkah-langkah pemerintah untuk membaiki keadaan yang tidak sihat itu memang tidak dapat dinafikan. Tapi perubahan-perubahan radikal dalam mengwujudkan masyarakat Malaysia yang bersatu dengan sikap dan jiwa yang tunggal melambangkan pribadi bangsa masih belum lagi terlaksana dengan tegas dan berkesan. Dengan mendasarkan hakikat ini, maka bila kembali kepada soalan asal tadi, tentunya jawaban yang tepat tidak dapat dijelaskan bagaimana ciri-ciri manusia Malaysia itu.

Bagaimanapun, setengah-setengah ciri telah pun diperlihatkan dengan nyata. Manusia Malaysia ialah manusia yang berbahasa Malaysia dan berkesusastraan Malaysia. Tapi bagaimana dengan ciri-ciri yang lain, apakah dengan berbahasa Melayu dan berkesusastraan Melayu sudah cukup untuk mengecap seseorang individu itu sebagai manusia Malaysia? Bagaimana dengan sistem dan sikap hidup, nilai dan norma-norma sosial atau dalam bentuk fizikalnya pula, bagaimana rupa pakaian, tarian dan lain-lain ciptaan seni yang melambangkan pribadi Malaysia?

Ertinya persoalan ini telah membawa kita membicarakan tentang kebudayaan, tentang masalah mencari suatu bentuk kebudayaan Malaysia berdasarkan pribadi tempatan yang bukan saja untuk mengwujudkan identiti kebangsaan manusia Malaysia, tapi juga untuk bergerak ke arah cita-cita yang satu dan rela berkorban untuk mencapai matlamat yang sama. Malah identiti kebangsaan juga mempunyai implikasi yang luas dalam konteks perpaduan negara. Tanpa kewujudannya dalam bentuk yang lebih konkrit, arah perpaduan itu sendiri akan terapung-apung keadaannya seperti yang dirasai kini.

Kita sering mendengar misalnya, orang berpidato dengan penuh berapi-api menggunakan perkataan semangat kebangsaan, tapi hakikatnya orang yang melahirkan perkataan itu sendiri mempunyai konsep yang samar-samar terhadap istilah itu. Apa lagi orang yang mendengar, tentunya tanpa disedari mereka akan membuat pentafsiran sendiri. Orang Melayu akan terus membuat pentafsiran kebangsaan itu dari segi orang Melayu berdasarkan nilai-nilai budaya dan sejarah

mereka; dan orang Cina serta India juga mempunyai pemahaman berdasarkan latarbelakang kaum mereka. Jadi tanpa kebudayaan nasional, konsep kebangsaan itu sendiri menjadi kabur dan tidak objektif hingga menjadikan setiap kaum akan mentafsirkannya berdasarkan nilai-nilai dan kepentingan kaum mereka. Katalah konsep itu dihubungkan dengan keperluan untuk mengorbankan diri demi kepentingan negara, maka nasionalisme akan dikelirukan pula dengan konsep patriotik. Ini hanya satu contoh di antara berbagai-bagai kejadian yang boleh menimbulkan pertelingkahan yang tak sudah kiranya masalah kebudayaan tidak diselesaikan. Ertinya tanpa identiti kebangsaan dalam segala bentuk yang memperlihatkan kebudayaan kebangsaan, arah aliran pemikiran setiap kaum tidak sehaluan dan konsep perpaduan akan terapung-apung.

Bagaimanapun bila dikatakan kebudayaan, bukanlah terhad kepada tarian, nyanyian, pakaian dan lain-lain yang berunsur seni, tapi kebudayaan dalam ertikata yang luas yang meliputi seluruh cara hidup. Maksudnya satu konsep yang terjelma dari abstraksi yang dapat dilihat serta diketahui dari penghidupan manusia. Jadi ianya termasuklah segala yang terbentuk kebendaan dan bukan kebendaan atau dengan kata lain, segala aspek penciptaan dan usaha pengwujudan manusia bagi memenuhi empat kehendak hidup yang asasi; kehendak biologi, kehendak fizikal, kehendak sosial dan kehendak psikologi.

Berbicara tentang kebudayaan kebangsaan, sekurang-kurangnya kita menghadapi dua masalah besar. Pertama masalah membentuk kebudayaan itu sendiri supaya ianya praktikal dan efektif dalam mencapai matlamatnya; dan masalah kedua pula ialah bagaimana pelaksanaan supaya matlamat yang dirancangkan itu tercapai. Sebagai orang Melayu, tentu sekali kita akan mengatakan bahawa kebudayaan Melayu hendaklah dijadikan dasar bagi kebudayaan Malaysia. Tapi saranan ini akan ditentang oleh orang bukan Melayu baik secara nyata atau tidak nyata. Dan di belakang saranan serta tentangan itu tentunya akan terdapat hujah-hujah dan alasan-alasan yang tak dapat tiada akan menimbulkan konflik. Bagaimanapun pertelingkahan dan konflik yang sedemikian rupa tak harus ditunduki, kerana konflik yang lebih hebat akan tercetus kirnya soal ini tidak diselesaikan

dengan tegas dalam jangkasama yang tertentu.

Walau ditinjau dari sudut mana sekalipun, kebudayaan Malaysia mestilah didasarkan kepada faktor-faktor politik dan perlembagaan yang sedia ada di samping faktor sejarah dan faktor bahasa yang sudah pun difahami dan diamalkan secara rasminya di negeri ini. Dengan kata lain, faktor-faktor inilah saja yang harus dijadikan kriteria dalam menentukan asas-asas kebudayaan nasional, kerana hakikat kewujudan segala-galanya sudah pun diakui dan diterima umum. Maka atas dasar-dasar yang sedemikian kukuh masalah pembentukan kebudayaan baru untuk rakyat Malaysia tak seharusnya dipersoalkan lagi. Segala-galanya telah nyata, kebudayaan Melayu memang tak dapat dipisahkan dari penghidupan manusia Malaysia.

Sungguhpun demikian, soal yang kedua, iaitu soal pelaksanaannya masih lagi merupakan soal yang rumit. Tidak ada gunanya gagasan saja yang baik sedangkan pelaksanaannya gagal memberikan kesan positif. Tegasnya masih tidak bererti keidealan konsep kebudayaan itu secara teori andainya tidak dirancang dan dilaksanakan dengan sistimatis melalui saluran-saluran dan proses-proses yang berkesan. Banyak sudah projek pemerintah yang mempunyai dasar dan prinsip yang baik dan bermutu, tapi menghasilkan kesan-kesan yang negatif akibat pelaksanaan yang menyeleweng atau pelaksanaan yang tidak cekap. Antara contoh-contohnya termasuklah rancangan kelas dewasa dan pemuda tahan lasak. Konsep-konsep itu memang bererti dan berfungsi sekali, tapi oleh kerana pelaksanaannya berlaku di luar garis-garis yang sepatutnya, atau lebih tepat lagi jika dikatakan pelaksanaannya sangat-sangat tunduk kepada kehendak-kehendak dan kepentingan-kepentingan politik kepartian. Kalau pun ada pihak-pihak yang mendakwa rancangan-rancangan tersebut sebagai berjaya, perkataan berjaya itu hanya dilahirkan dengan mata yang terpaksa dipejam sebelah. Rancangan-rancangan Tanah Melayu dan Rancangan Malaysia I juga membawa hasil-hasil yang tak seperti dirancang atau dengan kata lain, kesan yang dapat dinikmati oleh rakyat tak sekagum angka-angka yang dibentangkan di kertas bila satu-satu rancangan itu diistiharkan.

Jadi soal-soal inilah yang masih merupakan satu lagi masalah penting, soal merancang dan yang utamanya soal

melaksanakannya dengan sistematis, cekap dan berkesan. Kegagalan menentukan garis-garis pelaksanaan yang tegas hanya akan bersemarak dan menyala buat beberapa waktu, dan kemudiannya akan lesu dalam persemadian yang dijelmakan menerusi tulisan-tulisan kaku dalam buku-buku sepertimana konsep revolusi mental dulu. Maka oleh kerana masalah kebudayaan ialah masalah manusia dan masyarakatnya, segala-gala yang dirancang dan dilaksanakan haruslah berdasarkan teori-teori sosiologi yang khusus kepada faktor-faktor perkembangan sosial dan perubahan masyarakat. Dengan menjadikan faktor-faktor tersebut sebagai panduan dasar, maka proses menanam dan melengkapkan diri anggota-anggota masyarakat dengan nilai-nilai kebudayaan baru akan memberi kesan. Satu-satu nilai baru tidak dapat dipaksa supaya diterima oleh individu. Pemaksaan hanya akan membawa kesan-kesan yang jauh berbeza dari apa yang dirancang dan diharapkan. Jadi untuk menjamin supaya penyelewengan ini tidak berlaku, segala saluran yang berfungsi sebagai agen perubahan sosial seharusnya dipergunakan dengan tegas.

Baik ahli-ahli psikologi maupun ahli-ahli sosiologi, semuanya mengakui bahawa faktor-faktor penting yang mempengaruhi proses perkembangan sosial seseorang individu adalah keluarga (alam rumahtangga), sekolah, teman sepergaulan dan sebaran am. Dengan kata-kata lain, keempat-empat faktor inilah yang merupakan sebagai agen sosiolisasi yang amat berkesan dalam proses menanam, membentuk dan melengkapkan diri seseorang individu dengan segala nilai budayanya, hingga menjadikan seseorang itu Melayu, Cina, Jepun, Inggeris atau sebagainya. Tapi oleh kerana keluarga dan teman sepergaulan merupakan agen yang tidak formal dalam proses ini, maka kedua-duanya tidak dapat dipergunakan secara langsungnya dalam usaha menanam nilai-nilai kebudayaan baru. Hanya sekolah dan sebaran am saja yang berupaya membendung segala usaha tersebut, kerana kedua-duanya dapat dikawal dan dapat diubah segala sistem dan strukturnya. Malah kedua-dua faktor ini lebih penting lagi memainkan peranannya, kerana di samping berfungsi sebagai agen sosialisasi, kedua-dua itu juga merupakan agen-agen indoktrinasi. Pengaruh kedua-dua agen ini juga dengan tidak secara langsungnya akan memberi warna dan corak kepada

suasana-suasana alam keluarga dan alam pergaulan. Dengan mempunyai kedua-dua fungsi yang penting dan berpengaruh dalam penghidupan manusia di zaman ini, maka setiap pemerintah di dunia tidak membiarkan institusi-institusi pelajaran dan masa sebaran am hidup dan berkembang sendirian, tapi dikawal dengan rapi melalui peraturan-peraturan tertentu.

Memandang dari keadaan ini, sudah tidak syak lagi bahawa agen-agen perkembangan sosial yang bercorak formal itu dapat dipergunakan sepenuhnya dalam usaha mengwujud dan menyebarkan nilai-nilai kebudayaan nasional. Apa lagi asas yang kokoh telah pun dibina dengan terlaksananya sistem pelajaran kebangsaan yang menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantarnya, di mana bahasa sebagai satu unsur kebudayaan yang berfungsi sebagai alat perhubungan itu akan mempercepatkan lagi proses nasionalisasi yang dirancangkan. Tapi dalam bidang mass media, langkah-langkah ke arah mempergunakan alat komunikasi yang tunggal secara Malaysia masih lagi belum dilaksana dengan tegas dan kukuh. Maksudnya, kewujudan *multilingualism* masih lagi berleluasa baik dalam bidang-bidang penerbitan maupun dalam bidang penyibaran.

Jadi secara umumnya, masalah pembentukan kebudayaan Malaysia bagi mengwujudkan identiti kebangsaan dalam usaha mencapai tingkat perpaduan negara telah pun dirintis. Tapi ini masih belum membanggakan, kerana dalam banyak hal langkah itu sendiri sangat lemah, yang sesungguhnya memerlukan langkah-langkah lain secara radikal untuk melahirkan manusia Malaysia. Bagaimanapun memang menjadi suatu hakikat yang nyata, perpaduan dalam pengertian yang lebih konkrit, tak dapat diwujudkan di kalangan generasi sekarang. Hakikat ini banyak dipersetujui orang, bahawa usaha menimbulkan persefahaman dan saling mengerti antara kaum hanya akan memberi kesan kiranya sejak kecil lagi kanak-kanak ditanam dan dibentuk dengan nilai-nilai dan konsep hidup yang sama. Ertinya di sini jelas memperlihatkan betapa besarnya peranan yang dimainkan oleh sekolah dalam memberi corak kepada jiwa dan sikap hidup manusia. Kerana inilah kita sepatutnya mempunyai konsep dan falsafah pendidikan yang benar-benar tegas berdasarkan jiwa dan kepribadian Malaysia, yang dijelmakan menerusi isi sukatan pelajaran itu sendiri.

Langkah-langkah dan perubahan-perubahan radikal yang berdasarkan nilai-nilai dan konsep hidup yang berorientasikan kepribadian Malaysia dalam institusi-institusi pelajaran dan sebaran am sesungguhnya akan menimbulkan hasil-hasil yang dirancangkan. Dan proses ini pula akan berjalan dengan lebih tegas dan berkesan kiranya disokong oleh kuasa undang-undang. Kejayaan rancangan pemerintah dalam usaha menyusun semula masyarakat Malaysia dalam banyak hal mempunyai hubungan yang rapat dengan proses perubahan ini. Ertinya ditinjau dari beberapa aspek, kedua-dua gagasan ini tak dapat dipisahkan dalam mencapai matlamat negara.

Bagaimanapun pada praktiknya hasil yang dirumuskan dalam bentuk teori itu tidak mungkin akan wujud dengan tepat sebagaimana yang dijangkakan. Ertinya dalam hubungan ini, perpaduan kaum dalam pengertian idealnya tak mungkin tercapai, walaupun masing-masing ras mengamalkan satu kebudayaan yang tunggal dengan nilai-nilai sosial yang sama. Faktork-faktor agama, sejarah, nilai-nilai tradisi yang terjelma menerusi adat resam di samping faktor fizikal masih lagi berupa faktor-faktor penghalang terhadap perpaduan yang lebih nyata. Apa lagi jika kedudukan ekonomi pula masih belum seimbang, jurang pemisahan hidup yang wujud itu tetap menggalakkan sentimen perkauman yang tak sudah. Kerana ini ditegaskan masalah kebudayaan nasional tak dapat dipisahkan dari masalah-masalah negara yang lain, atau dalam suasana sekarang usaha menyusun semula masyarakat harus diselaraskan dengan usaha perkebangsaanan dalam bentuk kebudayaan. Supaya hasil yang dicapai nanti walaupun tidak seideal dalam bentuk teori, tapi sekurang-kurangnya akan mencapai suatu tingkat di mana rasa persefahaman dan saling mengerti yang lebih rapi terjalin.

Sesungguhnya tingkat pencapaian yang memperlihatkan lebih rapatnya jarak sosial inilah yang dimaksudkan dengan perpaduan secara praktiknya, dalam mana pengwujudannya akan tambah melicinkan proses perkembangan masyarakat dan pembangunan negara.

Dewan Masyarakat
Oktober, 1971.

20

KONSEP DAN MASALAH PERPADUAN NASIONAL

Mohd. Nur Ali

Dalam bahagian pertama essei ini akan dibicarakan erti atau konsep Perpaduan Nasional, dan bahagian keduanya akan dikemukakan masalah-masalah yang dihadapi oleh Malaysia bagi mewujudkan Perpaduan Nasional. Dan akan disarankan cara-cara yang menasabah bagaimana cita-cita keramat ini dapat dilaksanakan sebaik-baiknya.

Sekarang ini kerajaan sedang menumpukan seluruh rancangannya dan alat pentadbirannya bagi melaksanakan Rukunegara (RN) dan menyelesaikan masalah sosial serta ekonomi. RN perlu diwujudkan dan diamalkan bagi membina satu bangsa yang bersatupadu dan berjiwa besar.

Bagi menjamin kestabilan politik, ekonomi dan sosial supaya rakyat dapat hidup dalam aman makmur, adil dan saksama maka masalah ekonomi tidak seimbang antara kawasan dan kaum serta pengangguran hendaklah dihapuskan. Oleh kerana penumpuan segala usaha dan rancangan yang dijalankan oleh kerajaan sekarang ini betul-betul mahu membentuk masyarakat Malaysia yang bersatupadu dan kukuh, maka sudah sewajarnya bagi kita semua warganegara memahami hakikat sebenar dari apa yang dinamakan Perpaduan Nasional (PN) itu.

Dalam hubungan ini juga kita perlulah mengetahui apakah masalah yang mesti dihadapi? Bagaimana PN ini dapat dicapai secepat mungkin? Dan adakah cara dan sistem yang diamalkan sekarang ini memadai atau perlu diperkemas lagi? Atau bagaimana?

Dalam mentafsirkan konsep PN ini saya tidak akan melihatnya dari sudut seorang tokoh politik, ekonomi, agama dan etik atau arkitek negara. Saya akan melihatnya dari sifat dan peribadi PN itu sendiri. Maknanya, jika PN itu adalah satu kajian Sosial Sains, maka dari sudut inilah ia akan dilihat dan dianalisa. Mengkaji dan menilai PN dari sudut pendekatan ini amat penting bagi mendapatkan kesimpulan dan rumusan yang tepat dan konkrit. Dengan rumusan padat dan konkrit inilah baru dapat dilakukan usaha-usaha yang berfaedah dan berkesan bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Dan inilah cara yang sebaik-baiknya bagi menjayakan sebarang matlamat dalam apa-apa jua rancangan dan usaha.

Perpaduan Nasional adalah satu konsep dalam kajian Sosial Sains. Untuk lebih spesifik lagi ia adalah satu aspek dalam kajian sosiologi di England atau Sosial Antropologi di Amerika. Dengan lain-lain kata ia bukanlah satu konsep politik, ekonomi, agama dan etik. Sebab itu jika ada orang politik yang cuba melihatnya dari kacamata politik dan ideologi pertainya ini adalah kurang tepat. Tapi ini tidaklah bermakna orang politik, ekonomi, agama dan etik, seni dan falsafah serta apa jua bidang ilmu pengetahuan dilarang dan tidak boleh berbicara tentang perkara ini. Mereka boleh membincangkannya dengan seluas-luasnya tanpa batas asalkan mereka melihat dan menganalisanya dari sudut dan kacamata Sosiologi atau Sosial Antropologi.

Mengikut kamus Perpaduan Nasional adalah bertujuan menjadikan satu keseluruhan, atau menyempurnakan dengan menyatukan semua bahagian. Dengan bahasa yang lebih mudah PN adalah menyatukan masyarakat yang berasing-asing dan terpisah kepada persatuan yang lebih kukuh, atau menyatukan masyarakat-masyarakat kecil yang berbagai-bagai kepada satu masyarakat besar atau negara. Dalam masyarakat wujud bermacam-macam pelbagaian sosial – *social diversities*. Orang menumpukan taat setianya tidak kepada negara, tapi kepada kumpulan, etnik, agama dan ke-

percayaan serta adat resam masing-masing, dalam keadaan yang sempit dan fanatik.

Di Malaysia umpamanya terdapat berpuluh-puluh masyarakat kecil yang sistem dan strukturnya saling berbeza dan bertentangan. Di Malaysia Barat saja terdapat dua masyarakat yang terbesar, Melayu dan Cina, di samping masyarakat-masyarakat kecil yang lain. Di Malaysia Timur pula selain dari masyarakat Melayu dan Cina terdapat pula masyarakat Dayak, Iban, Murut, Kadazan, Funan dan lain-lain. Tiap masyarakat ini mempunyai tradisi dan adat resam yang bentuknya berbagai-bagai rupa dan ragam. Yakni dalam masyarakat-masyarakat kecil ini terdapat pula bermacam-macam *social diversities.*

Jadi tujuan PN ialah bagi mengurangkan *social diversities* ini kepada peringkat yang paling minima, supaya dapat dilahirkan satu sistem dan struktur sosial yang sama dan standard. Apabila sistem dan struktur sosial ini telah sama dan standard barulah boleh dikatakan telah wujud PN dalam satu-satu negara itu. Barulah taat setia tiap anggota masyarakat itu ditumpukan sepenuhnya kepada negara dan bangsa bukan kepada masyarakat kecil mereka masing-masing.

Howard Wringgins mengatakan PN itu mempunyai makna yang lain pula. Katanya dalam masyarakat yang berkerajaan yang ada peraturan dan undang-undang serta ada pegawai serta agen yang menjalankan dasar kerajaan, kita dapati tugas kerajaan yang utama dan vital ialah menjalankan kuatkuasanya dalam seluruh wilayah pemerintahannya dari kota sampai ke desa dan pedalaman. Tapi dalam negara mundur atau membangun seperti di Asia, Afrika dan Amerika Latin didapati kuatkuasa kerajaan ini tidak sampai atau tidak tembus kerana kesukaran perhubungan raya dan sebaran am. Sebab itu alat-alat kerajaan dan pentadbiran, ekonomi moden, pelajaran dan kesihatan tidak sampai ke kawasan ini. Ini bermakna masyarakat di kawasan itu seolah-olah terpisah atau di luar kuatkuasa kerajaan. Tapi lama kelamaan dengan adanya rancangan pembangunan negara, jalan-raya dibina, pusat-pusat kesihatan dan klinik didirikan dan sekolah-sekolah dibuka, maka kerajaan perlahan-lahan telah menembusi kawasan terpencil ini dan menyampaikan kuatkuasanya.

Jadi PN dari sudut ini ialah pertumbuhan kebolehan kerajaan menjalan dan menyampaikan kuatkuasanya ke seluruh kawasan dan rantau di bawah pemerintahannya. Pendapat ini lebih bersifat sosiologi. Sebab itu ia tidak dapat kita terima Kalaulah konsep dan tafsiran ini mahu juga diterima, bermakna di Malaysia sekarang ini telah wujud PN dan tidaklah ada sebarang masalah lagi bagi mencapai cita-cita keramat ini.

Malah boleh dikatakan Malaysialah antara negara Asia, Afrika dan Amerika Latin yang paling berjaya dalam jangka pendek menyampaikan kuatkuasanya ke seluruh kawasan dan rantau di bawah pemerintahannya. Malaysialah negara di Asia yang paling maju dan cepat membangun selepas Jepun pada masa ini. Malaysialah negara yang paling berjaya memberikan kemudahan ekonomi moden, pelajaran, kesihatan dan perhubungan raya serta sebaran am kepada seluruh rakyatnya.

Pendekata pada masa ini tidak ada satu kawasan dan rantau pun yang tidak ditembusi oleh kuatkuasa kerajaan. Tapi perpaduan yang dikehendaki oleh kerajaan sekarang ini adalah perpaduan yang bercorak sosiologi yakni *Transition from many small societies into one large society*. Perpaduan yang kita mahu bentuk dan wujudkan sekarang ini alah PN yang mencipta satu masyarakat besar yang dinamakan Malaysian.

Sebenamya tidak ada perbezaan tentang difinasi dalam kamus mengenai konsep PN ini dengan apa yang pernah ditafsirkan oleh para sosiologi dan sosial antropologi. Dalam pengkajian mereka terhadap pertembungan kebudayaan (cultural contact) mereka mengatakan PN itu sebagai ciri-ciri penyesuaian antara unsur-unsur kebudayaan yang berbagai rupa.

Proses Perpaduan adalah perkembangan pesat ke arah penyesuaian yang bertambah sempurna antara berbagai unsur yang terkandung dalam keseluruhan kebudayaan. Dengan lain-lain kata perpaduan adalah satu proses penyesuaian unsur-unsur kebudayaan satu masyarakat atau kaum dengan masyarakat atau kaum yang lainnya. Kerana perpaduan adalah satu proses kebudayaan, maka pastilah perpaduan ini tidak akan wujud dalam jangka yang singkat. Ia memerlukan masa yang panjang dan memakan masa yang lama bagi memberi peluang unsur-unsur kebudayaan itu menyesuaikan

dirinya antara satu sama lain. Jangka waktu ini terpulanglah kepada keadaan, syarat, sistem dan struktur masyarakat dan sikap ahli masyarakat itu sendiri. Apakah sistem dan struktur masyarakat itu begitu rigid atau kurang rigid dan mudah ditembusi, dinamik dan moden atau sebaliknya angkuh dengan sifat dan sikap etnosentrisisme dan cauvanisme, fanatik dan statik. Kalau sistem dan struktur masyarakat itu tidak begitu rigid bermakna proses penyesuaian dan assimilasi ini akan berlaku dengan cepat bagi mencapai kesempurnaannya.

Dalam proses perpaduan ini satu perkara yang patut diingatkan bahawa ia tidak boleh dipaksa-paksakan. Kalau dilakukan paksaan kesannya harus membawa kesudahan yang berlainan sama sekali daripada apa yang dirancangkan. Sebab itu ia mestilah berlaku secara bebas dan sukarela. Apa yang patut dan boleh dilakukan ialah membuka peluang seluas-luasnya bagi proses ini berjalan dan berkembang dengan baik, bebas dan cepat tapi terkawal. Umpamanya kita tidak boleh memaksa perempuan-perempuan India supaya memakai baju kurung. Orang tidak dapat memaksa wanita Melayu supaya berpakaian seperti wanita-wanita Tionghua. Seterusnya kita tidak boleh memaksa wanita Tionghua memakai kebaya.

Adanya masyarakat Baba di Melaka berkebudayaan Melayu adalah satu bukti bahawa peluang seluas-luasnya bagi dua masyarakat ini bercampur gaul dan bekerjasama telah lama wujud dan diamalkan. Akibatnya kebudayaan Tionghua yang asli telah tewas, dan lahirlah kebudayaan Melayu di tengah-tengah masyarakat Baba ini. Seperkara yang tidak dapat dielakkan dalam proses perpaduan ini, ialah ada di antara unsur-unsur kebudayaan satu-satu masyarakat itu akan hilang atau luput begitu saja. Ada pula unsur-unsur itu saling menyesuaikan dirinya, sehingga tidak diketahui bentuk asalnya, dan timbullah bentuk kebudayaan yang baru dan asing sebagai hasil kombinasi dan assimilasi bermacam-macam unsur kebudayaan tadi.

Setelah memahami makna dan proses PN ini marilah kita melihat apakah faktor yang menghalang PN ini di negara kita sendiri. Oleh kerana negara kita sebuah negara yang unik maka sudah mestilah masalah bagi mengwujudkan PN ini begitu sulit dan rumit sekali. Ia perlu kepada cara-cara kita sendiri berdasarkan latar belakang sistem dan susunan masyarakat kita sendiri.

Di negara lain usaha bagi membentuk PN ini tidaklah begitu sukar kerana rakyatnya kebanyakannya terdiri satu kaum atau bangsa sahaja. Apa yang ada ialah masyarakat-masyarakat kecil yang terpisah dan variasi-variasi kecil dalam kebudayaan. Asas-asas persamaan lebih banyak dan nyata. Maka masyarakat seperti inilah yang hendak diintegrasikan. Tapi di Malaysia keadaannya berbeza dan rumit sekali. Masyarakat Malaysia terdiri daripada bermacam-macam kaum yang mempunyai sejarah dan latarbelakang kebudayaan yang berbeza dan kadangkala bertentangan. Warisan kebudayaan mereka masing-masing adalah berasal daripada tanah tumpah darah nenek moyang mereka. Orang Tionghua mempusakai kebudayaan dari Tanah Besar China. Orang India mewarisi kebudayaan dan tradisi daripada Tanah Besar India. Dan orang Melayu meneruskan kebudayaan dan tradisi asal mereka di Malaysia ini.

Asas-asas persamaan dalam kebudayaan boleh dikatakan tidak ada langsung. Sebab itu kerja bagi menjadikan tiga kaum yang social diversitinya saling bertentangan ini menjadi satu amatlah sukar dan banyak rintangannya. Tapi mengekalkan bentuk dan unsur-unsur kebudayaan yang saling berbeza dan kadangkala bertentangan ini bermakna menggalakkan faktor-faktor perpaduan dalam masyarakat membiak. Melengahkan usaha menghapuskan perbezaan dan pertentangan (kadangkala) dalam kebudayaan bererti membiarkan anasir-anasir negatif ini merosakkan kerjasama dan perpaduan antara kaum. Oleh kerana disedari tidak adanya unsur-unsur persamaan asas kebudayaan dan memandangkan bahaya dari perbezaan dan pertentangan (kadangkala) inilah difikirkan amat perlu bagi Malaysia mempunyai Bahasa Kebangsaannya sendiri.

Setelah dikaji dari segi sejarah perkembangan bahasa dan kesanggupan bahasa bagi mewujud, membina, membangun dan memajukan peradaban manusia dan kesanggupannya menjadi bahasa peradaban di Nusantara maka Bahasa Melayu telah dicatitkan dalam perlembagaan sebagai bahasa kebangsaan yang tunggal di Malaysia. Dengan menggunakan bahasa yang satu barulah kita boleh menyatukan diri kita dalam persatuan yang kukuh. Tidak ada satu tali pengikat yang lebih kukuh dan praktikal selain daripada bahasa. Tidak ada satu senjata yang lebih berkesan bagi menentang anasir-

anasir subersif dan komunis selain daripada perpaduan, kerana dalam perpaduanlah terkumpulnya kekuatan, keberanian, keyakinan, keikhlasan, kejujuran dan kesanggupan mati kerana negara dan bangsa.

Perbezaan locality dan penguasaan faktor ekonomi dan politik serta sosial menjadikan tugas yang sedia sukar dan rumit di atas tambah membingungkan. Di pinggir bandar, di kampung, di pedalaman dan di pantai terdapat penumpuan orang-orang Melayu. Di bandar dan kawasan-kawasan perusahaan terdapat pula pemusatan orang-orang Tionghua. Sementara di estet diduduki oleh orang India. Adanya pemisahan yang tidak sengaja sebagai kesan sejarah politik pecah-pecah dan kuasa, ekonomi duaan dan sosial yang negatif penjajah ini telah menutup sama sekali proses perpaduan berlaku, jauh sekali daripada berkembang, berterusan dan bebas tidak berlaku antara satu kaum dengan kaum yang lainnya.

Tiap unsur kebudayaan bagi tiap kaum ini tumbuh dan berkembang bersendirian mengikut bentuk tradisi nenek moyang mereka masing-masing tanpa dipengaruhi oleh unsur-unsur dari kebudayaan lainnya. Tidak adanya kontak kebudayaan langsung dan bebas ini menjadikan tiap masyarakat itu buta dan jahil tentang kebudayaan dan adat resam masyarakat yang lainnya. Masing-masing sentiasa menganggap kebudayaan dan tradisi merekalah yang terbaik, termulia dan teragung! Kebudayaan dan tradisi masyarakat lain semuanya buruk, hina dan terendah serta terkebelakang. Bila tiap masyarakat telah mempunyai rasa etnosentrisisme ini, maka bibit-bibit prajudis pun mulailah tumbuh dan semakin kukuh kalau tidak dikekang dan ditumpaskan cepat-cepat.

Prajudis adalah satu konsep yang bersifat psikologi. Ia adalah sikap dan fikiran yang tidak dapat diubah oleh faktor-faktor objektif, kenyataan dan logik. Rasa prajudis ini untuk meluas di Malaysia adalah besar sekali kemungkinannya. Puncanya tidak lain kerana punca kekayaan negara dan ekonomi tidak terbahagi samarata atau seimbang mengikuti komposisi kaum yang menjadi rakyat Malaysia ini. Orang Melayu "dikatakan" berpendapatan 60% lebih kurang daripada orang Tionghua dan kira-kira 50% kurang daripada orang India. Saudara T.H. Silcock telah menduga pada 1957 pendapatan Per Kapita antara kaum di Malaysia dan Singapura

adalah $837.00 (Tionghua). $669.00 (India) dan $367.00 (Melayu). Dari analisa ini orang Melayulah yang paling miskin sekali dan terendah pendapatannya dari kaum-kaum yang lain. Kadar kekayaan negara dan ekonomi mengikut kaum Melayu: Tionghua: India ialah 1:2. 5:2. Kalau pada 1957 dijangka begini kadar penguasaan ekonomi negara mengikut kaum, maka sesungguhnya beranilah saya mengatakan bahawa keadaan ini semakin bertambah buruk dan tenat.

Malah, walaupun kedudukan ekonomi negara bertambah kukuh, modal luar negeri mencurah-curah masuk dan pendapatan Per Kapita telah mencapai angka 1,000 ringgit, tapi kadar penguasaan ekonomi dan faktor-faktor pengeluaran mengikut kaum adalah semakin jauh jurang perbezaannya. Jurang pendapatan antara orang berada dengan tidak berada semakin jauh, bukannya semakin rapat. Kerana dalam negara yang mengamalkan sistem ekonomi (pengusahaan bebas) free enterprise seperti Malaysia, kemungkinan golongan kaya bertambah kaya dan mewah adalah terbuka seluas-luasnya tanpa disekat-sekat. Sebaliknya peluang bagi golongan tidak berada untuk kaya dan mewah adalah tertutup sama sekali, kerana tidak sanggup bertanding dengan golongan kaya yang telah bertapak kuat dalam bidang perekonomian — perdagangan dan perusahaan. Sebab itu golongan kaya bertambah kaya dan golongan miskin bertambah miskin.

Keadaan ekonomi yang tidak seimbang inilah yang akan menguatkan lagi rasa prajudis antara kaum. Dan prajudislah yang menjadi benteng penghalang bagi usaha dan rancangan yang bertujuan menyatukan masyarakat. Ini tidak lain kerana tiap kaum sentiasa menaruh perasaan buruk sangka dan tidak baik ke atas kaum yang lain. Antara mereka sentiasa curiga mencurigai dan tidak ada kepercayaan. Orang Melayu dianggap malas, bersikap pasif, tidak pandai berniaga dan lain-lain. Orang Tionghua dituduh sentiasa mahu membolot kekayaan dengan jalan menipu. Orang India dikatakan penuh dengan temberang dan putar belitnya. Sikap dan anggapan yang sama (setreotype) ini boleh menghalang daripada wujudnya kerjasama dan kepercayaan antara satu sama lain.

Satu lagi masalah yang selalu timbul dalam masyarakat berbilang kaum ini ialah sikap dan amalan diskriminasi, pilih kasih dan membeza-beza. Kalau sikap diskriminasi ini berlaku dengan meluas dan sewenang-wenang dalam bidang sosial,

ekonomi dan politik maka ia adalah penyakit yang amat berbahaya. Ia bukan saja menghalang PN tapi juga akan meruntuhkan asas-asas PN yang telah dibina. Di Malaysia kita pernah mendengar sungutan dan tuduhan yang mengatakan telah berlaku diskriminasi dalam bidang ekonomi dan pekerjaan. Sehingga perkara ini pernah disuarakan dengan lantang oleh Menteri Besar Selangor Datuk Harun Idris. Dikatakan majikan-majikan bukan Melayu enggan mengambil orang-orang Melayu bekerja di kilang-kilang perusahaan dan firma-firma mereka. Jika temuduga diadakan, maka beberapa kerat orang Melayu akan dipanggil. Tapi keputusan temuduga sudah pastilah 'dukacita dimaklumkan tuan (sepatutnya bukan tuan) telah tidak berjaya dalam temuduga.

Alasan yang dikemukan ialah orang Melayu tidak ada kelayakan dan kebolehan profesional bagi bekerja di kilang-kilang dan di firma-firma. Alasan ini ada jua benarnya. Kita mesti mengakui hakikat bahawa terlalu sedikit orang Melayu yang punya kelayakan dan kebolehan profesional, tapi takkanlah untuk jadi buruh kasar, mengangkat barang telah siap ke dalam lori, memunggah barang-barang mentah ke kilang, membungkus sabun, menyusun rokok, dan mancis dan lain-lain. Kerja seperti ini berkehendakkan kebolehan dan kelayakan profesional juga. Dan adalah terlalu tolol dan jahil bagi orang Melayu jika tidak pandai dan cepat membuat pekerjaan yang sedemikian mudah.

Dalam bidang pentadbiran pula selalu kedengaran sungutan dan bisikan mengatakan bidang ini telah dimonopoli oleh orang Melayu. Pegawai-pegawai pentadbir kerajaan dari setinggi-tingginya — Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Rendah, Ketua Penolong Setiausaha, hinggalah kepada kerani, pencari fail dan budak pejabat adalah rata-rata terdiri daripada orang Melayu. Pihak yang berkenaan dikatakan telah melakukan diskriminasi dalam pengambilan dan pemilihan jawatan-jawatan tersebut.

Sekali imbas tuduhan ini ada jua benarnya. Dan kita tidak dapat menafikan hakikat bahawa 90% pegawai-pegawai pentadbir adalah terdiri dari orang Melayu. Tapi di pihak yang lain kita hanya mendapati hanya 10% atau kurang dari 10% saja orang Melayu. Dalam bidang ikhtisas seperti doktor dan kejuruteraan terdapat 96 orang saja Melayu berbanding dengan 949 orang bukan Melayu. Pegawai Bahagian I Tentera

Udara terdapat sebanyak 29.15% Melayu dan 70.85 bukan Melayu. Dalam tentera Laut pula terdapat 34.8% Melayu dan 65.2% bukan Melayu. Pendekata bidang-bidang ikhtisas adalah dimonopoli oleh orang bukan Melayu. Berlakunya keadaan ini bukanlah kerana adanya sikap dan amalan diskriminasi dalam bidang pentadbiran dan latar belakang serta alam keliling satu-satu masyarakat dan kaum itu sendiri. Perkara ini perlu kepada perbincangan yang berasingan.

Jika adapun diskriminasi di Malaysia ia tidaklah sekuat dan sehebat yang berlaku di Amerika, Afrika Selatan dan Rodhesia. Di negara tersebut amalan diskriminasi berlaku dengan sewenang-wenangnya dan meluas sekali sehingga melahirkan segragasi antara kaum. Orang berkulit hitam dan putih tidak boleh bercampur gaul. Orang Negro atau berkulit hitam dianggap hina dan dipandang rendah sehingga lebih rendah dari hamba abdi. Orang berkulit putih adalah paling tinggi dan mulia. Sebab itu bercampur dan bergaul dengan mereka adalah bermakna merendahkan taraf dan status orang kulit putih. Mereka tidak boleh naik bas yang sama, tidak boleh belajar pada sekolah yang satu, tidak boleh tinggal di wad rumahsakit yang satu dan tidak dibenarkan menonton gambar bersama-sama.

Pendeknya di mana saja perkumpulan dan aktiviti orang kulit putih, di situlah orang berkulit hitam atau Negro tidak boleh hadir sama. Di Malaysia segragasi seperti ini tidaklah berlaku. Kaum Melayu, Tionghua, India dan lain-lain kaum boleh malah digalakkan bercampur gaul, bekerjasama dengan sewenang-wenangnya tanpa pulau memulau. Rasa memandang rendah, hina dan jijik pada kaum yang lain tidak ada. Kalau adapun perkara ini cuma berlaku antara individu dengan individu, bukan antara kaum dengan kaum. Ini bermakna di negeri kita diskriminasi bukanlah faktor penghalang yang besar terhadap PN sebagaimana rasa prajudis seperti yang diterangkan di atas sebentar tadi.

Dari analisa di atas nyatalah PN itu adalah satu proses kebudayaan yang memerlukan peluang dan masa yang panjang bagi mengwujudkan masyarakat yang benar-benar bersatu padu. Jadi apa yang perlu kita lakukan sekarang ini ialah mengatasi masalah perbezaan kebudayaan, masalah perbezaan locality, dan masalah kedudukan ekonomi yang tidak seimbang antara kaum, supaya rasa prajudis tidak menjadi

darah daging tiap-tiap kaum. Selain daripada itu cara yang saintifik, praktis dan tegas hendaklah dijalankan dengan segera dan sungguh-sungguh supaya terbinalah satu bangsa Malaysia hasil daripada kombinasi tiga bangsa dari tiga penjuru dunia yang pada satu masa dulu adalah merupakan tiga empayar terbesar dunia.

Dewan Masyarakat
Mei, 1971.

21

RANCANGAN MALAYSIA KEDUA* LANGKAH PERTAMA MEWUJUDKAN PERPADUAN RAKYAT

Abdullah Sanusi Ahmad

Pendekatan asas kepada Rancangan Malaysia kedua dan rancangan pembangunan masa depan ialah membantu ke arah pembinaan perpaduan kebangsaan melalui pembangunan. Ternyata bahawa perpaduan kebangsaan tidak dapat dicapai dalam jangka masa Rancangan. Yang demikian ia mempunyai satu perspektif jangka panjangnya. Perspektif ini menyebabkan sukar bagi kita untuk meramalkan kesan rancangan ini. Biarpun demikian keadaannya, kita masih dapat mengharapkan beberapa faedah daripada Rancangan yang ada sekarang.yang diharapkan akan dapat membantu ke arah pencapaian perspèktif jangka panjang perpaduan kebangsaan itu. Barangkali, kita memerlukan satu jenerasi atau lebih untuk menyedari hakikat ini.

Yang demikian adalah sukar untuk membincangkan tentang kesan Rancangan Malaysia Kedua tanpa membuat

---

*Makalah ini dialihbahasa oleh Shamsuddin Jaafar.

kenyataan-kenyataan yang menyeluruh sifatnya.

Bagaimanapun, kita dapat membahagikan kesan ini kepada dua golongan. Pertama, kesan fizikalnya yang lebih segera dapat dilihat dan kedua, kesan sosialnya yang hanya dapat ditafsirkan sahaja. Marilah kita tinjau secara ringkas tentang objektif utama Rancangan Malaysia Kedua itu.

Rancangan Malaysia Kedua mempunyai dua objektif yang utama. Pertama pembasmian kemiskinan dalam semua sektor ekonomi, tanpa mengira kaum dan kedua, penyusunan semula masyarakat Malaysia untuk membetulkan ketidak seimbangan ekonomi di kalangan berbagai-bagai kaum agar tidak ada lagi suatu kelompok etnik yang dikenal sebagai memegang fungsi ekonomi tertentu. Kedua objektif ini digabungkan menjadi Dasar Ekonomi Baru. Inilah ideologi ekonomi kerajaan sekarang dan ia bertujuan untuk menyatupadukan rakyat supaya mereka dapat menumpukan seluruh perhatian ke arah pencapaian matlamat akhir politik iaitu membena perpaduan kebangsaan dan harmoni di kalangan berbagai kaum di negeri ini.

Oleh yang demikian, tujuan Kerajaan ialah untuk membena satu bangsa baharu dan mencapai matlamat tersebut melalui kemajuan sosio-ekonomi. Seperti yang pernah ditegaskan oleh seorang cendekiawan bahawa ini adalah matlamat utama bagi kebanyakan negara yang membangun. Katanya, "... dasar pemerintahan dalam masyarakat yang sedang mengalami perubahan disalurkan secara sungguh-sungguh ke dalam dua matlamat asas yang bertimbal balik pembinaan bangsa dan kemajuan ekonomi. Pembenaan bangsa ialah cara mendesak suatu integrasi kelompok politik dalam lingkungan batas-batas ilmu alam yang telah ditentukan di mana negara bangsa itu merupakan institusi politik yang berkuasa. Kemajuan sosio-ekonomi pula ialah pengekalan dan pembaikan material secara menyeluruh dan kebajikan masyarakat."[1]

---

1. Milton J. Esmon, *The Politics of Development Administration*, in John D. Montgomary and William Siffin, des, Approaches to Development Politics, Administration and Changes ed. (C. Y.: Macgrow Hill Book Co., 1966) pp. 59–60.

Rukunegara

Ada di antara kita mungkin tertanya-tanya bagaimanakah prinsip-prinsip Rukunegara (prinsip-prinsip ideologi kebangsaan/negara) mempunyai hubungan dengan Dasar Ekonomi Baru. Biarlah kita jelaskan tentang hal ini. Rukunegara menyatakan:

Negara kita Malaysia, berusaha:

— mencipta perpaduan yang lebih luas di kalangan semua rakyatnya;
— mengekalkan kehidupan cara demokrasi;
mencipta suatu masyarakat yang adil di mana ke-
— kayaan negara dapat dibahagikan samarata;
— menjamin pendekatan yang liberal terhadap tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai;
— membina suatu masyarakat yang progresif yang akan berorientasikan sains dan teknologi moden.

Kami, rakyat Malaysia, mengikrarkan usaha bersatu kami untuk mencapai matlamat tersebut dengan panduan prinsip-prinsip berikut:

— Kepercayaan kepada Tuhan;
— Kesetiaan kepada Raja dan Negara;
— Keluhuran Perlembagaan;
— Kedaulatan Undang-Undang;
— Kesopanan dan Kesusilaan.

Saya ingin mengulas dua aspek Rukunegara ini. Pertama tentang aspek mencipta perpaduan yang lebih luas di kalangan rakyat dan yang kedua tentang masalah mencipta suatu masyarakat yang adil di mana kekayaan negara dapat dibahagikan samarata. Perbincangan kedua aspek Rukunegara ini cukup untuk membuktikan bagaimana Dasar Ekonomi Baharu berhubung erat dengan Rukunegara. Seperti yang telah dinyatakan oleh Tan Sri Mohd. Ghazali bin Shafie:

"Lahirnya dasar ekonomi baru ialah sebagai akibat langsung dari usaha hendak mewujudkan perpaduan negara dengan matlamat pertamanya untuk 'decompartmentalisasi' masyarakat Malaysia. Matlamat kedua, yang juga sama pentingnya dengan yang pertama tadi dan di-

lancarkan serentak ialah membasmi kemiskinan tanpa mengira asal usul keturunan mana-mana kaum. Kedua-dua matlamat ini saling memperkukuhi. Telah terbukti bahawa tidaklah memadai bahawa untuk mengurangkan persengkitaan antara kami diadakan satu rancangan bagi membetulkan ketidakseimbangan ekonomi dengan meninggikan pendapatan di kalangan orang Melayu dalam sektor pertanian mereka. Kiranya nilai-nilai budaya dan etnik mahu disusun semula, masyarakat itu perlu disusun begitu rupa di mana 30% daripada kelompok yang berniaga di semua peringkat serta di segala lapangan hendaklah terdiri dari bumiputra."[2]

Yang demikian, adalah diyakini oleh pemimpin-pemimpin hari ini bahawa kita hanya akan dapat membina suatu bangsa yang bersatu, harmonis dan maju dengan membantu rakyat yang lemah kedudukan ekonominya di samping menggalakkan penyertaan orang-orang Melayu dan rakyat bumiputera lainnya dalam kegiatan-kegiatan sektor ekonomi moden. Hanya melalui objektif pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat untuk membetulkan ketidak seimbangan ekonomi sahajalah untuk membetulkan ketidakseimbangan ekonomi sahajalah benarnya berlaku dengan segera. Dengan menyusun semula masyarakat diharapkan pengenalan sesuatu kaum dengan fungsi ekonominya yang tertentu dapat dihapuskan.

Perbincangan di atas menunjukkan hubungan lansung Rukunegara sebagai garis panduan Rancangan Malaysia Kedua dan rancangan-rancangan pembangunan masa depan. Rancangan Malaysia Kedua sebenarnya merupakan langkah pertama dalam usha kita mencapai matlamat perpaduan kebangsaan. Seperti mana yang disarankan oleh Perdana Menteri Tun Abdul Razak:

"... Rancangan Malaysia Kedua dapat dianggap sebagai peringkat pertama dalam usaha kita mewujudkan perpaduan kebangsaan di bawah Dasar Ekonomi Baru.

---

2. Ucapan Tan Sri Ghazali bin Shafei, di Southeast Asia Study Group on Agriculture Relation for the Future di K.L., 17hb. Jun, 1971.

Dalam masa lima tahun selanjutnya kita akan cuba mencapai suatu kadar perkembangan ekonomi yang lebih tinggi, mempercepatkan usaha-usaha mengadakan pekerjaan bagi menampung tenaga perburuhan yang semakin meningkat, pembaikan dalam pembahagian peluang-peluang ekonomi dan pendapatan, dan pembentukan suatu kelompok perdagangan dan perusahaan di kalangan orang Melayu dan rakyat bumiputera lainnya."[3]

Untuk menilai kesan fizikal dan sosial rancangan ini kita perlu melihat ciri-ciri nyata rancangan tersebut. Rancangan Malaysia Kedua melibatkan perbelanjaan sebesar $14,350 juta dan daripada jumlah ini perbelanjaan awam memakan sebanyak $7,250 juta. Yang selebihnya $7,100 juta merupakan peringkat penanaman modal oleh sektor-sektor swasta. Dari jumlah $7,250 juta anggaran perbelanjaan dari sektor awam, perbelanjaan pembangunan awam akan memakan sekurang-kurangnya $6,000 juta. Pembahagian perbelanjaan pembangunan awam yang dilakukan oleh sektor functional adalah seperti berikut:

Sektor Ekonomi	—	67·2%
Sektor Sosial	—	14·7%
Keselamatan dan Pertahanan	—	15·2%
Pentadbiran Am	—	2·9%

Keutamaan akan diberi kepada pembangunan pertanian dengan menyedia bahawa di sini terdapat kesempatan untuk menggunakan hasil bumi dengan lebih meluas lagi... dan juga disebabkan oleh kenyataan bahawa kawasan kemiskinan yang paling menonjol terdapat dalam sektor ini.

"Strateji pembangunan pertanian ditujukan untuk membebaskan petani-petani daripada perangkap kemiskinan seperti kurangnya penghasilan dan ladang-ladang yang saiznya tidak menguntungkan dari segi ekonomi di samping menjadikan pertanian suatu aktiviti moden yang menguntungkan."

---

3. Ucapan Tun Abd. Razak bin Datuk Hussien, ketika membentangkan Usul Rancangan Malaysia Kedua di Dewan Rakyat pada 12hb. Julai 1971.

Pembangunan tanah baharu secara intensif yang berjumlah lebih sedikit daripada satu juta ekar dalam masa lebih dari lima tahun diharap dapat memberikan pekerjaan dan pendapatan langsung kepada lebih dari 100,000 orang. Dari jumlah sejuta ekar tanah itu, seluas 300,000 ekar akan dibuka oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Pada akhir tahun 1975, LKTP akan dapat menempatkan seramai 45,000 keluarga dalam rancangan-rancangannya.

Satu lagi strateji Kerajaan ialah mempercepatkan lagi kadar penanaman semula getah oleh pekebun-pekebun kecil dan menggalakkan kegiatan-kegiatan baharu yang bertujuan untuk mempelbagaikan penghasilan seperti memajukan perternakan, perikanan moden, menambahkan lagi hasil tanaman-tanaman pertanian seperti jagung, lada hitam, kacang soya dan sekoi.

Dalam sektor sosial pula lebih banyak sekolah, hospital dan klinik akan dibena. Rancangan-rancangan membekalkan letrik akan diperhebatkan dan air akan dibekalkan kelebih banyak kawasan. Kita tidaklah perlu memberikan perincian aktiviti ini di sini kerana ia telah pun dianggarkan dalam dokumen Rancangan.

Inilah setengah dari ciri-ciri nyata dan strateji-strateji yang digunakan untuk melaksanakan tujuan pertama strateji Rancangan ini iaitu membasmi kemiskinan dalam semua sektor ekonomi dan untuk membaiki taraf hidup rakyat.

Matlamat kedua Dasar Ekonomi Baru ialah, sebagaimana yang telah disebutkan, bertujuan untuk menyusun semula masyarakat untuk membetulkan ketidakseimbangan ekonomi dan dalam waktu yang sama mewujudkan golongan pedagang dan pengusaha. Langkah-langkah menggalak dan menambahkan penyertaan orang Melayu dalam lapangan perdagangan dan perusahaan akan dilakukan melalui institusi yang ada seperti MARA, PERNAS, FINA, MIDFL, Lembaga Pembangunan Perbandaran (UDA) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Ini bererti bahawa Kerajaan sendiri akan turut terlibat dalam perkembangan sektor-sektor swasta. Kerajaan juga akan menubuhkan pusat-pusat perbandaran yang baru di kawasan-kawasan yang kurang maju dengan cara mengadakan perusahaan-perusahaan dan lain-lain kemudahan. Juga akan terdapat rancangan pelajaran yang bertujuan untuk membolehkan orang Melayu dan rakyat bumiputera lainnya

menyertai lapangan perdagangan dan perusahaan pada peringkat teknik, profesional, eksekutif dan pengurusan. Kerajaan juga akan menggalakkan firma-firma bukan Melayu dan yang dipunyai oleh pemodal asing untuk menyediakan peluang-peluang yang lebih luas bagi penyertaan orang Melayu di samping membolehkan mereka mendapatkan latihan dalam semua peringkat.

Secara ringkas inilah tujuan-tujuan utama Rancangan Malaysia Kedua dan tidak syak lagi memang kita dapat melihat kesan fizikal dan kesan sosialnya, terutama sekali kepada masyarakat luarbandar. Adalah menjadi matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan secara beransur-ansur dan akhirnya menghapuskan kemiskinan dan penderitaan, terutama sekali, di kalangan petani dan nelayan yang hidup di peringkat asas dan juga peniaga-peniaga kecil yang berselerak di seluruh pelusuk negara. Peluang-peluang pelajaran terutama sekali dalam bidang-bidang teknik dan Vokasional akan diperluaskan lagi dan diadakan secukupnya kepada mereka yang berhasrat dan bersedia untuk menggunakannya tanpa mengira sama ada mereka dari bandar atau berasal dari luarbandar. Oleh yang demikian, hanya dengan menikmati bersama hasil pembangunan ekonomi sahajalah perpaduan kebangsaan dapat dilahirkan.

Kesan Fizikal Rancangan Malaysia Kedua

Agak keterlaluan kalau kita mengatakan bahawa kita mengetahui semua implikasi pelaksanaan Rancangan Lima Tahun Kerajaan yang baru saja setahun dilancarkan. Terlalu banyak rancangan dan aktiviti yang akan dilancarkan dalam masa empat tahun yang berikutnya.

Bagaimanapun, di luarbandar kita boleh meramalkan bahawa banyak sekolah, hospital, klinik, jalanraya, jambatan dan kemudahan-kemudahan lain akan dibena dan disediakan. Lebih banyak lagi rancangan tanah akan dibuka dan pusat-pusat perbandaran dibena.

Bertambahnya pembekalan kemudahan-kemudahan seperti bekalan air dan bekalan letrik di luar bandar akan mewujudkan keperluan-keperluan baru di kalangan penduduk luarbandar. Adalah diharap bahawa keperluan baru ini akan

selaras dengan peringkat pendapatan baru yang lebih tinggi. Yang demikian, tidaklah dapat disangkal bahawa kemudahan fizikal yang disediakan yang menimbulkan corak penggunaan baru haruslah diselaraskan pula dengan pendapatan bersih yang bertambah. Jika ini tidak memberi kesan fizikal akan diikuti dengan kegelisahan sosial.

Kerana itu dengan bertambahnya perbekalan perkhidmatan dan wujudnya lebih banyak lagi institusi pembangunan akan mewujudkan kesedaran tentang keperluan-keperluan lain. Sejarah rancangan-rancangan kebangsaan kita yang lebih awal dan rancangan Malaysia Pertama menunjukkan betapa tidak bijaknya kita kalau hanya menumpukan perhatian kepada usaha memberikan kesan fizikal saja. Walaupun rancangan ini berjaya menyediakan pembangunan infrastruktur seperti yang dirancangkan tetapi kita tidak menyedari secara sungguh-sungguh apakah yang sebenarnya dirasakan perlu oleh penduduk-penduduk luarbandar.

Kita mengetahui dari sejarah bahawa dalam beberapa rancangan pembangunan yang lalu terdapat banyak kejadian di mana kemudahan-kemudahan fizikal yang telah dibekalkan dengan banyaknya tidak digunakan sepenuhnya oleh rakyat. Di kawasan-kawasan tertentu pula, penduduk tidak dapat memasukkan bekalan letrik atau air ke rumah-rumah mereka kerana tidak mampu membayar pemasangan alat-alat kemudahan itu dan untuk perbelanjaannya sungguhpun kemudahan-kemudahan ini dibekalkan ke kawasan-kawasan mereka. Kita juga mengetahui di setengah-setengah kawasan, balairaya, jalan di luar bandar, jambatan dan telaga tidak dijaga disebabkan penduduk kawasan itu sentiasa sibuk mencari kehidupan dan tidak pernah mahu mengambil tahu tentang masalah-masalah sosial dan sivik.

Memanglah benar bahawa dalam rancangan pembangunan yang lalu setengah-setengah kelompok penduduk telah menikmati faedah tetapi faedah itu hanya dinikmati oleh mereka yang sudah mempunyai kedudukan ekonomi yang agak kukuh. Umpamanya, dalam pembukaan tanah baru yang luas, mereka yang segera menikmati keuntungan ialah perunding-perunding pembangunan, jurutera, pemborong dan pembekal yang ada hubungannya dengan perkhidmatan. Kesan terhadap pendapatan golongan yang tidak berada tidak berasa langsung.

Diharapkan Rancangan Malaysia Kedua ini kali tidak akan mengulangi kesilapan itu dan jika Dasar Ekonomi Baru ini seperti yang telah diterangkan dapat dilaksanakan dengan penuhnya dengan berpandukan prinsip-prinsip Rukunegara, maksud seharusnya akan menghasilkan pembahagian pendapatan yang bertambah dan lebih adil ke kalangan rakyat. Dalam Rancangan Malaysia Kedua ini dijalankan bahawa Pengeluaran Kasar negara (GNP) akan bertambah dengan kadar 6.5% setahun. Adalah diharapkan bahawa ini akan menambahkan pendapatan per capita kepada $1,300 setahun berbanding dengan $1,000 pada masa ini. Bagaimanapun yang lebih penting, dah telah ditegaskan dalam Dasar Ekonomi Baru, ialah pembahagian pendapatan dan bukan pendapatan per capita.

Mungkin dengan menggiatkan pembangunan dalam kedua-dua bidang pertanian dan perusahaan sebanyak 120,000 pekerjaan akan dapat diadakan dalam setahun, seperti yang diramalkan oleh Rancangan ini. Jadi, kenalah pada tempatnya untuk meramalkan kesan segara Rancangan ini ialah pengurangan masalah pengangguran di negara ini. Hasil dari usaha inilah bahawa pengangguran di akhir jangka Rancangan ini akan berkurang hingga tinggal kira-kira 7% sahaja.

Kesan dan Perubahan Sosial

Tidak memadai untuk membincangkan tentang kesan fizikal Rancangan itu tanpa membincangkan sama implikasi sosial dan perubahannya.

Banyak yang dapat dipelajari dari pengalaman kita di bidang pembangunan ekonomi dan rancangan-rancangan kebangsaan yang lalu dan Rancangan Malaysia Kedua sendiri. Umpamanya, dalam pembangunan tanah, pengalaman Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan banyak mengajar kita. LKTP telah memadukan 23 rancangan dalam 117,000 ekar. Rancangan itu telah menyediakan pekerjaan dan telah membantu mengurangkan kadar pengangguran di kalangan penduduk luarbandar. Peneroka-peneroka menyertai rancangan ini untuk membaiki taraf hidup mereka dan menjamin

masa depan anak-anak mereka. Tetapi pengkajian menunjukkan bahawa lebih banyak pembaikan boleh dilakukan untuk meninggikan lagi taraf hidup peneroka-peneroka tersebut. Yang demikian terdapat keperluan untuk menyelidiki faktor sosiologi pembangunan tanah itu sendiri. Ini suatu soal yang penting kerana dalam masa empat tahun yang berikut lebih banyak rancangan tanah akan dibuka oleh LKTP dan juga oleh Kerajaan Negeri. Selain dari 300,000 ekar tanah yang akan dibuka oleh LKTP yang melibatkan seramai 45,000 keluarga, terdapat pula rancangan-rancangan tanah yang besar di Johor Tenggara dan Di Rancangan Tigasegi jengka.

Dalam usaha memindahkan keluarga-keluarga yang besar jumlahnya dari suatu suasana tradisional kepada yang baru sudah pasti menimbulkan pergolakan sosial. Dalam suasana yang baru ini akan terdapat keadaan yang berbeza kepada peneroka-peneroka baru itu. Kemudahan-kemudahan awam dan sosial yang baru yang disediakan di kawasan-kawasan rancangan ini akan meninggalkan kesan kepada pandangan hidup petani. Keadaan seperti ini bukan sahaja berlaku pada rancangan tanah tetapi juga pada rancangan penanaman padi seperti yang berlaku di Rancangan Perairan Muda. Rancangan ini membolehkan penanaman padi dua kali setahun dan melibatkan satu kawasan yang luasnya lebih suku juta ekar yang merangkumi negeri Kedah dan Perlis. Sebanyak $228 juta telah dicurahkan untuk rancangan ini bagi kerja-kerja kejuruteraan sahaja. Seramai 50,000 keluarga tani terlibat dan jumlah penduduk tani dalam rancangan itu kira-kira 325,000 orang. Dalam rancangan itu hanya aspek kejuruteraannya yang telah mendapat sanjungan sedangkan implikasi sosial rancangan tersebut masih lagi dalam kajian. Sebarang rancangan baru, seperti yang telah disebutkan tadi akan mendedahkan keluarga-keluarga tani yang tradisional itu kepada sistem bekerja baru yang asing bagi mereka, seperti menentukan waktu dan membuat jadual bekerja.

Pekerja itu sekarang terpaksa mempelajari kemahiran cara dan sistem bekerja yang baru. Mereka terpaksa menyesuaikan diri mereka dari segi jasmaniah dan rohaniah terhadap corak bekerja yang baru. 'Kejuruteraan sosial' begitu mencabar petani-petani tradissional itu. sebarang perubahan baru tentulah tidak menyenangkan. Perubahan sering

ditentang kerana ia merupakan sesuatu yang asing. Selalunya timbul ketidak tentuan dalam menghadapi proses perubahan ini. Pekerja ini yang menyertai rancangan seperti itu haruslah bersedia dari segi mental dan mendapat orientasi yang cukup sebelum mereka diambil menyertai rancangan tersebut. Walaupun mereka sudah diterima menyertai rancangan pembangunan ini, keperluan-keperluan sosial mereka harus sentiasa dikaji semula kerana suasana yang berubah itu meninggalkan kesan terhadap nilai-nilai sosial dan keperluan-keperluan sosial mereka.

Bebeberapa soal boleh dikemukakan setakat ini berhubung dengan komposisi peserta dalam rancangan pembangunan yang baru. Haruslah peserta-peserta dalam rancangan-rancangan pembangunan tanah itu (termasuklah rancangan penanaman padi) hanya dipilih dari kalangan orang Melayu luarbandar saja? jika begini halnya, apakah kita akan mengkhususkan sesuatu kaum itu dengan suatu pekerjaan yang tertentu pula? Tidak mahukah kita menjalankan usaha yang sungguh-sungguh untuk menggalakkan orang bukan Melayu seupaya menyertai rancangan pertanian bersama-sama dengan orang Melayu? Dengan adanya berbagai-bagai kaum turut serta mengambil bahagian dalam berbagai-bagai pekerjaan maka dapat kita mewujudkan kelompok-kelompok sosial dengan pekerjaan-pekerjaan tertentu yang membayangkan komposisi kaum negari ini.

Sejauh manakah orang-orang bukan Melayu tertarik untuk bekerja dalam rancangan tanah?

Apakah perubahan organisasi yang bakal diperlukan jika terdapat orang Melayu dan orang bukan Melayu sama-sama bekerja dalam rancangan pertanian?

Apakah pula nilai-nilai orientasi yang perlu digalakkan dalam rancangan-rancangan pertanian yang peserta-pesertanya terdiri dari berbagai-bagai kaum?

Sejauh manakah kita dapat menggunakan kesempatan ini untuk mengintegrasikan nilai-nilai ekonomi orang bukan Melayu dengan nilai-nilai tradisi/emosi Melayu untuk mewujudkan suatu kelompok berbilang kaum yang kuat bekerja dalam menjalankan pekerjaan yang sama?

Ini adalah soalan-soalan terbuka dan masih belum dapat dijawab.

Pernyataan Bumiputera

Adalah diramalkan dalam Rancangan Lima Tahun itu percubaan akan dilakukan untuk menggalakkan orang Melayu dan penduduk bumiputra lainnya turut serta dengan aktif di bidang perniagaan dan perusahaan. Dalam hubungan ini banyak soalan bolah dikemukakan supaya kita dapat memahami dengan lebih jelas objektif kerajaan dan mencapai matlamat tersebut. Dengan penubuhan Lembaga Pembangunan Bandar (UDA) itu adakah orang Melayu dan penduduk-penduduk bumiputera lainnya diberikan kawasan di bandar-bandar dan di bandar besar untuk membolehkan mereka membuka perniagaan? Kalau ini dapat dilakukan, tidakkah ini akan melahirkan kelompok peniaga-peniaga Melayu dan bumiputera? Apakah ini yang kita ingin atau kita mahukan orang Melayu dan bumiputra lainnya diatur dalam lingkungan bandar-bandar atau bandaraya-bandaraya itu sendiri? Bagaimana kita dapat menjalankan ini dan apakah telah kita fikirkan tentang implikasi sosialnya?

Perubahan ekonomi menyentuh kedudukan sosial. Jika orang Melayu di kawasan luarbandar dibawa ke bandar-bandar untuk bekerja dalam semua peringkat perniagaan, ini akan menimbulkan implikasi sosial. Suatu perkara sudah pasti, iaitu jika setengahnya menggantungkan kehidupan mereka dengan bertani sebelumnya, kini mereka terpaksa menghadapi ekonomi wang pula. Corak penggunaan mereka akan berubah dan mereka juga akan terpaksa mengubah hubungan sosial mereka. Keadaan sosial di tempat mereka bekerja akan mengurangkan hubungan erat dan suasana kekeluargaan dan corak persaudaraan yang sudah menjadi tradisi. Mereka terpaksa dibantu untuk mewujudkan suatu golongan rakan baharu terutama sekali dengan peniaga-peniaga bukan Melayu. Jika mereka dibiarkan bersendirian dalam hal ini maka mereka mungkin berasa kesunyian dan tanpa pimpinan, kerana mereka telah dipisahkan daripada suasana persahabatan yang tradisional dan akan timbullah kekosongan kepemimpinan pula. Tidak syak lagi, peniaga-peniaga Melayu dan bumiputra ini akan menghadapi perubahan fizikal, teknikal dan ekonomi yang terpaksa dilalui. Dalam menjalani proses ini akan berlaku krisis nilai. Kalau tidak, golongan perdagangan dan pengusaha bukan Melayu akan terpaksa

membuat penyesuaian terhadap orang-orang *migran* ini. Mereka tidak bisa melarikan diri dari kenyataan bahawa akan terdapat hubungan yang rapat dan timbalbalas antara mereka dengan pendatang-pendatang yang baharu ini. Ini sebenarnya adalah strateji untuk menghilangkan perbezaan. Penyusunan semula masyarakat bererti pemecahan berbagai-bagai halangan yang wujud sekarang dan cuba menggalakkan berbagai-bagai kaum yang berbeza latar belakangnya bercampur gaul dengan cara yang lebih bererti terutama sekali dalam kegiatan-kegiatan ekonomi dan sama-sama menikmati ideal dan nilai yang sama. Tan Sri Ghazali Shafie dengan jelas telah menegaskan tentang bahaya-bahaya perbezaan dalam masyarakat Malaysia:

> "Dalam sebuah masyarakat yang berpisah mengikut kelompoknya, setiap kelompok patuh kepada nilai-nilai budaya yang diutamakan. Kelompok bandar atau kelompok perdagangan yang dalam kontek hari ini ialah kaum Cina, akan meletakkan nilai ekonomi mengatasi yang lain-lain, sementara orang-orang Melayu, yang sentiasa berkelompok di sektor pertanian akan mengagung-agungkan aspek ekspresif nilai budaya. Selagi orang Cina dan Melayu terus hidup terpisah dari segi budaya masing selaras dengan pemisahan dari segi pekerjaan dan alam keliling masing-masing, selama itulah sebarang usaha hendak mengurangkan perbezaan cara berfikir (mentality) akan menjadi sia-sia, walaupun berjilid-jilid buku mengenai revolusi mental disogokkan kepada mereka. Keperibadian Malaysia akan dikenali melalui nilai-nilai yang sama, sama ada ekonomi atau kesenian yang diterima oleh semua pihak dalam satu sistem perhubungan yang berasaskan suatu matlamat yang sama-sama disedari dan untuk ini rakyat Malaysia sedia membuat segala pengorbanan."[4]

Dasar lain yang akan meninggalkan kesan ke atas sektor luarbandar ialah dasar yang cuba menggalakkan pusat pertumbuhan atau pusat-pusat perbandaran di kawasan luar-

---

4. Ucapan Tan Sri Gzali Shafei, *ibid.*

bandar itu sendiri. Setengah orang mensifatkannya sebagai pengindustrian luarbandar. Memindahkan perusahaan-perusahaan ke kawasan luarbandar tidak syak lagi memerlukan anjuran dari pihak Kerajaan. Ini disebabkan adanya hal-hal yang dari segi ekonomi sebenarnya tidak sesuai untuk mendirikan perusahaan di luarbandar. Tetapi kita harus memikirkan bahawa percubaan untuk menyusun semula masyarakat tidak dapat dijalankan jika usaha-usaha pembangunan hanya dipandu oleh pemikiran ekonomi semata-mata. Setengah-tengah perusahaan di kawasan-kawasan luarbandar ini mungkin sengaja didirikan secara artifisial untuk mengatasi masalah-masalah sosio-ekonomi dan politik yang sedang kita hadapi sekarang.

Oleh itu nyatalah bahawa kesan-kesan pembangunan yang akan dijalankan dipandang dari segi sosialnya adalah amat besar. Orang-orang bumiputra sama ada di luarbandar atau pun di bandar akan menempuh beberapa cabaran dari segi pekerjaan, suasana tempat tinggal dan pergaulan. Mereka yang terlibat ini mungkin menghendaki bimbingan yang tertentu untuk menempuh cabaran yang baru ini agar usaha-usaha pembangunan yang baru itu benar-benar dapat mencapai hasil dan kesan bagi mereka yang terlibat di dalamnya.

Tidak dapat disangsikan bahawa usaha pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kedua ini membawa perubahan-perubahan raksaksa yang hendak digerakkan benar-benar dari pihak pemerintah. Inilah satu eksperimen yang diistilahkan dalam bahasa Inggeris satu "politically directed transformation". Oleh itu kesan-kesan sosial di dalam Rancangan Malaysia Kedua betul-betul hendaklah difahamkan supaya mereka yang mengambil bahagian besar di dalam rancangan-rancangan pembangunan itu benar-benar menikmati hasilnya dengan tidak menempuh "crisis of values" yang mengejutkan sangat.

Dewan Masyarakat,
Mac, 1972.

22

USAHA MENIMBUS JURANG ANTARA KAUM

Sulaiman Salleh

Rancangan Malaysia Kedua yang berlandaskan Dasar Ekonomi Baru pada prinsipnya merupakan satu langkah kerajaan yang amat radikal dan realistik dalam usaha membangunkan masyarakat desa. Hakikat ini bukan sahaja terjelma menerusi angka-angka yang besar dan melebihi dengan kadar yang tinggi dari jumlah perbelanjaan kerajaan dalam rancangan-rancangan yang lepas, tapi matlamat dan strateginya benar-benar berbeza dari masa-masa yang lalu, khususnya terhadap perhatian yang lebih teliti diberikan kepada sektor perusahaan. Sedangkan selama ini, setiap rancangan projek-projek lima tahunnya, hanya lebih memperlihatkan cita-cita kerajaan untuk membangunkan negara secara keseluruhan tanpa memperhitungkan secara princi kemungkinan pembahagian harta nasional dengan lebih adil dan saksama antara sektor bandar dan sektor desa.

Secara umum, Rancangan Malaysia Kedua ini mendukung satu matlamat tegas dalam usaha membangunkan sosio-ekonomi negara yang sihat dan adil. Matlamat itu terdiri dari dua tujuan iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, tapi pada asasnya tujuan itu sehala dan

sama sahaja — untuk mengimbangi pembahagian harta negara yang tidak setara antara penduduk-penduduk bandar dan penduduk-penduduk desa. Maksudnya dalam usaha menimbus jurang ekonomi dan jarak sosial antara kedua masyarakat yang berbeza itu, tentunya bererti menghapuskan kemiskinan desa dengan memperkenalkan kegiatan-kegiatan ekonomi moden sepertimana yang terdapat di bandar-bandar. Dengan ini maka kegiatan ekonomi moden yang sekarang hanya dikendalikan oleh orang bukan Melayu di bandar-bandar akan disertai sama oleh orang Melayu desa yang selama ini bergantung kepada usaha-usaha pertanian secara tradisional. Hasilnya nanti, akan terjelmalah satu masyarakat baharu Malaysia di mana kegiatan ekonomi tidak lagi didasarkan kepada garis-garis perkauman, tapi setiap sektor penghidupan akan sama-sama diusahakan dan dinikmati hasilnya oleh setiap kaum dengan wajar dan saksama.

Dalam keadaan yang wujud kini, masyarakat Malaysia terjelma dalam bentuk yang amat yunik, sebagaimana yang dikatakan oleh J.S. Furnivall sebagai masyarakat majmuk, tiga kumpulan ras yang terbesar di negeri ini bukan sahaja hidup terpisah dari segi sosial dan kebudayaan tapi juga diasingkan oleh faktor-faktor ekonomi dan ilmu alam. Orang bukan Melayu dengan sistem sosial dan kebudayaan mereka tinggal di bandar-bandar dengan menjalankan kegiatan ekonomi di bidang-bidang perniagaan, perdagangan, perlombongan, perusahaan dan lain-lain aktiviti ekonomi moden. Sementara orang Melayu dengan segala adat resam dan tradisinya terdapat di desa-desa dengan mengamalkan usaha-usaha ekonomi secara kecil-kecilan dan rendah tingkat penggunaan teknologi di bidang-bidang pertanian, perikanan dan lain-lain seumpamanya.

Dalam tahun 1957, penduduk-penduduk Melayu di Malaysia Barat adalah 49.8%, Cina 37.2% dan India 11.2%. Kira-kira 78% daripada orang Melayu adalah tinggal di kawasan-kawasan desa, sedangkan di bandar-bandar terdapat penduduk Cina lebih kurang 63.4% dan India 15.3%. Dari angka-angka ini memperlihatkan bahawa penduduk yang ramai di kawasan desa adalah orang Melayu, manakala di bandar-bandar pula dianggotai oleh penduduk-penduduk yang bukan Melayu. Dan hakikat inilah yang mencerminkan bahawa jurang ekonomi dan jarak sosial antara orang Melayu

dan bukan Melayu amat luas sekali. Walaupun sebahagian besar dari modal-modal negeri ini dikuasai oleh orang asing, tapi kalau dibandingkan antara modal-modal rakyat negeri ini masih lagi menunjukkan pemilikan orang Melayu amat kecil dari orang bukan Melayu. Secara perbandingan antara modal ketiga-tiga kaum di negeri ini. Orang Melayu hanya memiliki sebanyak 5.9% sahaja, berbanding dengan orang Cina yang memiliki sebanyak 90.5% dan orang-orang India 3.6%.

Angka-angka ini jelas memperlihatkan bahawa di antara orang Melayu dan bukan Melayu memang dipisahkan oleh jurang ekonomi dan jarak sosial yang amat ketara. Pada hal, untuk menjamin masyarakat yang teguh dan dinamis, keseimbangan ekonomi perlu diwujudkan. Dan dalam konteks ini, pembahagian pendapatan negara haruslah mencerminkan bilangan penduduk Malaysia bilangan penduduk Melayu seramai hampir 50%, maka modal yang dimiliki oleh kaum ini haruslah mencapai atau hampir-hampir mencapai ke angka tersebut.

Tapi apa yang ternyata amat jauh bezanya dari apa yang sepatutnya. Dan dengan keadaan-keadaan yang demikian, berbagai-bagai pendapat telah diperkatakan orang tentang kemunduran dan kemiskinan orang Melayu atau orang desa. Ada pendapat yang rasional dan tak kurang pula pandangan-pandangan yang emosional dan berprasangka. Bagaimanapun secara keseluruhan, rendahnya tingkat sosio-ekonomi orang Melayu desa dapat dirumuskan kepada dua faktor asas, iaitu faktor ekonomi dan faktor non-ekonomi. Dari sudut ekonomi, mengikut pendapat Prof. Ungku Aziz, ada tiga perkara yang menyebabkan tingkat pendapatan petani-petani desa tersangat rendah.

Pertama, hasil usaha yang sangat kecil kerana memiliki tanah-tanah yang sempit serta kadang-kadang terletak jauh antara satu dengan lain (fragmented), malah tak kurang pula petani-petani yang tidak mempunyai tanah dan menjadi penyewa sahaja.

Kedua, kerana penindasan oleh pemodal-pemodal, pekedai-pekedai atau tuan-tuan tanah.

Ketiganya, kerana dibiarkan oleh kerajaan.

Jelasnya kemiskinan kerana faktor ini mempunyai hubungan yang rapat dengan tingkat penggunaan teknologi yang amat rendah kerana pengetahuan yang sangat kurang

dan pemilihan tanah yang tidak ekonomik; gunatenaga tak penuh; pengangguran; penindasan oleh orang tengah yang memberi umpan menerusi penyewaan tanah, kemudahan-kemudahan kredit, perkhidmatan-perkhidmatan pemasaran dan pengangkutan serta lain-lainnya; dan keadaan yang terbiar akibat usaha-usaha pembangunan kerajaan yang hanya tertumpu di bandar-bandar. Atau dengan kata lain: arus kemajuan ekonomi yang membawa kemajuan negara ini tidak menyentuh langsung orang Melayu.

Sementara itu, faktor bukan ekonomi yang menyebabkan kemunduran dan kemiskinan desa ini berkait rapat dengan sistem nilai dan kepercayaan orang Melayu sendiri. Sikap dan nilai hidup mereka dipengaruhi oleh ajaran-ajaran Islam yang berdasarkan pentafsiran dan pemahaman sendiri, di samping adanya unsur-unsur seperti majis, sakibaki kepercayaan animisma, tahyul dan lain-lain seumpamanya. Pemahaman terhadap Islam yang dianuti itu dalam banyak hal kuat dikongkong oleh doktrin-doktrin seperti kada dan kadar, hingga kepercayaan ini seolah-olah menghalang orang Melayu bekerja lebih kuat. Sebaliknya mereka lekas berserah kepada nasib dan razki yang difahami sebagai telah sedia tersurat mengikut kehendak Ilahi.

Adanya kedua-dua faktor asas yang menghalang kemajuan di kalangan orang Melayu khususnya yang tinggal di desa-desa, telah menjadikan setiap perkembangan sosio-ekonomi negara yang berlaku dari semasa ke semasa hanya sebagai tenaga yang menambahkan lagi dalamnya jurang ekonomi mereka dengan kaum-kaum lain yang tinggal di bandar-bandar. Tapi dengan timbulnya kesedaran pemerintah pada waktu yang akhir-akhir ini akibat peristiwa-peristiwa yang menggugat kestabilan negara, maka satu jalan keluar telah dirancang dan akan dilaksanakan. Idea ini terjelma menerusi Dasar Ekonomi Bahru kerajaan yang dirintis oleh Rancangan Malaysia Kedua.

Golongan Pedagang

Berdasarkan garis-garis ideal rancangan ini, masyarakat desa akan dibangun dan dibentuk ke arah penghidupan moden dalam mana segala kegiatan ekonominya akan berdasarkan sains dan teknologi. Dengan kata lain, menerusi

proses pemodenan ini, masyarakat desa akan diindustrilisasi dan perbandarkan. Langkah-langkah ini bukan sahaja bererti membawa unsur-unsur industrialisme dan urbanisme ke desa-desa, tapi juga menarik keluar orang desa ke bandar-bandar untuk menyertai kegiatan hidup yang serba moden. Dengan tindakan-tindakan demikian akan membolehkan kelahiran golongan pedagang-pedagang dan saudagar-saudagar Melayu, yang dianggap dalam masa dua puluh tahun, mereka akan memiliki sekurang-kurangnya 30% daripada kekayaan negeri ini baik dipandang dari segi penguasaan dan hakmilik, mahu pun dari segi pengurusan, pendapatan dan pekerjaan.

Untuk menjamin kejayaan cita-cita ini, kerajaan akan memainkan peranan yang lebih aktif dalam setiap proses pembangunan negara menerusi sektor-sektor Awam seperti MARA, PERNAS, PKEN-PKEN (Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri). UDA (Perbadanan Pembangunan Bandaran) dan lain-lain institusi termasuk bank-bank yang akan mengendalikan soal-soal perkhidmatan kredit dan pinjam meminjam. Di samping itu, kerajaan telah memberi penumpuan yang lebih teliti terhadap bidang-bidang latihan dan pelajaran, khususnya matapelajaran-matapelajaran sains dan latihan profesional, yang bukan sahaja akan dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran, tapi juga akan diselenggarakan oleh MARA, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, Pusat Daya Pengeluaran Negara dan latihan-latihan sambil kerja.

Pada keseluruhannya, peranan kerajaan adalah lebih tegas dalam usaha memberi peluang-peluang dan kemudahan-kemudahan kepada penduduk-penduduk desa untuk menceburkan diri dalam kegiatan-kegiatan ekonomi moden baik di bidang pertanian mahu pun di bidang perniagaan, perdagangan, perusahaan atau lain-lainnya. Tegasnya kerajaan bukan sahaja setakat membina infrastruktur seperti jalanraya, taliair, bekalan air dan letrik di samping kemudahan-kemudahan pelajaran dan latihan, perumahan dan kesihatan serta lain-lain keperluan, tetapi juga akan memberi kemudahan-kemudahan kewangan, pemasaran dan peluang-peluang perdagangan serta perusahaan.

Dengan rancangan-rancangan raksaksa ini kerajaan mengharapkan akan dapat memenuhi matlamat gunatenaga yang kian bertambah dengan kadar yang amat pesat, iaitu di bidang pertanian dijangka sekurang-kurangnya 1.7% setahun,

dan di bidang perusahaan pula sebanyak 40% dalam masa yang akan datang ini. Untuk ini, peruntukan di bidang pertanian telah dibuat melebihi 80% dari peruntukan dalam Rancangan Malaysia Pertama, dan di bidang perusahaan, pelaburan yang dijangka ialah sebanyak $1,850 juta — lebih dua kali ganda dari peruntukan Rancangan Malaysia yang lepas.

Tidak seperti rancangan-rancangan yang lalu, Rancangan Malaysia Kedua memperlihatkan dengan tegas peluang-peluang dan kemudahan-kemudahan di samping pimpinan-pimpinan yang wajar dalam konteks pembangunan masyarakat desa. Tapi soal yang timbul di sini, ialah tentang pelaksanaan dan masalah-masalah yang terpaksa dihadapi yang kadang-kadang meragukan kita apakah matlamat itu akan mencapai kejayaan. Masalah ini timbul kerana ianya bukan sahaja melibatkan sejauh mana keupayaan kerajaan mempraktikkan dasarnya itu, tapi juga setakat mana kemungkinan timbulnya tindakbalas rakyat terhadap satu-satu projek yang dilaksanakan itu. Ertinya kalau hanya infrastruktur dan institusi-institusi sahaja yang dapat diadakan, masih belum bererti lagi kejayaannya kalau orang-orang yang hendak dibangunkan belum dapat menyertai dan menikmati segala hasil dan keuntungannya. Dengan kata lain, pembangunan masyarakat desa hanya akan berjaya bila anggota-anggotanya telah mengubah sikap dan cara hidup serta mengambil bahagian cergas dalam projek-projek yang dilaksanakan itu. Ini kerana pembangunan masyarakat bukan bererti pertumbuhan dan perkembangan aspek-aspek material, tapi *Pembangunan bererti rakyat.*

Masalah yang mungkin timbul akan melibatkan ketiga-tiga langkah yang akan dilaksanakan melalui Rancangan ini, iaitu langkah mendorong pengaliran desa-kota, langkah membawa teknik-teknik pertanian moden ke desa-desa atau ke kawasan-kawasan rancangan ekonomi perdagangan dan perusahaan moden ke kawasan-kawasan yang akan dimajukan. Di samping kerajaan sendiri menghadapi kekurangan pegawai-pegawai yang cekap dan berpengalaman di bidang-bidang teknik dan pengurusan, pihak rakyat yang hendak dibangunkan juga dalam banyak hal mempunyai tingkat pelajaran yang amat rendah dengan sikap dan nilai hidup yang tidak positif di samping tenaga kewangan yang sangat lemah. Apa yang membimbangkan melalui pengalaman yang lalu,

peluang-peluang yang disediakan itu akan direbut oleh golongan-golongan lain yang sudah pun teguh kedudukannya, baik dari segi tingkat kesedaran dan pelajaran mahu pun dari segi kewangan. Maka tanpa perancangan dan pelaksanaan yang lebih berhati-hati, setiap proses pembangunan negara hanya akan menghasilkan kesan-kesan seperti sebelumnya.

Maksudnya bila berlaku proses pengaliran desa-kota, negara bukan sahaja akan bertambah beban dengan masalah-masalah pengangguran tak ketara, kesesakan kawasan-kawasan penempatan atau pertumbuhan rumah-rumah haram, tapi juga akan menambahkan lagi masalah pengangguran yang pasti mendorong kemunculan masalah-masalah lain seperti kejadian-kejadian jenayah, penindasan, pelacuran dan lain-lain kejadian yang menjahanamkan. Jadi kehadiran mereka ke bandar-bandar bukan sahaja akan mewujdukan komuniti-komuniti baharu yang terpisah dan tidak mempunyai hubungan yang berfungsi dengan penghidupan bandar yang serba maju (sophisticated), tapi juga akan menghasilkan kesan-kesan yang mengancam kestabilan ekonomi dan sosial masyarakat.

Demikian juga dengan usaha kerajaan membangunkan masyarakat petani, kejayaan yang kukuh memang tak dapat dipertahankan setakat ini. Walaupun adanya kemudahan-kemudahan yang diberi seperti jalanraya, taliair, perkhidmatan pemasaran, kemudahan kredit dan lain-lain sebagainya, tapi apa yang terjadi ialah tenaga rakyat sahaja yang berlipatganda, sedangkan pendapatan mereka tidak begitu. Malah kadang-kadang kemudahan itu telah diterima oleh rakyat dengan cara yang negatif. Misalnya jalanraya telah digunakan untuk bersiar-siar dengan kenderaan-kenderaan yang baharu dibeli, penanam padi masih dijalankan sekali setahun, baja-baja yang diberi telah dijual dan wang-wang yang dipinjamkan telah digunakan untuk keperluan-keperluan sosial.

Mengikut Prof. Mokhzani Abd. Rahim, hasil pendapatan petani masih lagi rendah sekalipun mereka menanam padi dua kali setahun, kerana 78% daripada pesawah-pesawah mengerjakan tanah yang kurang daripada lima ekar. Pada hal kerja mereka telah berlipatganda, dan penghasilan tidak bertambah mengikut kadar pengerjaan itu. Sementara di setengah-setengah kawasan pula terdapat rungutan petani-petani yang terpaksa

menjual padi dengan harga yang murah. Walaupun pihak FAMA dengan fungsinya sebagai agen pemasaran telah menetapkan harga minima terjamin padi sebanyak $16.00 sepikul, tapi FAMA sendiri telah tidak dapat menjalankan aktivitinya dengan aktif. Kekurangan pegawai-pegawai yang cekap dan berpengalaman di samping tidak mencukupinya tempat-pengering, kilang-kilang serta tempat-tempat menyimpan padi, menyebabkan padi-padi terpaksa dijual kepada orang tengah yang tentunya tertakluk kepada harga yang ditetapkan oleh mereka. Dari hakikat ini, keuntungan hanya dapat dinikmati oleh golongan-golongan yang menjual barang dan perkhidmatan seperti baja, traktor, pengangkutan dan pemasaran serta pinjam meminjam.

Malah rancangan-rancangan pembukaan tanah-tanah baharu untuk mengatasi masalah kekurangan tanah di kalangan petani-petani juga tidak memperlihatkan kesan-kesan yang menggalakkan. Dalam kajian yang dibuat oleh saudara Nazaruddin Jali di Rancangan LKTP Sungai Kelah, Perak, 1969, peserta-peserta hanya memperoleh pendapatan bersih antara $77.00 – $172.80 sebulan. Pendapatan yang diterima ini adalah selepas ditolak segala hutang. Hutang-hutang Lembaga dijangka selesai dalam tempoh 15 tahun, sedangkan selepas 9 tahun penghasilan susu getah mulai merosot dan terpaksa ditanam semula. Ertinya hutang baru terpaksa dipikul semula dan keadaan ini akan berlanjutan tanpa kesudahan. Dengan tingkat pendapatan yang rendah di kalangan peserta-peserta ini, memperlihatkan kejayaan Rancangan LKTP sukar dipertahankan. Tambahan pula adanya berbagai-bagai masalah yang menghalang kemajuan, baik di pihak pengurusan mahu pun di pihak peserta-peserta seperti sikap, nilai dan perubatan-perubatan yang tidak jujur.

Unsur Moden

Jadi secara keseluruhannya, setiap rancangan pembangunan memerlukan agen-agen yang lengkap dan cekap untuk kerja-kerja perancangan dan pelaksanaan di samping pihak orang yang hendak dibangunkan sendiri itu haruslah bersedia untuk menerima segala proses perubahan yang berlaku. Tegasnya sikap dan nilai hidup orang desa hendaklah diubah supaya tiba pada tingkat di mana segala unsur-unsur

moden dapat diyakini dan dapat menarik minat mereka. Ini akan dapat dicapai melalui daya-penggerak, tenaga ilmu pengetahuan dan tingkat kewangan yang tertentu. Dan satu hal yang nyata, proses ini akan mengambil masa yang agak panjang. Kerana hakikat ini Prof. Ungku Aziz pernah menyuarakan dalam tahun-tahun 50an dahulu supaya masalah petani diselesaikan segera, hingga tingkat pendapatan mereka bertambah dengan kadar yang memuaskan. "Pendapatan petani yang tinggi itu akan juga membolehkan simpanan. Ini akan seterusnya menjadi modal membolehkan tanaman modal dibuat dalam rancangan perindustrian itu." Ertinya dengan adanya lebihan petani itu, baharulah dapat mereka menceburkan diri dalam kegiatan-kegiatan perdagangan dan perusahaan di samping mempunyai peluang yang lebih luas untuk memberi peluang pelajaran kepada anak-anak mereka.

Bagaimanapun bila dipandang secara keseluruhan dari garis-garis pelaksanaan Rancangan ini, nampaknya setiap langkah yang akan dijalankan itu lebih menepati kehendak-kehendak rakyat desa yang kini tinggal dalam kemunduran dan kemiskinan. Idea ini tidak syak lagi timbul dari kekurangan dan kegagalan di masa-masa lalu, di mana rakyat desa hanya akan dapat dibangunkan menerusi pembukaan peluang-peluang yang lebih banyak, baik peluang-peluang pelajaran dan latihan mahu pun peluang-peluang di bidang perniagaan, perdagangan dan perusahaan. Dengan peluang-peluang di samping pimpinan-pimpinan yang sewajamya, membolehkan dari masa ke semasa orang desa menyedia dan menyesuaikan diri dengan kehendak-kehendak perkembangan baharu.

Langkah Baharu

Dari gambaran-gambaran inilah maka telah ditegaskan sebelumnya bahawa pada prinsipnya Rancangan Malaysia Kedua merupakan satu langkah kerajaan yang amat radikal dan realistik dalam usaha membangunkan masyarakat desa. Betapa berazamnya kerajaan untuk membangunkan keadaan sosio-ekonomi masyarakat ini supaya tidak ditinggalkan oleh kadar perkembangan negara, telah ditegaskan oleh Perdana Menteri, dalam mana antara lain beliau berkata: Mereka tidak perlu mempunyai wang tetapi mereka mesti bersedia untuk

bekerja. Mereka akan mendapat pekerjaan dan di samping itu memperoleh hak masing-masing. Ini adalah satu jalan bagaimana kita akan membawakan industri-industri ke kawasan-kawasan luarbandar. Walaupun kenyataan ini mempunyai implikasi yang luas dan boleh diperkatakan secara lebih perinci, namun suatu hal yang nyata bahawa peluang-peluang untuk kaum desa menyertai hidup yang moden progresif telah diberi perhatian kini.

Pada keseluruhannya, Rancangan Malaysia Kedua merupakan satu tenaga revolusi ke arah pembentukan masyarakat baharu Malaysia, di mana melalui usaha-usaha ini tingkat perbezaan ekonomi dan sosial antara masyarakat bandar dan desa akan dapat dikurangkan. Jelasnya rancangan ini bukan lagi merupakan satu pemikiran yang dibuat secara *ad hock*, tapi telah diberi perhatian khusus terhadap pembangunan sosio-ekonomi masyarakat desa. Bagaimanapun dengan kekurangan-kekurangan yang dihadapi oleh kerajaan di samping kadar kemampuan rakyat desa yang amat lemah untuk menemui kehendak-kehendak perkembangan baru, maka sukar untuk ditentukan sejauh manakah kejayaannya yang dapat dicapai nanti. Apa lagi kalau setiap rancangan itu didorong kuat oleh motif-motif politik, kejayaan yang konkrit sudah tentu sukar dipertahankan.

Kerana faktor-faktor inilah, maka kejayaan terpaksa mengambil masa yang panjang. Tapi apa yang jelas. Rancangan ini sekurang-kurangnya merupakan satu langkah baru ke arah pengwujudan tingkat hidup yang lebih maju dan baik dari sebelumnya. Atas kesedaran ini juga, maka kerajaan telah menjangka matlamatnya dalam tempoh masa yang agak panjang, iaitu "dalam tempoh dua puluh tahun, sekurang-kurangnya 30% dari jumlah kegiatan perdagangan dan perusahaan dalam semua bidang dan peringkat harus mempunyai penyertaan orang-orang Melayu dan lain-lain bumiputra dari segi hak milik dan pengurusan."

Dewan Masyarakat,
April 1972.

23

POLITIK PERKAUMAN TERPANCAR DALAM AKHBAR-AKHBAR

A. Samad Ismail

Persuratkhabaran sebagai satu sendi yang terpenting dari sebaran am ikut memainkan peranan yang besar dalam membentuk pendapat umum seperti radio, televisyen dan alat-alat mass media yang lain.

Teknik sebaran am sekarang halus dan maju. Persuratkhabaran tidak terkecuali daripada proses kemajuan itu, tidak saja dalam teknik penerbitan tetapi juga dalam teknik pekerjaannya.

Persuratkhabaran di Malaysia mempunyai sejarah yang lama. Suratkhabar-suratkhabar Melayu, Cina, India dan Inggeris masing-masing mempunyai sejarahnya sendiri. Kemajuan suratkhabar di negeri ini terutama sekali semenjak lepas perang dan selepas merdeka, telah mencapai tingkatan yang boleh dikatakan antara yang pesat dan tinggi sekali, di rantau dunia sebelah sini.

Persuratkhabaran di negeri ini sekarang merupakan industri yang besar, mempergunakan teknik-teknik percetakan yang moden, dan dianggotai oleh pekerja-pekerja profesional yang kecekapannya setanding dengan negara yang termaju.

Persuratkhabaran di negeri ini terbahagi kepada beberapa bahasa sesuai dengan corak masyarakat pelbagai bangsa dalam masyarakat. Tiap-tiap kaum mempunyai suratkhabar masing-masing yang merupakan gergaji dalam golongan masyarakatnya sendiri; jumlah edaran semua suratkhabar di negeri ini sekarang meningkat kepada ratusan ribu naskhah sehari.

Kemajuan dalam jumlah edaran naskhah suratkhabar-suratkhabar sekarang adalah hasil daripada kemajuan pelajaran dan kejayaan pemerintah membanteras buta huruf di kalangan rakyat, juga hasil dari taraf hidup yang tinggi dari rakyat serta kesedaran politik mereka.

Beberapa suratkhabar merupakan suratkhabar-suratkhabar nasional dari segi pembacaannya iaitu tersebar di seluruh negara.

Persuratkhabaran di Malaysia mencerminkan karektor masyarakatnya yang bercorak pelbagai kaum dan golongan. Suratkhabar-suratkhabar dari satu-satu kaum mempunyai sejarah pertumbuhan dan perkembangannya yang tersendiri, terpisah dari sejarah pertumbuhan dan perkembangan suratkhabar kaum yang lain. Karektor suratkhabar-suratkhabar dari satu-satu kaum dipengaruhi oleh watak kaum dan golongannya sendiri; kandungannya disesuaikan dengan selera, kepentingan dan pandangan hidup kaum dan golongan masing-masing.

Tradisi, nilai-nilai dan etika-etika suratkhabar satu-satu kaum berbeda dengan tradisi, nilai-nilai dan etika-etika suratkhabar kaum yang lain. Kemajuan masing-masing juga berbeda, sesuai dengan taraf hidup kaum dan golongan yang menjadi khalayak pembaca masing-masing.

Pada masa sebelum perang, persuratkhabaran sebaran am seperti keadaannya sekarang. Satu faktor yang penting sekali yang mendorongkan perkembangan persuratkhabaran selepas perang ialah pergolakan politik di negara ini.

Kesedaran politik membajai perkembangan suratkhabar-suratkhabar dan satu akibat daripada perubahan itu ialah melibatkan dalam kancah politik. Namun demikian, suratkhabar-suratkhabar masih menjadi penyambung lidah penyertaan hasrat dan kepentingan golongan dan kaum masing-masing.

Selepas merdeka, sedikit demi sedikit suratkhabar ini

berusaha menghilangkan setengah dari sifat-sifatnya sebagai penyambung lidah kaum dan golongan masing-masing. Kesedaran bahawa mereka menjadi anggota dari satu keluarga bangsa yang baru, yang merdeka dan berdaulat, telah mempengaruhi sikap dan pandangan suratkhabar-suratkhabar kepada masalah-masalah masyarakatnya. Namun demikian, suratkhabar-suratkhabar kerana sifatnya sangat sensitif kepada tekanan-tekanan yang bergolak dalam golongan dan masyarakatnya masing-masing, tidak dapat melepaskan dirinya dari terseret dalam persoalan-persoalan yang khusus menyentuh kepentingan-kepentingan khalayak pembaca-pembaca mereka.

Masing-masing suratkhabar mempunyai pendekatannya sendiri terhadap masaalah yang menyentuh golongan msing-masing.

Satu faktor baru yang mempengaruhi sikap dan pandangan suratkhabar-suratkhabar ialah faktor perjuangan parti-parti politik.

Suratkhabar-suratkhabar berpihak-pihak dan sebanyak sedikit, ini mempengaruhi bidang-bidang lain dalam pendekatan masing-masing kepada masaalah-masaalah yang menyentuh golongannya. Politik perkauman yang dianuti oleh setengah-setengah golongan terpancar jelas dalam persuratkhabaran negeri ini.

Suratkhabar-suratkhabar ialah satu-satunya bidang dari sebaran am yang tidak dikuasai secara mutlak oleh negara. Kecuali beberapa undang-undang tertentu yang mengawal penyiarannya, maka persuratkhabaran negeri ini bebas mengikut haluan masing-masing. Ketiadaan aturan-aturan tertentu (sebelum 13 Mei) perkara-perkara yang menyentuh perasaan kaum, ialah satu daripada sebab-sebab maka persuratkhabaran negeri ini kurang memberikan sumbangan yang sewajarnya sebagai alat perpaduan rakyat.

Sekarang dengan perbincangan soal-soal sensitif menurut undang-undang terlarang menjadi siaran suratkhabar-suratkhabar, dan dengan adanya beberapa kawalan lain-lain dari segi undang-undang terhadap ekses-ekses yang mungkin dilakukan oleh suratkhabar-suratkhabar, maka peranan suratkhabar-suratkhabar mengambil bentuk yang baru pula. Usaha membangun satu bangsa Malaysia yang bersatu padu

dapat berjalan lebih sempurna tanpa kesulitan-kesulitan yang pernah dialami dalam masa yang lalu.

Tidak syak lagi usaha membena negara (nation building) memerlukan kerjasama yang sepenuhnya dan yang diberikan dengan kerelaan hati yang bulat daripada alat-alat sebaran am.

Suratkhabar-suratkhabar pada hakikatnya ialah alat-alat untuk menyebarkan berita, inilah tugasnya yang utama sekali dan tradisi ini amatlah kuat dipegang oleh suratkhabar-suratkhabar di negeri ini. Dan berita yang diutamakan ialah berita yang dianggap paling menarik segolongan yang terbesar sekali dari pembacanya.

Berita yang berunsur fikiran (opinion) kurang menarik daripada berita yang mengusik perasaannya (berita-berita jenayah, pembunuhan, penculikan dan sebagainya).

Dan suratkhabar-suratkhabar sebagai perusahaan tidak dapat mengabaikan faktor bahawa berita yang paling menarik minat ialah kunci dari kemajuannya dari segi sirkulasi dan edaran naskhahnya.

Suratkhabar-suratkhabar di negeri ini lebih bercorak popular daripada meniupkan satu-satu pandangan dan sikap tertentu kepada pembacanya dalam ertikata bahawa kemajuan masing-masing lebih berdasarkan kepada tarikan siaran berita-beritanya daripada pandangan dan pendapat yang tersiar dalam ruangan-ruangan tajuk rencananya.

Kalaupun ia mempunyai sikapnya sendiri namun dalam pemberitaannya ia liberal, memuat hidangan berita yang dianggapnya akan memenuhi selera golongan yang seluas-luasnya daripada pembacanya.

Faktor-faktor ini adalah lahir dari hakikat sistem hidup kita yang berdasarkan demokrasi yang memberikan kebebasan kepada suratkhabar-suratkhabar untuk menyatakan pendapatnya sendiri dan menyiarkan berita-berita menurut kebijaksanaannya sendiri dalam batas-batas kawalan tertentu.

Kebebasan ini memberikan suratkhabar-suratkhabar hak untuk menentukan sendiri sikap dan persendiriannya dalam masaalah-masaalah dan soal-soal yang dianggapnya tidak menyentuh hak negara.

Sebaran am terutama di kalangan swasta harus diberikan pandangan yang lebih berat dan bijaksana terutama kerana faktor-faktor yang tersebut tadi.

Penggembelingan tenaga mereka dan pengaruh mereka penting untuk memberikan pengertian kepada rakyat; kecekapan mereka bidang dalam mereka dapat dipergunakan secara yang lebih berkesan tetapi maksud-maksud ini hanya mungkin tercapai kalau sekiranya suratkhabar-suratkhabar yakin bahawa apa yang mereka ikut perjuangan itu sesuai dengan keperluan-keperluan mereka sebagai suratkhabar terutama sekali dan sebagai penyambung lidah dari khalayak pembaca-pembaca mereka.

Bagaimanapun suratkhabar-suratkhabar sementara membentuk pendapat umum juga ikut terpengaruh oleh pendapat umum. Kekuatan pendapat umum dalam satu-satu persoalan lambat laun terpancar dalam ruangan-ruangannya. Dalam pada itu, telah terbukti bahawa suratkhabar-suratkhabar tidak selalu sehaluan dengan pendapat umum tetapi lambat laun kenyataan yang dihadapinya begitu kuat hingga ia terpaksa menyesuaikan diri dengan iklim di sekitarnya.

Kerana sebaran am mengambil peranan penting dalam pembentukan pendapat umum maka perlulah surat-surat khabar memainkan peranan yang lebih besar dan berkesan dalam usaha-usaha yang dianggap menyentuh kepentingan-kepentingan nasional. Ternyata sekali bahawa dalam keadaannya seperti ini, beberapa kekurangan dan kelemahan dalam bidang persuratkhabaran perlu diatasi terlebih dulu, sebelum tugas itu dapat diselenggarakan dengan sempurna oleh mereka.

Antara kekurangan-kekurangan yang besar ialah tenaga dalam bidang tertentu. dalam setengah-setengah suratkhabar, kekurangan tenaga untuk menafsir kejadian dan mengulas soal-soal politik, amat dirasakan sekali.

Terlalu banyak pemberita dan wartawan yang terlatih

Terlalu banyak pemberita dan wartawan yang terlatih dalam bidang-bidang khusus mereka masing-masing. Pengkhususnan bidang untuk pemberita-pemberita dalam persuratkhabaran sekarang memungkinkan pemberita-pemberita untuk meningkat kepada bidang-bidang lain dalam profesion mereka.

Pembahagian suratkhabar-suratkhabar berdasarkan kaum masing-masing ialah satu halangan yang besar ke arah satu bidang yang berpadu (integrated) dalam persuratkhabaran negeri ini, dan mempersulit usaha memprojek

satu imej persuratkhabaran yang padu.

Tradisi suratkhabar untuk menganggap berita dan menilai satu-satu kejadian dari segi nilainya sebagai berita masih tebal lagi kerana peranan suratkhabar di negeri ini masih berupa penyebar berita.

Penilaian yang mengutamakan unsur berita dari satu-satu kejadian kadangkala menyebabkan suratkhabar mengabaikan unsur-unsur lain dari satu-satu kejadian atau peristiwa. Ini bukanlah satu kelemahan dari suratkhabar-suratkhabar tetapi ia mempersulit organisasi-organisasi dan golongan-golongan di luar suratkhabar untuk mendapat tempat yang dianggap wajar oleh mereka dalam ruangan-ruangan akhbar.

Berita persatuan pengguna umpamnya kurang nilai beritanya dari berita perbicaraan seorang tokoh politik di pengadilan.

Keutamaan kepada satu sektor dari masyarakat dalam liputan pemberitaan juga merupakan satu gejala yang nyata dari suratkhabar-suratkhabar negeri ini. Berita-berita di kota dan di bandar lebih mendapat perhatian, pertama kerana suratkhabar-suratkhabar sebagai perusahaan berpusat di kota dan bandar merupakan pusat kekuasaan politik dan ekonomi, dan keduanya kerana lebih banyak kejadian yang mengandung nilai-nberita berlaku dalam bandar daripada di luar kota.

Dan ada pula suratkhabar kerana sifatnya sebagai akhbar kaum yang tinggal di luar bandar, beredar dalam sektor itu sedangkan suratkhabar-suratkhabar lain iaitu Cina dan Inggeris umpamanya, lebih banyak tertumpu dalam bandar. Pembagian masyarakat dalam sektor urban dan rural mempengaruhi soal-soal dan masaalah-masaalah yang menjadi perbincangan dan siaran dalam akhbar masing-masing.

Selain dari pembaca-pembaca juga terbagi kepada peringkat-peringkat dalam masyarakat dan ini mempengaruhi pemilihan berita dan kandungan akhbar malah iklan-iklan yang tersiar.

Kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan boleh diperbaiki. Satu kepincangan yang boleh diperbaiki ialah memberikan gambaran yang berimbang (balanced) tentang kedua-dua sektor bandar dan luarbandar dalam pemberitaan dan penulisan.

Dengan itu pembaca masing-masing suratkhabar mendapat satu gambaran yang menyeluruh dan berimbang tentang masalah rakyat di kedua-dua sektor itu, menanam perasaan dan menimbulkan kesedaran kepada berbagai-bagai golongan dan peringkat pembaca bahawa mereka adalah segolongan dari satu keluarga yang lebih besar. Dengan itu, suratkhabar dapat menimbulkan kesedaran kebangsaan pada pembaca-pembaca dari golongannya sendiri.

Suratkhabar-suratkhabar juga dapat melenyapkan tembok-tembok yang memisahkan golongan-golongan pembaca mereka dari golongan-golongan pembaca yang lain dengan menekankan dan menonjolkan titik-titik persamaan antara golongan-golongan dan kaum-kaum di negeri ini, menafsirkan masalah satu golongan kepada satu golongan yang lain, dan memperkenalkan hasrat dan harapan hidup satu golongan pada golongan yang lain, supaya dengan demikian, tenaga dan sikap satu golongan dapat dipadukan dengan tenaga dan sikap satu golongan yang lain, untuk melenyapkan kepincangan-kepincangan dalam masyarakat baik ia berupa kepincangan politik atau ekonomi ataupun sosial, hingga masaalah yang terkhusus pada satu golongan menjadi masaalah yang dirasakan oleh tiap golongan.

Dengan jalan demikian, suratkhabar-suratkhabar dapat mendidik pembaca masing-masing untuk menanam sikap dan pandangan yang melampaui batas kaum dan golongan masing-masing dan dengan demikian juga dapatlah suratkhabar-suratkhabar memainkan peranan memupuk satu keperibadian kebangsaan di kalangan pembaca-pembacanya.

Dalam pada itu rancangan-rancangan latihan, kursus dan sebagainya untuk pekerja-pekerja suratkhabar patut diadakan bagi memperbaiki dan mempertinggi taraf profession mereka bukan saja untuk memikul tanggungjawab mereka sebagai wartawan dengan baik tetapi juga memainkan peranan mereka sebagai petugas dalam usaha nation-building.

Dewan Masyarakat,
Oktober, 1971.

24

PERPADUAN NASIONAL DI MALAYSIA

Mohd. Nur Ali

Tujuan dasar Rukunegara tidak lain dari mengwujudkan integrasi nasional. Rukunegara yang dicipta sebagai hasil pemerasan otak; cerdik pandai dari berbagai bidang ilmu pengetahuan itu adalah sebagai satu garis panduan ke arah cita-cita keramat ini. Tapi sebagai satu rukun atau garis panduan ia tidaklah memberikan cara yang detail bagi mengwujudkan integriti sosial. Sebab itu tugas ini bukan saja tanggungjawab kerajaan, tapi juga seluruh warganegara yang taat setia.

Sekarang ini kerajaan sedang berusaha bersungguh-sungguh bagi mengwujudkan cita-cita murni ini untuk membentuk masyarakat yang bersatu padu yang beridentiti Malaysia. Boleh dikatakan setiap hari pemimpin kita bercakap tentang integrasi nasional. Hampir setiap ucapan rasmi pemimpin-pemimpin negara, akan menekankan betapa pentingnya soal ini, bagi menjamin keamanan, keadilan dan kemakmuran rakyat. Yang menjadi perhatian rakyat sekarang ini ialah, sejauh manakah ucapan-ucapan dan seruan ini diikuti dengan perbuatan dan amalan. Sejauh manakah kerja bagi mengwujudkan cita-cita ini telah dirancangkan dan dijalankan. Kerana kita tahu dan percaya ukuran kejayaan satu-satu rancangan bukanlah terletak pada ucapan dan berapa ramai pemimpin yang melaung-laungkan kalimat Rukunegara

dan perpaduan negara. Teori atau kata-kata tanpa praktis tidak lebih dari slogan dan propaganda tidak dapat membawa kita dan negara ke mana-mana.

Dalam usaha para ahli sosiologi mencari jalan bagi membentuk perpaduan sosoal dalam masyarakat, mereka telah mengemukakan lima faktor utama yang boleh mempengaruhi atau mengwujudkan integrati sosial.

a. Ancaman dari luar dan penentangan terhadap musuh negara
b. Stail politik pemimpin-pemimpin.
c. Ciri institusi politik dan pentadbiran
d. Ideologi Kebangsaan.
e. Pengeluasan peluang dan perkembangan ekonomi.

Satu perkara yang patut diingatkan, bahawa tiada satu pun faktor-faktor ini boleh berlaku secara automatis tanpa usaha dan pemilihan manusia. Sebab itu adalah tanggungjawab kita semua, rakyat maupun pemimpin, bagi menggunakan kelima faktor ini untuk berperanan sebagai generator perpaduan.

Adanya ancaman musuh baik dari dalam maupun dari luar boleh digunakan dengan seluas-luasnya bagi menyatupadukan seluruh rakyat. Rakyat akan melupakan segala perbezaan kaum, agama, bahasa, etnik dan kebudayaan serta segala pertentangan kelas. Mereka akan bersatupadu di belakang kerajaan menentang musuh bagi mempertahankan negaranya. Ini tidak lain kerana mereka sedar, bahawa tiada apa yang dapat dianugerahkan oleh musuh selain daripada kerosakan, huruhara, penderitaan, darah dan air mata, yang akan menjejaskan keamanan, keadilan dan kemakmuran negara.

Di Malaysia faktor ancaman musuh ini memang ada, malah merupakan satu masalah yang besar bagi kerajaan sekarang ini. Masa ini banyak terdapat anasir yang tidak diingini seperti golongan-golongan pelampau, cauvinis dan orang yang bersimpati dengan perjuangan komunis. Oleh kerana anasir jahat ini berada dalam negara kita sendiri ia tidaklah secara langsung dapat digunakan bagi menyatupadukan rakyat. Tapi perpaduan pasti tercapai kalau anasir-anasir jahat dan perpecahan (disintegrasi) sosial ini dapat ditumpaskan.

Kesan ancaman dari luar adalah sebaliknya. Semakin kuat dan merbahaya ancaman itu, semakin kukuh dan erat perpaduan rakyat. Rakyat akan melupakan segala perselisihan dan perbezaan sikap, ideologi dan falsafah mereka. Rakyat akan menangguhkan peperangan sama sendiri bagi menentang musuh dari luar. Kebetulan pula sekarang ini Malaysia sedang diancam oleh pengganas komunis di sempadan Thailand dan Malaysia Timur. Kerajaan bolehlah menggunakan situasi seperti ini bagi mengwujudkan integrasi nasional. Berdasarkan teori di atas barangkali ada orang yang lebih suka ancaman dari luar ini berterusan, kerana ini akan memberi kesempatan yang lebih luas bagi kerajaan menyatupadukan rakyat sepenuhnya. Ini juga akan memberi peluang bagi rakyat menyedari tanggungjawab mereka pada negara dan bangsa. Kekuatan, kegigihan dan kesanggupan manusia hanya akan teruji dan terbukti melalui tekanan dan ancaman yang menggugat nyawa, mencabul maruah dan kedaulatan bangsa.

Kalaulah Israel tidak diancam dan seluruh penjuru dunia Arab, kekuatan Israel sekarang ini tidaklah sebegitu kuat dan mengkagumkan. Oleh kerana mereka diburu-buru setiap detik oleh bangsa Arab sejak zaman dulu lagi, maka Israel sekarang ini adalah merupakan salah satu bangsa yang dinamik kebudayaannya di dunia ini (Kebudayaan diertikan sebagai keseluruhan cara hidup manusia sehari-hari). Dan dunia tidak akan terperanjat kalau satu masa nanti Kommando Palestine atau Al-Fatah dibawah pimpinan Yasser Arafat sekarang ini akan menjadi satu kuasa yang terkuat di Timur Tengah. Kerana Al-Fatah adalah kumpulan manusia yang tersepit di antara Israel dan Jordan yang berjuang untuk survival.

Stail politik pemimpin pula boleh melahirkan perpaduan Nasional, dan juga sebaliknya boleh menjadi faktor yang memporak-perandakan masyarakat. Ini terpulanglah kepada pemimpin, sama ada mahu menjadikan dirinya faktor yang baik dan positif atau mahu menggunakan kesempatan itu bagi memecahbelahkan masyarakat supaya kekuasaannya terus berkekalan. Ada bermacam-macam stail politik pemimpin. Ada pemimpin yang menekan-nekan golongan minoriti. Ada pemimpin yang menekan-nekan golongan atau kaum yang majoriti seperti dibuat oleh Ian Smith di Rodesia dan juga pemimpin *apartheid* di Afrika Selatan. Ada pula pemimpin yang bersifat adil dan demokratik dengan menghormati

semua golongan dan kaum. Kalaulah pemimpin negara mengecil-ngecilkan dan menekan-nekan satu-satu golongan atau kaum sudah pasti integrasi nasional mungkin tidak berlaku. Golongan atau kaum yang ditekan dan tindas walaupun kecil bilangannya sudah pasti tidak puas hati dengan stail politik pemimpin negara yang sedemikian rupa. Sebab itu golongan ini akan sentiasa menentang dan menolak sebarang kerjasama dalam usaha dan rancangan kerajaan bagi menyatupadukan rakyat.

Rancangan dan kerja ke arah perpaduan nasional akan bertambah cepat gagalnya jika golongan atau kaum yang ditindas itu bersifat majoriti.

Bertolak dari kemungkinan ini saya kira amatlah perlu bagi pemimpin menunjukkan stail politik yang boleh memberikan rasa puas hati dan adil serta sikap hormat kepada semua golongan dan kaum tanpa mengira besar kecilnya golongan dan kaum itu. Di Malaysia, terutamanya stail politik. Allah Yarham Tun Razak, Lee Siok Yew, Manikavasagam dan beberapa orang menteri lagi betul-betul boleh dijadikan satu faktor yang mempercepatkan berlakunya perpaduan nasional. Allah Yarham Tun Razak selaku Perdana Menteri telah berkali-kali menekankan bahawa beliau dan kerajaannya akan memberikan keadilan bagi seluruh rakyat tanpa mengenal kaum, agama, kepercayaan dan kebudayaan. Hak rakyat adalah sama di sisi undang-undang dan perlembagaan.

Ada juga pemimpin yang menggunakan pengantara (mediator) bagi mempercepatkan lagi proses ini berkembangan dan wujud menjadi kenyataan. Mediator perlu bagi mendekatkan jarak jenerasi dan jarak intelek, antara orang luarbandar dengan bandar dan antara golongan tua dengan golongan muda. Di Malaysia mediator yang paling sesuai ialah kaum guru. Gurulah golongan berpelajaran dan luas pengetahuan yang berada di kampung-kampung. Gurulah elit yang bergaul rapat dengan masyarakat luar bandar. Gurulah golongan manusia yang berulang-alik antara bandar dan kampung. Merekalah golongan manusia kampung yang terdedah seluas-luasnya terhadap perubahan dan perkembangan dunia sehari-hari. Tapi soalnya sekarang apakah mereka ini telah ditugaskan dengan kerja menghapuskan jarak jenerasi dan intelek ini. Setakat ini golongan guru-guru ini

masih belum digunakan oleh kerajaan bagi bekerja ke arah yang sangat penting ini sebagai printis bagi mewujudkan integrasi nasional.

Bagi membolehkan proses perpaduan nasional berkembang dengan bebas semua sistem birokrasi hendaklah menjalankan undang-undang dan aturan yang sama bagi seluruh negara dan rakyat. Undang-undang dan aturan hendaknya janganlah ada berat sebelah (biasa) pada golongan atau kaum tertentu. Keadilan undang-undang hendaklah dijamin bagi semua kaum dan pihak tanpa mengira darah keturunan, agama, ideologi dan pendidikan mereka. Adanya penguasaan satu-satu kaum dalam bidang politik, pentadbiran dan profesional yang disengajakan adalah melambangkan undang-undang dan peraturan tidak dijalankan dengan adil.

Adanya penumpuan kekuasaan ekonomi di tangan bukan Melayu, pembolotan lapangan profesional oleh bukan Melayu, dan ramainya orang Melayu dalam bidang pentadbiran dan politik adalah anasir yang kurang sihat bagi perpaduan negara. Menyeru orang-orang Cina supaya bersatupadu seperti yang dibuat sekarang ini adalah langkah yang kurang wajar, malah dapat dianggap sebagai langkah yang provokatif terhadap cita-cita bagi pembentukan satu rupabangsa yang bersatupadu pada batin dan seluruh urat nadi rakyat.

Pemimpin bukan Melayu hendaklah membuat koreksi dengan menyeru supaya orang Cina bekerjasama dan bersatupadu dengan jujur dan ikhlas dengan orang Melayu dan India. Alasan yang menyatakan perpaduan orang Cina sama sendiri adalah penting bagi membentuk keharmonian kaum dan perpaduan negara adalah satu pendapat yang paling tidak logik dan mempunyai tujuan lain di sebaliknya.

Sistem pelajaran boleh mempercepat wujudnya perpaduan nasional. Yang menyedihkan sekarang ini, di pusat-pusat pendidikan inilah yang selalunya berlaku tension dan gerakan-gerakan disintegrasi nasional. Maka pada bulan Oktober 1970 berlakulah satu demonstrasi mahasiswa Melayu yang dianjurkan oleh PBMUM menentang pihak berkuasa Universiti Malaya yang melengahkan penggunaan Bahasa Malaysia dalam pentadbirannya dan kuliah-kuliah yang diberikan kepada mahasiswa-mahasiswa. Sebagai kesan demonstrasi PBMUM itu maka berlakulah dialog antara

PBMUM dan UMSU (Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya). UMSU yang didukung oleh mahasiswa bukan Melayu itu telah mengecam tindakan PBMUM itu sebagai Vandalisme. PBMUM telah mencemarkan nama baik PBMUM tapi juga membayangkan sikap angkuh dan tidak bekerjasama UMSU bagi menjayakan cita-cita nasional ini. Percakaran dua persatuan ini adalah melambangkan betapa tebalnya sikap perkauman yang ada di kalangan mahasiswa-mahasiswa Universiti Malaya sekarang ini. Kita merasa bimbang kalau sikap perkauman ini juga wujud di pusat-pusat pengajian tinggi yang lain.

Dalam bidang pelajaran didapati Sistem Pelajaran Kebangsaan yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama telah dijalankan di sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Suasana ini amat baik bagi proses integrasi nasional berkembang. Cuma kelemahannya ialah kerana, walaupun murid-murid mengikuti sistem pelajaran yang satu, dan bahasa yang satu, tapi kemoposisi sekolah masih berbentuk perkauman. Murid-murid Melayu, Cina dan India masih bersekolah secara berasingan. Murid-murid Melayu bersekolah di sekolah yang ramai anak-anak Melayu. Begitu juga sebaliknya murid-murid Cina dan India. Ini bererti masih ada pemisahan. Pergaulan murid-murid daripada berbagai kaum hanya terbatas dalam lingkungan kaum masing-masing saja. Murid-murid tidak dapat bebas mengassimilasikan kebudayaan ibunda mereka masing-masing. Bagi mempercepatkan perpaduan nasional, kerajaan hendaklah menempatkan murid-murid dari berbagai-bagai kaum bersekolah di bawah bumbung yang sama dengan mengamalkan sistem pelajaran kebangsaan.

Adalah kerja yang sia-sia membuka beribu-ribu kelas perpaduan rakyat kelaulah ahlinya terdiri dari satu kaum saja. Sebuah sekolah yang murid-muridnya terdiri dari berbagai-bagai kaum yang menggunakan sistem dan bahasa yang satu adalah lebih berharga dan berfaedah daripada seribu kelas perpaduan rakyat. Selagi usaha dan rancangan muhibbah dan perpaduan ditujukan pada satu-satu kaum saja, maka selagi itulah kita akan gagal bagi membentuk satu masyarakat Malaysia yang bersatu padu. Tapi kalau semua rancangan dan usa ha pelajaran, sosial, seni, agama, ekonomi dan politik ditujukan untuk semua kaum dengan alat perhubungannya

Bahasa Malaysia, maka saya percaya sebelum ambang tahun 2000 menjelang kita telah berjaya membentuk bangsa Malaysia sejati yang bersatupadu. Orang Melayu, Cina dan India tidak lagi merasakan diri mereka sebagai bangsa Melayu, Cina dan India. Tapi sebaliknya adalah megah sebagai bangsa Malaysia.

Dari segi politik dan parti pula. Parti politik boleh membawa kepada perpaduan nasional, tapi boleh juga menjadi faktor penghalang perpaduan nasional. Ideologi dan perjuangan parti boleh menentukan sama ada satu-satu parti itu jadi jenerator perpaduan atau faktor yang memecahbelahkan masyarakat kepada kumpulan yang berasingan yang memperjuangkan kepentingan masing-masing. Di Malaysia terdapat banyak parti politik dengan ideologi dan prinsip perjuangan masing-masing. Perjuangan parti Perikatan adalah satu cara yang baik, menasabah dan praktikal bagi perwujudan satu rupabangsa. Kerana melalui satu bahasa, satu kebudayaan dan satu bangsa sajalah kita bisa bangun dan wujud sebagai negara yang bermaruah, kukuh dan berdaulat.

Dalam negara yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum di versiti sosialnya saling bertentangan; kerajaan menggunakan bermacam-macam cara bagi menyatupadukan rakyat. Dari segi politik ada dua cara yang selalu digunakan oleh kerajaan. Pertama dengan hanya membenarkan satu parti politik saja bergerak dan berkembang. Keduanya kerajaan membenarkan perkembangan dan pergerakan banyak parti-parti politik, tapi dibataskan kepada parti-parti yang mengambil jalan tengah antara kaum yang berbeza-beza bahasa, etnik dan kebudayaan itu.

Dengan mengharamkan lain-lain parti politik dan mengekalkan satu saja parti politik kerajaan berharap integrasi nasional dapat dilaksanakan dengan segera, dan terus-menerus tanpa gangguan atau apa-apa perubahan akibat pertukaran kerajaan yang memerintah. Dari sudut ini langkah ini adalah baik sekali. Tetapi dari sudut yang lain dia agak meragukan. Kerana jika hanya satu parti politik saja yang dihalalkan dan punya kuasa secara mutlak, kemungkinan peraturan dan undang-undang dijalankan dengan sewenang-wenangnya adalah besar sekali kalau kuasa politik itu ke tangan manusia yang gila kuasa dan tidak bertanggungjawab. Lama kelamaan

ia akan mewujudkan sistem kuku besi, di mana pemerintahan dijalankan secara diktator.

Sebab itu langkah yang sebaik-baiknya diambil oleh kerajaan, ialah menggalakkan perkembangan parti-parti politik yang mengambil jalan tengah antara berbagai-bagai kaum itu, dengan menghormati hak semua kaum. Di India parti *kongres* yang dipimpin oleh Indera Ghandi dan *party and Revolusionary* Institutions di Mexico adalah parti-aprti yang mengambil jalan tengah bagi membolehkan masyarakat yang berbeza bahasa dan etniknya bersatupadu.

Di Malaysia terdapat parti-parti seperti Perikatan, Gerakan Pekemas dan Parti Sosialist Rakyat Malaysia yang cuba mengamalkan dasar dengan cara mengambil jalan tengah di antara berbagai-bagai kaum di Malaysia. Keempat-empat parti ini adalah disokong oleh semua kaum. Dalam parti inilah ketua-ketua atau pemimpin-pemimpin kaum berunding menyelesaikan masalah yang menyentuh kepentingan satu-satu kaum. Oleh kerana wakil tiap kaum boleh berunding dan berdailog secara terbuka dari hati ke hati, tentulah sebarang rancangan dan keputusan yang mahu dilaksanakan tidak menyinggung dan memperkecilkan hak dan kepentingan kaum yang lain. Bila hak dan kepentingan semua kaum dijaga dan dihormati bermakna dasar yang dijalankan oleh parti adalah adil dan demokrasi. Tidak ada penekanan dan penindasan majoriti ke atas golongan minoriti atau sebaliknya. Suasana seperti ini adalah memberi peluang yang baik sekali bagi proses integrasi nasional berjalan dan berkembang.

Tiap negara punya ideologi masing-masing mengikut sistem politik negara itu sendiri. Tujuan pokok dari ideologi ini ialah bagi mengukuhkan kedudukan negara dalam segala bidang dan memberikan satu imej yang baik dan tinggi di mata dunia semoga kedaulatan negara dihormati. Oleh kerana semua ideologi negara adalah bagi kebaikan rakyat dan negara, maka ia bolehlah digunakan seluas-luasnya untuk membentuk satu integriti dalam masyarakat. Untuk membentuk integrasi nasional melalui ideologi nasional tiga garis atau prinsip penting mestilah diikuti.

a. Ideologi nasional mestilah untuk jangka panjang. Kalau ideologi nasional sentiasa diubah dan dibarui ini akan mengkucar-kacirkan negara dan semua ran-

cangan ke arah integrasi nasional akan musnah. Ideologi yang konstan dan kekal perlu bagi membolehkan proses integrasi berjalan dan berkembang dengan baik sehingga betul-betul sempurna.

b. Ideologi nasional mestilah merangkum seluruh rakyat. Ini mustahak bagi mengelakkan masyarakat berpecah-belah dan mendorong mereka bekerjasama dengan pemerintah.

c. Ideologi nasional hendaklah berdasarkan fakta dan kenyataan, semoga ia dapat difahami dan disedari oleh semua rakyat tentang betapa benar, jujur dan ikhlasnya cita-cita kerajaan bagi membela rakyat. Kesedaran ini akan memberikan kepercayaan kepada rakyat betapa seriusnya dan besarnya azam kerajaan dalam membuat satu-satu ketetapan, rancangan dan perjuangan. Bertolak dari segala kesedaran inilah rakyat akan bekerjasama dengan kerajaan. Kerjasama seluruh rakyat dan keyakinan rakyat kepada kerajaan adalah bukti yang mutlak taat setia yang tidak berbelah bagi oleh rakyat kepada negaranya. Taat setia seperti inilah yang akan mengikat rakyat-rakyat dalam satu persatuan yang kukuh dan lama kelamaannya ia akan melahirkan integrasi nasional.

Jika tiga dasar ini diikuti dalam setiap pembentukan ideologi nasional saya percaya negara tidak akan menghadapi banyak masalah bagi mewujudkan cita-cita perpaduan nasional.

Memberikan peluang yang sama bagi semua rakyat adalah penting terutamanya dalam bidang ekonomi. Perkembangan dalam ekonomi dan penyertaan semua kaum boleh membawa masyarakat yang berpisah-pisah bercampur-gaul dan faham memahami antara satu sama lain. Perkembangan ekonomi meluaskan lagi peluang-peluang akan membawa masyarakat kepada kawasan yang lebih luas, dan boleh menolong mempercepatkan terbentuknya identiti nasional. bab itulah dalam negara yang sedang membangun faktor ini amat berkesan bagi perpaduan rakyat. Di Malaysia kita boleh mengambil kesempatan dari perkembangan ekonomi ini. Dasar Ekonomi Baru sekarang ini memberikan

peluang yang luas bagi tujuan ini. Malah adalah jadi matlamat bagi mewujudkan integrasi nasional. Beberapa koreksi dan perubahan terpaksalah dilakukan. Ada tiga koreksi dan perubahan segera yang wajib dilakukan sekarang ini juga. Pertama, ekonomi tak seimbang. Kedua, perusahaan bersama antara kaum dan Ketiganya tentang pekerja-pekerja di kilang dan firma-firma.

Ekonomi tak seimbang antara Melayu dan bukan Melayu hendaklah diseimbangkan segera. Dengan penguasaan ekonomi dan kekayaan negara dengan adil barulah kita dapat mengatakan peluang sepenuh-penuhnya telah diberikan seadil-adilnya kepada semua rakyat. Di samping memboleh-kan semua kaum menyertai bidang perdagangan dan perusahaan ini juga membawa kerjasama dan persatuan antara kaum. Kerana masing-masing mempunyai kepentingan yang sama dalam ekonomi. Bila penyertaan adil semua rakyat dan kaum telah diberikan peluang dalam bidang ekonomi, maka rasa iri hati dan buruk sangka antara satu sama lain akan luput. Suasana seperti ini amatlah penting bagi proses integrasi nasional berkembang dengan bebas dan baik.

Membuat koreksi dalam ketempangan penguasaan ekonomi belum cukup kalau tidak diikuti dengan perubahan dalam bentuk perusahaan dan perdagangan yang dijalankan. Untuk perpaduan dan muhibbah perusahaan bersama antara kaum hendaklah digalakkan. Dengan cara ini kita bukan saja dapat menolong orang Melayu dalam bidang perusahaan dan perniagaan tapi yang utamanya tindakan ini akan memberi peluang yang paling luas dan bebas bagi orang Melayu dan bukan Melayu bekerjasama, tolong menolong, bertolak ansur dan meletakkan kepercayaan dan keyakinan antara satu sama lainnya. Melalui faktor-faktor inilah yang boleh mengikat masyarakat yang berpuak-puak kepada satu ikatan yang berkekalan dan abadi.

Dari aspek pekerja-pekerja kilang pula perubahan hendaklah dibuat dalam distribusi pekerja-pekerja di kilang dan firma-firma berdasarkan nisbah penduduk Malaysia. Yakni kilang dan firma hendaklah mengambil sekurang-kurangnya 50% orang Melayu dan bakinya orang bukan Melayu. Cara pengambilan pekerja kilang dan firma sekarang ini amat tidak menggalakkan. Ada terdapat kes di mana pekerja-pekerja kilang dan firma dimonopoli oleh satu-satu kaum saja. Kalau

pengurus kilang atau firma itu orang Cina, maka majoriti pekerja-pekerjanya adalah orang Cina dan sebaliknya. Pengambilan pekerja-pekerja berdasarkan kaum seperti ini akan membuat pengasingan dan isolusi antara kaum di Malaysia. Sebaik-baiknya pekerja-pekerja kilang hendaklah melambangkan komposisi kaum di Malaysia yang sebenarnya. Cara inilah yang dapat membantu kerajaan membina perpaduan negara yang boleh disumbangkan oleh pihak swasta.

Hanya dengan perpaduan negara yang tulen sajalah kita baru dengan membentuk identiti nasional dan kebudayaan nasional sebagai assimilasi tiga kebudayaan dari tiga kaum di Malaysia.

Dewan Masyarakat,
Julai, 1971.

BAHAGIAN KEEMPAT
POLITIK

PORTFOLIO
DAHAGIAN KEEWAYAT

25

MASALAH KEBANGSAAN KITA

Baharuddin Zainal

Di Asia dua masalah nampaknya terpaksa dihadapi, kebebasan dan kebuluran. Kemajuan sains dan pendidikan mengurangi angka kematian, sedangkan kelahiran bayi meningkat setiap tahun sehingga menimbulkan kesulitan dalam soal keperluan hidup dan makanan. Kiranya kemiskinan berada di mana-mana, kebebasan sesungguhnya tidak banyak ertinya, malahan kebebasan itu sendiri akan terancam baik dari luar ataupun dari dalam. Malaysia walaupun merupakan salah satu negara yang maju di Asia, masih tetap menghadapi masalah kemiskinan, di samping suatu masalah lain yang amat besar iaitu perpaduan kebangsaan.

Dalam usaha kita menghadapi berbagai masalah tanah air, negara-negara besar dunia tetap menumpukan perhatian serta pengaruh mereka. Ini menjadikan persoalan menjadi semakin komplek. Namun segalanya ini mau tidak mau terpaksa dihadapi dan tugas membina suatu rupa bangsa yang bersatu-padu adalah matlamat penting yang harus dicapai. Sistem pemerintahan Jepun dan Inggeris yang mengutamakan kepentingan golongan penguasa, kapitalis, pemegang saham luar negeri, dan yang memerintah atas kelompok-kelompok

kaum sudah tidak sesuai lagi dalam suatu negara yang merdeka. kini kita harus menciptakan kemakmuran buruh tani dan industri dalam suatu masyarakat kebangsaan yang bebas. Ketiga-tiga soal, kebebasan, kemakmuran dan kebangsaan adalah bertalian erat, saling sandar menyandar dan tiap-tiap satunya adalah perlu bagi yang lain.

Biarlah kita bicarakan soal kebangsaan sahaja kerana dalam melakukannya hal-hal yang lain itu akan terpaksa disentuh juga. Apakah erti kebangsaan? Mengapa suatu masyarakat kebangsaan perlu diwujudkan? Bagaimana mewujudkannya dan bagaimana rupanya kerperibadian kebangsaan kita nanti? Apabila kita melakukan pertanyaan-pertanyaan ini dan kita fikirkan sungguh-sungguh jawabannya, kita akan segera terbentur dengan kekaburan dan merasa ragu-ragu pula untuk menghuraikannya. Demikian dirasakan pada konsepnya dan betapa pula melaksanakannya. Namun demikian kemungkinan wujudnya suatu masyarakat kebangsaan di Malaysia adalah suatu fakta dan atas keyakinan inilah kita harus mencari jalan dan menghadapi segala cabaran.

Kebangsaan pada dasarnya ialah suatu keadaan fikiran dan perasaan yang menaruh kesetiaan terhadap suatu kumpulan. Kesetiaan kepada negara dianggap terpenting dan mengatasi kesetiaan terhadap kumpulan-kumpulan yang lain.

Di sini elok juga kita soal apa perlunya membentuk suatu masyarakat kebangsaan. Sebenarnya kebangsaan mula lahir di barat Eropah dalam awal abad 19 dan merebak hingga ke sini. Semangat kebangsaan adalah perlu untuk menyatupadukan rakyat sesuatu negara atau rakyat dari sesuatu keturunan guna membebaskan diri dari pemerintahan orang lain. Bagi kita di Malaysia semangat kebangsaan baharu sahaja muncul dalam abad 20 ini dan itupun mengikut garis-garis perkauman, kebangsaan Melayu, kebangsaan Cina dan kebangsaan India. Tidak ada kebangsaan Malaysian. Sehingga inipun tidak ada kebangsaan Malaya, jauh lagi kebangsaan Malaysian. Sebelum Akta Hasutan termaktub, kempen-kempen pilihanraya masih tetap dilaungkan dengan tema-tema perkauman.

Perasaan perkauman kita lahir dari masyarakat yang berbilang bangsa dan agama dan ditebalkan lagi oleh corak dan

cara pemerintahan penjajah Jepun dan Inggeris. Tiap-tiap golongan memandang ke arah negeri masing-masing di seberang laut sedangkan setiap hari mereka bergesel bahu dan mengusahakan hasil negeri ini untuk menyara hidup. Keadaan demikian tentunya amat tidak sihat dan berlawanan dengan kepentingan negara. Persengketaan mudah diletuskan. Keselamatan dan kemakmuran negara takkan kukuh. Selagi perpaduan dan kesetiaan tidak ada selama itulah negara kita terancam. Hakikat ini tiada kita sedari sangat kerana kita lupa dengan peristiwa-peristiwa sejarah semasa "Bintang Tiga" berkuasa dan kini kita merasa aman dan selamat dari serangan-serangan luar oleh adanya tentera-tentera Komanwel di bumi merdeka ini. Oleh kerana masalah masyarakat kita agak istimewa dan kompleks kita perlu membentuk suatu rupa bangsa atau nasionalisme dengan secara aktif bagi memenuhi tuntutan-tuntutan sejarah, kemasyarakatan dan politik.

Untuk melahirkan masyarakat atau semangat kebangsaan ini beberapa syarat terpenting harus dipenuhi. Pada umumnya kita mesti ada suatu kerajaan pusat yang berdaulat (sovereignty), suatu negara dan warisan-warisan yang sama seperti keturunan, bahasa, pengalaman sejarah dan budaya. Memandang kepada syarat-syarat di atas kita sudah memenuhi syarat pertama dan kedua. Hanya syarat yang ketiga sahaja yang tidak ada dan itulah yang menimbulkan banyak kesulitan. Hal ini tidak pula bererti kita tidak akan berjaya melahirkan nasionalisme kerana Amerika Syarikat pada mulanya pun demikian juga, tidak ada warisan yang sama. Masyarakat Amerika adalah dari keturunan Jerman, Inggeris, Irish, Mexico dan lain-lain lagi. Tetapi mereka tetap bersatu padu dan menumpukan kesetiaannya ke negara itu. Jadi tugas kita sekarang ialah cuba mencipta yang tidak ada untuk melahirkan suatu ikatan emosi dan warisan nanti.

Oleh kerana kebangsaan itu adalah suatu keadaan fikiran dan perasaan, jadi mencipta yang tidak ada itu haruslah dilaksanakan dengan usaha-usaha kemasyarakatan dan intelektual. Tegasnya kita mesti membentuk suatu bahasa kebangsaan yang juga bahasa rasmi, suatu sistem pelajaran, penyebaran ekonomi, pertautan unsur-unsur kebudayaan dan perhubungan yang luas. Segala-galanya itu hendaklah meliputi dan merentas kelompok-kelompok kaum di sini. Untuk melakukannya kita mempunyai banyak pertolongan dan

kemudahan-kemudahan seperti kerajaan pusat, perhubungan langsung dan tak langsung seperti pos, radio, akhbar-akhbar, telefon, pertubuhan-pertubuhan dan berbagai pengangkutan untuk menyebarkan bibit-bibit kebangsaan.

Tetapi sebenarnya negara ini menghadapi banyak masalah yang berat apatah lagi jika sesuatu itu tiada dapat dilakukan dalam sehari semalam. Namun begitu kita jangan patah cita-cita kerana kita hendaklah melihat sesuatu itu pada jangka panjangnya walaupun buah titikpeluh kita ini hanya dapat dikecap oleh anak cucu kita sahaja.

Suatu masalah yang benar-benar menghalang perpaduan dan perasaan saling cinta mencintai ialah sikap atau attitude. Sikap tradisional, perkauman dan kelas mesti dikaji dan diberi tindakan yang wajar bagi tiap-tiap satunya. Bangunan-bangunan bank, syarikat kerjasama dan klinik-klinik dapat didirikan bila-bila masa sahaja. Tetapi sikap, prasangka dan kepercayaan terhadap keturunan, bomoh-bomoh, jampi-jampi dan lain-lain tidak mudah dihapuskan. Itulah perlu bagi kita memahami sikap dan lembaga-lembaga kemasyarakatan kita dalam melaksanakan tugas besar ini. Pendapat-pendapat para penyelidik ilmu kemasyarakatan amatlah berguna untuk kejayaan rancangan-rancangan kebangsaan.

Masyarakat Melayu misalnya begitu tebal dengan adat resam lamanya. Mereka akan bersikap acuh tak acuh atau merasa tersinggung kiranya unsur-unsur asing menerpa masuk ke daerahnya. Oleh fahaman hidup yang tersendiri ini dan kedudukan ekonomi yang rendah itu mereka merasa terasing dari kaum-kaum lain dan iri hati terhadap mereka. Pembaharuan-pembaharuan dan pembangunan ekonomi adalah dua cara yang perlu untuk mengubat penyakit ini. Pembangunan ekonomi sekurang-kurangnya dapat meletakkan mereka setaraf dengan kedudukan ekonomi kaum lain. Pembaharuan-pembaharuan dapat mengubah sikap lama. Dengan ini masyarakat Melayu itu tidak akan merasa iri hati terhadap orang lain dan sikap lama yang berbau perkauman akan beransur lenyap oleh fahaman-fahaman hidup baharu. Apabila batas perbedaan (benda dan pandangan) sudah longgar atau tiada begitu besar lagi, bibit-bibit kebudayaan mudahlah bercampur baur.

Dalam melaksanakan ini pihak yang berkuasa harus

bersungguh-sungguh dan melipatgandakan lagi peruntukan pembangunan luarbandar. Di samping itu orang Melayu mesti diyakinkan bahawa pembangunan ini bukannya hanya menguntungkan kaum kapitalis, suatu keadaan yang boleh meluaskan lagi jurang pemisahan ekonomi orang Melayu dan asing. Masyarakat Melayu juga harus sedar dengan sendiri bahawa mereka mesti mengubah sikap lama yang kaku dan cuba menganut sikap dan fahaman hidup baharu yang dinamis demi kepentingan hidup mereka nanti.

Buat kaum asing, semangat cintakan negara ini dan perasaan ingin bersatu padu dengan golongan lain mesti ditanamkan. Kesedaran harus ditumbulkan bahawa kedudukan ekonomi mereka adalah hasil kemudahan-kemudahan perdagangan yang diberi oleh kerajaan dan sebahagian besar keuntungan mereka sebagai orang tengah adalah disebabkan adanya golongan lain yang mengeluarkan bahan-bahan mentah, menjual dan membeli barang-barang pula dari mereka. Dari kedudukan ekonomi ini orang-orang Cina maju setapak lagi sejak merdeka iaitu dalam bidang politik. Selain dari itu orang-orang asing juga harus insaf bahawa di Malaysia sahajalah dalam Tenggara Asia ini, mereka yang menjadi warganegara diberi layanan yang sama dengan rakyat indigenous. Renunglah kembali gerakan-gerakan anti-Cina di Vietnam, Filipina, Thailand dan Indonesia. Atas dua hal ini dan di samping keuntungan yang mereka boleh perolehi dari perpaduan, sudah mestinya mereka taat setia dan ikut dileburkan dalam suatu bentuk masyarakat kebangsaan. Buat chauvinis yang ingin mempertahankan keaslian kebudayaannya tentulah elok sahaja kembali ke Cina, India dan Indonesia.

Kemajuan teknik dan cara perdagangan baharu dari Barat mempengaruhi kejiwaan dan corak masyarakat dan menimbulkan banyak aliran pemikiran. Dari pertanian, perindustrian dan perdagangan masalah kelas buruh sedang timbul dan bertambah-tambah berpengaruh. Kiranya kerajaan tiada memberi layanan dan pertolongan yang wajar dan hak bagi mereka mengikut nilai-nilai hidup baharu, suatu penyakit negara akan muncul. Mereka tidak harus dianggap sepi dan di ketepikan, apatah lagi corak pemerintahan kita kerap dikaitkan dengan faham kapitalis. Kiranya perasaan tidak puas hati ada pada mereka tentunya mereka tidak mem-

beri sokongan terhadap cita-cita dan usaha-usaha pemerintah dan unsur-unsur subversif pun mudah menyeludup.

Melihat keadaan yang begini, kerumitan yang kita hadapi menang banyak sekali jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Tambahan pula kita berada di dalam sistem pemerintahan demokrasi yang memberi kebebasan beribadat, berusaha dan berbicara. Kebebasan ini mudah disalah gunakan hingga timbul banyak *opporchunis* dan *chauvinis* yang bergerak tanpa mementingkan tanahair ini pada keseluruhannya. Kita tidak mahu melahirkan seorang Hitler tetapi kita perlu mencantas kaduk-kaduk yang naik junjung dan kacang-kacang yang lupakan kulit.

Jika ditilik benar-benar baharulah kita merasakan betapa mustahaknya kita menimbulkan kesedaran dalam jiwa kita dan menerima suatu bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, suatu sistem pelajaran, pembangunan ekonomi dan perubahan politik. Semuanya ini jangan tidak diwujudkan asalkan pembangunan ekonomi itu tidak melanjutkan lagi penindasan di antara kaum dan kelas dan perubahan politik itu tidak akan melelahkan sesuatu golongan dan dibuat tidak atas pertimbangan sejarah. Kiranya hal ini berlaku nasionalisme di daerah ini tidak akan timbul dan nasionalisme Malaysia akan tinggal dalam angan-angan sahaja.

Walau bagaimamapun, kita mesti sama-sama menerima dan berusaha mewujudkan suatu kebangsaan dengan apa cara pun. Mungkin penting juga kita galakkan perkahwinan campuran, penciptaan lambang-lambang kebangsaan seperti tuga, cogan-cogan kata, lagu-lagu, gerakan-gerakan budaya, drama dan sastra. Semuanya ini merupakan bahan-bahan kecil tetapi dari segi pengaruhnya kepada kejiwaan bawah sedar masyarakat sebenarnya tidaklah sekecil yang kita sangkakan.

Apakah sifat peribadi bangsa kita nanti? Masih samar-samar lagi, kerana kita sedang berada di dalam zaman peralihan dan sedang bereksperimen lagi. Jika seorang Amerika ditanya tentang keperibadian masyarakat mereka, ia akan menjawab "kami orang-orang demokratik, cintakan kebebasan dan rajin berusaha." Walaupun kita tidak tahu keadaan yang sebenarnya nanti, namun perancangan mesti ada dan pimpinan harus adil dan jujur. Teori-teori di bilik-bilik kuliah

dan di bilik-bilik mesyuarat hanya pertunjuk-pertunjuk sahaja dan belum menentukan apa-apa lagi. Hanya mempraktikkan teori-teori ini baharulah mempastikan peribadi dan perdirian anggota-anggota masyarakat kita di sini.

Dewan Masyarakat,
November, 1963.

26

PIMPINAN DALAM MASYARAKAT MELAYU

Alis Murni

Soal pemimpin dan pimpinan dalam sesebuah masyarakat adalah penting untuk menentukan corak kemajuan dan perubahan masyarakat itu. Baik masyarakat itu merupakan suatu organisasi perimitif atau pun sebuah organisasi yang bertamaddun, kedua-duanya sama-sama memerlukan pemimpin untuk menukarkan corak kehidupan atau menuju kemajuan. Sebuah masyarakat yang sedang bergerak maju harus mengenal corak pimpinan yang sesuai bagi cita-cita pergerakan. Pimpinan yang tegas tepat pada satu-satu pelaksanaan rancangan menghasilkan langkah-langkah yang lebih cergas dan teratur. Manakala pimpinan yang tidak cocok pada keperluan sejati masyarakat itu akan membuahkan kepincangan dan kemerosotan hidup ahli-ahli masyarakat.

Melihat kembali kepada sejarah bangsa-bangsa yang telah maju kita dapat benar-benar yakin bahawa pimpinan yang dinamis mengalirkan arus perubahan besar. Dalam satu-satu perjuangan kemerdekaan sahaja dapat kita menyusun peringkat-peringkat pimpinan yang menggerakkan tenaga raksaksa itu. Pertama kita melihat pimpinan bagi seluruh negara, kemudian pada peringkat-peringkat daerah dan se-

terusnya pada peringkat kawasan-kawasan yang lebih kecil lagi. Bagi apa-apa lapisan atau peringkat pun yang amat diperlukan ialah pimpinan yang sesuai, teratur dan berdasarkan kepada kekuatan peribadi dan tenaga penggerak pemimpin-pemimpin itu. Kita juga melihat sebaliknya pimpinan yang tidak sesuai dan teratur akan mengakibatkan kemunduran kejatuhan bangsa atau masyarakat itu.

Golongan Yang Memerlukan Pimpinan

Pemimpin bertugas besar dalam melahirkan inisiatif bagi satu-satu tindakan atau pergerakan perseorangan atau beramai-ramai. Inisiatif menjadi asas arus tenaga seluruh masyarakat. Tetapi ini belum bererti pergerakan dapat diarahkan kepada satu matlamat yang tertentu. Harus pula ada pimpinan yang teguh untuk menghidupkan semangat *entusiasme.* Semangat inilah yang akan menjadi penyambung segala gerakan-gerakan tadi kepada satu puncak perjuangan. Penyebaran *entusisme* ke seluruh jiwa masyarakat bergantung penuh kepada *entusiasme* pemimpin-pemimpin itu sendiri dalam mencari setiap jalan dan menyesuaikan pendekatan kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat.

Berdasarkan kepada sifat pimpinan di atas kita dapat mengkaji di mana letaknya masalah pimpinan dalam masyarakat Melayu kita di zaman lalu dan pada hari ini. Oleh kerana pembicaraan tajuk ini lebih memusatkan kepada masyarakat besar, masyarakat Melayu dan kepentingan mereka dalam zaman pembangunan, istimewanya golongan marhain, kurang disentuh di sini golongan yang lebih berpendidikan. Golongan bawahlah sebenarnya yang lebih memerlukan pimpinan daripada golongan terpelajar sendiri, kecuali dalam pimpinan untuk memimpin. Golongan yang berpendidikan tinggi pada hemat saya lebih berdaya untuk menentukan sikap mereka dalam pergolakan zaman daripada mereka yang tersisih dari ilmu pengetahuan dan pedoman-pedoman hidup yang moden.

Dalam zaman perimitif atau pra-sejarah soal pimpinan seperti struktur masyarakat itu sendiri adalah mudah (simple). Seluruh rupa pengalaman hidup, tindakan-tindakan, pergerakan-pergerakan ahli-ahli masyarakat ditentukan oleh ketua yang melindungi masyarakat itu. Penghulu-penghulu

juga menjadi bomoh dan wakil bagi ahli-ahli masyarakat dalam perhubungan dengan daerah-daerah luar. Mudahnya corak pimpinan itu berpunca dari hakikat bahawa kepentingan tiap-tiap ahli masyarakat adalah agak sama antara satu sama lain. Mereka pada keseluruhannya mempunyai kepentingan ekonomi, kesenian, kemasyarakatan dan pendidikan yang seragam sahaja.

Apabila masyarakat bertambah kusut susunannya maka bertambah berbeza pula kedudukan pimpinannya. Timbul dalam masyarakat itu berbagai golongan atau kelompok, dan masing-masing melahirkan kepentingan-kepentingan utama mereka sendiri. Setiap kumpulan atau kelompok manusia ini akan bertumpu kepada penganjur yang dapat memberi petunjuk-petunjuk kepada kepentingan utama yang mereka hadapi.

Dalam masyarakat Melayu Zaman Hindu-Budha sendiri kita dapat melihat masyarakat kita terbahagi kepada dua golongan besar; pertama golongan bangsawan atau istana yang rapat dengan ketua-ketua agama; kedua golongan marhain yang sebahagian besarnya adalah petani-petani. Dari segi politik, ekonomi dan agama pada pandangan kasarnya kedua-dua golongan ini tertakluk kepada pimpinan raja. Tetapi pada kenyataannya adalah berlainan. Golongan bangsawan agak jauh perhubungan dengan masyarakat marhain. Kerana itu kita melihat pengaruh agama Hindu-Budha lebih mesra dengan golongan-golongan atas daripada golongan-golongan bawah yang berpegang teguh pada anutan anamismenya. Demikian juga dalam lain-lain segi kehidupan atau kebudayaan — dalam golongan marhain penghulu-penghulu masih menentukan corak kehidupan masyarakatnya yang mempunyai kepentingan yang masih seragam juga.

Kedatangan Islam memperlihatkan satu peralihan baharu. Perhubungan antara rakyat dan istana bertambah dekat — sekurang-kurangnya dalam bidang-bidang agama dan politik. Guru-guru agama atau alim-alim ulama mengambil peranan penting dalam membawakan perhubungan ini. Kita melihat bagaimana perjuangan Melaka menentang Feringgi amat hebat. Gerakan berjalan di bawah satu semangat kebangsaan dan keagamaan Islam. Seluruh tenaga rakyat bergerak di bawah pimpinan panglima-panglima yang datang dari Istana atau yang datang dari golongan biasa juga. Hal ini

berjalan juga dalam daerah-daerah di luar Kerajaan Melayu Melaka, di Kepulauan-kepulauan Nusantara lainnya yang menentang Belanda dan Sepanyol.

Dalam kehidupan marhain di desa-desa terlihat pengaruh tok guru, pemimpin bukan sahaja dalam hal-hal yang berhubungan dengan agama tetapi menyeluruh juga dalam soal-soal yang berkaitan dengan kehidupan sehari-hari. Kita sedia mengetahui bahawa agama Islam bukan sahaja menentukan hukum-hukum ibadat semata-mata, tetapi jauh kepada soal-soal politik dan kebudayaan. Oleh itu tidak hairanlah kalau kita melihat di tempat-tempat yang kukuh pengaruh agama Islam kedudukan alim ulama dapat mengatasi kedudukan penghulu sendiri atau sekurang-kurangnya tok alim duduk setanding dengan penghulu dalam memberi pimpinan mereka. Tok-tok alim memberikan petua-petua tentang hukum zina, cerai dan pendidikan (kemasyarakatan), petua-petua pembahagian pesaka, riba atau hutang piutang (ekonomi) dan petua-petua dalam menunaikan ibadat sembahyang, puasa dan haji.

Kemunculan suatu tenaga baharu dalam peranan pimpinan ini memungkinkan timbulnya kekusutan dalam masyarakat itu sendiri. Ini disebabkan oleh tidak ada pembatasan bidang-bidang pimpinan serta telah munculnya beberapa kepentingan yang lain. Tetapi bila tolak-ansur dan rasa sefahaman dalam masyarakat Islam itu tercapai masalah konflik itu senang diatasi. Inilah yang benarnya berlaku. Penghulu sendiri menghormati akan ketinggian tok alim itu di sisi Tuhan, manakala tok alim itu bagi kepentingan penyebaran Islam dapat membataskan pimpinan-pimpinan dalam bidang keagamaan. Bagi pihak ahli-ahli masyarakat itu sendiri belum pula menghadapi cabaran-cabaran yang besar yang memerlukan pimpinan-pimpinan yang besar secara langsung. Sudah cukup mereka mengikuti lunas-lunas hukum tradisional walaupun setengahnya bercorak negatif bagi peralihan zaman.

Kedatangan Inggeris dengan rekaan-rekaan baharu, anasir-anasir kebudayaan baharu atau sistem-sistem pemerintah baharunya meletakkan masyarakat kita ke dalam arus yang kencang. Apabila kuasa Inggeris telah begitu kuat perjalanan masa memperlihatkan perubahan-perubahan yang bertambah besar. Bangsa Melayu yang diperintah di bawah sistem feodal dengan sendirinya berhadapan dengan satu

sistem baharu yang birokritik. Muncul pembaharuan-pembaharuan dalam bidang ekonomi, pendidikan dan kemasyarakatan melalui sistem pentadbiran Inggeris. Lebih berbagai pula corak kehidupan yang dilihat oleh bangsa kita.

Cabaran-cabaran ini memerlukan pimpinan-pimpinan yang segera. Nyata sekali corak pimpinan yang lalu datang dari sistem yang berbeza melalui tok alim dan penghulu-penghulu tidak dapat memberi faedah besar bagi menyesuaikan diri dengan keadaan baharu. Datuk penghulu dan tok alim sendiri tidak memahami akan perubahan baharu ini. Mereka berhadapan dengan konflik jiwa mereka, atau konflik antara dirinya dengan pentadbir-pentadbir baharu. Tok alim dan penghulu-penghulu kadang-kadang berselisih faham dalam memberi petua-petua kepada aspek-aspek hidup yang baharu bagi mereka. Perselisihan demikian meletakkan kedudukan anak-anak masyarakat itu lebih goncang dan menimbulkan pula perselisihan sama sendiri cara luar atau sikologi. Jalan yang selama yang dapat diikuti oleh ahli-ahli masyarakat ini ialah jalan tradisional yang selama ini mereka pegang teguh.

Sistem pendidikan baharu Inggeris berjalan bersama sistem pendidikan tradisional yang formal, yang kebanyakannya berupa sekolah-sekolah pondok atau agama rakyat dan pendidikan tidak formal di surau-surau dan di rumah-rumah. Sebilangan besar anak-anak Melayu yang mempunyai kebolehan lebih tinggi daripada teman-temannya dan mengikuti sistem pendidikan Inggeris mendapat tempat yang lebih istimewa di kalangan masyarakat kecil bangsanya. Mereka menjadi guru dan polis, antara keduanya guru (guru-guru sekolah Melayu) yang lebih berpengaruh oleh kerana mereka lebih kekal dalam sebuah masyarakat itu serta berhubung rapat dengan ahli-ahli masyarakat melalui pendidikan anak-anak mereka. Merekalah yang mengambil peranan penting dalam memberi pandangan-pandangan baharu, cadangan-cadangan pembaharuan dan perubahan. Tetapi usaha-usaha mereka bukanlah melalui organisasi yang dengannya dapat disatukan pergerakan ke arah kesedaran dan pembaharuan.

Kecilnya bilangan mereka ini dan lebih kuatnya kedudukan-kedudukan tok alim dan penghulu-penghulu dalam masyarakat itu melambatkan proses perubahan masya-

rakat dan sikap orang-orang Melayu. Hanya anak-anak guru Melayu dari kampung yang sanggup melanjutkan pelajaran ke sekolah-sekolah Inggeris di bandar-bandar di mana dipercayai oleh sebilangan besar rakyat sebagai pusat mengkristiankan anak-anak Melayu. Manakala dari bandar-bandar anak-anak pegawai dan guru juga yang memenuhi bangku-bangku sekolah Inggeris satu-satunya cara yang memungkinkan mendapat tempat yang baik dalam hidup pada hari depan mereka.

Dari sini kita dapat melihat antara sebab-sebab besar lambatnya proses kesedaran dan kemajuan orang-orang Melayu. Pertama kita melihat tidak wujudnya pimpinan yang tersusun ke arah itu. Tidak ada organisasi khusus bagi melancarkan semangat dan aktiviti kemajuan dan perubahan. Kedua ialah percabangan pimpinan itu sendiri — di satu pihak teguh memandang peribadi penghulu yang biasanya berharta, mewah dan tidak memberatkan pendidikan-pendidikan anak mereka. Peribadi ini menjadi contoh dan terhormat. Di suatu pihak yang lain tok alim kurang menggalakkan kepada pendidikan dunia yang dibuka oleh Inggeris tetapi sebaliknya lebih menekankan kepada pendidikan sekolah Al-Quran dan pondok.

Kemudiannya kita bersimpati dengan perjuangan terpencil dan dipandang sepi yang dibawa oleh guru-guru Melayu yang menyarankan kemajuan dan perubahan sikap. Ketiga, berlainannya kepentingan pemimpin besar tadi — di antara tiga pemimpin berpengaruh itu guru lebih liberal kepentingannya — maksud perjuangannya adalah semata-mata bagi kemajuan anak-anak Melayu kerana mereka sendiri menyedari akan perlunya pendidikan itu dan tidak pula terikat kepada kepentingan ekonomi kerana mereka telah sedia memperoleh bayaran yang tetap bagi sara hidup mereka.

Penghulu mempunyai kepentingan kemasyarakatan dan kuasa. Oleh itu mereka memandang serong kepada suatu perubahan yang baharu dan memungkinkan jatuhnya pengaruh mereka. Tok alim pula memegang kepada kepentingan agama yang kukuh dan konservatif. Perbezaan kepentingan ini menimbulkan perubahan-perubahan sikap dalam jiwa masyarakat itu — ke arah mana harus mereka tuju!

Di sebalik itu kita tidak dapat menafikan pula timbul-

nya gejala-gejala positif yang dilahirkan oleh golongan ahli-ahli agama kita. Syed Sheikh Al-Hadi sebagai contoh membawa pimpinan yang berdasarkan kepada pengajaran progresif dari Timur Tengah, diilhamkan oleh Mohamad Abduh. Ramai dari pengikut-pengikutnya meluaskan pimpinan ini untuk membawakan kesedaran kepada kebangkitan dan kemajuan. Ini bukanlah satu contoh yang tunggal. Tetapi sebahagian besar daripada masyarakat kita di luarbandar tinggal di bendong oleh jiwa yang pasif kepada kemajuan zaman dan jauh dari mendapat pimpinan yang sewajarnya.

Zaman selepas Perang Dunia II menunjukkan suatu perubahan besar dalam kesedaran politik kita. Pertubuhan parti politik UMNO dan beberapa tahun kemudian parti-parti Negara, PAS dan sebagainya tegak melaungkan slogan-slogan kemerdekaan. Melalui pimpinan politik berorganisasi yang dihalalkan oleh kerajaan Inggeris disalurkan juga kesedaran pendidikan dan ekonomi. Muncullah dari pergolakan ini golongan pemimpin baharu dalam masyarakat iaitu dari kalangan ketua parti politik.

Tetapi kebanyakan pemimpin-pemimpin dari lapangan ini adalah juga dari guru yang pada ketika itu dibebaskan mengambil bahagian cergas dalam politik. Bermulalah zaman yang memberi tempat utama bagi guru sebagai pemimpin masyarakat. Dengan tenaga besar guru Melayu dan dalam semangat yang berkubar-kubar bersama golongan lain dan rakyat mencapai kemerdekaan tanah air, maka mercuplah semangat memimpin anak-anak masyarakat Melayu dalam segala lapangan. Semangat ini mengalir juga di bawah pimpinan organisasi pemuda pemudi, bahasa sastera, juga persatuan pelajar-pelajar yang kesemuanya sama menyuarakan tuntutan-tuntutan keadilan bagi rakyat. Di bawah kesedaran dan kepentingan yang sama ini juga pergeseran dari keadaan lama itu berubah dan pertama kali kita melihatkan suatu pimpinan yang agak tersusun dan cergas dalam sejarah tanah-air.

Tetapi pimpinan yang demikian tersusun seperti zaman sebelum merdeka telah berubah corak dengan cepat sekali. Perjuangan yang berdasarkan kepada satu kepentingan sahaja telah lama difikirkan berlalu. Kesempatan-kesempatan dari pergolakan politik setelah tercapainya kemerdekaan menjadi faktor utama perubahan ini. Pemimpin-pemimpin telah ter-

tarik kepada berbagai kepentingan. Belum sempat rakyat mengenal dengan sepenuh-penuhnya corak perjuangan yang harus mereka laksanakan, belum sempat mereka mengenal cara mengatasi cabaran-cabaran baharu dan belum dapat mereka mengenal beberapa lembaga baharu yang dibawa masuk dari barat ke dalam kehidupan mereka, sekarang mereka telah tertinggal, kehilangan pimpinan yang benar-benar wajar bagi mengisi kemerdekaan. Mereka dibawa arus pergolakan ini.

Kini pemimpin-pemimpin masyarakat sebahagian besarnya terbahagi kepada penghulu-penghulu, pegawai-pegawai atau bekas pegawai, guru-guru, ketua-ketua parti dan wakil-wakil rakyat, juga ketua-ketua persatuan yang berpengaruh. Manakala kepentingan-kepentingan mereka secara kasarnya ialah di sekitar kepentingan kebendaan, keteguhan ekonomi, pembinaan kuasa dan pengaruh parti. Untuk mengenal akan kekacauan yang muncul dari pimpinan di atas harus kita menggambarkan pengetahuan penduduk-penduduk kampung dalam soal pengkhususan dalam lapangan hidup mereka. Baik dari segi kehidupan mahu pun dari segi pengetahuan mereka adalah jauh tertinggal dalam memahami pengkhususan yang mengawal kehidupan hari ini. Dan lebih mengusutkan lagi ialah sikap ahli-ahli masyarakat dalam memilih pimpinan-pimpinan mereka itu — iaitu memegang lebih pada pengaruh-pengaruh yang dapat dilihat dari luar, tidak kepada nilai pimpinan itu atau apakah ia berdasarkan kepada ilmu pengetahuan.

Dengan demikian masyarakat luarbandar sentiasa mengalami kerugian oleh pimpinan yang tidak secocok atau datang dari orang yang tidak bertanggungjawab. Kepentingan yang berbagai macam yang dibawa oleh seorang pemimpin tidak dapat melahirkan sikap mementingkan pengkhususan dalam pergerakan hidup mereka. Penghulu misalnya memberi pimpinan dalam banyak lapangan — pendidikan, ekonomi, kesihatan, kesenian dan sebagainya.

Setengah-setengah wakil rakyat juga tidak mengenal batas-batas yang sesungguhnya dalam kesanggupannya — dari soal politik hingga kepada soal ekonomi yang mungkin ia sendiri tidak mengerti sama sekali. Seorang guru mungkin lebih mengenal batas-batas tindakannya dan dapat memberi pimpinan yang lebih bertanggungjawab. Selain daripada ber-

sedia dalam memberi pimpinan di bidang pendidikan dan kemasyarakatan dapat juga bersedia mengarahkan kepada siapa pimpinan yang sesungguhnya wajar dapat diperolehi dalam perkara-perkara yang tertentu.

Kadang kala pimpinan serta yang dipimpin sendiri dalam soal-soal yang khas seperti itu tadi menambahkan kekusutan dalam kehidupan masyarakat. Wakil rakyat kadang-kadang mengambil alih pentadbiran yang seharusnya menjadi tugas seorang penghulu. Atau seorang penghulu misalannya berasa curiga akan pimpinan dan kegiatan guru-guru muda menanamkan semangat berfikir bebas atau dalam mengikuti satu kaedah pengajaran yang moden. Pernah terjadi pula pergeseran antara wakil rakyat dan Persatuan Ibubapa yang khusus ditubuhkan bagi memimpin Ibubapa dalam lapangan pendidikan anak-anak mereka. Ini mungkin disebabkan oleh kesangsian wakil rakyat itu atas kegiatan persatuan ini yang difikirkan olehnya cuba merebut pengaruh politiknya.

Kepincangan yang dihasilkan oleh kekeliruan ini tambah dikusutkan oleh kurangnya pengetahuan pemimpin-pemimpin itu sesuai dengan perubahan masa. Setengah wakil rakyat tidak dapat memberi petunjuk bagi mengatasi masalah ekonomi sesebuah keluarga atau mencarikan tempat pendidikan yang sesuai bagi satu-satu bakat yang tertentu. Juga dalam usaha mengubah sikap, fikiran yang bersifat analisa (analitikal) tidak cukup sempurna tanpa pengetahuan yang luas. Kerana kurangnya pengetahuan, pemimpin-pemimpin ini akan melahirkan cadangan-cadangan yang salah bagi mendekati masalah-masalah hidup mereka. Penghuraian tentang satu-satu peristiwa atau keadaan-keadaan di tanahair atau di luar tanahair jarang berdasarkan cara-cara yang saintifik atau logik. Melalui pimpinan yang terbuka ini amat sukar sekali bagi memberi kesan perubahan sikap lama kepada sikap baharu.

Pimpinan melalui persatuan lebih besar kesannya daripada pimpinan terbuka tadi. Dapat dilihat pengkhususan. Ahli-ahlinya mempunyai kepentingan yang sama dan mengetahui dengan dekat akan rupa pimpinan yang dapat diperolehi dari persatuan itu. Persatuan Ibubapa khusus bagi pendidikan, Persatuan Petani khusus bagi kerjasama dalam bertani, Persatuan Pekebun Kecil khusus untuk nasihat dalam

masalah yang menghadapi pekebun kecil, Persatuan Pemuda Pemudi dalam soal sosial dan Persatuan Guru dalam berkepentingan mendapatkan keadilan dalam gaji dan layanan dan memperbaiki keadaan hidup mereka secara berkelompok. Tetapi oleh kerana kurangnya persatuan yang dapat memimpin masyarakat marhain seperti Persatuan Ibubapa, Persatuan Pekebun Kecil dan sebagainya maka masyarakat marhain hanya terbuka kepada pimpinan yang longgar daripada orang perseorangan yang dianggap oleh mereka mempunyai kedudukan yang istimewa dalam masyarakat itu. Kurang sekali adanya pimpinan yang teratur dalam mengarahkan mereka menukar sikap hidup. Tidak teraturnya pimpinan ini wujud dalam segala bidang kehidupan — ekonomi, pendidikan, agama dan kesenian.

Lebih malang bagi penduduk luarbandar ialah kurangnya peluang bagi mereka mendapatkan pimpinan dari anak tempatan yang berpendidikan tinggi. Boleh dikatakan seluruh anak masyarakat yang telah mencapai pendidikan tinggi, guru, pegawai dan sebagainya dengan kerelaan sendiri atau oleh arahan-arahan pemerintah akan meninggalkan kampung mereka, jauh dari peluang memberi pimpinannya. Anak-anak tempatan yang seperti inilah lebih mengenal masalah jiwa dan lahir masyarakat itu.

Oleh kerana tidak adanya pimpinan-pimpinan yang teratur melalui persatuan atau badan kebajikan atau biro nasihat dalam segala bidang kehidupan mereka, agak sukar bagi kita menentukan hari depan masyarakat kampung dalam peredaran yang cepat meninggalkan mereka. Mungkin mereka akan terus menanamkan sikap hilang harapan untuk menang (defeatist) dalam menghadapi berbagai cabaran zaman.

Cuma kita dapat mengharapkan ramai anak tempatan yang berpendidikan tinggi mengambil inisiatif memimpin dan mengikut pembaharuan. Diharapkan juga munculnya badan kebajikan seperti Persatuan Ibubapa, Persatuan Pekebun-Pekebun Kecil, Persatuan Penternak-penternak Kecil dengan bimbingan dari pegawai yang berpengalaman dari jabatan tertentu. Ramai hendaknya muncul pemimpin-pemimpin yang meletakkan kepentingan kemajuan seluruh masyarakat kampung di hadapan lain-lain kepentingan yang menguntungkan diri sendiri. Dengan jalan ini sahaja kita dapat

meyakini timbulnya satu sikap baharu dan tenaga yang bernyala-nyala mengejar kemajuan dan bergerak senada dengan gerakan zaman moden.

Dewan Masyarakat,
Oktober, 1966.

27

PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN

Abdullah Sanusi Ahmad

Pentadbiran adalah satu daripada aspek aktiviti-aktiviti kerajaan. Aktiviti kerajaan inilah yang sentiasa mempunyai hubungan yang amat rapat dengan kehidupan rakyat.

Boleh dikatakan pentadbiran memainkan peranan penting dalam kehidupan rakyat, kerana rakyat terlibat di dalamnya sejak lahir hinggalah meninggal dunia. Misalnya kelahiran seorang bayi mestilah didaftarkan namanya. Malahan di zaman serba berubah ini, seorang ibu yang mengandung mendapat perhatian kerajaan, kerana ibu itu terpaksa diberi nasihat dan pertolongan berkenaan kesihatannya dan anak yang akan dilahirkannya. Kerana itulah klinik-klinik kesihatan didirikan oleh pentadbiran Kementerian Kesihatan. Seterusnya apabila anak-anak itu kian dewasa pentadbiran kerajaan akan menyediakan kemudahan persekolahan dan selanjutnya peluang-peluang bekerja akan dibuka pula dengan kemudahan seperti perumahan, insuran, kumpulan wang pekerja dan sebagainya. Bagi yang tua dan tidak mempunyai tempat kediaman yang tetap, diadakan pula rumah-rumah kebajikan masyarakat.

Bukan perkara-perkara yang tersebut di atas sahaja yang dikelolakan oleh pentadbiran kerajaan tetapi juga aktiviti-

aktiviti yang dapat memberikan kemudahan kepada rakyat keseluruhannya. Aktiviti-aktiviti yang dimaksudkan ialah pembinaan jalan-jalan raya, keretapi, pusat-pusat pembekalan letrik dan air, kemudahan perhubungan dan lain-lain jenis pengangkutan. Semuanya ini adalah terkandung dalam urusan pentadbiran kerajaan dengan tujuan mewujudkan suasana yang sesuai untuk pembangunan negara sepenuhnya.

Oleh itu nampak sangat bahawa peranan pentadbiran pada zaman lampau, iaitu menjaga keamanan negara, sudah jauh berubah kepada peranan yang lebih luas dan mendalam seperti yang tersebut di atas.

Pentadbiran yang ada di Malaysia boleh dibahagikan pada beberapa peringkat: pentadbiran peringkat pusat, pentadbiran peringkat negeri, pentadbiran peringkat daerah, pentadbiran badan-badan berkanun dan pentadbiran pertubuhan sukarela yang separuhnya mendapat bantuan kerajaan. Semuanya bergerak untuk memberikan khidmat kepada rakyat

Yang menjalankan pentadbiran dan pengurusan dalam pemerintahan kita ialah kakitangan kerajaan yang biasanya dikenali dengan istilah perkhidmatan awam. Memandang kepada tugas-tugas yang semakin bertambah yang dipikul oleh perkhidmatan awam sekarang, kita akan bertanya sejauh manakah pegawai-pegawai yang menjalankan pentadbiran dan pengurusan sekarang sudah mendapat latihan yang seimbang? Dan sejauh manakah corak dan susunan pentadbiran sudah berubah sehingga membolehkan sistem ini benar-benar memikul kehendak pentadbiran dan pengurusan moden. Sayogia diingat bahawa susunan dan corak pentadbiran yang ada sekarang berasas pada tahun-tahun ke-1880an, iaitu pada masa pentadbiran penjajah British dahulu.

Memanglah jelas bahawa kerajaan sekarang merancang untuk membangunkan keadaan ekonomi dan soisal negara ini. Sudah ada kesedaran hendak meninggikan taraf hidup dan menyamaratakan pendapatan rakyat untuk membentuk masyarakat yang lebih sempurna. Ini bermakna rakyat mengharapkan layanan yang berlainan daripada yang pernah dialaminya dalam masa pemerintahan lama. Rakyat berkehendakkan tenaga pentadbiran yang dinamik yang dapat meninggikan taraf hidup mereka dari segi ekonomi dan sosial.

Tetapi sekarang ini susunan pentadbiran kita belum lagi banyak berubah. Pentadbiran sekarang pernah dibidas sebagai

pentadbiran yang ketinggalan zaman yang menggunakan cara dan sistem bekerja yang sudah lapuk. Sebuah kerajaan yang merdeka seperti Malaysia berkehendakkan satu sistem pentadbiran yang boleh memberi perkhidmatan cepat dan berkesan. Rakyat berkehendakkan pentadbiran yang lebih berkebolehan menghasilkan kerja yang bermutu. Sudah jelas bahawa pembangunan ekonomi dan sosial yang ada sekarang bekehendakkan para pentadbir dan satu organisasi pentadbiran yang lebih sesuai dengan tugas-tugasnya. Sungguhpun usaha-usaha membangunkan ekonomi dan sosial dijalankan pesat, tetapi malangnya sistem dan corak pentadbiran tidak banyak diubah.

Sekarang ini beberapa teknik dan peralatan baru seperti perkakas pejabat dan mesin-mesin moden dan komputer telah digunakan dalam pentadbiran. Tetapi cara dan kebiasaan bekerja yang sudah berpuluh-puluh tahun lamanya masih digunakan lagi. Kajian yang meluas tidak dibuat untuk menentukan guna atau tidak bergunanya sistem pentadbiran lama itu. Dengan lain perkataan rancangan-rancangan ekonomi dan sosial kita sekarang dikelolakan oleh satu susunan pentadbiran yang sudah ketinggalan zaman. Sebagai contoh ambil sahaja keadaan pejabat-pejabat Daerah sekarang. Pernahkah disoal bahawa organisasi serta cara-cara bekerja yang ada di Pejabat Daerah kini sesuai untuk zaman pembangunan sekarang? Inilah institusi kerajaan yang rapat sekali pada rakyat. Pejabat-pejabat Daerah bukan lagi menjadi tempat rakyat mendapat surat denda dan tempat membayar cukai tanah sahaja. Dulu, rancangan-rancangan raksaksa pembangunan tanah tidak ada dan penduduk pun belum begitu banyak. Sekarang melalui wakil-wakilnya rakyat mengambil bahagian mewujudkan rancangan-rancangan pembangunan yang sesuai dengan kehendak mereka. Tetapi organisasi yang melaksanakan rancangan-rancangan itu belum berubah secara dinamik. Tentu sekali ini tidak diingini. Apa gunanya ada rancangan-rancangan yang indah dan besar kiranya tidak dapat dijalankan untuk kebajikan rakyat di ceruk daerah? Di peringkat daerahlah yang nyata sama ada usaha dan tenaga yang digunakan untuk membuat rancangan itu benar-benar berkesan dan berhasil. Untuk maksud ini, satu struktur dan corak baharu hendaklah dikendalikan di peringkat daerah.

Di peringkat Negeri dan Kementerian juga pembaharuan

struktur dan corak penting dilakukan. Adakah perhubungan pentadbiran negeri dan pusat baik penyelarasannya? Di bahagian dan aspek manakah perhubungan kedua jenis pentadbiran itu boleh diperbaiki serta dieratkan untuk memusatkan tenaga pentadbiran? Jika tidak ada penyelarasan dan kerja-kerja pentadbiran maka banyaklah tenaga dan wang ringgit terbuang. Pernahkah kajian secara sistematik dibuat tentang susunan pentadbiran Negeri dan Kementerian sejak diwarisi dari penjajah lebih kurang 80 tahun dahulu? Selain dari itu banyak lagi soalan yang berkaitan dengan pentadbiran yang mesti disemak semula. Beribu peraturan dan borang berkanun telah disediakan selama ini. Tetapi adakah percubaan yang teratur dibuat untuk menikmati perkara-perkara itu sama ada masih sesuai dengan kehendak-kehendak sekarang.

Selain daripada soal-soal organisasi, sistem dan cara-cara bekerja ada lagi soal-soal lain yang penting, iaitu (i) kelulusan (ii) kemahiran pengurusan (iii) sikap pentadbir, dan (iv) kesedaran dan peranan seorang pentadbir dalam jawatan dan tingkat tugasnya.

Berkenaan dengan kelulusan yang dimaksudkan ialah pengambilan pegawai-pegawai dan menempatkan mereka pada jawatan yang sesuai. Pada masa yang sudah-sudah soal penempatan tidak banyak dipertimbangkan. Setengah-setengah jawatan berkehendakkan pegawai yang mempunyai kelulusan khas. Misalnya, jawatan-jawatan di dalam Perbendaharaan dan di Bahagian Perancang Ekonomi berkehendakkan pegawai-pegawai yang berijazah ekonomi dan berpengalaman. Tentu tidak begitu sesuai jika jawatan-jawatan itu diisi oleh orang yang mempunyai ijazah lain daripada ekonomi. Di sini tidaklah dimaksudkan orang yang berijazah Sastra (Arts) tidak mempunyai tempat di dalam perkhidmatan. Mereka ini termasuk dalam golongan umum (generalist). Banyak jawatan yang perlu diisi oleh generalists ini. Yang menjadi soal ialah menentukan imbangan sebanyak mana spesialis dan sebanyak mana generalis dikehendaki dalam pentadbiran yang dinamik. Perkara ini memang menjadi soal rumit bukan sahaja di negeri-negeri sedang membangun, tetapi juga di negeri-negeri maju. Di Britain misalnya, lebih 75% daripada pentadbir-pentadbir tinggi adalah dari golongan generalist; biasanya mereka mendapat kelulusan dari University Oxford dan Cambridge (Ox-bridge) dan dari

University London. Keadaan ini memang tidak memuaskan pihak yang berkuasa dan satu perubahan mungkin berlaku di dalam perkhidmatan pentadbiran di United Kingdom. Pada masa ini sebuah jawatankuasa besar yang bernama Fulton Committee sedang mengkaji perjalanan pentadbiran sekarang dengan tujuan membuat perubahan yang lebih sesuai.

Setengah-setengah jawatan memerlukan latihan istimewa, misalnya di dalam hal yang berkaitan dengan peng-urusan perindustrian. Oleh itu satu sistem latihan mustahak-lah diadakan.

Kebanyakan daripada pentadbir-pentadbir kita di masa yang lalu tidak mendapat latihan berkenaan pentadbiran. Mereka terus masuk berkhidmat. Oleh itu mereka terpaksalah belajar dari pegawai-pegawai yang ada di pejabat (on the job training). Sedikit sahaja yang berpeluang mendapat latihan di dalam atau di luar negeri. Nampaknya kerajaan sekarang sudah sedar akan mustahaknya aspek latihan ini dan semakin banyak pegawai dihantar berlatih tiap-tiap tahun. Pegawai-pegawai yang terlatih sudah tentu akan dapat mencapai ke-tinggian mutu pekerjaan. Selain dari itu pegawai yang masak dalam latihan akan dapat mencapai tingkat kejimatan (achieve economy) dalam menjalankan pekerjaannya serta menghasilkan kecekapan pekerjaan.

Dalam menghadapi pekerjaan, soal yang besar ialah sikap pentadbir-pentadbir. Ada dua cara menjalankan tugas yang diserahkan padanya: Pertama membuat pekerjaan sehari-hari sahaja (routine work) mengikut aturan-aturan yang ada; dan kedua bekerja dengan lebih menggunakan fikiran, menimbangkan sama ada kerja itu boleh dibuat dengan lebih baik dan sempurna daripada yang biasa. Dengan lain perkataan pentadbir itu bersikap suka menyoal (inquiring mind) dan tidak takut mengemukakan idea-idea baharu untuk kepentingan pekerjaan keseluruhannya. Dalam men-jalankan tugas janganlah selalu mengalah apabila bekalan untuk pejabat tidak mencukupi. Dengan apa yang ada pen-tadbir yang bijak dan cergas tentu dapat mengeluarkan hasil kerja yang memuaskan. Soalnya ialah sikap dan perasaan mahu berbakti serta kejujuran. Seseorang pekerja tentu men-dapat gajinya tiap-tiap bulan sama ada ia bekerja seperti biasa atau bekerja dengan lebih tekun dan cekap. Di sinilah timbul-nya soal sikap tadi. Yang patut diingat ialah sekarang ini

pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja bukan bertugas untuk pemerintahan kolonial tetapi adalah untuk pemerintahan kerajaan yang merdeka.

Dalam pentadbiran kerajaan selepas merdeka tidak boleh dipakai lagi pendapat bahawa peranan terpenting para pentadbir ialah "membuat apa yang disuruh buat" (to do what he is told to do) oleh pihak yang berkuasa. Ini adalah pendapat lama. Dalam banyak aspek, kerajaan terpaksa mendapatkan tenaga pentadbir, bukan sahaja untuk pentadbiran biasa tetapi juga dalam hal membuat dan menjalankan polisi.

Oleh yang demikian peranan yang dimainkan oleh para pentadbir tinggi dalam kerajaan yang sedang membangun sangat besar. Rancangan raksaksa kerajaan, polisi-polisi yang berkaitan dengannya serta penilaian projek yang sedang berjalan adalah tanggungjawab pentadbir-pentadbir tinggi. Tetapi adakah negara kita sekarang memiliki bilangan pentadbir-pentadbir tinggi yang mencukupi? Jika tidak apakah jalan yang sebaiknya untuk menambah bilangan yang ada sekarang? Dalam merancang ekonomi negara kita masih menggunakan pakar-pakar dari luar negeri untuk membantu para pentadbir bagi merancang ekonomi dan dalam beberapa pentadbiran yang berkaitan dengan perkara teknikal. Tentu sekali kita tidak ingin pakar-pakar ini terus berkekalan. Kadang kala kemahiran pakar-pakar itu tidak pula melebihi kemahiran anak-anak tempatan. Jadi yang menarik perhatian sekarang ialah meninggikan taraf kemahiran pentadbir kita supaya dapat menandingi pakar-pakar itu dan mengambil alih tempat-tempat mereka. Sekarang ini rancangan yang meluas belum ada untuk memberi latihan dalam ilmu-ilmu yang tertentu. Sungguhpun begitu kerajaan memang sudah berikhtiar meninggikan taraf kebolehan para pentadbir dalam pentadbiran, pengurusan, perancangan dan lain-lain lagi. Diharap tenaga yang lebih ditumpukan ke arah ini untuk menghasilkan pentadbiran yang lebih cekap.

Di peringkat pentadbiran perhubungan rapat dengan ketua-ketua Kementerian memainkan peranan yang sangat penting untuk mendapatkan kerjasama pegawai-pegawai bawahan supaya tujuan Kementerian itu tercapai. Mereka bertanggungjawab mendorong wujudnya sikap baharu; menanamkan sifat-sifat kreatif, menyelaraskan dan mengawal

pekerjaan di jabatan-jabatan di bawah sesuatu kementerian supaya terbentuk satu kelompok anggota yang betul-betul bertugas untuk mencapai tujuan kementerian itu.

Orang ramai beranggapan apabila pegawai itu menjadi ketua jabatan atau setiausaha kementerian maka kerja mereka pun kurang. Ini adalah satu sangkaan yang salah. Timbulnya tanggapan ini di kalangan rakyat adalah akibat dari keangkuhan dan sikap pentadbir di zaman sebelum merdeka dulu. Tidak pula dinafikan kemungkinan adanya ketua jabatan yang seperti itu sekarang. Golongan inilah yang hendak disingkirkan kerana dalam pembangunan ekonomi dan sosial, negara berkehendakkan tenaga para pentadbir yang tekun, jujur, cekap, ada inisiatif dan berdaya-cipta; sanggup memikul beban kerja, tahu pula membahagikan serta mengawal kerja dan kuasa di kalangan pegawai-pegawai di bawahnya dan dapat mencapai tujuan juga polisi jabatan. Sepatutnya tidak ada lagi pentadbir-pentadbir tinggi yang hanya pandai membahagikan kerja dan kuasa kepada pegawai-pegawai di bawahnya tanpa dia sendiri sanggup memainkan peranan penting dalam Jabatan. Pegawai seperti ini adalah mereka yang masih tidak faham akan tugas ataupun merupakan golongan yang tidak secocok lagi dengan kehendak zaman pembangunan sekarang.

Secara kasar apa yang dikehendaki daripada ketua Jabatan dan Kementerian ini ialah supaya mereka memainkan peranan yang lebih penting dalam melaksanakan serta menguruskan institusi yang mereka kelolakan.

Sebagai penasihat kepada Menteri dia mesti mengetahui dengan rapi segala tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya supaya dapat memberi nasihat bila sahaja dikehendaki. Segala masalah Jabatan/Kementeriannya hendak dianalisa dan ada setengah perkara dia dikehendaki membuat keputusan. Peranan membuat keputusan adalah satu peranan yang amat penting yang dipunyainya. Untuk menjalankan peranan ini dengan sempurna ia memerlukan lapuran, butir-butir dan penerangan berkenaan segala projek kementerian dengan cepat dan bila sahaja dikehendaki. Tidak ada gunanya mengumpulkan butir keterangan yang banyak dan elok tetapi tidak tersedia bila hendak membuat keputusan. Oleh itu sistem penerangan hendaklah teratur, sempurna dan tersedia bila dikehendaki.

Sebagai pengurus dia hendaklah tahu mengumpulkan bahan-bahan untuk mencapai kejayaan-kejayaan dalam tugas-tugas. Dia mesti ada kebolehan mengurus sesuatu organisasi, kakitangannya dan lain-lain hal yang bersangkutan dengan pejabat.

Selain dari itu dia patut menyediakan rancangan tertentu untuk menjayakan projek-projeknya dan seterusnya dapat membuat perubahan-perubahan pada rancangan-rancangan itu mengikut kehendak Menteri. Ia juga hendaklah kerap memberi perhatian kepada kehendak-kehendak golongan pendesak kerana mereka boleh mempengaruhi polisi dan rancangan kerajaan.

Jelaslan bahawa tugas pentadbir-pentadbir tinggi itu bukan menjadi boss dalam ertikata yang selalu dianggap umum. Amat besar peranan yang dimainkan oleh mereka. Soalnya ialah sudahkah kita mempunyai bilangan pegawai-pegawai tinggi yang cukup mempunyai kebolehan dan kesanggupan seperti yang dikehendaki. Pada keseluruhannya adalah dicita-citakan agar kehidupan rakyat meningkat ke taraf yang lebih tinggi. Ini menjadikan tugas pentadbir lebih rumit kerana masalah yang dihadapi bukan sahaja banyak malahan berbagai pula coraknya.

Untunglah masalah ini sudah disedari oleh kerajaan sekarang. Langkah-langkah telah pun diambil untuk mengatasinya. Kursus-kursus dan seminar-seminar yang menitikberatkan berapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh golongan pentadbir-pentadbir kerap diadakan. Tetapi usaha-usaha ke arah ini rasanya belum mencukupi dan belum begitu meresap kesannya. Usaha yang lebih giat hendaklah dijalankan lagi.

Perhubungan para pentadbir dengan ahli-ahli politik sangat erat di peringkat kementerian. Di peringkat negeri dan daerah perhubungan itu masih kuat tetapi meliputi soal-soal yang berat sahaja seperti tujuan-tujuan dan polisi-polisi negara ke seluruhnya. Tidak dapat dinafikan bahawa kesefahaman yang tegas dikehendaki antara peranan yang dimainkan oleh para pentadbir dan ahli politik. Di negeri kita para pentadbir adalah terkecuali dari menyebelah apa-apa faham politik. Dalam lain perkataan dari segi politik perkhidmatan awam adalah terkecuali (neutrality of the civil service). Keadaan ini berlainan sedikit, misalnya, dari keadaan per-

khidmatan awam di Amerika Syarikat juga di Sweden di mana setengah-setengah pegawai tinggi pentadbiran adalah mereka yang kuat menyokong parti yang memerintah. Oleh itu perjalanan pentadbiran di negeri kita di setengah-setengah peringkatnya mempunyai unsur, yang boleh membawa salah faham antara kedua golongan. Khususnya apa yang dimaksudkan ialah campurtangan oleh setengah-setengah ahli politik (politik interference) dalam pentadbiran di peringkat daerah yang sering meruncing dan mencetuskan pertelingkahan. Puncanya ialah kejahilan mereka tentang batas kuasa dan peranan yang dimainkan oleh pentadbiran. Sudah tentu sengketa seperti ini tidak membawa apa-apa keuntungan dari segi pembangunan. Malahan ini mungkin menelorkan sikap tidak menghargai antara kedua-dua pihak dan mensia-siakan usaha-usaha pembangunan.

Sering berlaku di peringkat daerah ahli-ahli politik yang berpendapat bahawa oleh kerana mereka dalam parti yang memegang teraju pemerintahan maka ia berhak membuat sesuatu yang berkaitan dengan pentadbiran tanpa menghiraukan kedudukan para pentadbir. Apa yang patut diingat ialah setiap parti akan mengalami proses patah tumbuh hilang berganti, tetapi para pentadbir tetap mentadbir juga. Ia tidak menyebelah ke mana-mana. Yang menjadi panduan pada mereka ialah undang-undang, aturan dan peraturan yang diluluskan oleh pihak yang berkuasa. Sekiranya setengah-setengah ahli politik daerah tidak bersetuju dengan beberapa bahagian dalam peraturan yang ada, maka tindakan yang patut diambil bukanlah mempengaruhi para pentadbir agar mengenepikan sahaja peraturan-peraturan itu dan memberi layanan istimewa kepada perkara yang dikemukakan, tetapi ialah untuk berusaha meminda peraturan-peraturan itu. Di pihak para pentadbir pula, usaha hendaklah dibuat untuk mendapatkan kerjasama ahli-ahli politik itu. Perkara yang kurang difahami oleh ahli-ahli politik hendaklah dijelaskan. Ambil yang jernih buang yang keruh. Apa-apa kekecohan yang wujud antara para pentadbir dan ahli-ahli politik tidak akan membawa keuntungan kepada usaha membangunkan negara. Biasanya hal ini timbul kerana tidak adanya penghargaan peranan yang dimainkan oleh masing-masing pihak jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lebih maju di Barat, pada hemat saya, rakyat negeri kita umumnya belum

begitu matang bermain politik. Oleh itu persefahaman yang lebih dikehendaki antara dua golongan itu.

Nyatalah bahawa perkembangan pentadbiran adalah sangat diperlukan jika usaha-usaha pembangunan negara dikehendaki mencapai matlamat-matlamatnya. Beberapa aspek pentadbiran masih belum seimbang perkembangannya dengan usaha-usaha yang ditumpukan kepada pembangunan. Lebih maju perkembangan pentadbiran lebih berjaya lagi pergerakan dan usaha-usaha pembangunan. Sementara itu golongan-golongan yang berkaitan rapat dengan pentadbiran dan pembangunan hendaklah bekerjasama dan mengeratkan perhubungan supaya tenaga tidak terbuang kepada usaha-usaha yang tidak produktif. Tujuan besar pentadbiran dan pembangunan ialah meninggikan taraf kedudukan rakyat.

Dewan Masyarakat,
Mei, 1968.

28

SEJARAH PEJUANG KEBANGSAAN

Raja Mohammad Afandi

Sebelum kita membincangkan faham kebangsaan di Malaya eloklah kita tinjau sedikit istilah faham kebangsaan, asal usulnya dan keadaan faham kebangsaan di Asia Tenggara. Mengikut *Encyclopedia Americana,* faham kebangsaan ialah satu keadaan fikiran yang terdapat pada satu kumpulan manusia yang mempunyai satu kebudayaan dan satu sejarah, diam bersama di satu daerah yang tertentu, dan mempunyai satu kepercayaan bahawa mereka mempunyai tujuan serta nasib yang sama. Ahli-ahli kumpulan itu mempunyai perasaan bahawa ia dipunyai oleh kumpulannya. Oleh itu ia ingin memberi sumbangan kebajikan kepada kumpulan itu seperti kemerdekaan, kemegahan, kesenangan dan kekuatannya.

Faham kebangsaan mula timbul di Eropah Barat dan di Amerika Utara apabila pegangan agama terhadap kehidupan masyarakat mulai lemah. Orang Eropah tidak lagi menganggap mereka ahli dalam satu kerajaan Kristian (Christendom) yang meliputi semua Eropah sebagaimana dalam zaman pertengahan. Faham kebangsaan timbul di Eropah Barat? England dan Perancis dan Amerika Utara sebagai satu gerakan 'liberal' iaitu satu gerakan membebaskan rakyat jelata dari pemerintahan sewenang-wenang oleh raja-raja dan mengisytiharkan kedaulatan rakyat.

Dorongan faham kebangsaan ini mulanya datang dari kaum intelek dan apabila ia menjalar kepada rakyat jelata baharulah ia meletuskan satu gerakan yang hebat yang boleh menumbangkan pemerintah. Gerakan ini menjalar ke Eropah Tengah, Eropah Timur, Amerika Selatan, Asia dan Afrika. Oleh sebab rakyat di sini diperintah oleh bangsa asing, gerakan faham kebangsaan lebih menitikberatkan kemerdekaan kebangsaan daripada kebebasan perseorangan. Oleh itu hilanglah ciri-ciri demokrasinya. Jadi, makna faham kebangsaan kepada orang Eropah adalah berbeza dari apa yang dimaknakan oleh orang Asia dan Afrika.

Kemerdekaan kebangsaan tidak menjamin kebebasan perseorangan atau pun kebebasan kaum-kaum kecil. Faham kebangsaan membentuk ahli-ahli kumpulan itu mempunyai perasaan bahawa mereka berbeza dari kumpulan lain dan mereka mahu persamaan dalam semua hal dalam kumpulan itu. Mereka mahu menghapuskan perbezaan yang ada dalam kumpulan mereka supaya kumpulan itu dipandang orang sebagai satu. Oleh itu percakapan, fikiran dan pandangan hidup yang berbeza dari apa yang dianut oleh pemerintah tidak dibenarkan, untuk menjamin perpaduan kebangsaan (nasional solidarity).

Selepas kurun ke-18, faham kebangsaan kebudayaan pula muncul, iaitu kumpulan-kumpulan yang mahu bukan sahaja kemerdekaan politik, tetapi juga kemerdekaan kebudayaan. Gerakan ini dipelopori oleh von Herder di Jerman. Ia mahu orang-orang Jerman membebaskan kebudayaan Jerman dari belenggu kebudayaan Perancis. Dari sinilah mulanya muncul tugas kerajaan sebagai pendidik rakyat. Dalam Kurun 20, nampaknya selepas banyak negeri-negeri yang telah mendapat kemerdekaan politik dan kemerdekaan kebudayaan, mereka mahu pula kemerdekaan ekonomi. Faham kebangsaan ekonomi seperti ini dipelopori oleh Rusia.

Orang-orang yang menganut faham kebangsaan yang fanatik percaya bahawa mereka mempunyai satu tugas untuk menunjukkan keagungan bangsa mereka dan mereka percaya bangsa mereka lebih dari bangsa-bangsa yang lain.

Perasaan seperti ini membawa kepada *cauvinisme* (faham kebangsaan yang sempit) yang mungkin akan menimbulkannya seperti yang dibuktikan oleh kaum Nazi di Germany. Faham kebangsaan yang sihat ialah seperti faham

kebangsaan orang Swiss. Mereka sanggup mati mempertahankan kemerdekaan mereka tetapi mereka menghormati kemerdekaan orang lain.

Di Asia Tenggara, "faham kebangsaan ialah hasil daripada gabungan pengaruh agama, politik, intelek dan ekonomi. Pertembungan dengan Barat membawa revolusi ekonomi, intelek, agama dan sosial dalam masyarakat tradisional." Demikianlah pendapat L.A. Mills. Pemimpin-pemimpin kebangsaan Asia Tenggara, kebanyakannya berpendidikan Barat, cuba membaiki kepincangan dalam masyarakat dari segi ekonomi dan sosial. Dalam usaha-usaha mereka itu, mereka terjumpa dua batu penghalang yang besar iaitu kaum penjajah dan kaum feudalnya sendiri yang diperalatkan oleh penjajah. Oleh itu mereka pun memusingkan tenaga mereka untuk menghancurkan halangan-halangan ini mencapai cita-cita asal mereka.

Dalam perjuangan pemimpin kebangsaan yang bertahun-tahun, timbullah kesedaran dalam hati rakyat (yang dahulunya berpecah-belah, yang lebih mementingkan kepentingan kedaerahan) bahawa mereka dari satu masyarakat yang senasib. Yang jadi pengikat mereka ialah satu bahasa, kebudayaan, agama atau sejarah. Penderitaan bersama dalam perjuangan melawan satu musuh, iaitu penjajah, membuat mereka mengenepikan perbezaan kedaerahan dan bertindak sebagai satu bangsa. Penderitaan bersama membuat perpaduan rakyat dan ini meletuskan satu faham kebangsaan.

Tetapi Malaysia tidaklah begitu. Oleh kerana satu keadaan sejarah yang luar biasa, Malaya mempunyai bukan satu faham kebangsaan tetapi tiga faham kebangsaan yang utama iaitu faham kebangsaan Melayu, faham kebangsaan China dan faham kebangsaan India. Kemudian ketiga-tiga faham kebangsaan ini menjadi faham kebangsaan perikatan dan dari situ ia diharap akan mulai menjadi satu faham kebangsaan Malaysia yang sejati. Faham kebangsaan di Malaysia boleh dibahagi kepada dua peringkat — sebelum perang dunia yang kedua ialah zaman faham kebangsaan dari luar dan selepas perang dunia yang kedua ialah zaman faham kebangsaan dari dalam.

Sebelum perang dunia yang kedua faham kebangsaan Cinalah yang mula muncul, iaitu perasaan taat kepada bangsa dan negeri China. Mulai dari tahun 1900, Sun Yat Sen, bapa

kemerdekaan China, mengunjungi Malaya dan menanam kesedaran dalam hati orang-orang China. Ia meminta bantuan wang, kerana orang-orang China di sini kaya-kaya, untuk menumbangkan kerajaan Mancu di China. Ia telah mendirikan cabang gerakan Tung Meng Hui di Singapura. Selepas Revolusi China dalam tahun 1911, ramai orang China Malaya pergi ke negeri China untuk sama berjuang dan yang tiada pergi memberi sumbangan wang. Konsep faham kebangsaan China ini, diajar sebagai satu mata pelajaran di sekolah-sekolah China. Pertelingkahan antara Parti Komunis dan Parti Kuo Ming Tang (Parti Kebangsaan China) yang bermula di negeri China menjalar ke Malaya, bila Parti Komunis ditubuhkan dalam tahun 1927, di Malaya. Untuk menjaga keselamatan, pemerintah British telah membubarkan kedua-dua cabang parti itu di Malaya dalam tahun 1930, tetapi gerakan mereka tinggal hidup sebagai perkumpulan peniaga dan kongsi-kongsi. Mereka masih menghantar wang ke negeri China dengan nama yang lain. Misalnya, dalam tahun 1937, Kumpulan Wang Membantu China telah dihantar ke China untuk orang China melawan pencerobohan Jepun.

Kemudian muncul pula faham kebangsaan Melayu, tetapi tidak sehebat faham kebangsaan China. Faham kebangsaan ini timbul dari dua pihak. Satu pihak ialah apabila penuntut-penuntut Melayu pulang dari Tanah Arab dan Masir. Mereka dipengaruh oleh gerakan pembaharuan faham Islam dan Pan-Islamisme Jamaludin Al-Afghani dan Mohammad Abduh. Pemimpin gerakan ini di Malaya ialah Syed Sheikh Al-Hadi dan Sheikh Tahir Jalaludin. Mereka hendak membaiki kepincangan dalam masyarakat Melayu menerusi pembaharuan faham agama. Tetapi, sebelum faham-faham mereka berakar umbi di kalangan rakyat jelata dan meletuskan revolusi sosial, mereka telah ditentang hebat oleh ulama-ulama golongan tua yang bersandarkan kekuasaan raja-raja Melayu. Misalnya Sheikh Tahir Jalaludin telah dihalau keluar dari Johor dan Perak oleh Sultan. Sungguh pun gerakan mereka lebih merupakan gerakan pembaharuan faham agama, namun mereka telah menyedarkan rakyat Melayu tentang penjajahan Inggeris.

Dari satu pihak pula, faham kebangsaan Melayu muncul kerana kedatangan orang-orang Indonesia untuk bermastautin di Malaysia. Mereka sudah ada kesedaran faham kebangsaan

kerana di Indonesia sudah ada gerakan Syarikat Islam, Parti Nasional dan lain-lain, juga pemimpin-pemimpin Indonesia ada melawat Malaysia seperti Sukarno, Hatta dan Tan Malaka. Dari pengaruh-pengaruh ini timbullah gerakan faham kebangsaan untuk bersatu dengan pulau-pulau Melayu seperti Parti Kebangsaan Melayu.

Gerakan kebangsaan Melayu tidak sekuat gerakan faham kebangsaan China, kerana orang-orang Melayu kurang cekap dalam mengendalikan pertubuhan-pertubuhan dan orang-orang Melayu taat kepada raja dan raja pula mempunyai persetiaan dengan Inggeris dan di samping itu kehidupan di Malaysia mewah. Oleh itu tidak ada pendorong untuk bertindak. Kita mungkin bertanya mengapa kebanyakan orang Melayu yang berpendidikan Inggeris tidak giat dalam gerakan faham kebangsaan? Ini mungkin disebabkan mereka takut kerja mereka hilang.

Faham kebangsaan India timbul disebabkan perjuangan India. Kerana orang-orang India berselerak di Malaysia mereka tidak mendirikan pertubuhan yang kuat. Mereka hanya mengumpulkan wang untuk membantu parti-parti di India. Pada zaman penjajahan Jepun, Subhas Chandra Bose telah menubuhkan *Indian National Army* (Askar Kebangsaan India) dengan bantuan Jepun di Singapura untuk membebaskan India dari penjajahan Inggeris. Inilah satu-satunya pertubuhan kebangsaan India yang kuat di Malaysia.

Kesimpulannya faham kebangsaan telah wujud di Malaysia, tetapi ia merupakan satu gejala dari luar. Penganut-penganut faham kebangsaan China dan India, masing-masing mempunyai ketaatan ke negeri asal mereka sementara penganut-penganut faham kebangsaan Melayu mempunyai ketaatan ke Malaysia sambil mahu bersatu dengan gugusan pulau-pulau Melayu. Faham kebangsaan-kebangsaan ini berdasarkan ras dan bukan berdasarkan negara. Wujudnya ketiga-tiga bentuk faham kebangsaan ini menghalang munculnya satu faham kebangsaan Malaysia yang tulin kerana tiap-tiap bangsa memikirkan kepentingan negara dari segi bangsanya dan bertanggungjawab kepada bangsanya sahaja, bukan dari segi negara Malaysia tempat mereka hidup dan mencari kekayaan.

Perang Dunia Yang Kedua dan penjajahan Jepun di Malaysia menjadi satu masa pemisah bagi gerakan faham ke-

bangsaan. Dalam masa ini, gerakan kebangsaan China disalurkan mengikut Parti Komunis Malaya, gerakan kebangsaan India disalurkan mengikut *Indian National Army* dan gerakan faham kebangsaan Melayu disalurkan mengikut Parti Kebangsaan Melayu — yang pertama melawan pemerintahan Jepun, tetapi yang kedua dan ketiga bersubahat dengan pemerintahan Jepun. Apabila penjajah Inggeris pulang ke Malaysia semua gerakan itu diharamkan.

Selepas itu baharulah timbul gerakan faham kebangsaan dari dalam negara. Sungguhpun ketiga-tiga bentuk faham kebangsaan itu masih ada, namun ketaatan orang-orang China dan India tiada lagi ke negeri asal mereka dan orang-orang Melayu pun tidak lagi ingin bercantum dengan gugusan pulau-pulau Melayu.

Yang mula muncul ialah faham kebangsaan Melayu dalam bentuk gerakan UMNO. UMNO ditubuhkan untuk menghapuskan Malayan Union dan menjaga hak ketuanan Melayu di Malaya dan menjaga kedaulatan raja-raja Melayu. Malayan Union ini ada juga faedahnya, kerana semua orang Melayu berasa terancam lalu mereka pun bersatu-padu menentangnya. Inilah satu-satunya faktor yang menyatukan orang-orang Melayu. Kalau dahulunya orang-orang Johor menganggap dirinya sebagai orang-orang Johor dan begitu juga orang-orang Kedah, selepas Malayan Union mereka lebih menganggap diri mereka orang Melayu. Semua pertubuhan politik Melayu bersatu dalam UMNO dalam tahun 1946 di bawah pimpinan Dato' Onn (Allah Yarham). Malayan Union pun tumbang ditentang oleh orang Melayu.

Pada tahun 1948, dharurat bermula di Malaya dan orang-orang China disyaki oleh kerajaan menolong Parti Komunis. Untuk menjaga kepentingan-kepentingan orang-orang China yang betul taat kepada Malaya, M.C.A. telah ditubuhkan oleh mendiang Dato' Tan Cheng Lok. Inilah kenyataan dari faham kebangsaan China yang taat kepada Malaysia dan mereka telah betul-betul menunjukkan ketaatan mereka kepada negara dalam masa dharurat.

Kemudian M.I.C. pula ditubuhkan oleh Dato' V.T. Sambanthan untuk menjaga kepentingan orang-orang India. Inilah kenyataan faham kebangsaan India yang taat kepada Malaysia.

Untuk menghapuskan dharurat dan mencapai kemer-

dekaan, ketiga-tiga parti ini membuat satu parti perikatan di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman. Gerakan inilah yang dikatakan faham kebangsaan perikatan (Alliance Nationalism). Ini belum merupakan faham kebangsaan Melayu kerana masing-masing Parti lebih mementingkan Partipartinya. Sungguh pun mereka bertindak bersama, namun kerana keadaan sejarah Malaya yang luar biasa, nampaknya faham kebangsaan Perikatan itu mustahak ada sebelum timbulnya satu Faham Kebangsaan Malaya. Masing-masing kaum tidak mahu menghilangkan kewujudan kaumnya. Ini jelas kelihatan dalam tahun 1959. Kemudian Dato' Onn cuba mengusulkan kaum-kaum lain masuk ke dalam UMNO, tetapi usulnya telah ditentang, ia lalu keluar dari UMNO. Beliau kemudiannya cuba menubuhkan satu parti baharu Independence Malayan Party (Parti Kemerdekaan Malaya) yang ahlinya terdiri dari berbagai-bagai kaum, tetapi usahanya gagal. Rakyat belum lagi bersedia untuk mengikutnya kerana belum ada satu faham kebangsaan Malaya.

Faham kebangsaan perikatan telah berhasil mencapai Kemerdekaan Malaya dan juga menubuhkan Malaysia. Sama ada ia akan bertukar menjadi satu faham kebangsaan Malaya (atau Malaysia) dan menjamin akan Kemerdekaan Malaya (Malaysia) bergantung kepada beberapa faktor. Yang pertama ialah mutu pemimpin-pemimpin. Pemimpin-pemimpin mestilah memikirkan kepentingan rakyatnya sebagai satu bangsa, bukan dari segi satu-satu kaum sahaja. Mereka mesti cuba mencari jalan untuk menelurkan satu faham kebangsaan daripada 3 faham kebangsaan itu. Mereka mesti jujur dan memenangi kepercayaan daripada 3 kaum, sebagaimana Tunku pada masa ini telah berjaya.

Faktor yang kedua, sistem pendidikan dan kebudayaan mestilah bercorak Malaysia. Peranan satu bahasa kebangsaan dalam faktor ini amatlah besarnya. Dengan satu bahasa, satu kesusastraan akan dibaca oleh semua rakyat. Pengaruh kesusastraan amatlah kuatnya dalam membentuk cara berfikir satu-satu masyarakat. Bila orang-orang China, India dan Melayu telah menulis, membaca dan bercakap dalam bahasa kebangsaan, hilanglah rasa curiga mencurigai antara satu sama lain yang timbul kerana masing-masing kaum tidak tahu akan hal kaum-kaum yang lain. Prasangka-prasangka yang timbul dari kejahilan masing-masing pun akan hilang. Perasaan saling

mengerti pun timbul dan ketiga-tiga masyarakat akan mula berfikir tentang kewajipan bersama terhadap negara. Mereka ingin hidup bersama serta tolong menolong dan bukannya hendak menindas satu-satu kaum. Inilah asas satu faham kebangsaan Malaysia yang sejati.

Faktor yang ketiga ialah kekalnya demokrasi berparlimen dan pemerintahan mengikut undang-undang di Malaysia. Kerana dengan adanya ini tiap-tiap kaum dan golongan merasa bebas untuk memajukan kepentingan kaum-kaumnya mengikut perlembagaan dan mereka tiada merasa tertindas. Dengan itu rasa bertanggungjawab akan timbul dan tidak ada punca-punca yang akan meletuskan revolusi kerana perasaan tidak puas hati yang timbul kerana ketidakadilan kaum yang memerintah.

Faktor yang keempat ialah pembangunan ekonomi dan menimbuskan jurang perbezaan ekonomi antara berbagai-bagai kaum supaya jangan timbul rasa tidak puas hati kaum yang rendah ekonominya. Kesusahan ekonomi selalunya meletuskan pemberontakan. Untuk menghindarkan ini, kerajaan mestilah membuat rancangan mencari perseimbangan ekonomi antara kaum-kaum dan juga meninggikan taraf hidup tiap-tiap rakyat jelata. Sama ada ini diusahakan mengikut dasar-dasar sosialisme atau kapitalisme kebajikan (Welfare Capitalism) tidak penting — yang penting ialah keadaan yang disebut itu mesti diwujudkan. Kalau tidak, buruk padahnya.

Faktor yang kelima ialah adanya keamanan dalam dan luar negeri kira-kira untuk satu generasi iaitu 30 tahun. Dengan adanya keamanan baharulah semua keempat-empat faktor itu dapat memberi kesan dan menelurkan satu faham kebangsaan Malaysia yang sejati. Sama ada satu faham kebangsaan Malaysia akan timbul dan Malaysia akan kekal wujud sebagai satu negara yang merdeka bergantung kepada ketabahan hati rakyatnya menghadap ancaman dari luar. Masa yang menentukannya.

Dewan Masyarakat,
November, 1964.